



TAYLOR'S
COLLEGE
Wisdom · Integrity · Excellence



BAHASA MELAYU

100 CONTOH KARANGAN SPM



1. CARA-CARA MEMUPUK AMALAN BERJIMAT CERMAT

'Lapan puluh peratus graduan lepasan universiti disenarai hitam' merupakan sebahagian daripada petikan akhbar arus perdana yang membuktikan sikap boros telah menyebabkan kerugian pada diri sendiri. Pada hari ini, sikap membazir dan boros juga semakin banyak terjadi sepanas ledakan teknologi yang berlaku pada alaf pandemik ini. Kita dapat melihat kegilaan masyarakat membeli barangan dalam talian sehingga syarikat-syarikat penghantar barangan menghadapi lambakan barangan yang hendak dihantar ke rumah pelanggan. Iklan-iklan di televisyen semakin kerap. Kesemua ini, menjadi faktor berlakunya pembaziran dan sikap boros dalam diri masyarakat. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk menyekat nafsu berbelanja dalam tempoh kritikal ini.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ibu bapa seharusnya mengambil peluang keemasan ini dengan memupuk amalan berjimat cermat kerana kebanyakan ibu bapa bekerja dari rumah. Mereka mestilah menjadi contoh kepada anak-anak dengan menunjukkan amalan berjimat cermat. Ibu bapa hendaklah memastikan anak-anak menutup suis lampu atau kipas apabila keluar dari bilik. Begitu juga dengan penggunaan air. Ibu bapa pula hendaklah menyediakan juadah untuk keluarga mengikut keperluan. Amalan ini dapat mengurangkan sikap suka membeli makanan di luar atau menempah makan secara dalam talian. Oleh itu, ibu bapalah menjadi penentu dalam memupuk amalan berjimat cermat.

Dari sudut yang berbeza pula, masyarakat juga dikatakan mampu memupuk amalan berjimat cermat. Masyarakat hendaklah menggalakkan aktiviti berjimat cermat seperti aktiviti jualan amal. Aktiviti ini akan memberi kesedaran kepada masyarakat, betapa beruntungnya mereka berada di kawasan yang jauh daripada malapetaka dan bencana alam. Oleh itu, mereka akan lebih menghargai dan menilai sesuatu barangan sebelum membeli barang. Tegasnya, aktiviti bantuan amal atau kemanusiaan ini mampu memberi kesedaran kepada masyarakat bandar agar mereka sentiasa berjimat cermat. Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa.

Tambah menarik lagi kehadiran televisyen pintar dengan pelbagai aplikasi telah memudahkan semua rakyat memperoleh maklumat. Atas kemudahan teknologi ini, syarikat-syarikat penerbitan filem dan drama, syarikat penyiaran siaran berbayar, dan syarikat telekomunikasi perlulah memberi sokongan padu kepada kerajaan dalam kempen berjimat cermat. Syarikat konglomerat tersebut seharusnya mengambil pendekatan melalui pelbagai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat untuk membantu kerajaan menjayakan kempen berjimat cermat. Usaha syarikat konglomerat ini bukan saja dapat membantu kerajaan malah dapat mendidik rakyat supaya bijak berbelanja. Secara tidak langsung, mereka dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Pihak kerajaan juga haruslah menjadi peranan utama dalam memupuk amalan berjimat cermat. Hal yang demikian ini kerana kerajaan memiliki kuasa otonomi dan ekonomi untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang mampu menyuburkan amalan berjimat cermat. Contohnya, kerajaan menganjurkan Karnival Jualan Akhir Tahun dan Jualan Kembali Ke Sekolah yang menawarkan potongan harga sehingga 80%. Dengan program ini, pengguna dapat berjimat cermat untuk membeli barangan keperluan yang lebih utama seperti peribahasa yang menyebut ingat sebelum kena jimat sebelum habis.

Secara keseluruhannya, usaha memupuk amalan berjimat cermat ini, bukanlah hanya terletak pada bahu ibu bapa sahaja malah kerjasama daripada semua pihak amat perlu untuk merealisasikan amalan ini. Jika usaha ini hanya dipikul oleh satu pihak sahaja ibarat menepuk sebelah tangan, akhirnya nescaya gagal mencapai matlamat sebenar. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu, bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain dalam usaha memupuk amalan berjimat cermat agar generasi akan datang dapat menikmati kesejahteraan hidup.

2. KEPENTINGAN AMALAN BERJIMAT CERMAT

Tahun 2020 dilakari peristiwa hitam akibat pandemik Novel Coronavirus atau lebih dikenali COVID-19. Situasi yang berlaku ini telah memberi pengajaran kepada negara dan rakyatnya tentang kepentingan amalan berjimat cermat dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, kita masih belum terlambat untuk terus mengamalkan amalan mulia ini di tengah-tengah kemelut pandemik yang masih belum ketemu titik pengakhiran episod sedih.

Dari satu perspektif, wang bukanlah segala-galanya namun wang masih menjadi faktor utama penyelesaian masalah. Keadaan ini boleh dilihat apabila seseorang menghadapi dugaan seperti bencana alam, kemalangan, dan kebakaran yang sering dikaitkan dengan pepatah 'malang tidak berbau'. Kesemua dugaan tersebut memerlukan wang untuk membaik pulih dan membeli barangan keperluan untuk meneruskan kehidupan. Tidak lain dan tidak bukan hanya dengan amalan berjimat cermat sahaja dapat menyelamatkan keadaan. Benarlah kata peribahasa Melayu, "sediakan payung sebelum hujan". Tegasnya, amalan berjimat cermat ini merupakan persediaan awal sebelum sesuatu kecemasan berlaku.

Dari perspektif yang berbeza pula, Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) pernah memberitahu bahawa kebanyakan individu yang meminjam daripada lintah darat ini terperangkap akibat kegagalan pengurusan kewangan mereka. Jika mereka bersikap ukur baju di badan sendiri, pasti masalah pengurusan kewangan ini tidak berlaku. Sebagai contoh, seseorang yang hendak membeli barangan peribadi seperti jam pintar akan mula melakukan penjimatan wang belanja harian lalu menabung wang simpanan tersebut sehingga mencapai matlamat kewangan untuk membeli barangan yang diminatinya. Keadaan ini seolah-olah sebagai ganjaran setelah berjimat cermat. Secara tidak langsung, amalan ini dapat memberi kepuasan kepada seseorang yang berjimat cermat untuk mendapatkan sesuatu yang diharapkan.

Di samping perspektif di atas, amalan berjimat cermat dikatakan mampu menjamin masa depan yang lebih cerah. Amalan berbelanja secara berhemat dan menyimpan wang merupakan amalan yang mampu menjamin masa hadapan. Amalan ini akan mengelakkan nafsu kita daripada berbelanja sesuka hati bak kata peribahasa, ikut hati mati, ikut rasa binasa, malah tabiat ini akan menggalakkan kita berhutang setiap bulan untuk memenuhi kehendak kita. Hanya dengan berjimat cermat, kita dapat merancang masa depan pendidikan, kerjaya, perkahwinan, dan keperluan hidup dengan lebih mudah dan terancang. Bukti jelas lagi konkrit ini menunjukkan kepentingan amalan berjimat cermat diamalkan sejak usia remaja lagi mampu menjamin masa depan yang gilang-gemilang.

Tidak dapat dinafikan bahawa, amalan berjimat cermat merupakan amalan yang memberi kesan positif dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia sedang mengeksploitasi sumber alam semaksimumnya tanpa memikirkan akibat yang bakal dihadapi oleh mereka. Jika manusia dapat mengubah kehidupan mereka dengan berjimat cermat dari segi makanan, penggunaan bekalan air dan elektrik serta kertas dan lain-lain lagi, kita sebenarnya sedang menuju ke arah menyelamatkan bumi daripada mengalami kemusnahan. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna, maka, kita perlu berjimat cermat dalam penggunaan setiap benda sebagai langkah menjimatkan sumber alam agar kita dapat hidup sejahtera dan harmoni di muka bumi ini.

Secara keseluruhannya, amalan berjimat cermat ini merupakan amalan yang mendisiplinkan seseorang agar dapat berfikir sebelum bertindak dengan menjadikan fikiran waras dan rasional untuk melakukan pertimbangan yang wajar sebelum pembelian sesuatu barangan sama ada barang tersebut barang keperluan atau barang kehendak semata-mata. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memupuk amalan berjimat cermat ini dapat agar disemai dalam jiwa remaja masa kini demi kelangsungan hidup yang lebih terjamin.

3. CARA-CARA MEMUPUK GAYA HIDUP SIHAT

Dalam arus pemodenan ini, gaya hidup masyarakat berubah mengikut peredaran zaman. Pada zaman dahulu, masyarakat banyak menghabiskan waktu dengan melakukan kerja-kerja berat tanpa bantuan peralatan jentera. Berbeza pada hari ini, masyarakat banyak menghabiskan masa bekerja menghadap peranti elektronik yang menyebabkan kita tidak mengeluarkan peluh. Tambahan pula teknologi pemprosesan makanan menyebabkan wujudnya makanan yang tidak berkhasiat dan merosakkan tubuh badan. Persoalannya apakah cara untuk memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat hari ini?

Aspek utama yang signifikan dalam usaha memupuk amalan gaya hidup sihat ialah peranan keluarga dan ibu bapa. Ibu bapa merupakan dua insan yang bertanggungjawab untuk mengatur jadual kehidupan anak bermula dari bangkit tidur seawal enam pagi. Mereka hendaklah menyediakan makanan seimbang bermula dengan sarapan yang berkhasiat. Aktiviti ini hendaklah dijadikan rutin harian agar anak-anak akan mengamalkan gaya hidup sihat yang telah dibentuk oleh ibu bapa mereka sejak kecil lagi sesuai dengan peribahasa Melayu yang mengatakan 'bagaimana acuan begitulah kuihnya'. Malah usaha ibu bapa ini akan dapat membentuk sebuah keluarga yang mengamalkan gaya hidup sihat .

Selain aspek utama tersebut, pentadbir sekolah hendaklah memastikan pengusaha kantin menjual makanan yang memenuhi piawaian piramid makanan agar pelajar-pelajar dapat mengambil makanan seimbang di sekolah. Mereka hendaklah dipantau setiap enam bulan agar tiada penjualan kudap-kudapan yang boleh merosakkan matlamat gaya hidup sihat. Pada masa sama, pentadbir sekolah perlu menangani peniaga-peniaga di luar sekolah yang menjual pelbagai makanan ringan yang tidak menepati amalan gaya hidup sihat. Pentadbir sekolah hendaklah bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menangani masalah ini dengan bijak seperti menarik rambut di dalam tepung, tepung tidak berselerak rambut tidak putus.

Di samping usaha pihak sekolah, kerajaan juga memainkan peranan besar dalam usaha memupuk gaya hidup sihat. Pada sedekad yang lalu, Kementerian Belia dan Sukan pernah memperkenalkan Program Rakan Muda yang berjaya menobatkan belia negara. Program ini merupakan salah satu aktiviti gaya hidup sihat yang diperkasakan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan mendapat sokongan daripada pelbagai agensi kerajaan yang lain. Kejayaan program Rakan Muda boleh menjadi kayu pengukur atau panduan untuk kerajaan menganjurkan program yang sedemikian. Secara tidak langsung, amalan gaya hidup sihat dapat diadakan dengan skala besar yang membabitkan semua pelajar sekolah, remaja, dan belia negara.

Aspek lain yang turut signifikan dalam usaha ini ialah peranan pemaju perumahan. Pemaju perumahan tersebut hendaklah menyediakan prasarana atau kemudahan taman rekreasi yang lengkap dengan peralatan senaman agar dapat menggalakkan penduduk sekitar untuk melakukan aktiviti riadah dan senaman setiap hari. Sebagai contoh, syarikat Sime Darby yang membangunkan kawasan perumahan Elmina 8 telah menyediakan kawasan rekreasi yang menjadi tumpuan orang ramai dan menjadi lokasi popular bagi peminat sukan berbasikal. Keindahan kawasan rekreasi tersebut pada waktu malam dengan hiasan lampu neon menjadikan kawasan tersebut lokasi tumpuan orang ramai bersenam pada waktu malam. Secara tidak langsung kawasan perumahan tersebut menjadi terkenal.

Secara keseluruhannya, amalan gaya hidup sihat ini bukanlah semata-mata tertumpu pada aktiviti senaman dan penjagaan makanan sahaja tetapi turut menumpukan aspek gaya hidup yang positif. Oleh itu, semua pihak perlulah memainkan peranan masing-masing dalam memupuk amalan gaya hidup sihat. Usaha ini perlulah dilakukan secara berterusan dan tidak sekadar melepaskan batok di tangga sahaja kerana jika usaha ini diteruskan, rakyat negara akan mencapai kesihatan mental dan fizikal demi pembangunan negara.

4. PERANAN IBU BAPA DALAM USAHA MEMUPUK AMALAN GAYA HIDUP SIHAT.

Pada alaf yang penuh cabaran yang sedang giat membangun ini, aspek kesihatan turut menjadi mangsa kerakusan industri pengeluaran negara. Pelbagai jenis makanan mula diperkenalkan dengan pembaharuan mengikut cita rasa dan selera tempatan. Keadaan inilah menjerumuskan rakyat Malaysia dalam pelbagai jenis penyakit kronik. Sikap rakyat Malaysia yang malas melakukan senaman turut memburukkan lagi situasi. Kesemua perkara ini bertitik tolak pada ibu bapa yang telah melahirkan anak serta mengasuh mereka sejak kecil lagi. Persoalannya, apakah peranan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa bagi memupuk amalan gaya hidup sihat dalam kalangan anak-anak?

Salah satu aspek yang signifikan dalam perbincangan ini ialah ibu bapa mestilah memastikan anak-anak mendapat makanan seimbang di rumah. Ibu bapa hendaklah menyediakan keperluan makanan yang memenuhi piramid makanan. Mereka hendaklah menggalakkan anak-anak mengambil sayuran dalam menu makanan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan anak kecil tidak menyukai sayuran yang terdapat dalam masakan atau menu makanan mereka. Ibu bapa sewajarnya membentuk gaya pengambilan sayuran hijau dalam diet anak mereka sekali gus tabiat baik ini akan diamalkan oleh anak-anak apabila mereka dewasa kelak.

Selain aspek tersebut, aktiviti bersenam dan beriadah bersama dengan anak-anak juga dapat dilakukan oleh ibu bapa. Bagi mengekalkan gaya hidup sihat, ibu bapa perlulah membawa anak-anak melakukan aktiviti riadah yang diminati semua. Dengan cara ini, anak-anak dapat mengeluarkan peluh seterusnya toksin dalam badan akan turut disingkirkan melalui peluh. Malah tubuh badan anak-anak akan lebih segar dan mereka lebih aktif serta tidak mudah keletihan dan kepenatan apabila belajar dan melakukan kerja sekolah kerana badan cergas minda cerdas. Secara tidak langsung amalan gaya hidup sihat dapat dipupuk oleh ibu bapa secara zahir dan batin.

Di Samping ibu bapa bersenam bersama-sama anak, mereka hendaklah membawa anak-anak melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala setiap enam bulan. Pemeriksaan kesihatan ini akan memberi kesedaran tentang penjagaan kesihatan terhadap anak-anak. Ibu bapa sepatutnya menjadikan pemeriksaan kesihatan ini sebagai rutin dalam keluarga. Kelak, apabila dewasa mereka sendiri memiliki kesedaran untuk melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap diri mereka sendiri. Sesungguhnya ibu bapa ialah contoh terbaik untuk dijadikan panduan anak-anak bak akta peribahasa 'bagaimana acuan begitulah kuihnya'. Dengan cara ini amalan gaya hidup sihat dapat dipupuk dalam kalangan anak-anak.

Pada masa yang sama, Ibu bapa perlu menitikberatkan aspek penjagaan kebersihan diri. Kebanyakan anak-anak tidak mengutamakan kebersihan diri. Sikap culas menggosok gigi dan mandi pada awal pagi merupakan tabiat buruk anak-anak. Sikap sebegini akan menyebabkan anak-anak mudah dijangkiti pelbagai penyakit kulit seperti kurap, kayap, dan kudis. Bagi mengelakkan penyakit -penyakit tersebut, maka anak-anak perlu dididik untuk mengamalkan budaya menjaga kebersihan diri, pakaian, dan peralatan peribadi. Pembentukan diri ini amat penting dalam memupuk amalan gaya hidup sihat dalam kalangan anak-anak. Secara tidak langsung kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan diri ini bukan hanya pada diri sendiri sahaja malah anak-anak akan menjaga kebersihan persekitaran dan kebersihan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, ibu bapa merupakan nadi kehidupan anak-anak, maka ibu bapalah yang sewajarnya menjadi guru, rakan, dan sahabat anak-anak agar mereka mudah ditegur, diberi nasihat dan diasuh untuk menjadi anak yang sihat dari segi pemikiran, perasaan, dan tubuh badan dengan mengamalkan gaya hidup sihat yang bermula dari rumah.

5. FAEDAH MENABUNG

Pada dua dekad yang lalu, murid di sekolah rendah akan mendapat sebuah tabung simpanan apabila membuka akaun simpanan di bank. Mereka berasa teruja dengan tabung-tabung simpanan tersebut lalu mulai menyimpan duit pada setiap hari. Semua ini menjadi kenangan kepada mereka dan suatu yang menjadi nostalgia pada zaman ini. Walau bagaimanapun, pelbagai faedah menabung perlu didedahkan kepada generasi muda agar mereka mengamalkan amalan menabung ini.

‘Sediakan payung sebelum hujan’ merupakan peribahasa yang sinonim dengan amalan menabung atau menyimpan wang. Bagi situasi ini, wang simpanan dapat digunakan pada waktu kecemasan. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya wang tabungan yang disimpan dalam pelbagai bentuk, menjadi mudah untuk seseorang guna pakai tatkala berlaku musibah. Misalannya, seseorang yang disahkan menghidap penyakit kerosakan buah pinggang memerlukan rawatan harian atau mingguan untuk rawatan dialisis, maka wang tabungan boleh diguna pakai sementara mendapatkan bantuan daripada kerajaan. Keadaan ini akan dapat meringankan beban keluarga atau waris yang menjaga pesakit. Sesungguhnya, kita yang menentukan situasi untuk menjadi pilihan kita, tepuk dada tanya selera.

Selain kegunaan pada masa kecemasan, wang tabungan atau simpanan juga dapat membantu ibu bapa menyekolahkan anak-anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi anak-anak desa, bersekolah di sekolah berasrama penuh menjadi idaman mereka. Namun impian besar tersebut perlu disokong dengan wang simpanan yang cukup untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama apatah lagi jika mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan atau luar negara. Dengan amalan menabung ini, ibu bapa dapat menyediakan wang untuk perbelanjaan harian bagi anak yang belajar di sekolah berasrama atau di universiti. Tegasnya, amalan menabung ini dapat menjamin tahap pendidikan seseorang agar meraih kejayaan pada masa depan.

Di samping itu, amalan menabung ini juga dapat memupuk tabiat berjimat cermat dan disiplin diri yang tinggi. Lazimnya, mereka akan mengasingkan wang perbelanjaan harian untuk disimpan dalam tabungan. Sesetengah orang, mereka menabung mengikut kepingan wang sebagai contoh menabung wang bernilai lima ringgit setiap hari. Bagi pelajar sekolah, mereka boleh menabung dengan menyimpan sepertiga daripada wang saku yang diberikan oleh ibu bapa. Walaupun jumlah tabungan sedikit tetapi pepatah Melayu ada mengatakan sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit justeru, amalan menabung ini membentuk jati diri menjadi insan kamil yang memiliki pegangan dan pendirian yang teguh.

Amalan menabung juga dapat digunakan untuk kegunaan pada hari tua. Walaupun kerajaan menyediakan pelbagai skim simpanan hari tua seperti pencen kerajaan dan Skim KWSP namun wang tersebut hanya dapat digunakan untuk kelangsungan hidup setelah bersara daripada kerja. Keadaan ini amat malang sekali jika mereka tidak mempunyai anak-anak yang sanggup menjaga mereka pada usia tua dan lebih malang lagi mereka diusir dari rumah dan ditempatkan di rumah orang tua-tua. Cerita-cerita sedih yang selalu terhidang dalam drama di televisyen merupakan cerminan yang terjadi dalam masyarakat pada hari ini. Oleh itu, amalan menabung ini merupakan salah satu jalan keluar daripada masalah yang selalu timbul dalam kalangan warga emas.

Alkhirulkalam, setiap yang muda pasti akan tua, begitu juga dalam roda kehidupan ini, setiap manusia akan menghadapi hari tua. Merekalah yang mencorakkan hari tua mereka gembira atau duka, bahagia atau derita. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu berfikir secara positif untuk menjadikan amalan menabung ini sebagai satu rutin hidup agar kita dapat terus menikmati kehidupan yang selesa sehingga akhir hayat malah dapat pula menjadikan wang simpanan kita ini sebagai sedekah jariah untuk manfaat dan bekalan kita menuju kehidupan yang abadi.

6. PERANAN IBU BAPA DALAM MEMASTIKAN AMALAN MENABUNG MENJADI BUDAYA MASYARAKAT KITA.

Pada dua dekad yang lalu, murid di sekolah rendah akan mendapat sebuah tabung simpanan apabila membuka akaun simpanan bank. Mereka berasa teruja dengan tabung-tabung simpanan tersebut lalu mulai menyimpan duit setiap hari. Semua ini menjadi kenangan kepada mereka dan suatu yang menjadi nostalgia apabila diingati semula. Oleh itu, ibu bapa berperanan besar untuk memupuk amalan menabung kepada anak-anak dan menjelaskan faedah-faedah menabung agar mereka dapat merasai keseronokan menabung seperti zaman dahulu.

Aspek pertama yang perlu diambil kira oleh ibu bapa bagi memupuk amalan menabung dalam diri anak-anak adalah dengan menjadikan amalan tersebut sebagai budaya keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana suasana keluarga bahagia merupakan kaedah yang paling efektif untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan anak-anak. Mereka mudah dilentur kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Mereka hendaklah dipupuk dengan amalan menabung sejak mereka kecil lagi. Tegasnya, ibu bapa berperanan besar dalam usaha memupuk amalan menabung ini.

Selain aspek pemupukan amalan menabung sebagai budaya keluarga, ibu bapa juga boleh menerapkan amalan menabung ini dengan menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak. Ibu bapa hendaklah menabung bersama dengan anak agar mereka menjadi ikutan dan contoh teladan. Sebagai contoh, ibu bapa menabung wang baki perbelanjaan harian dan meletakkan tabung tersebut di ruang yang mudah dilihat oleh anak-anak. Orang dahulu ada mengatakan bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sesungguhnya, proses ini memerlukan sikap bertanggungjawab ibu bapa untuk memupuk amalan ini.

Di samping itu, sikap ibu bapa yang mendokong gaya hidup sederhana sudah pasti dapat memupuk amalan menabung. Sesetengah ibu bapa mengamalkan amalan menabung untuk membeli barang peribadi mereka. Kaedah ini akan juga dapat memupuk budaya berdikari dalam kalangan anak-anak agar mereka berusaha mencari wang sendiri lalu menabung sebahagiannya demi merealisasi impian mereka membeli barang yang diinginkan. Misalannya, anak yang ingin membeli motosikal hendaklah menyimpan wang untuk membayar wang pendahuluan dan gaji bulanan pula untuk bayaran ansuran motosikal tersebut. Perancangan menabung ini akan membentuk disiplin yang tinggi dalam kalangan anak-anak. Tegasnya, amalan menabung ini turut membentuk disiplin yang tinggi.

Hakikatnya, ibu bapa memainkan peranan besar sebagai contoh ikutan anak-anak. Ibu bapa mestilah mengamalkan tabiat menabung ini. Mereka hendaklah melakukan aktiviti ini bersama dengan anak mereka. Aktiviti yang dilakukan ini akan menjadi contoh ikutan anak-anak untuk menyimpan wang pada masa akan datang. Apabila dewasa, anak-anak akan menjadikan ibu bapa sebagai panduan jika hendak melakukan simpanan atau pelaburan untuk masa depan mereka. Keadaan ini akan menjadikan ibu bapa sebagai rujukan terbaik kepada anak-anak. Tegasnya, ibu bapa mestilah menunjukkan sikap bagaimana acuan begitulah kuihnya, agar anak-anak mengikut jejak langkah ibu bapa yang menyimpan wang untuk hari tua mereka.

Secara tuntasnya, ibu bapa berperanan besar dalam menyemai budaya menabung ini agar anak mereka terjamin masa depan dan memperoleh kehidupan yang lebih selesa dan sejahtera dari segi ekonomi dan sosial. Jika ibu bapa tidak menggalakkan amalan ini, nescaya anak-anak akan menghadapi kepayahan hidup dan akhirnya mereka akan terjebak dalam gejala yang tidak sihat untuk meneruskan kelangsungan hidup lalu menuding jari kepada ibu bapa. Sikap anak-anak seperti dalam filem *Anakku Sazali* karya seniman agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee tidak harus menjadi contoh ikutan remaja masa kini.

7. IMPLIKASI BENCANA ALAM TERHADAP MANUSIA.

Sedasaawarsa ini, masalah banjir sering menjadi igauan ngeri bagi penduduk di negeri pantai timur. Sejarah telah mencatatkan fenomena banjir besar berlaku pada 2014 sehingga mengorbankan banyak nyawa. Masalah banjir merupakan salah satu bencana alam yang kerap berlaku di negara kita. a pelbagai faktor yang berpunca daripada lantaran sikap manusia itu sendiri. Akibat bencana alam ini, pelbagai implikasi buruk dialami oleh penduduk di kawasan yang terlibat. Persoalannya, apakah implikasi buruk daripada bencana alam yang berlaku ini?

Implikasi buruk yang menyentuh hati dan meruntun jiwa penduduk yang menghadapi masalah banjir ialah kehilangan nyawa orang yang tersayang. Situasi banjir yang berlaku secara tiba-tiba ini menyebabkan anak-anak kecil keriangian bermain air sesama rakan mereka tanpa menyedari bahaya sedang menanti kerana malang itu tidak berbau yang mengakibatkan anak-anak kecil ini terjatuh lalu dibawa arus air yang deras. Secara tidak langsung, bencana alam telah menjadi peristiwa hitam bagi sesebuah keluarga yang kehilangan orang tersayang dan kenangan pahit ini akan dikenang sampai bila-bila dan menjadi trauma dalam kehidupan mereka.

Selain itu, banjir juga mengakibatkan kehilangan dan kemusnahan harta benda. Apabila banjir berlaku, banyak rumah yang ditenggelami air sehingga mencecah paras bumbung. Keadaan ini menyebabkan semua peralatan elektronik seperti peti ais, televisyen, radio, dan mesin basuh di dalam rumah telah rosak dan tidak boleh digunakan lagi. Keadaan ini mengakibatkan mangsa tinggal sehelai sepinggang dan kesemua barangan tersebut dibuang atau dibakar seperti peribahasa sudah jatuh ditimpa tangga. Akibatnya, mangsa terpaksa menanggung kos baik pulih yang menelan belanja yang tinggi dan mereka tidak mampu untuk membaikinya dalam tempoh yang singkat.

Bagi penduduk yang bekerja pula, mereka kehilangan punca pendapatan akibat daripada bencana alam yang berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana penduduk kampung yang bergantung harap pada hasil pertanian dan penternakan telah kehilangan punca pendapatan apabila semua tanaman mereka telah musnah ditenggelami banjir dan binatang ternakan mati sebagai akibat daripada bencana banjir yang berlaku. Mereka kehilangan punca pendapatan dan hanya bergantung harap pada bantuan yang disalurkan oleh NGO dan kerajaan. Oleh itu, banjir turut menjadi punca kemusnahan mata pencarian dan masa depan seseorang.

Di samping itu, mangsa banjir turut menerima kesan daripada kerosakan infrastruktur atau kemudahan awam yang tersedia di kampung mereka . Akibat banjir, aliran air sungai menjadi deras lalu menyebabkan jambatan utama laluan masuk ke sesebuah perkampungan runtuh. Keadaan ini menyebabkan bantuan makanan, bantuan perubatan dan bantuan pakaian tergendala akibat laluan utama telah runtuh. Malah kesemua tiang lampu tidak berfungsi akibat kabel di bawah tanah telah ditenggelami air hujan . Kerosakan jalan raya juga terjadi apabila banyak jalan raya yang rosak dan runtuh akibat tanah yang terlalu lembut lalu membentuk lubang besar di bawah jalan raya. Akibat kerosakan infrastruktur dan kemudahan awam ini, mereka menghadapi pelbagai masalah selepas banjir surut.

Secara tuntasnya, setiap kali selepas hujan lebat pasti akan ada pelangi yang cantik. Begitulah yang dialami oleh mereka yang menjadi mangsa banjir. Mereka telah mendapat pelbagai bantuan daripada NGO dan kerajaan untuk menjamin kelangsungan hidup mereka sehingga mereka mampu bangkit kembali untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah bersama orang lain tanpa rasa curiga dan rendah diri.

8. PUNCA BENCANA ALAM

Dalam alaf milinium pascaindustri ini, kejadian banjir besar, tanah runtuh, jerebu, dan gempa bumi merupakan bencana alam yang kerap berlaku di negara kita. Bencana alam ini telah mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda dan kerosakan sistem infrastruktur serta trauma kepada mangsa bencana alam. Kerajaan seharusnya mengenal pasti faktor yang menyumbang peningkatan dan kekerapan kejadian bencana alam ini agar dapat kita mengambil langkah berjaga-jaga sebelum bencana berlaku. Persoalannya, apakah punca atau faktor yang menjadi penyumbang peningkatan bencana alam ?

Punca yang signifikan dalam isu yang menjadi trauma kepada masyarakat dunia khususnya di Malaysia ialah sikap manusia yang suka membuang sampah merata-rata menyebabkan sampah tersebut dibawa arus air ketika hujan lebat berlaku lalu terkumpul di hilir sungai. Longgokan sampah yang tersekat ini menyebabkan laluan air menjadi kecil lalu mendap dan menyebabkan aliran menjadi perlahan. Apabila hujan lebat berlaku sekali lagi, sungai tersebut tidak mampu menampung air lalu mengakibatkan air melimpah keluar lalu terjadinya banjir justeru tindakan tidak bertanggungjawab ini akan memberi kesan kepada semua pihak.

Dari sudut yang sama juga, kita melihat penerokaan hutan secara haram berleluasa. Pembalok haram mencuri pokok-pokok balak lalu menggunakan sungai sebagai pengangkutan untuk membawa turun kayu tersebut. Keadaan ini menyebabkan laluan air sungai dipenuhi dengan kayu balak dan tersekat di hilir sungai. Kejadian ini telah berlaku pada 2014 ketika banjir besar terjadi di pantai timur negara dan kejadian tersebut menjadi bukti bahawa sikap tamak haloba pembalok haram yang meneroka kawasan hutan dan menggunakan sungai sebagai laluan tanpa memikirkan kesan buruk terhadap alam sekitar. Tegasnya, sikap manusia itu sendiri yang menzalimi diri mereka dan orang lain sehingga mengakibatkan bencana alam.

Pada sudut pandangan yang berlainan, faktor geografi menjadi punca kejadian bencana alam ini. Kawasan di pesisir pantai sering mengalami hakisan tanah. Akibatnya banyak kawasan perkampungan nelayan telah musnah akibat dilanda ombak besar. Keadaan ini terbukti apabila hakisan tanah berlaku di Pantai Morib Kuala Selangor yang telah menenggelamkan kawasan perkampungan nelayan lalu kini menjadi lautan. Malah, musim tengkujuh yang berlaku sepanjang bulan November sehingga bulan Februari disebabkan kadar taburan hujan yang tinggi turut mengakibatkan banjir. Keadaan ini menyebabkan jumlah air di dalam empangan terlalu banyak lalu pihak berkuasa terpaksa melepaskan takungan air bagi mengelakkan berlaku bencana alam yang lebih besar jika empangan pecah.

Peningkatan kadar urbanisasi penduduk dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar telah menggalakkan pembangunan sektor perumahan bagi menyediakan rumah kepada mereka. Malangnya, pembangunan sektor perumahan dan premis perniagaan ini tidak seimbang dengan pembangunan sistem perparitan di kawasan tersebut. Akibatnya, banjir berlaku disebabkan aliran air di dalam sistem perparitan yang terlalu kecil tidak dapat menampung air hujan yang lebat. Banjir kilat ini sering terjadi di kawasan yang mencatatkan kadar kepadatan penduduk yang tinggi. Jika tiada usaha dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), masalah ini akan berlarutan dan kesan yang lebih besar akan berlaku di kawasan tersebut.

Secara tuntasnya, bencana alam merupakan satu daripada petanda kepada kita agar menjaga bumi ini dengan penuh rasa tanggungjawab dan bukan memusnahkannya. Kerjasama daripada semua pihak khususnya kerajaan tempatan amatlah ditagih agar mereka lebih cakna dengan masalah bencana alam yang berlaku demi mengelakkan tragedi yang lebih besar dan buruk berlaku di kawasan jajahan atau daerah yang dipertanggungjawabkan demi menjamin kesejahteraan penduduk dan masyarakat sekitar.

9. CARA MEMUPUK MINAT BERSUKAN DALAM KALANGAN ANAK-ANAK

Dalam arus pembangunan sukan negara, kejayaan pemain-pemain bola sepak negara yang berjaya menempa nama di persada dunia telah membuka mata ibu bapa dan mereka mula menggalakkan anak-anak terlibat dalam bidang sukan sebagai kerjaya. Kejayaan Datuk Nicol Ann David, Datuk Lee Chong Wei, dan Datuk Shazlin Zulkifli telah menjadi sumber inspirasi kepada rakyat Malaysia kerana mereka telah berjaya membina kerjaya masing-masing. Lantaran itu, ibu bapa berperanan penting dalam usaha menggalakkan anak-anak menyertai sukan.

Langkah yang signifikan dalam menggalakkan anak-anak menyertai sukan ialah ibu bapa menggalakkan anak-anak turut serta bersukan dengan ibu bapa. Mereka hendaklah menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan menyertai aktiviti sukan seperti sukan boling. Ibu bapa hendaklah menjadikan aktiviti sukan tersebut sebagai aktiviti keluarga pada hujung minggu. Keadaan ini akan menjadikan anak-anak meminati sukan yang diceburi ibu bapa. Sesuai dengan peribahasa bagaimana acuan begitulah kuihnya, maka setiap tindakan ibu bapa akan menjadi ikutan anak-anak. Secara tidak langsung tindakan ibu bapa ini akan membentuk masa depan anak-anak.

Selain membawa anak-anak bersukan, ibu bapa juga hendaklah memberi sokongan padu kepada anak-anak dalam bidang sukan yang diceburi. Tindakan ibu bapa yang menyokong minat anak-anak dalam bidang sukan akan menjadikan anak-anak bersemangat untuk mengembangkan bakat dan kemahiran mereka dalam bidang sukan. Ibu bapa boleh menemani anak-anak menjalani latihan sukan sambil memberi sokongan motivasi dan kata-kata pembakar semangat. Ibu bapa hendaklah turut menonton pertandingan tersebut sebagai tanda sokongan kepada anak-anak agar anak-anak bersemangat untuk memperoleh kemenangan. Tampak bahawa, tindakan ibu bapa yang memberi sokongan ini akan menghasilkan kejayaan anak dalam bidang sukan.

Biar kita ambil contoh Kejayaan Tigerwood pemain golf dunia bermula dari usia tiga tahun. Ibu bapa boleh membeli peralatan sukan yang diminati anak-anak. Dengan cara ini anak-anak kecil akan mula mengenali sukan dan minat terhadap sukan tersebut akan mula bercambah dalam diri anak-anak. Pada masa yang sama ibu bapa boleh membawa anak-anak merasai permainan tersebut seperti membawa anak-anak kecil bermain bola di padang atau halaman rumah. Usaha kecil ini merupakan langkah pertama yang akan membawa kejayaan besar kepada anak-anak pada masa akan datang. Pendek kata, ibu bapa tidak harus patah semangat dan mereka mesti terus melatih anak-anak mereka.

Selain membeli peralatan sukan, ibu bapa hendaklah membawa anak-anak menonton atau menyaksikan perlawanan sukan yang diminati anak-anak seperti perlawanan bola sepak. Aktiviti ini akan menimbulkan keseronokan kepada anak-anak apabila melihat aksi lincah pemain-pemain di padang. Malah, anak-anak akan teruja melihat dengan mata sendiri pemain yang menjadi kegemaran mereka. Situasi gamat dengan sorakan penyokong tegar Harimau Malaya menambahkan lagi kemeriahan suasana di stadium. Kesemua peristiwa yang berlaku ini akan menjadi titik permulaan kepada anak-anak untuk meminati sesuatu sukan. Jelas bahawa, ibu bapa perlulah bersikap proaktif untuk menggalakkan anak-anak terlibat dalam sukan.

Secara intinya, ibu bapa merupakan pengemudi bahtera yang membawa hala tuju anak-anak ke destinasi bahagia atau sengsara, maka ibu bapalah bertanggungjawab menjadi arkitek yang akan mencorak landskap kehidupan anak-anak mereka. Maka, ibu bapa perlu bijak untuk mencorakkan warna kehidupan mereka kerana anak-anak itu bagai sehelai kain putih, ibu bapalah yang mencorakkannya agar menjadi warna pelangi demi kebahagiaan hidup mereka pada masa akan datang.

10. FAEDAH BERSUKAN

Kesibukan rakyat Malaysia bekerja memenuhi tuntutan dan tanggungjawab di pejabat menyebabkan mereka kekurangan masa untuk melakukan aktiviti sukan sehingga memberi kesan terhadap kesihatan diri mereka. Gaya hidup tidak sihat ini mestilah ditinggalkan dengan melakukan aktiviti bersukan bersama dengan rakan sekerja atau ahli keluarga agar sama-sama dapat menikmati faedah bersukan. Persoalannya, apakah faedah yang akan dinikmati oleh mereka yang bersukan?

Faedah bersukan yang paling utama ialah bersukan dapat menyihatkan tubuh badan. Melalui aktiviti bersukan, kita dapat mengeluarkan peluh yang akan turut menyahkan toksin di dalam badan kita. Hal ini menyebabkan kita akan berasa lebih segar selepas bersukan. Peribahasa Melayu ada mengatakan badan cergas otak cerdas, peribahasa ini menjelaskan bahawa seseorang yang cergas badannya maka pemikirannya akan cerdas. Maka aktiviti bersukan ini akan dapat membantu seseorang berfikir dengan lebih rasional dengan idea-idea yang bernas. Terbukti bahawa, aktiviti bersukan akan dapat menyegarkan badan di samping meningkatkan kekuatan fizikal.

Selain faedah tersebut, bersukan juga dapat membentuk disiplin diri yang tinggi. Aktiviti bersukan memerlukan disiplin diri yang tinggi. Bagi seorang ahli sukan, mereka memiliki jadual latihan yang ketat. Bukan itu sahaja, mereka juga perlu mengikut jadual pemakanan seimbang yang telah disyorkan oleh doktor pakar pemakanan dan diet. Bagi masyarakat biasa yang mengamalkan latihan sukan turut akan mengikut jadual dan mematuhi setiap disiplin bagi mencapai objektif bersukan. Setiap orang berbeza objektif bersukan, maka mereka perlu mencapai objektif tersebut dengan disiplin yang tinggi. Oleh itu, bersukan akan melatih diri kita untuk menjadi seorang yang berdisiplin.

Malah, aktiviti bersukan dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Aktiviti bersukan seperti permainan bola sepak merupakan aktiviti yang merentas sempadan perkauman dan bangsa. Sejarah pernah mencatatkan pemain bola sepak negara terdiri daripada pelbagai nama dan kaum. Mokhtar Dahari, R. Arumugam, dan Soh Chin Aun merupakan legenda pemain negara yang menjadi bukti sukan sebagai agen perpaduan. Mereka telah menjadikan rakyat Malaysia bersatu tanpa mengira fahaman politik, warna kulit dan anutan agama dengan memberikan sokongan padu ketika perlawanan bola di peringkat dunia. Jelas menunjukkan bahawa aktiviti bersukan mampu membentuk perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat.

Di samping memupuk perpaduan, aktiviti bersukan dapat membina jaringan hubungan sosial yang lebih luas. Lazimnya, hubungan kejiwaan hanya sekadar bertegur sapa dan berbual-bual sahaja tetapi apabila jiran tetangga terlibat sama dalam satu aktiviti sukan maka hubungan kejiwaan menjadi lebih akrab kerana jiran tetangga berkongsi minat yang sama dalam bersukan. Hal ini akan menjadikan hubungan kejiwaan lebih baik malah mereka akan saling menolong apabila menghadapi kesusuahan. Keadaan ini menyebabkan mereka saling mengatur program antara jiran tetangga agar mereka dapat bersua dan berbual-bual tentang kejiwaan dan keluarga masing-masing. Sesungguhnya, benarlah bahawa, bersukan mampu mengeratkan ukhuwah sesama penduduk setempat.

Secara keseluruhannya, aktiviti bersukan merupakan satu aktiviti yang dapat memberi pelbagai faedah kepada peminat sukan. Benarlah, hanya jauh hari sahaja yang mengenal manikam, begitu juga dalam isu ini, hanya mereka yang bersukan sahaja dapat mengetahui faedah bersukan. Oleh itu, ibu bapa perlulah memulakan tugas dan tanggungjawab untuk memastikan anak-anak melakukan aktiviti sukan agar pembentukan remaja sebagai pemimpin negara pada masa akan datang dapat mencapai matlamat yang sebenarnya .

11. KESAN NEGATIF DARIPADA TABIAT MEROKOK DALAM KALANGAN REMAJA

Dalam alaf yang penuh cabaran ini, rokok menjadi lambang kedewasaan bagi seseorang remaja. Fenomena ini menjadikan rokok sebagai objek yang sentiasa dikaitkan dengan alam remaja dan kedewasaan. Ada juga yang mempercayai falsafah songsang bahawa merokok dapat menguruskan badan. Faktor-faktor ini merupakan sebahagian daripada punca remaja menghisap rokok namun hakikat sebenarnya, tabiat merokok ini memberi kesan negatif kepada mereka tanpa disedari sehinggalah mereka sendiri mengalami kesan tersebut pada diri mereka. Persoalannya, apakah implikasi negatif yang akan dialami oleh mereka?

Implikasi buruk yang akan dialami oleh seseorang remaja apabila mereka menghisap rokok ialah mereka akan mengalami ketagihan merokok. Hal ini dikatakan demikian kerana kandungan tembakau mempunyai bahan yang menyebabkan ketagihan. Bahan ini dipanggil nikotin. Bahan ini akan mengakibatkan sistem saraf dan mental seseorang terganggu. Akibatnya, mereka yang menghisap rokok akan ketagihan. Keadaan ini telah memberi kesan negatif kepada emosi lalu remaja akan mudah marah apabila tidak menghisap rokok. Akibatnya, bukan sahaja sia-sia ibadah puasa mereka malah tindakan mereka ini akan merosakkan sistem tubuh badan.

Akibat ketagihan menghisap rokok, ada antara pelajar yang menghisap rokok di belakang sekolah pada waktu rehat bagi melepaskan gian mereka. Perbuatan ini merupakan kesalahan besar di sekolah. Mereka yang tertangkap boleh dikenakan tindakan tatatertib dengan menggantung hari persekolahan mereka. Pelajar yang menghisap rokok juga akan menghabiskan wang belanja persekolahan dengan membeli rokok. Mereka sanggup mencuri wang demi memenuhi kepuasan nafsu dan ketagihan mereka. Akibatnya, pelajar akan melakukan kesalahan demi kesalahan untuk menghisap rokok.

Secara jangka panjangnya, remaja yang menghisap rokok akan mengalami masalah kesihatan yang kronik. Akibat perbuatan menghisap rokok sejak remaja, seseorang itu akan mengalami masalah pernafasan apabila mereka berada pada usia tua. Keadaan ini bertambah parah jika penghisap rokok itu memiliki berat badan berlebihan kerana berkemungkinan mereka akan mengalami serangan jantung. Asap rokok yang dihembus keluar bukan sahaja berbahaya kepada penghisap rokok malah turut memberi kesan negatif kepada orang lain. Akibatnya, orang yang paling hampir dengan penghisap rokok akan berisiko menerima kesan negatif yang lebih besar.

Implikasi buruk daripada merokok yang tidak disedari berlaku pada seseorang remaja ialah kerugian wang. Mereka sebenarnya telah melakukan perbuatan seperti membakar wang kerana setiap kepulan asap merupakan wang yang dibazirkan oleh remaja untuk merasai kenikmatan seketika sehingga mereka menghancurkan masa depan. Lebih mendukacitakan lagi apabila mencecah usia dewasa, seseorang itu disahkan menghidap pelbagai penyakit kronik dan perlu menjalani pembedahan yang menelan belanja ratusan ribu ringgit. Sudah jatuh ditimpa tangga, itulah peribahasa yang menggambarkan situasi malang yang menimpa mereka berulang kali. Sedar atau tidak, mereka mengalami kerugian berulang kali dan kerugian mereka ini merupakan akibat tabiat buruk merokok?

Secara keseluruhannya, budaya merokok dalam kalangan remaja haruslah ditangani dengan bijak bagai menarik rambut di dalam tepung, tepung tidak berselerak rambut tidak putus agar penyelesaian jitu dapat dicapai tanpa menimbulkan sebarang implikasi buruk kepada mana-mana pihak. Oleh itu, semua pihak haruslah mengambil inisiatif masing-masing dalam menyelesaikan masalah yang masih bersarang dalam masyarakat yang tiada kesudahan ini agar anak watan dalam menjalani kehidupan yang tenang dan bahagia.

12. LANGKAH MENCEGAH BUDAYA MEROKOK DALAM MASYARAKAT

Sedasaawarsa ini, budaya merokok telah menjadi polemik dalam masyarakat sehingga sering menjadi tajuk perbincangan di meja diskusi pakar-pakar kesihatan negara malah turut menjadi bahan berita dan cerita dalam media sosial. Namun, isu rokok ini masih belum menunjukkan pengakhiran dan kita kkuatiri kemajuan teknologi akan meningkatkan lagi bilangan penghisap rokok tegar di Malaysia. Oleh itu, langkah pragmatik perlu diambil segera bagi menangani masalah yang sudah lama bersarang dalam masyarakat. Persoalannya, apakah tindakan yang paling drastik lagi efektif dalam menangani masalah budaya merokok dalam masyarakat?

Langkah jitu yang telah dikenal pasti ialah peranan remaja dalam usaha menangani masalah budaya merokok. Remaja hendaklah memiliki pendirian yang tegas dalam menangkis pujukan dan rayuan serta pengaruh daripada rakan sebaya. Hal ini dikatakan demikian kerana rakan sebaya merupakan orang yang terdekat dengan remaja dan mudah terpengaruh akibat minat dan kecenderungan yang sama sesama mereka. Oleh sebab itu, remaja harus bijak memilih rakan sebaya agar mereka saling menasihati dan menegur dalam membentuk keperibadian mulia. Tegasnya, remaja mestilah bijak memilih rakan agar budaya merokok ini dapat ditangani segera.

Selain remaja, budaya merokok ini dapat juga ditangani apabila ibu bapa turut memainkan peranan mereka sebagai pemegang amanah Tuhan yang telah mengurniakan zuriat kepada mereka. Ibu bapa hendaklah menjadi suri teladan kepada anak-anak. Mereka tidak harus menghisap rokok di hadapan anak-anak kerana perbuatan ini merupakan tindakan yang tidak bermoral terutamanya di hadapan anak yang masih kecil. Tindakan ini jika dibiarkan akan menjadi contoh kepada anak-anak apabila mereka dewasa kelak kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sesungguhnya, peranan ibu bapa memainkan peranan yang signifikan dalam usaha mencegah budaya merokok dalam kalangan masyarakat.

Dari sudut yang berlainan pula, kerajaan turut memainkan peranan utama dalam usaha mengekang budaya merokok dalam kalangan masyarakat khususnya dalam kalangan remaja masa ini. Pendekatan kempen kesedaran melalui gambar-gambar ngeri akibat merokok telah diwajibkan pada setiap kotak rokok. Usaha ini bertujuan memberi kesedaran kepada perokok agar mereka berfikir tentang kesan jangka panjang yang akan menimpa mereka atau ahli keluarga mereka. Malah kerajaan turut menguatkuasakan undang-undang zon larangan merokok. Mereka tidak lagi dibenarkan merokok di semua pejabat kerajaan, restoran makanan atau di tempat awam. Usaha berterusan yang dilakukan oleh kerajaan akan dapat mengurangkan gejala tidak sihat dalam kalangan masyarakat. Secara tidak langsung, kerajaan dapat menjamin kesihatan rakyat Malaysia.

Pihak swasta terutamanya kedai-kedai runcit, restoran makanan, dan pasar raya turut mematuhi dan mengamalkan peraturan yang ketat bagi mengekang gejala tidak sihat ini. Tindakan pihak swasta yang tidak menjual rokok haram dan juga rokok batang kepada pembeli akan dapat mengekang budaya merokok dalam kalangan masyarakat. Walaupun rokok haram mendapat permintaan tinggi namun tindakan pihak swasta yang tidak melayan permintaan pelanggan akan dapat mengekang masalah yang tiada berkesudahan ini. Usaha pihak swasta ini harus dipuji kerana usaha ini mampu mengurangkan gejala menghisap rokok dalam kalangan remaja.

Secara keseluruhannya, mencegah lebih baik daripada merawat. Maka budaya menghisap rokok ini merupakan satu budaya yang perlu dicegah sebelum menjadi parah. Oleh itu, setiap langkah bestari yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak akan dapat menyelesaikan masalah budaya merokok dalam kalangan masyarakat. Sesungguhnya, remaja merupakan aset negara yang perlu dijaga dengan baik agar mereka tidak terpengaruh oleh gejala yang tidak sihat demi memastikan remaja dapat memimpin negara pada masa akan datang.

13. FAEDAH MELANCONG DALAM NEGARA

Pada alaf yang penuh cabaran pasca-2020, rakyat Malaysia menghadapi pelbagai dugaan hidup lantaran bebanan kerja sehingga mereka kurang meluangkan masa bersama dengan anak dan isteri. Tambahan pula, isu pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia menyebabkan rakyat Malaysia sentiasa menanti perkhabaran gembira daripada kerajaan agar mereka dapat bebas bergerak untuk melancong ke pelbagai destinasi pelancongan tempatan. Sesungguhnya, aktiviti melancong dalam negara merupakan salah satu terapi terbaik untuk masyarakat Malaysia bebas daripada tekanan.

Tanpa kita sedari, aktiviti melancong ke destinasi tempatan merupakan aktiviti yang memberi peluang kepada kita untuk mengenali budaya dan warisan negara. Kepelbagaian suku kaum yang terdapat di negara kita telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang memiliki keunikan dari segi budaya, kesenian, makanan, dan perayaan. Kesemua keindahan dan keunikan yang terdapat di negara kita masih belum dilawati atau dikunjungi oleh kebanyakan penduduk di Malaysia. Dengan melancong ke destinasi tempatan, kita dapat mengenali, mengetahui dan memahami budaya bangsa, suku kaum yang terdapat di negara kita. Oleh itu, kita tidak harus melepaskan peluang keemasan jika berpeluang melancong ke dalam negara.

Selain itu, aktiviti melancong ke destinasi tempatan mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini dikatakan demikian kerana industri pelancongan tempatan negara telah membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat Malaysia. Kepesatan perkembangan industri pelancongan tempatan negara bagai cendawan tumbuh selepas hujan apabila industri perhotelan, inap desa, taman tema dan restoran serta industri pengangkutan telah bertapak di destinasi pelancongan tempatan. Dengan ini, penduduk tempatan berpeluang mengisi kekosongan pekerjaan dan membuka perniagaan kecil-kecilan seperti gerai makan, gerai cenderamata, gerai pakaian dan khidmat sewa kenderaan kecil.

Bukan itu sahaja, aktiviti melancong dalam negara merupakan aktiviti yang tidak melibatkan belanja yang besar dan kos yang tinggi. Jika dibandingkan melancong ke luar negara, kos melancong lebih mahal kerana melibatkan kadar pertukaran mata wang asing. Hal ini akan menyebabkan kita terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang besar. Berbeza pula jika kita melancong di dalam negara, kos penginapan, sewa kenderaan, perbelanjaan makan dan minum di destinasi tempatan lebih murah berbanding di luar negara. Dengan cara ini, kita dapat menjimatkan wang untuk kegunaan lain. Secara tidak langsung, aktiviti melancong di dalam negara dapat menyumbang pendapatan kepada penduduk tempatan.

Aktiviti melancong ke destinasi pelancongan tempatan mampu menjadi wahana untuk merapatkan hubungan kekeluargaan terutamanya bagi ibu bapa yang terlalu sibuk bekerja mencari rezeki sehingga terpaksa mengorbankan masa bersama dengan keluarga. Dengan melancong di dalam negara, ibu bapa tidak perlu mengeluarkan belanja yang besar malah memadai melancong ke destinasi tempatan untuk merapatkan hubungan kekeluargaan. Dalam hal ini, anak-anak akan dapat merasai keseronokan melancong apabila dapat melakukan aktiviti yang dirancang dalam pakej pelancongan seperti aktiviti menyelam, menaiki bot, bermain payung terjun dan pelbagai lagi aktiviti yang menerujakan anak-anak. Tegasnya, aktiviti ini bagai serampang dua mata kerana ibu bapa dapat membawa seluruh keluarga melancong di samping merapatkan hubungan kekeluargaan.

Sesungguhnya, banyak manfaat rakyat Malaysia melancong di dalam negara. Oleh itu, semua pihak sewajarnya mengunjungi destinasi pelancongan tempatan agar dapat memupuk rasa cinta akan negara serta bertanggungjawab untuk memastikan destinasi pelancongan tempatan tidak sekadar menjadi gajah putih yang akan terbiar lalu usang ditelan zaman.

14. PERANAN PELBAGAI PIHAK UNTUK MENGGALAKKAN INDUSTRI PELANCONGAN DI MALAYSIA

Pada tahun 2020 Malaysia, baru sahaja melancarkan Kempan Tahun Melawat Malaysia, namun semua perancangan negara tergendala lantaran wabak COVID-19 yang menyerang negara. Demi memulihkan ekonomi negara, sektor pelancongan merupakan sektor yang perlu diberi tumpuan kerana kemampuannya dalam menjana pendapatan dan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang terkesan oleh pandemik yang berlaku ini. Usaha ini memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak demi membangunkan semula ekonomi negara dan meletakkan nama Malaysia di persada dunia.

Dalam usaha untuk meletakkan nama Malaysia sebagai pusat pelancongan yang terkenal di dunia, kerajaan hendaklah bertindak agresif dengan melakukan promosi produk pelancongan kepada warga tempatan khususnya dan warga dunia secara amnya. Hal yang demikian bertujuan untuk memperkenalkan nama Malaysia melalui pelbagai aktiviti pelancongan. Melalui Kementerian Pelancongan Malaysia, pelbagai inisiatif telah diberikan oleh kerajaan kepada pengusaha-pengusaha inap desa, hotel, dan rumah tumpangan bagi membantu mereka menghadapi masalah COVID-19. Usaha berterusan ini akan dapat membantu industri pelancongan kembali berada atas landasannya seperti sebelum ini bakal memacu ekonomi negara pada tahun-tahun akan datang.

Selain kerajaan, rakyat Malaysia perlu bersama untuk menjayakan semula industri ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kunjungan rakyat Malaysia yang melancong di dalam negara dapat membantu perkembangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang turut sama bergantung harapan pada industri pelancongan. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia dapat mengambil peluang untuk membawa keluarga melancong ke destinasi pelancongan tempatan bagi menghilangkan tekanan. Dengan cara ini, banyak industri dapat dihidupkan semula oleh penduduk kampung yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan mereka dapat menarik nafas lega apabila melihat kehadiran pelancong ke kampung mereka yang menjadi pusat pelancongan .

Dari sudut yang berbeza pula, pihak swasta yang menjalankan operasi pelancongan juga perlu memainkan peranan untuk menarik minat pelancong datang ke destinasi pelancongan mereka. Pihak hotel, inap desa, dan rumah tumpangan hendaklah memberi tawaran harga yang berpatutan kepada pelancong. Mereka mestilah menyediakan perkhidmatan terbaik dengan kemudahan yang memenuhi piawaian sebagai sebuah pusat penginapan di pusat pelancongan. Pada masa sama, mereka hendaklah menjalankan operasi dengan mematuhi prosedur serta garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Secara tidak langsung, pematuhan prosedur garis panduan dan penjagaan kebersihan akan memberi keyakinan kepada rakyat Malaysia untuk melancong di dalam negara.

Manakala daripada lensa media pula, pihak media hendaklah mengambil inisiatif membantu kerajaan dan pihak swasta yang terlibat dalam industri pelancongan dengan membuat promosi dalam media cetak dan media elektronik. Mereka hendaklah mengenakan bayaran iklan yang berpatutan dan membuka peluang kepada pengusaha IKS produk pelancongan mengiklankan produk mereka dengan tawaran percuma. Usaha murni pihak media ini akan menggalakkan industri pelancongan negara terutamanya pelancongan tempatan di Malaysia

Secara keseluruhannya, industri pelancongan merupakan industri yang begitu dekat di hati masyarakat Malaysia lantaran kebanyakan kawasan Malaysia ini dikelilingi pesisiran pantai yang menjadi destinasi pelancongan. Oleh itu, usaha semua pihak untuk membangunkan semula industri pelancongan negara haruslah dipuji kerana usaha ini akan dapat membantu ekonomi tempatan agar dapat bergerak semula dalam skala yang sederhana.

15. KEBURUKAN MAKANAN RINGAN

Dasarwarsa ini, sama ada sedar atau tidak dek kemajuan negara dalam pelbagai bidang telah menyebabkan industri pemakanan negara mengalami inovasi. Lantas, produk makanan ringan digilai ramai apatah lagi dengan peningkatan jumlah penduduk terutamanya golongan muda yang semakin ramai menyebabkan makanan ringan menjadi buruan mereka. Keadaan ini bertambah buruk apabila rakyat tidak mengamalkan gaya hidup sihat. Oleh itu, penerangan demi penerangan perlu disampaikan kepada mereka tentang keburukan makanan ringan. Persoalannya, apakah implikasi buruk makanan ringan kepada masyarakat khususnya remaja pada hari ini?

Dari sudut kesihatan, makanan ringan mengandungi bahan campuran yang boleh merosakkan tubuh badan seseorang. Penggunaan pewarna dan perisa yang bukan daripada bahan organik boleh menyebabkan seseorang itu menghidap penyakit kanser. Malah kebanyakan makanan ringan mengandungi garam dan gula yang berlebihan menyebabkan mereka yang meminati makanan tersebut akan diserang penyakit berbahaya seperti penyakit darah tinggi dan penyakit kencing manis. Sebagai contohnya, makanan kerepek kentang mengandungi garam yang tinggi dan pengambilan yang berterusan akan memberi kesan pada kesihatan. Oleh itu, makanan ringan hendaklah di jauhi agar tidak menimbulkan kesan negatif pada kesihatan.

Selain kesihatan, implikasi buruk makanan ringan ini boleh dilihat dari sudut gangguan emosi atau perasaan. Bagi anak-anak yang suka menikmati makanan ringan, mereka akan mengalami ketagihan yang tidak disedari oleh ibu bapa. Mereka lebih menyukai makanan ringan tertentu dan jika ibu bapa menghalang anak-anak ini mengambil makanan tersebut, anak-anak akan memberontak dan menunjukkan tindakan di luar kelaziman mereka. Kemungkinan mereka akan menjerit dan berguling-guling di atas lantai pasar raya sekiranya permintaan mereka tidak dipenuhi. Keadaan ini disebabkan ketagihan yang dialami oleh anak-anak kesan daripada kandungan kimia yang terdapat dalam makanan atau minuman ringan bergas. Tidak dapat dinafikan bahawa, makanan ringan boleh memberi kesan negatif pada rangsangan otak seseorang.

Dari sudut yang berbeza pula, masalah obesiti dikatakan berpunca daripada makanan ringan. Kebanyakan rakyat Malaysia menghadapi masalah obesiti kerana tabiat pemakanan mereka yang suka mengambil makanan melebihi keperluan badan. Pengambilan makanan ringan yang kerap boleh menyebabkan kegemukan disebabkan kandungan lemak tidak tepu yang terdapat dalam makanan tersebut. Keadaan ini bertambah teruk dengan sikap masyarakat Malaysia yang tidak rajin bersenam atau beriadah. Kandungan kalori yang tinggi dalam makanan ringan menyebabkan rakyat Malaysia menghadapi masalah kegemukan yang melampau. Jika masalah ini tidak diambil peduli, kadar kematian akibat masalah kegemukan akan berlaku.

Tidak dinafikan bahawa, makanan ringan juga menjadi punca perubahan pola pemakanan seseorang. Kebanyakan remaja hari ini tidak mengemari makanan berat kerana mereka lebih meminati makanan ringan yang memenuhi citarasa mereka. Malah corak kehidupan yang serba pantas dan ringkas ini telah menggalakkan orang ramai meminati makanan ringan daripada mengambil makanan tradisional dengan hidangan makanan yang segar dan berkhasiat seperti nasi kerabu dan ulam-ulaman. Perubahan gaya pemakanan ini perlu diperhatikan agar tidak menjadi ekstrem sehingga menyebabkan juadah tradisional diketepikan.

Secara tuntasnya, setiap masalah yang membelenggu masyarakat hendaklah ditangani dengan bijak seperti menarik rambut di dalam tepung, tepung tidak berselerak rambut tidak putus dan tidak menuding jari menyalahkan mana-mana pihak apabila kita mengalami

kemudahan. Sesungguhnya, mencegah itu lebih baik daripada merawat, oleh itu kita disarankan agar menjaga pemakanan demi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan hidup.

16. PERANAN PELBAGAI PIHAK DALAM MENGAWAL PEMAKANAN ANAK-ANAK

Lambakan makanan ringan yang dikenali sebagai jajan atau kudapan dalam pasaran telah menimbulkan pelbagai masalah dari segi kesihatan kepada masyarakat Malaysia. Masalah ini masih belum dapat diselesaikan selagi ada permintaan dalam pasaran yang menggalakkan penjualan makanan ringan. Oleh itu, semua pihak haruslah mengambil inisiatif untuk membendung masalah ini agar tidak menjadi lebih parah. Persoalannya, apakah peranan yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak dalam mengawal pemakanan anak-anak?

Peranan utama yang signifikan dalam isu ini ialah ibu bapa. Mereka bertanggungjawab untuk memastikan pemakanan anak-anak mengikut piramid makanan. Mereka hendaklah mengelakkan pemberian makanan ringan kepada anak-anak. Tindakan ini bertujuan untuk memastikan anak-anak mengambil makanan yang seimbang dan berkhasiat. Jika tidak, anak-anak akan lebih meminati makanan ringan berbanding makanan utama malah tindakan anak-anak ini akan menyebabkan mereka tidak mengambil makanan yang diperlukan oleh tubuh badan mereka. Oleh itu, ibu bapa mestilah bersikap tegas kepada anak-anak agar mereka tidak menghadapi masalah pada kemudian hari.

Selain ibu bapa, pihak sekolah turut memainkan peranan penting dalam isu mengawal pemakanan murid di sekolah. Pihak sekolah hendaklah bersikap tegas dengan pengusaha kantin agar mereka tidak menjual makanan ringan seperti “Super Ring”, “Twistie”, “Mimi”, “Tam Tam” yang tidak berkhasiat kepada murid sekolah terutama murid sekolah rendah. Secara tidak langsung pihak sekolah perlulah bijak mencari penyelesaian agar semua pihak tidak terkesan oleh tindakan dan peraturan tersebut sesuai dengan peribahasa yang menyatakan ‘bagai menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak’.

Masalah kehadiran peniaga-peniaga di hadapan sekolah yang menjual jajan atau kudapan ini sering menyusahkan pihak sekolah dalam usaha mengawal pemakanan pelajar-pelajar. Dalam hal ini, pihak berkuasa tempatan hendaklah memainkan peranan dengan melakukan pemantauan berkala di hadapan sekolah terutamanya sekolah rendah. Pihak berkuasa tempatan hendaklah memantau dan melakukan pemeriksaan mengejut seterusnya menyaman peniaga yang berniaga di kawasan tersebut dengan merampas peralatan mereka. Tindakan tegas ini walaupun dilihat menzalimi peniaga kecil tetapi jika tidak dibendung pasti akan bertambah seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Tegasnya, pihak berkuasa tempatan perlulah bertindak tegas dalam isu yang melibatkan kepentingan awam.

Jika dilihat dari ruang lingkup yang lebih luas lagi, kerajaan juga bertanggungjawab dalam mengekang gejala ini sebelum menjadi parah. Pihak kerajaan melalui KPDNKK mestilah mengharamkan penjualan makanan ringan yang tidak sihat dan berbahaya kepada kesihatan murid. Sesetengah negara maju seperti Singapura mengharamkan penjualan gula-gula getah di negara mereka. Kedai yang menjual gula-gula getah akan dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda mencecah empat ribu ringgit. Maka kerajaan perlulah mengambil tindakan penguatkuasaan melarang dan mengharamkan penjualan makanan ringan yang berbahaya kepada kanak-kanak.

Secara keseluruhannya. Sebatang lidi mudah untuk dipatahkan tetapi seikat penyapu sukar untuk dipatahkan, begitulah juga dalam usaha menyelesaikan masalah yang membelenggu ibu bapa, guru, dan masyarakat. Kerjasama daripada semua pihak amatlah diperlukan untuk mencegah dan mengatasi masalah penjualan makanan ringan yang tidak sihat kepada kanak-kanak.

17. KEPENTINGAN MENYERTAI KOPERASI SEKOLAH

Koperasi merupakan satu entiti yang telah wujud bawah nama Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia dan diperbadankan pada 2008 dibawah nama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pada hari ini, SKM telah melebarluaskan sayapnya ke peringkat sekolah dengan tujuan memupuk jiwa dan semangat berkoperasi dalam diri murid. Pada masa yang sama, menjadi salah satu komponen dalam kegiatan kokurikulum di sekolah. Kerjasama daripada dua agensi kerajaan ini telah memberi faedah kepada murid yang menyertai koperasi sekolah. Oersoalannya ialah, apakah manfaat yang diperoleh seseorang murid apabila menyertai koperasi sekolah?

Salah satu kepentingan menyertai ahli jawatankuasa koperasi sekolah ialah pelajar akan dapat mempelajari cara pengurusan sesebuah perniagaan. Bagi murid yang terlibat dalam kegiatan kokurikulum, mereka yang terpilih dalam jawatankuasa koperasi sekolah hendaklah mengambil peluang untuk mempelajari selok-belok menguruskan sesebuah perniagaan. Mereka akan diberi tanggungjawab untuk merekod jualan, mengurus akaun, mengira stok barangan, dan menjual barang di dalam kedai koperasi. Pendedahan sebegini akan memberi pengalaman baharu kepada murid yang berminat dalam bidang perniagaan dan penjualan. Secara tidak langsung murid dapat mempelajari pengurusan sesebuah perniagaan sesuai dengan peribahasa alah bisa tegal biasa,

Selain mempelajari pengurusan berniaga, murid juga dapat meningkatkan kemahiran jual beli dengan menggunakan tataniaga yang betul. Mereka yang ditugaskan di kedai koperasi sekolah berpeluang mendapatkan kemahiran urusan jual beli harian. Hal ini dikatakan demikian kerana tatacara yang salah ketika berniaga boleh menyebabkan pelanggan yang juga merupakan murid sekolah tidak suka membeli barang di koperasi sekolah dan mereka sanggup membeli di kedai luar yang lebih mahal harga berbanding di kedai koperasi. Oleh itu, mereka mestilah menunjukkan budi pekerti yang baik di hadapan pelanggan walaupun pelanggan tersebut merupakan rakan sekelas. Dengan cara ini, apabila mereka berada di alam pekerjaan nanti, mereka akan mengetahui tatacara berniaga.

Pada masa yang sama, penglibatan mereka dalam koperasi akan tersemam dengan minat yang mendalam tentang perniagaan. Pelajar akan memiliki minda berniaga sejak alam persekolahan lagi. Hal ini akan menjadikan murid menjadi seorang enterpreneur yang berjaya pada masa akan datang. Malah ada antara murid yang telah berjaya membina empayar seperti seorang pelajar perempuan yang membuat jualan tudung sekolah melalui laman Instagram dan jualanannya mencecah ribuan ringgit. Kejayaan murid tersebut ini dapat menjadi bukti bahawa penglibatan mereka dalam koperasi sekolah telah mencambah minat mereka dalam dunia perniagaan. Tampak bahawa, koperasi menjadi pusat pembelajaran murid dalam bidang perniagaan serta memahami sepak terajang dunia perniagaan yang sebenarnya.

Dari sudut yang berbeza pula, koperasi turut memberi faedah atau dividen kepada murid yang menyertai koperasi sekolah. Sebagai ahli koperasi yang berdaftar bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), mereka akan memperoleh dividen pada setiap hujung tahun penutupan akaun koperasi. Pemberian dividen ini sebagai satu langkah positif untuk menggalakkan murid sekolah terlibat dalam pelaburan jangka masa panjang ketika mereka dewasa kelak. Tidak dapat dinafikan bahawa, insentif ini merupakan salah satu kepentingan penglibatan murid dalam koperasi sekolah yang pasti akan disokong oleh ibu bapa demi kebaikan dan masa depan anak mereka.

Secara keseluruhannya, koperasi sekolah menjadi medan pembelajaran dan pusat latihan dan pendidikan yang membentuk kemahiran berniaga dalam kalangan pelajar. Maka, ibu bapa mestilah menggalakkan dan menyokong anak-anak menyertai Koperasi Sekolah agar anak mereka memiliki minda perniagaan kelas pertama.

18. PERANAN KOPERASI SEKOLAH

Tokoh koperasi negara iaitu Allahyarham Profesor Diraja Ungku A. Aziz bin Ungku Abdul Hamid merupakan pengasas Koperasi Angkasa dan beliau telah membangkitkan semula cetusan idea tentang koperasi sekolah ini pada 1968. Usaha beliau ini telah membuahkan hasil apabila sembilan buah sekolah telah terpilih menjadi perintis penubuhan koperasi sekolah sekali gus menjadi model penubuhan koperasi di sekolah-sekolah lain. Usaha murni yang dilakukan oleh tokoh pendidikan dan koperasi negara ini semestinya mempunyai peranan yang tersendiri dan bukan hanya sekadar memenuhi aktiviti kokurikulum. Persoalannya, apakah peranan utama penubuhan koperasi di sekolah ?

Salah satu peranan utama penubuhan koperasi sekolah adalah untuk menjual peralatan sekolah dengan harga yang murah dan berpatutan untuk membantu golongan murid yang kurang berkemampuan atau miskin. Pada masa sama, murid yang miskin dapat menjimatkan wang perbelanjaan kerana mereka dapat membeli peralatan sekolah dengan harga yang murah seterusnya baki wang perbelanjaan dapat disimpan sebagai tabungan untuk masa hadapan sesuai dengan peribahasa Melayu yang mengatakan ingat sebelum kena jimat sebelum habis.

Selain itu, koperasi juga mendidik ahlinya dalam dunia perniagaan. Bagi ahli yang terpilih, mereka berpeluang menjalani latihan amali dalam bidang perniagaan. Hal ini akan dapat membentuk fikiran dan impian mereka untuk menjadi seorang enterpeneur pada masa akan datang. Malah, sikap ini akan membentuk sikap rajin bekerja dan berniaga untuk mencapai sesuatu yang diinginkan kerana bagi mereka, yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Secara tidak langsung, murid yang menjadi ahli jawatankuasa akan memiliki semangat berdikari dan menjadi anak yang bertanggungjawab pada diri, keluarga, pelajaran dan masa depan.

Di samping memupuk ilmu perniagaan, koperasi sekolah juga telah memudahkan urusan pembelian barangan dan perkhidmatan. Pada hari ini, skop koperasi sekolah semakin luas dengan menyediakan khidmat melayari Internet, mencetak dokumen dan membuat salinan dokumen bagi memudahkan pelajar mendapatkan perkhidmatan tersebut tanpa pergi ke pusat Internet di pekan yang jauh dari rumah. Secara tidak langsung koperasi sekolah berjaya mengembangkan sayap dengan menawarkan pelbagai keperluan pelajar, guru, kakitangan sekolah, dan ibu bapa.

Tidak dinafikan koperasi berperanan memupuk semangat berkumpulan yang saling menolong antara satu sama lain. Dalam hal ini, koperasi membantu ahli-ahlinya untuk mendapatkan barangan dengan harga yang murah dan berpatutan. Pada masa yang sama, koperasi memperoleh keuntungan perniagaan dan keuntungan tersebut dikongsi dengan ahli melalui pemberian dividen pada hujung tempoh perakaunan. Secara tidak langsung, dividen ini akan memberi semangat kepada warga sekolah untuk membeli barang persekolahan dan keperluan di koperasi sekolah kerana mereka akan mendapat keuntungan dividen pada akhirnya berbanding jika membeli di kedai luar yang tidak memperoleh apa-apa faedah pada hujung tahun perniagaan mereka. Terbukti bahawa, membeli di koperasi lebih besar faedahnya.

Secara konklusinya, koperasi sekolah yang diilhamkan oleh tokoh negara ini telah menjadi satu wahana yang mampu menyumbang kejayaan kepada sekolah dan pelajar. Oleh itu, sokongan padu daripada semua pihak terutamanya ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak membeli barangan di koperasi sekolah agar mereka dapat menikmati faedah secara langsung atau tidak langsung daripada koperasi.

19. LANGKAH MEMAJUKAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

Secara umumnya, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ialah industri yang diusahakan oleh syarikat tempatan dengan modal berbayar bawah 500,000. Syarikat-syarikat tempatan ini berada bawah Industri Desa dan Industri Hiliran telah mengalami pelbagai cabaran lantaran persaingan daripada syarikat luar negara yang bercawangan di Malaysia dan menyebabkan Industri Kecil dan Sederhana terpinggir daripada arus kemajuan negara. Oleh itu, satu prakarsa perlu diambil secara drastik dan efektif untuk memajukan IKS. Persoalannya, apakah tindakan untuk memajukan IKS?

Usaha yang paling efektif dalam memajukan IKS adalah dengan usaha menyuntik elemen teknologi dalam pembuatan produk. Sebenarnya, elemen teknologi ini akan memudahkan banyak perkara kepada pengusaha IKS. Namun kos pembelian mesin dan jentera ini terlalu mahal dan isu ini menyebabkan pengusaha IKS tidak berminat untuk melabur dalam pembelian mesin atau jentera pembuatan. Misalannya, industri desa yang mengeluarkan produk makanan kerepek pisang perlu melalui proses yang lama. Maka dengan suntikan teknologi, produk makanan tersebut dapat dikeluarkan dalam bungkusan yang berkualiti dan menjamin keaslian rasa kerepek pisang.

Selain elemen teknologi, pengusaha IKS juga perlu berani melakukan kajian dan pembangunan produk. Hal ini bertujuan agar produk pengeluaran mereka mampu bersaing di pasaran tempatan dan luar negara. Tidak dinafikan bahawa pelaburan dalam kajian dan pembangunan, produk IKS akan diterima lantaran memiliki ciri-ciri yang diperlukan dalam pasaran. Sebagai contohnya, sebuah syarikat yang mengeluarkan produk makanan sejuk beku telah membuat kajian dan pembangunan produk bagi meningkatkan ketahanan produk mereka apabila dinyahbekukan dan berada dalam suhu bilik mampu bertahan lebih daripada 2 jam. Keupayaan ini akan menjadikan produk sejuk beku tersebut dapat diterima oleh masyarakat. Maka keberanian pengusaha melakukan kajian dan pembangunan produk akan dapat meningkatkan daya saing produk IKS.

Pada masa yang sama, kerajaan hendaklah membantu IKS dari segi suntikan modal dalam bentuk geran atau pinjaman berkala bagi membantu pengusaha IKS menambah peralatan atau mesin pengeluaran produk, pembungkusan, dan pemasaran. Selain suntikan modal, Pengusaha IKS hendaklah mengambil peluang untuk berjumpa dan berbincang dengan agensi yang berkaitan untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada mereka. Pendek kata, peranan kerajaan melalui agensi yang berkaitan sesungguhnya dapat meningkatkan kemampuan IKS untuk terus maju di Malaysia.

Dari sudut yang berlainan pula, masyarakat tempatan haruslah memberi sokongan pada produk pengeluaran IKS. Tanpa sokongan masyarakat, produk IKS tidak dapat bergerak jauh dalam pasaran. Rentetan itu, masyarakat hendaklah mengutamakan produk IKS tempatan dengan memberi prioriti keluaran IKS sewaktu berbelanja. Semakin tinggi permintaan semakin cerahlah masa depan IKS untuk menembusi pasaran yang lebih luas sekali gus membawa industri ini untuk bersaing di arena antarabangsa. Keadaan ini menunjukkan kuasa beli tempatan amat penting dalam menentukan jatuh bangun sesebuah industri.

Secara keseluruhannya, Industri Kecil dan Sederhana merupakan nadi ekonomi negara yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak khususnya kerajaan dan agensi yang berkaitan agar dapat terus memberi sokongan dan menghulurkan bantuan kepada pengusaha IKS yang masih bertatih dalam industri agar mereka dapat bertahan dalam menghadapi cabaran persaingan tanpa sempadan. Mereka juga perlulah sentiasa bersiap siaga menghadapi perubahan era perniagaan dalam talian yang menjadikan jari sebagai kuasa beli untuk agar pengusaha IKS tidak ketinggalan daripada arus pemodenan dan kemajuan dalam pemasaran perniagaan.

20. KEPENTINGAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

Dalam era pasca-2020, negara telah mengalami perubahan norma baharu yang bukan hanya dirasai Malaysia malah seluruh dunia turut terkesan dengan pandemik yang berlaku. Lantaran itu, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) turut menerima tempias daripada keadaan yang ini. Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 2018 menjadi wahana bagi meningkatkan penglibatan usahawan bumiputera dalam IKS. Keadaan ini membuktikan bahawa kewujudan IKS ini sangat penting dalam ekonomi negara. Persoalannya, apakah kepentingan Industri Kecil dan Sederhana ini dalam ekonomi negara?

IKS ini sangat penting kerana industri ini dapat meningkatkan ekonomi penduduk di luar bandar. Walaupun pelbagai program dan nama diberikan seperti program Satu Kampung Satu Produk, Satu Daerah Satu Industri, Industri Desa dan Industri Hiliran, kesemua nama program ini ialah IKS yang dibangunkan untuk pembangunan ekonomi luar bandar. Tujuan penubuhan industri ini adalah untuk melahirkan usahawan tempatan dan pada masa yang sama industri yang dibangunkan oleh anak tempatan ini dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk kampung setempat. Sebagai contohnya, kilang membuat keropok, kilang membuat sos cili dan sos tomato, kilang kicap, kilang memproses kopi dan pelbagai lagi kilang yang dibangunkan oleh anak tempatan sememangnya mampu merangsang ekonomi negara.

Pada realitinya, IKS telah berjaya membuka peluang pekerjaan kepada penduduk kampung. Penglibatan penduduk kampung yang terdiri daripada tenaga kerja yang berkemahiran rendah digajikan dengan jumlah gaji atau upah harian yang murah. Dengan cara ini, usahawan IKS dapat menjimatkan kos operasi dan pada masa sama menyumbang pendapatan kepada penduduk setempat. Tidak dinafikan bahawa IKS dapat membuka peluang pekerjaan kepada ibu tunggal, suri rumah, dan golongan kelainan upaya untuk bekerja di kilang mereka. Hubungan akrab antara majikan dengan pekerja lantaran berasal dari kampung atau daerah yang sama bakal meningkatkan kepercayaan sesama mereka. Tambahan pula, mereka akan bekerja dengan gigih tanpa mengira masa dan hari malah pekerja tempatan ini akan sanggup mengorbankan masa mereka untuk berkhidmat dengan lebih baik lagi.

Dari sudut yang berlainan pula, IKS yang dibangunkan di kawasan luar bandar turut membantu sektor pertanian, penternakan, dan perikanan. Lazimnya IKS mendapatkan bahan mentah untuk pengeluaran produk mereka daripada penduduk kampung yang menjalankan sektor pertanian dan penternakan secara kecil-kecilan. Dengan cara ini, usahawan IKS telah membantu peningkatan ekonomi di kawasan tersebut. Sebagai contohnya, pengusaha kerepek pisang akan membeli pisang daripada pekebun-pekebun kecil yang berada di sekitar kilang mereka. Selain kos pengangkutan yang kecil, pengusaha juga memperoleh sumber pengeluaran dengan harga yang murah dan berpatutan tanpa perlu melalui peraih. Secara tidak langsung usahawan IKS dan pekebun-pekebun kecil mendapat manfaat bersama dalam situasi menangan-menang.

Di samping itu, IKS juga mampu menjadi penggalak dalam sektor pelancongan. Kewujudan IKS dalam pengeluaran cenderamata yang berupa kraf tangan daripada pelbagai etnik dan kaum di Malaysia telah menggalakkan sektor pelancongan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana cenderamata yang dibawa pulang oleh pelancong telah menggamit mereka untuk datang kembali ke Malaysia. Keadaan ini akan menyebabkan nama Malaysia sentiasa meniti dari bibir ke bibir para pelancong yang suka akan kecantikan budaya, keunikan etnik dan kaum serta keindahan pantai yang memukau mata memandangi.

Secara keseluruhannya, IKS merupakan nadi ekonomi masyarakat setempat dan juga memberi impak dalam KDNK negara. Oleh itu, kerajaan hendaklah terus memberi bantuan kepada IKS agar mereka dapat meneruskan aktiviti pengeluaran produk tempatan yang sejajar dengan matlamat negara iaitu membeli barangan tempatan.



TAYLOR'S
COLLEGE
Wisdom • Integrity • Excellence



ENGAGE EQUIP EMPOWER



The Risers adalah semangat membara yang bermula dengan anda. Bersama Taylors, sertai rakan-rakan sehaluan, kuasai kemahiran baru, dan ciptakan inovasi baru bersama.

Sertailah The Risers hari ini!

<https://college.taylors.edu.my/the-risers>



Daftar sekarang
dengan kod QR ini.



Disokong oleh
KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

1. USAHA REMAJA MEMUPUK NILAI MURNI DALAM MEMBENDUNG AKTIVITI NEGATIF

Dalam era 'TikTok, Facebook, Twitter dan Instagram' nilai hormat dan bersopan santun semakin terhakis. Jika dahulu, kita sering terdengar kenyataan yang menyebut bahawa rakyat Malaysia sebagai rakyat asia yang sangat tinggi nilai hormat dan bersopan santun. Namun, selepas menghadapi pelbagai arus kemajuan dalam media sosial yang semakin pantas, nilai-nilai murni itu semakin pupus dalam budaya dan tradisi masyarakat Malaysia. Oleh itu, sebagai seorang pelajar, saya perlu mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat agar nilai murni dapat dinobatkan semula.

Langkah pertama yang perlu saya lakukan adalah dengan menjadi pelajar yang proaktif dalam mengamalkan akhlak yang terpuji terutamanya di sekolah ketika bersama dengan rakan dan guru-guru. Sikap dan tingkah laku yang baik saya pamerkan ini akan menjadi cerminan kepada rakan-rakan untuk menjadi contoh dan ikutan kerana berkawan dengan si penjual minyak wangi, pasti akan kita mendapat wangianya. Secara tidak langsung sikap dan tingkah laku yang dizahirkan ini memberi impak positif dalam aktiviti seharian di sekolah. Tegasnya, menzahirkan akhlak yang terpuji ini pasti akan disenangi oleh rakan dan para guru dan seterusnya memupuk budaya penyayang dalam diri setiap warga sekolah.

Langkah bestari yang seterusnya adalah dengan menjadi pelajar yang mudah didekati oleh semua warga sekolah bukan sahaja rakan-rakan seperjuangan, malah para guru dan kakitangan sekolah. Sikap bagai kunyit dengan kapur yang senang berkawan, cepat mesra, peramah dan menghormati rakan menjadi inti pati saya ketika bergaul dengan rakan persekolahan. Pada masa yang sama, saya turut menjadi pelajar yang luhur budi bahasa ketika berbicara dengan guru dan kakitangan sekolah. Dengan cara ini, saya dapat melahirkan rasa kasih dan sayang dalam kalangan warga sekolah. Secara tidak langsung segala perbuatan dan aktiviti negatif oleh warga pelajar dapat terhindar.

Dalam usaha memupuk budaya penyayang, saya berpegang pada prinsip dan jati diri sendiri. Saya tidak akan mudah terikut-terikut dengan perangai buruk rakan-rakan yang sering mendorong saya untuk melakukan aktiviti tidak sihat. Sebagai remaja alaf dan norma baharu ini, dorongan-dorongan negatif sentiasa memburu saya dan berlegar-legar dalam diri, fikiran dan perasaan seseorang pelajar. Namun, sikap tegas dan berani untuk mengatakan tidak menjadi benteng ampuh menolak segala pengaruh negatif daripada rakan-rakan. Oleh itu, saya perlu menguatkan jati diri dan prinsip agar terus kukuh menjadi benteng pertahanan diri ini daripada segala hasutan yang boleh merosakkan maruah diri.

Selain langkah yang pragmatik tersebut, belajar secara istiqamah iaitu secara tetap dan berterusan turut menjadi wadah dalam langkah memupuk budaya penyayang. Sesungguhnya, pembelajaran secara beristiqamah ini amat memerlukan kerjasama daripada rakan-rakan sekolah dan guru-guru. Tanpa rakan dan guru, pembelajaran sendiri memerlukan semangat juang tinggi jika tidak, pasti kecundang. Oleh itu, sifat kasih sayang antara satu sama lain akan dapat membentuk diri saya menjadi pelajar yang cemerlang. Secara tidak langsung, sikap dan tanggungjawab memupuk budaya penyayang ini akan terhasil. Kesannya, nilai hormat-menghormati antara satu sama lain akan lahir dalam diri pelajar.

Secara tuntasnya, hidup pokok berbuah, hidup manusia berjasa ialah ungkapan peribahasa yang mendorong seseorang itu agar beriltizam untuk menyumbangkan khidmat dan jasa. Hasil usaha ini akan dapat memupuk budaya penyayang yang mampu memberi natijah kepada masyarakat yang bertanggungjawab dan prihatin. Oleh Hal yang demikian, saya akan bersungguh-sungguh menzahirkan idea-idea yang mampu menjadi titik perubahan masyarakat yang berbudaya, beretika dan penyayang. Sesungguhnya, inilah Malaysia yang menjadi harapan kita menjelang dekad yang akan datang.

2. PERANAN SEMUA PIHAK DALAM USAHA MEMBENTUK AKHLAK MULIA

Pada alaf pandemik COVID-19 ini, masalah pembangunan sahsiah anak-anak ini sering menjadi bahan perbincangan dalam kalangan ibu bapa dan pemimpin negara. Pelbagai kisah duka terpapar di dada-dada akhbar arus perdana malah sering menjadi topik hangat perbincangan dalam kalangan masyarakat setempat tentang kebejatan akhlak remaja yang berlaku di negara kita. Masalah ini tidak seharusnya dipandang sipi. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan masing-masing untuk mengatasi masalah ini

Salah satu peranan yang harus dimainkan oleh ibu bapa adalah dengan menjadi suri teladan kepada anak-anak kerana ibu bapa merupakan cerminan sahsiah anak-anak. Sebagai contoh, ibu bapa perlulah menuturkan kata-kata yang elok dan sopan di hadapan anak-anak serta tidak bertegang urat sehingga mengabaikan adab sebagai ibu bapa. Dengan tindakan tersebut, anak-anak pasti akan menjadikan ibu bapa mereka sebagai contoh ikutan mereka. Hal ini sesuai dengan peribahasa, “bagaimana acuan, begitulah kuihnya”. Dengan ini, usaha untuk merealisasikan pembangunan negara dapat dijayakan dengan lahirnya remaja yang bersahsiah mulia. Tegasnya, sahsiah mulia anak-anak dapat dibentuk melalui sahsiah ibu bapa.

Selain itu, ibu bapa perlulah memainkan peranan mereka dengan memberikan didikan agama kepada anak-anak sama ada melalui asuhan di rumah atau didikan di sekolah. Mereka akan pincang sekiranya ibu bapa tidak cakna dalam soal memberikan didikan agama. Hal ini dikatakan demikian kerana didikan agama yang utuh, anak-anak akan dapat membezakan antara intan dengan kaca serta mampu untuk menghalang nafsu daripada menguasai diri seperti peribahasa Melayu yang mengatakan beraja di mata bersultan di hati. Sebagai satu tamsilan, anak-anak akan menunaikan solat dan berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh ketaatan dan kesempurnaan. Jelaslah bahawa, asuhan dan didikan agama ke dalam jiwa setiap remaja dapat membentuk akhlak mulia dalam diri anak-anak itu sendiri.

Seterusnya, guru-guru juga merupakan golongan yang dipercayai oleh remaja dan mereka banyak menghabiskan masa bersama di sekolah. Hubungan akrab ini terjalin bertahun-tahun sehingga guru dianggap sebagai ibu bapa. Dengan cara ini, guru-guru akan lebih mudah memberi pendidikan kepada mereka. Secara tidak langsung, guru-guru hendaklah menonjolkan akhlak atau keperibadian mulia agar menjadi contoh dan ikutan pelajar. Oleh itu, berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi. Maka pelajar perlu belajar dengan bersungguh-sungguh agar dapat membalas jasa guru dan ibu bapa.

Bukan itu sahaja, masyarakat hendaklah cakna dengan kebejatan akhlak remaja dan tidak hanya memekakkan telinga dan membutakan mata serta membiarkan remaja beraja di mata dan bersultan di hati. Masyarakat hendaklah sensitif dengan aktiviti remaja yang di luar batas norma kehidupan dan budaya masyarakat Malaysia. Mereka hendaklah menegur remaja daripada melakukan perbuatan yang mencolok mata sehingga menjadi polemik dalam masyarakat dan penduduk setempat. Secara tidak langsung, masyarakat bertanggungjawab untuk memandu arah remaja agar berada di landasan yang betul sebagai persediaan membentuk generasi kepimpinan negara. Oleh itu, masyarakat juga menjadi cerminan kepada remaja

Secara intihanya, semua pihak tidak terlepas daripada tanggungjawab dalam memupuk akhlak remaja. Penyelesaian daripada satu pihak saja tidak akan menjamin keberhasilan dalam pemupukan akhlak remaja. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama, berganding bahu, dan tolong-menolong dalam usaha meningkatkan kualiti remaja di negara kita agar tidak menjadi duri dalam daging kepada keluarga, masyarakat dan negara. Sesungguhnya, kita mampu untuk melakukannya kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Pelbagai pihak perlulah memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing kerana kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

3. IMPLIKASI YANG PERLU DITEMPUH OELH MASYARAKAT KETIKA BERLAKU BENCANA ALAM.

Dalam arus mengejar kemodenan negara, aktiviti perusahaan dan pembuatan barangan telah memberi impak negatif kepada alam sekitar. Walau bagaimanapun, tindakan tidak berhati perut ini akhirnya memberi impak kepada manusia itu sendiri. Mereka terpaksa menghadapi kesukaran hidup akibat kecuaiannya mereka dalam penjagaan alam sekitar. Persoalannya, apakah implikasi yang perlu ditempuhi oleh masyarakat dalam menghadapi situasi ini.

Salah satu implikasi buruk yang dikenal pasti ialah kepupusan habitat haiwan. Haiwan – haiwan ini akan kepupusan habitat kerana bahan tercemar telah memusnahkan tempat tinggal mereka. Kebanyakan haiwan telah hilang sumber makanan, rantai makanan haiwan juga terputus akibat pencemaran alam ini menyebabkan spesies-spesies haiwan liar yang sukar ditemui semakin pupus. Akibatnya haiwan terlindung di dalam Hutan Hujan Tropika semakin sukar ditemui seperti gajah, harimau belang, badak sumbu dan tapir.

Selain itu, lapisan ozon bumi yang melindungi hidupan di bumi juga akan mengalami penyusutan kesan daripada pencemaran udara yang berlaku. Penggunaan alat pendingin udara dan alat semburan seperti semburan cat, semburan minyak yang banyak digunakan dalam kehidupan boleh menipiskan lapisan ozon ini. Hal ini mengakibatkan cahaya matahari yang sampai ke bumi menyebabkan manusia mudah menghidap penyakit barah kulit yang amat berbahaya kepada manusia dan juga hidupan lain. Akibatnya, pada hari cuaca panas terik yang melampau terjadi fenomena atau bencana alam di sesetengah kawasan.

Seterusnya, udara tercemar juga disebabkan terbentuknya hujan asid hasil gabungan gas yang terkandung dalam air hujan. Hal ini berlaku apabila gas tersebut dibebaskan ke udara lalu bertindak balas dengan wap air yang terdapat di atmosfera seterusnya menjadi asid sulfurik dan asid nitrik. Asid itu akan turun bersama-sama dengan hujan lalu membasahi hidupan yang terdapat di bumi. Akibatnya, tumbuh-tumbuhan dan juga hidupan air musnah lalu boleh menghakis pakaian, kertas dan bahan binaan bangunan. Malangnya, tanah-tanah turut terkesan lalu menyebabkan hasil tanah menjadi kurang. Tegasnya, hujan asid ini akan memberi impak besar dalam kehidupan.

Di samping itu, kesan yang paling ketara dan hangat diperkatakan oleh seluruh warga dunia pada masa ini ialah kesan pemanasan global yang berpunca daripada rumah hijau. Pemanasan global ini berlaku disebabkan kenaikan suhu bumi dan penipisan lapisan ozon yang dirasai oleh penduduk bumi. Keadaan ini disebabkan oleh pembebasan gas-gas karbon dioksida yang terkumpul di dalam udara. Akibat gas karbon dioksida yang terkumpul terlalu banyak, haba terperangkap di bumi sehingga menjadi panas lalu lapisan ozon menjadi nipis. Akibatnya, ekosistem terganggu, bencana alam kerap terjadi dan berlaku kejadian alam yang tidak normal. Aktiviti pembakaran terbuka juga sedikit sebanyak memberi kesan kepada suhu di bumi dan seterusnya menjejaskan kualiti udara.

Secara tuntasnya, implikasi daripada pencemaran alam ini telah memberi kesedaran kepada semua pihak tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan secara tidak langsung membuka peluang dan ruang untuk membaik pulih kerosakan yang telah dilakukan oleh manusia dan masyarakat dunia secara amnya akan mula menghargai alam sekitar. Sesungguhnya setiap kemelut yang berlaku menjadi pengajaran kepada generasi akan datang sesuai dengan peribahasa lalu, yang buruk dijadikan sempadan dan yang baik dijadikan teladan.

4. USAHA MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Dasawarsa ini, kes pencemaran alam semakin kerap didedahkan oleh media elektronik dan media cetak. Keadaan ini mula mendapat perhatian semua pihak terutama dalam media sosial yang lebih terbuka sehingga menimbulkan kecaman yang berbau kepada kerajaan. Sikap tunggu dan lihat ini menimbulkan kegusaran kepada masyarakat khususnya golongan B40 yang merupakan golongan berpendapatan di bawah RM 4000 selalunya terperangkap dalam masalah ekonomi dan sosial. Oleh itu, satu prakarsa perlu digembleng oleh semua pihak demi memastikan kelestarian alam sekitar dan kita perlu meneliti usaha-usaha yang dapat kita lakukan demi menyelamatkan alam sekitar.

Peranan pertama yang perlu kita ambil dalam usaha menyelamatkan alam sekitar adalah dengan bermula di rumah. Ibu bapa berperanan mendidik anak tentang kepentingan penjagaan alam sekitar. Mereka perlulah mendidik anak-anak sejak kecil lagi cara menghargai alam iaitu dengan tidak membuang sampah merata-rata. Melentur buluh biarlah daripada rebungunya, merupakan peribahasa yang sering kali dikaitkan dengan peranan ibu bapa mendidik anak sejak kecil kerana pendidikan tidak formal di rumah ini akan dapat memupuk nilai murni dalam diri anak-anak. Aktiviti bercucuk tanam di halaman tepi rumah merupakan satu aktiviti sihat yang dapat memupuk rasa cinta akan alam sekitar. Keadaan ini secara tidak langsung memupuk jiwa anak-anak untuk memelihara alam sekitar daripada sebarang pencemaran.

Selain peranan ibu bapa, pendidikan formal di sekolah turut berperanan dalam usaha memupuk anak-anak mencintai alam sekitar. Pembelajaran subjek-subjek tertentu seperti subjek Sains dan Sivik akan dapat membuka minda pelajar tentang kepentingan alam sekitar kepada mereka. Selain pembelajaran di dalam kelas, semua pelajar wajib menyertai Kelab Pencinta Alam yang merupakan sebahagian aktiviti kokurikulum. Aktiviti di luar bilik darjah pasti akan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang kepentingan penjagaan alam sekitar justeru pelajar akan dapat dipupuk untuk mencintai alam sekitar.

Di samping itu, masyarakat merupakan komuniti besar yang berperanan menjaga alam sekitar. Masyarakat yang tinggal berhampiran sungai, mereka dipertanggungjawabkan menjaga sungai melalui konsep sungai angkat. Komuniti di kawasan sungai tersebut perlu memastikan keadaan sungai terpelihara daripada sebarang aktiviti pencemaran. Mereka hendaklah melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan kepada pihak berkuasa. Secara tidak langsung, tindakan ini menimbulkan rasa cinta akan alam sekitar kepada masyarakat.

Hari ini media elektronik begitu dekat dengan masyarakat. Tidak dinafikan kecanggihan telefon bimbit menjadikan maklumat dapat dikongsi dengan cepat. Kewujudan laman berita alternatif seperti MalaysiaKini, dan Malaysia Gazzet mampu memberi laporan berita tentang kegiatan-kegiatan merosakkan alam sekitar. Laporan seperti ini akan membuka minda masyarakat seterusnya melakukan hebahan kepada semua melalui medium komunikasi masing-masing. Ungkapan bagai katak di bawah tempurung mungkin tidak sesuai diguna pakai dalam era milinium ini memandangkan semua informasi berada di hujung jari. Namun "jika tidak pasti, jangan kongsi itulah" merupakan saranan terbaik yang disampaikan oleh SKMM (Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia).

Secara keseluruhannya, setiap masalah yang terjadi merupakan satu ujian daripada Tuhan agar hambanya dapat berfikir dan mencari penyelesaian dengan bijak, bagai menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak. Pada masa yang sama masalah yang berlaku ini membuka peluang dan ruang serta kesedaran kepada kita semua untuk berfikir secara positif dan pragmatik. Jika semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing, nescaya usaha mencegah pencemaran alam sekitar ini akan dapat dijayakan dengan mudah demi memastikan alam sekitar ini dapat kita wariskan kepada generasi akan datang agar

mereka tidak merasa sedih dan kesal menerima alam sekitar yang tercemar daripada tangan nenek moyang mereka.

5. USAHA KERAJAAN BAGI MENANGANI KES PENCEMARAN ALAM SEKITAR.

Baru-baru ini, masyarakat dikejutkan dengan berita ketiadaan air terawat akibat pencemaran yang berlaku di loji rawatan air. Masalah ini bukan perkara baharu kerana orang ramai sering mengalami masalah ketiadaan air akibat penutupan air disebabkan loji rawatan air telah tercemar. Perkara ini dipandang serius oleh pihak kerajaan sehingga tertangkapnya pengusaha yang menjadi dalang dalam aktiviti pencemaran tersebut. Namun, tindakan yang lebih proaktif perlu diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah ini dan bukan hanya sekadar 'tunggu dan lihat' sahaja masalah yang berlaku. Oleh itu, jalan penyelesaian perlu dicari bagi memastikan kemasalahatan masyarakat terjamin.

Salah satu tindakan yang wajib diambil oleh kerajaan iaitu bersikap tegas dalam penguatkuasaan undang-undang. Kerajaan seharusnya mengenakan tindakan undang-undang yang keras kepada penjenayah-penjenayah alam sekitar ini. Mereka perlu dikenakan hukuman berat dan bukan sekadar denda yang besar sahaja kerana mereka mampu untuk menyelesaikan denda-denda tersebut. Mereka yang terlibat perlu dikenakan hukuman penjara dan dikenakan denda yang besar sebagai ganti rugi yang dialami oleh kerajaan dan masyarakat yang terkesan dengan perbuatan mereka. Tindakan kerajaan ini pasti akan menggerunkan pengusaha-pengusaha yang berhasrat untuk melakukan tindakan yang sama.

Selain tindakan drastik yang diambil oleh kerajaan terhadap syarikat yang menjadi onar dalam pencemaran alam ini, tindakan tegas lagi drastik juga perlu diambil terhadap kakitangan kerajaan yang culas dalam melakukan tindakan penguatkuasaan. Malah kerajaan perlu melakukan siasatan terhadap pegawai-pegawai penguatkuasaan yang mungkin bersikap menutup sebelah mata sambil menerima habuan di tangan. Tindakan yang tidak amanah dan berintegriti ini perlu ditangani diperingkat akar umbi agar masalah rasuah tidak menjadi barah yang menghancurkan negara. Tindakan tegas ini pasti akan menggerunkan kakitangan kerajaan untuk bersikap culas ketika melakukan pekerjaan atau berani menerima habuan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Bukan itu sahaja, kerajaan perlulah bijak menangani masalah ini, ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak. Kerajaan perlu bijak mengaturkan usaha-usaha menggalakkan syarikat-syarikat untuk membuang sisa toksik melalui sistem pembuangan berjadual yang telah tersedia. Galakan-galakan ini boleh diterjemahkan dalam bentuk pengecualian cukai syarikat sebagai ganjaran atas sokongan terhadap ekosistem negara. Insentif-insentif ini sebagai satu rangsangan kepada syarikat untuk terus menjaga alam sekitar dan menjamin kelestarian alam. Secara tidak langsung, kerajaan bukan sahaja dilihat tegas dalam tindakan tetapi juga berhemah dalam menyelesaikan masalah.

Ganjaran yang berpadanan juga boleh ditawarkan kepada rakyat yang berani tampil memberikan maklumat tentang pencemaran sungai yang berlaku. Usaha murni kerajaan ini pasti menggalakan penglibatan rakyat atau masyarakat setempat membantu kerajaan menangani masalah pencemaran alam khususnya pencemaran sungai. Maklumat yang diperoleh akan memudahkan kerajaan mengambil tindakan terhadap penjenayah alam sekitar ini. Sedikit sebanyak, kerajaan dapat menyelesaikan masalah yang berlaku dengan cepat dan pantas tanpa perlu mengambil masa lama untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap penjenayah alam sekitar.

Secara tuntasnya, setiap masalah yang berlaku pasti ada penyelesaiannya, begitu juga masalah pencemaran sungai yang berlaku di negara kita ini. Namun, jika dibiarkan masalah ini berlarutan tanpa sebarang tindakan daripada kerajaan, pasti akan menjejaskan kehidupan sama ada dari segi kesihatan, ekonomi dan sosial. Oleh itu, usaha kerajaan ini perlulah mendapat sokongan daripada rakyat agar sama-sama menangani masalah pencemaran sungai yang berlaku ini, jika tidak isu ini pasti akan menjadi sejarah hitam kepada negara yang akan diwarisi oleh generasi kepimpinan negara akan datang.

6. FAKTOR YANG MENJADI PUNCA PENINGKATAN KES PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Pada alaf mengejar arus kemodenan negara, isu alam sekitar sentiasa terpalit dalam setiap perbualan pengamal media, perbincangan pemimpin negara dan keresahan kepada rakyat marhaen yang secara langsung menerima tempias daripada pencemaran yang berlaku. Pencemaran alam sekitar terbahagi kepada tiga jenis iaitu pencemaran air, pencemaran udara dan pencemaran bunyi. Banyak insiden telah memberi kesan langsung kepada rakyat yang akhirnya terpaksa menanggung derita, orang lain makan nangka, orang lain kena getahnya. Persoalan yang masih bermain dalam fikiran, apakah faktor yang menjadi pendorong peningkatan kes pencemaran alam sekitar?

Faktor utama isu yang menjadi polemik dalam masyarakat hari ini ialah sikap tidak bertanggungjawab individu dalam penjagaan alam sekitar. Sikap masyarakat yang masih tidak berubah sejak dahulu lagi menjadi faktor pencemaran alam. Mereka tidak peka akan sistem pembuangan sampah yang telah disarankan oleh kerajaan. Pelbagai kempen dan inisiatif telah diberikan oleh kerajaan malah kempen Kitar Semula tidak diambil peduli oleh rakyat. Mereka membuang sampah merata tempat seolah-olah tiada rasa kasih dan sayang terhadap negara. . Sikap mereka ini menjadikan masalah semakin parah tambahan pula sikap suka menuding jari menyalahkan pihak lain lalu akibatnya masalah pencemaran alam terus berlaku dan membelenggu kehidupan masyarakat.

Selain itu, pembuangan sisa industri dan pertanian yang tidak terkawal juga tersenarai dalam punca pencemaran alam. Syarikat swasta yang beroperasi secara sah atau haram mengambil jalan mudah dengan membuang sisa industri ke dalam sungai. Manakala pengusaha pertanian pula menggunakan bahan kimia dalam operasi pertanian mereka. Sikap tidak bertanggungjawab ini akhirnya mengundang padah yang akan menyusahkan semua pihak. Tegasnya, sikap pengusaha industri dan pertanian perlulah dipantau agar tidak menjadi beban kepada kerajaan apabila berlaku pencemaran alam.

Masalah penguatkuasaan undang-undang yang lemah merupakan isu yang tiada berkesudahan. Kelemahan ini disebabkan jumlah tenaga kerja bahagian penguatkuasaan agak kurang diminati. Malah, isu integriti turut terpalit dengan kakitangan penguatkuasa. Mereka bersekongkol dengan syarikat-syarikat swasta yang sanggup memberi imbuhan lumayan bagi menghalang segala tindakan penguatkuasaan terhadap mereka. Keadaan ini menyebabkan isu pencemaran alam masih berlaku dan syarikat atau kilang yang terlibat masih beroperasi sehingga hari ini seolah-olah tidak melakukan sebarang dosa kepada masyarakat dan negara. Sesungguhnya, keadaan ini amat memalukan negara apabila penjenayah masih terus bermaharajala.

Di samping itu, pencemaran alam juga berlaku disebabkan pembakaran terbuka. Pembakaran terbuka ini kebiasaannya dilakukan oleh penduduk dan masyarakat. Mereka membakar sampah akibat sampah terlalu banyak dan tidak dikutip oleh kontraktor yang dipertanggungjawabkan. Keadaan ini memaksa penduduk dan masyarakat melakukan pembakaran terbuka. Malangnya, pembakaran terbuka ini membebaskan bau busuk daripada sampah-sampah tersebut. Malah petani sawah di utara tana hair juga melakukan tindakan sama iaitu membakar serkam padi. Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan pencemaran udara tetapi pencemaran bau juga berlaku.

Secara keseluruhannya, masalah pencemaran alam sekitar ini memerlukan semua pihak agar berganding bahu, duduk semeja, mencari kata sepakat, sebulat suara dan bersatu hati menangani masalah yang masih tiada kelihatan titik noktah penyelesaian yang mungkin masih jauh perjalanannya. Namun jika tidak bermula dari sekarang, pasti kita tidak akan berjaya mengatasi isu pencemaran alam sekitar kerana kesemua kejayaan bermula dengan langkah pertama.

7. KEPENTINGAN MEMBACA

Membaca jambatan ilmu, merupakan peribahasa yang menunjukkan kepentingan membaca kepada kita. Amalan membaca ini merupakan satu amalan yang amat berfaedah namun tidak ramai yang menjadikan amalan membaca sebagai hobi mereka. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk membetulkan kembali pandangan songsang ini agar tidak terus menyesatkan remaja pada hari ini dengan menjelaskan faedah atau kepentingan membaca kepada mereka.

Salah satu faedah membaca yang signifikan kepada remaja hari ini ialah seseorang yang suka membaca mempunyai minda yang sihat dan positif. Mereka tidak mudah terpengaruh oleh hasutan atau pandangan negatif daripada orang lain. Mereka dihormati kerana berpegang pada pendapat tokoh-tokoh terkenal dalam sesuatu bidang. Buku-buku ilmiah karya agung tokoh pemikiran dunia perubatan dan kedokteran seperti Ibnu Khaldun, menjadikan seseorang pembaca itu memiliki rujukan tersendiri. Oleh itu, pemikiran kita akan sentiasa sihat dan berkembang secara positif serta kreatif, kritis dan mempunyai wawasan.

Selain itu, amalan suka membaca juga boleh meningkatkan perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa. Seseorang itu harus bijak memilih bahan bacaan agar perbendaharaan kata yang diperolehi akan dapat meningkatkan penguasaan bahasa. Jika seseorang itu membaca buku novel, maka perbendaharaan kata yang diperolehi berbeza daripada pembacaan buku ilmiah. Maka untuk meluaskan perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa adalah wajar seseorang itu membaca mengikut kecederungan dan keperluan mereka dalam berbahasa. Secara tidak langsung, membaca mampu membina keyakinan diri dan keberanian untuk berbicara dengan sesiapa sahaja.

Di samping itu, tabiat gemar membaca buku boleh menambah pengetahuan kita. Dengan membaca, sesuatu ilmu itu akan dapat diteroka dengan lebih mendalam dan lebih luas lagi tanpa sempadan. Sebagai satu tamsilan, perniagaan dalam talian yang sedang meledak pada era norma baharu ini telah meningkatkan penjualan e-buku. Hal ini membuktikan kepentingan membaca dapat membuka peluang baharu kepada mereka. Dengan itu, pengetahuan mereka dalam konsep perniagaan dalam talian telah berkembang dan secara tidak langsung pembacaan tersebut juga mampu menjana pendapatan kepada mereka.

Seterusnya, masa lapang kita akan terisi dengan perkara berfaedah jika kita suka membaca. Mereka yang suka membaca akan sentiasa membawa buku ke mana-mana sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila mereka berada dalam situasi masa senggang atau lapang, mereka akan terus membuka buku yang dibawa lalu membacanya. Masa mereka sentiasa terisi dengan aktiviti membaca sahaja. Mereka akan membaca mengikut kecederungan dan minat mereka. Oleh itu, masa lapang kita tidak akan terbuang dengan sia-sia kerana masa itu emas dan perlu kita hargai.

Secara tuntasnya, amalan membaca ini haruslah dijadikan budaya dalam kehidupan agar amalan ini terus diamalkan dari zaman ke zaman tanpa perlu lagi diadakan kempen kesedaran kepada masyarakat. Kesedaran ini harus timbul dalam diri kita sendiri untuk berubah menjadi lebih baik dari hari semalam. Perubahan paradigma pemikiran ini bakal mengangkat sesuatu bangsa itu agar lebih dihormati dan dikagumi pada masa akan datang. Sejarah telah membuktikan kejayaan zaman dahulu dalam meneroka pelbagai bidang ilmu adalah bermula daripada amalan membaca sehingga lahirnya tokoh-tokoh terbilang dalam pelbagai bidang ilmu dan kajian. Oleh itu, jika kita ingin menjadi bangsa yang berjaya, maka generasi akan datang haruslah dipupuk dengan amalan membaca.

8. IBU BAPA PENDORONG ANAK-ANAK DALAM MEREALISASIKAN BUDAYA MEMBACA - PIDATO

Yang saya hormati, tuan pengerusi majlis, barisan panel hakim yang arif lagi bijaksana, saudara penjaga masa yang sentiasa jitu dan tepat waktunya, guru-guru yang dikasihi, seterusnya rakan-rakan seperjuangan,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Pada pagi yang mulia dan berbahagia ini, saya telah diberi peluang untuk berdiri di persada pertandingan pidato peringkat sekolah dengan mendukung tajuk 'Ibu Bapa Pendorong Anak - anak dalam Merealisasikan Budaya Membaca.'

Hadiri dan hadirat yang dihormati,

Sebelum saya membawa bahtera pidato ini jauh ke tengah lautan perbincangan, izikan saya merujuk satu kandungan yang tersurat mahupun tersirat daripada Surah Al Alaq, nescaya jawapan yang diperoleh tentulah amalan membaca merupakan suatu kewajipan. Kewajipan membaca bukan hanya sebagai syarat untuk persediaan menghadapi peperiksaan semata-mata, sebaliknya merupakan tanggungjawab sebagai rakyat untuk melahirkan insan yang bijaksana, dan hebat menguasai dunia keilmuan. Oleh itu, sejajar dengan pandangan orang dulu-dulu, pendidikan itu bermula dari rumah, maka keluarga haruslah bersikap proaktif dalam usaha memupuk semula amalan membaca.

Ibu bapa merupakan pemegang amanah Tuhan yang diberi tanggungjawab dan peranan untuk mendidik anak menjadi insan kamil, maka mereka perlu menjadikan aktiviti membaca sebagai agenda wajib dalam rumah tangga. Ibu bapa perlu menjadikan amalan membaca sebagai satu rutin harian yang wajib dilakukan sebelum memulakan sebarang aktiviti. Mungkin ibu bapa boleh memulakan pembacaan sebelum atau semasa bersarapan sambil mengajak anak-anak untuk turut bersama menyertai aktiviti tersebut. Oleh itu ibu bapa hendaklah menjadikan amalan membaca sebagai satu amalan penting setaraf dengan keperluan asasi yang lain seperti makan, minum, riadah dan semua aktiviti keluarga

Hadirin yang dikasihi,

Selain langkah pragmatik tersebut, Ibu bapa yang berkelulusan tinggi dalam akademik hendaklah menunjukkan karisma sebagai golongan terpelajar dan berfikir. Mereka perlulah mencetuskan idea-idea baharu, bernas dan matang melalui pengalaman membaca yang pernah dilalui oleh mereka. Cetusan idea yang berinovasi daripada ibu bapa yang membantu anak-anak dalam menyiapkan kerja-kerja sekolah akan melahirkan rasa bangga anak-anak atas kebolehan ibu bapa mereka. Secara tidak langsung, anak-anak menyakini bahawa hanya dengan membaca, mereka akan dapat melahirkan idea bernas dan berinovasi. Tindakan ini pasti akan menatijahkan sesuatu yang positif dalam budaya membaca di rumah

Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk membentuk tabiat membaca merupakan satu aspek signifikan yang perlu dititikberatkan oleh ibu bapa. Mereka perlulah berusaha melengkapkan semua sudut di dalam rumah dengan prasarana membaca dan bahan-bahan bacaan yang pelbagai bidang bukan hanya menyediakan sebuah bilik perpustakaan kecil sahaja malah melengkapi setiap sudut rumah dengan ruang bacaan. Persekitaran ini pastinya akan menggamit hati untuk menyentuh, mengambil, menyelak lalu membaca buku-buku yang tersusun kemas di ruang bacaan tersebut. Malah ruang bacaan ini akan lebih 'hidup' dan tidak sekadar menjadi ruang kosong yang penuh dengan debu dan habuk sahaja. Hasilnya, tabiat membaca menjadi satu budaya sihat dalam rumah tangga.

Hadirin dan hadirat,

Secara keseluruhannya, ibu bapa merupakan arkitek utama yang melakari landskap kehidupan anak mereka. Maka, ibu bapa berperanan penting untuk mencorakkan mereka mengikut acuan dan landasan yang betul. Oleh itu, budaya membaca dalam keluarga akan

menjadi pemangkin kepada kejayaan anak-anak dalam apa-apa bidang yang diminati oleh mereka.

9. PUNCA REMAJA KURANG MINAT MEMBACA

Dalam era gajet yang berteknologi tinggi hari ini, remaja dibekalkan telefon pintar oleh ibu bapa untuk memudahkan komunikasi. Malangnya, peranti elektronik tersebut menyebabkan pelajar kurang berminat membaca dan lebih terpengaruh oleh aplikasi yang terdapat dalam telefon pintar tersebut. Remaja menggunakan bahasa singkat dalam perbualan mereka. Pengetahuan am mereka amat terhad dan hanya mengharapkan bantuan enjin pencarian maklumat seperti “Google” untuk mendapatkan informasi. Masalah ini menyebabkan mereka tiada asas pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu perkara. Oleh itu, untuk mengelakkan remaja kita terus hanyut dalam dunia tanpa sempadan ini, maka kita perlu meneliti punca remaja kurang minat membaca.

Salah satu punca yang signifikan dalam isu ini ialah sikap remaja itu sendiri yang malas dan tidak minat membaca. Sikap malas ini mula bercambah dalam diri remaja sejak di bangku sekolah lagi. Mereka membaca apabila ditegur, dimarah oleh ibu bapa di rumah dan guru di sekolah. Mereka beranggapan membaca sebagai satu aktiviti yang tidak menyeronokkan dan membosankan. Jika tidak diambil tindakan segera oleh ibu bapa, sikap ini akan melarat dan merosakkan masa depan remaja itu sendiri. Ungkapan dahulu kala ada menyatakan malas bergerak tidak merasa. Pasti tindakan mereka yang malas membaca ini akan berjangkit pada pekerjaan lain pula yang akhirnya mereka malas untuk bekerja dan berusaha dalam hidup.

Selain itu, ibu bapa yang terlalu memberi kebebasan kepada anak mereka untuk membuat sebarang keputusan adalah tidak wajar. Mereka tidak memberi teguran terhadap sikap anak yang kurang membaca menyebabkan budaya membaca tidak wujud dalam keluarga. Apatah lagi ibu bapa sendiri tidak menunjukkan teladan kepada anak-anak. Mereka juga tidak berminat untuk membaca sehingga anak-anak mereka dibiarkan untuk melakukan apa-apa sahaja pada waktu senggang. Secara tidak langsung, situasi ini menggambarkan kegagalan keluarga ini membentuk suasana kondusif untuk anak-anak mereka membaca ditambah lagi dengan pemberian kebebasan mutlak kepada anak.

Di samping itu, faktor lain yang menjadi punca remaja kurang minat membaca adalah disebabkan pengaruh rancangan televisyen. Kehadiran televisyen pintar dan televisyen android telah menjadikan televisyen sebagai salah satu alat elektronik yang utama dalam sesebuah rumah. Mereka boleh menonton dan melayari Internet melalui televisyen yang ada. Malah kewujudan kotak android yang merupakan alat peranti menyebabkan mereka mampu menonton pelbagai siaran dunia tanpa sekatan dan sempadan. Mereka dapat menonton lebih 800 siaran rancangan di seluruh dunia. Akhirnya, waktu membaca hanyalah menjadi aktiviti paksaan apabila digesa oleh pihak sekolah demi menjayakan aktiviti NILAM sahaja.

Faktor lain yang mendorong remaja sehingga mereka tidak minat membaca ialah rakan mereka sendiri. Rakan ialah orang yang paling dekat dengan remaja, mereka kerap bersama di sekolah dan banyak menghabiskan masa bersama. Pengaruh rakan lebih kuat daripada nasihat dan teguran ibu bapa. Malah, mereka lebih mempercayai rakan berbanding orang lain. Akibatnya, apabila remaja berkawan dengan rakan yang tidak minat membaca maka remaja akhirnya akan terpengaruh dan mengikut perangai rakannya yang tidak minat membaca. Maka benarlah peribahasa dahulu ada mengatakan, berkawan dengan tukang besi, kita akan rasa bahangnya, inilah gambaran yang menjelaskan betapa kawan mempengaruhi sikap seseorang remaja.

Secara kesimpulannya, minat membaca tidak boleh dipaksa atau diugut dengan pelbagai cara tetapi minat membaca ini boleh dipupuk dan disemai untuk menjadi hobi yang berfaedah dalam diri seseorang. Tiada orang lain yang dapat memupuk minat membaca kecuali dorongan diri sendiri untuk membaca. Sesungguhnya membaca itu merupakan satu proses memperoleh ilmu pengetahuan. Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab untuk memastikan anak-anak mempunyai minat membaca kerana pendidikan awal itu bermula di rumah.

10. PERANAN IBU BAPA MELAHIRKAN GENERASI YANG CINTA AKAN ILMU PENGETAHUAN

Pada alaf norma baharu yang terkesan dengan fenomena pandemik Novel Coronavirus-19 (COVID-19), ibu bapa berpeluang mengambil manfaat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menggalakkan anak-anak membaca bahan-bahan ilmiah sebagai persediaan menggantikan sesi persekolahan yang tergantung akibat pandemik tersebut. Bagi mengelakkan anak-anak melakukan aktiviti yang tidak berfaedah di rumah, maka ibu bapa merupakan insan yang bertanggungjawab untuk melahirkan anak yang berilmu, bersahsiah baik dan dihormati oleh orang lain. Persoalannya, apakah langkah bestari yang perlu diambil oleh ibu bapa untuk melahirkan generasi yang cinta akan ilmu pengetahuan?

Salah satu langkah yang lazim dilakukan oleh ibu bapa dalam menggalakkan anak mereka membaca bahan ilmiah adalah dengan membawa mereka ke pameran buku atau pesta jualan buku. Pameran Buku Antarabangsa yang diadakan di PWTC selalu menjadi destinasi kunjungan ibu bapa membawa anak-anak membeli buku yang bersesuaian dengan minat dan kecenderungan mereka. Dalam hal ini, ibu bapa amat penting untuk memainkan peranan dengan membimbing anak-anak agar dapat memilih buku berkualiti yang mampu membina pemikiran atau minda anak-anak. Tegasnya, usaha ibu bapa membawa anak-anak mereka ke pameran buku merupakan salah satu langkah efektif yang melahirkan minat anak-anak untuk membaca karya-karya ilmiah.

Bagaimana acuan, begitulah kuitnya merupakan peribahasa yang perlu difahami oleh ibu bapa agar mereka dapat menjadi contoh ikutan anak-anak dalam pelbagai aspek sama ada dari segi tingkah laku atau tutur kata. Begitu juga dalam aspek membaca, ibu bapa harus menunjukkan tabiat membaca di hadapan anak-anak agar mereka turut membaca. Sikap ibu bapa seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus tidak harus menjadi amalan dalam sesebuah keluarga. Jelasnya, ibu bapa harus sentiasa membaca agar menjadi suri teladan yang baik kepada anak-anak kerana anak-anak akan menjadikan tabiat membaca sebagai satu amalan ke mana-mana sahaja mereka pergi seperti ibu bapa mereka.

Di samping itu, untuk menggalakkan anak-anak membaca bahan bacaan yang berkualiti dan berilmiah, ibu bapa perlu membeli bahan-bahan bacaan yang sesuai dengan kecederungan serta minat mereka. Ibu bapa mestilah sanggup untuk membelanjakan wang membeli bahan bacaan ilmiah ini dan menganggap buku-buku ini sebagai satu pelaburan jangka panjang untuk masa depan anak mereka. Secara tidak langsung, anak-anak akan tertarik untuk membaca bahan bacaan yang dibeli oleh ibu bapa mereka seterusnya menyuburkan minat untuk membaca bahan-bahan yang berkualiti. Oleh itu, anak-anak yang dipupuk dengan budaya membaca, pasti dapat membentuk jati diri, minda yang sihat dan berpengetahuan tinggi.

Seterusnya, ibu bapa perlulah kreatif dalam membina minat dan kecenderungan anak-anak ke arah tabiat membaca bahan ilmiah dan berkualiti dengan cara mendaftarkan anak mereka di Perpustakaan Negara. Mereka akan berasa teruja apabila memasuki Perpustakaan Negara. Sebagai ibu bapa, ketika inilah masa terbaik untuk menunjukkan buku-buku berkualiti yang perlu dibaca oleh anak-anak. Secara tidak langsung, anak-anak dapat membezakan bahan bacaan yang bermutu dan bahan bacaan yang tidak berkualiti. Tegasnya, ibu bapa perlulah menggalakkan anak-anak menyertai Program Nilam yang dianjurkan di sekolah atau di perpustakaan.

Secara konklusinya, dapatlah kita rangkumkan bahawa untuk melahirkan generasi yang cinta akan ilmu pengetahuan, ibu bapa memainkan peranan penting untuk menggalakkan anak-anak membaca bahan-bahan ilmiah. Sesungguhnya, hanya jauhari yang mengenal manikam.

11. PUNCA KEMALANGAN JALAN RAYA

'Lima sekeluarga mati akibat kemalangan ngeri' antara petikan tajuk akbar berita utama yang sering menjadi tatapan pembaca seluruh warga Malaysia, kes kemalangan seperti ini acap kali terjadi pada musim perayaan. Masalah ini bukan isu baharu dalam masyarakat tetapi merupakan isu yang tiada berkesudahan malah bertambah teruk setiap tahun. Masyarakat pula tidak mengambil cakna dengan peningkatan kes kemalangan yang berlaku selagi tidak melibatkan ahli keluarga mereka atau mereka sendiri yang terlibat dalam kemalangan, maka mereka tidak prihatin terhadap kes yang berlaku. Walhal, kes kemalangan ini dapat dikurangkan jika semua pihak memainkan peranan masing-masing dalam mencari titik penyelesaian terhadap isu yang sudah bersarang lama dalam masyarakat.

Punca utama yang perlu diteliti ialah sikap cuai dan lalai pengguna jalan raya itu sendiri. Mereka selalu melakukan tindakan tanpa melihat terlebih dahulu kiri dan kanan. Sikap seperti seekor ayam yang hendak melintas boleh mengundang bahaya kepada semua pengguna jalan raya yang lain. Kebanyakan pengguna jalan raya tidak fokus dalam pemanduan kereta atau motosikal. Mereka leka dengan gajet yang terpasang pada kenderaan sehingga mereka tidak sedar akan kehadiran pejalan kaki yang melintas jalan. Oleh itu, pengguna perlu melihat kembali diri dan cara mereka mengendalikan kenderaan ketika berada di atas jalan raya.

Selain sikap individu tersebut menjadi punca kemalangan, keadaan kenderaan juga menjadi faktor kemalangan berlaku. Kegilaan peminat kenderaan bermotor bagai tiada had dan batasannya. Mereka akan melakukan segala modifikasi atas kenderaan mereka sehingga kenderaan tersebut mencapai tahap kelajuan yang diingini mereka. Ada juga pemilik kenderaan bersikap sebaliknya, mereka mengabaikan langsung penjagaan kenderaan seperti penyelenggaraan minyak hitam, minyak brek dan tayar. Sikap ini menyebabkan kenderaan tidak berada dalam keadaan yang baik ketika berada di atas jalan raya. Oleh itu, kenderaan mestilah berada dalam keadaan bersiap siaga untuk bergerak untuk mengelakkan kemalangan.

Seterusnya, kemalangan juga terjadi disebabkan keadaan jalan raya. Saban hari pasti ada sahaja kes kemalangan disebabkan keadaan jalan raya yang berlubang dan tidak rata. Kebiasaannya, mangsa kemalangan ini ialah pengguna kenderaan kecil seperti motosikal dan basikal. Selain itu, jalan raya yang tidak dinaik taraf turut menjadi faktor peningkatan kes kemalangan jalan raya. Jumlah kenderaan yang semakin banyak pada waktu puncak tidak dapat ditampung oleh jalan raya yang sempit. Keadaan begini pasti mengundang kemalangan jalan raya. Tegasnya, keadaan jalan raya yang tidak dinaik taraf ini perlulah dimasukkan dalam bajet pembangunan negara agar pada tahun mendatang tiada isu yang boleh mengecewakan hati rakyat.

Di samping masalah yang disebabkan keadaan jalan raya, kemalangan juga terjadi disebabkan kehadiran binatang liar yang berada di jalan raya. Kehadiran haiwan liar di jalan raya pada waktu malam amat berbahaya kerana boleh mengundang kemalangan. Ada juga kes kemalangan yang melibatkan binatang peliharaan seperti anjing. Tindakan di luar jangka oleh anjing tersebut menyebabkan pengguna kenderaan di jalan raya menjadi panik, terkejut dan takut lalu melakukan tindak balas yang boleh mengundang kemalangan. Sebagai contoh, apabila disergah anjing, penunggang motosikal akan terperanjat lalu terjatuh daripada motosikalnya. Lebih malang lagi jika anjing tersebut menyerang penunggang motosikal yang telah terjatuh tadi.

Secara tuntasnya, setiap masalah pasti akan ada penyelesaiannya, begitu juga kes kemalangan jalan raya pasti akan ada penyelesaiannya yang boleh mengurangkan peningkatan kes kemalangan setiap tahun. Semua pihak perlu memberi kerjasama kepada pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah yang masih membelenggu masyarakat dan bukan sekadar menuding jari menyalahkan semua pihak atas sikap kita sendiri yang cuai dan lalai ketika

memandu kenderaan. sebaliknya, kita perlu sama-sama berganding bahu bekerjasama mencari satu solusi yang jitu bagi menyelesaikan masalah yang tiada titik noktah ini.

12. KESAN DARIPADA KEMALANGAN

Peningkatan jumlah kematian akibat kemalangan ini berpunca daripada pelbagai faktor. Antara faktor yang signifikan dalam kes ini ialah kecuaiian dan kelalaian pengguna jalan raya. Keadaan jalan yang tidak selamat ditambah pula dengan faktor cuaca juga menjadi punca kemalangan jalan raya. Akibat kemalangan tersebut, pelbagai kesan buruk yang dihadapi oleh semua pihak sama ada kesan langsung atau tidak langsung. Oleh itu, kita perlu meneliti implikasi yang diterima oleh pelbagai pihak akibat kemalangan jalan raya.

Salah satu implikasi daripada kemalangan ialah kematian dan kehilangan nyawa. Apabila berlaku kematian, negara akan kehilangan aset berharga dan bernilai tinggi. Tanpa kita sedari, negara akan mengalami kerugian tenaga kerja penting sekiranya mereka yang terlibat dalam kemalangan itu mempunyai ilmu dan kemahiran yang diperlukan oleh negara. Apatah lagi jika mangsa kemalangan itu terlibat dalam dasar pembangunan negara, pasti segala gerak kerja akan terencat. Selain itu, mangsa yang meninggal dunia merupakan harapan keluarga dan menjadi penggerak ekonomi keluarga. Akibat kematian ini, sesebuah keluarga bagai terpadam pelita harapan, hilang tempat bergantung bagai layang-layang putus talinya.

Bukan itu sahaja, jika terselamat mereka berkemungkinan akan mengalami kecacatan anggota. Mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya akan mengalami kecacatan sementara atau kekal. Kecacatan ini akan menghadkan pergerakan dan keupayaan mereka untuk melakukan kerja. Akibatnya, mangsa kemalangan mengalami kesukaran untuk menerima keadaan yang tidak sempurna malah mereka terpaksa meminta bantuan daripada ahli keluarga lain untuk membantu mereka mengurus kehidupan. Natiujahnya, mangsa kemalangan bukan sahaja mengalami kecacatan fizikal tetapi trauma yang mendalam sehingga memberi beban perasaan yang terbelenggu dengan perasaan bersalah.

Selain itu, kemalangan yang berlaku akan merosakkan harta benda sekali gus menyebabkan kerugian wang ringgit. Kemalangan akan menyebabkan kenderaan terbabit rosak dan perlu dibaiki. Akibatnya, pengguna terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi atau kehilangan Diskaun Tiada Tuntutan daripada pihak insuran. Pengguna terpaksa membayar harga insuran sepenuhnya untuk tahun yang akan datang. Malangnya, kerja-kerja membaik pulih akan mengambil masa yang lama dan situasi begini akan menyusahkan pemilik kenderaan kerana mereka terpaksa meminjam atau menyewa kenderaan lain sementara menunggu kenderaan siap dibaiki.

Di samping itu, kes kemalangan ini akan menjejaskan imej negara. Kebanyakan pelancong asing suka mengembara menggunakan basikal, motosikal dan kenderaan awam merentasi benua. Jika mereka mengalami pengalaman buruk ketika merentas jalan-jalan raya di Malaysia, pasti mereka akan memberikan komen negatif kepada rakan-rakan yang ingin mengembara. Keadaan ini akan menjejaskan nama baik Malaysia, apatah lagi usaha kerajaan dalam kempen Tahun Melawat Malaysia dilihat gagal memancing pelancong asing ke negara kita. Jika di luar negara, pengguna jalan raya yang menggunakan kenderaan kecil akan diberi keutamaan, berbeza di Malaysia kenderaan besar diberi keutamaan.

Secara tuntasnya, kemalangan yang berlaku akan memberi impak negatif walaupun bukan itu pilihan mangsa, namun kemalangan dapat dielakkan jika kita semua bertanggungjawab dan prihatin terhadap pengguna jalan raya yang lain. Sesungguhnya kemalangan yang berlaku ini merupakan surat takdir yang telah ditentukan oleh Tuhan, namun sebagai hamba kita mestilah berdoa, berusaha dan bertawakal apabila memulakan perjalanan. Kita hendaklah berdoa agar Tuhan melindungi perjalanan kita. Kita juga hendaklah berusaha menjaga kenderaan, memandu dengan bertanggungjawab dan hormat-menghormati sesama pengguna jalan raya yang lain. Akhir sekali, kita bersedia kepada Tuhan yang menentukan segala takdir kita.

13. USAHA MENGURANGKAN KES KEMALANGAN JALAN RAYA

Jalan raya seperti mulut naga merupakan ungkapan pepatah Cina yang menggambarkan jalan raya boleh meragut nyawa seseorang. Malah peribahasa Melayu turut menyebut malang tidak berbau, kesemua ungkapan lama ini memberi nasihat kepada generasi hari ini agar sentiasa berhati-hati ketika berada di jalan raya. Malangnya, ungkapan – ungkapan seperti ini yang terpapar pada papan iklan di lebuh raya hanya dipandang sipi oleh pengguna jalan raya. Malah dek kelajuan memandu, mereka tidak sempat untuk membaca ungkapan tersebut. Oleh itu, satu prakarsa perlu dilakukan untuk memastikan pengguna jalan raya selamat daripada tragedi yang memilukan mereka dan keluarga.

Antara usaha yang telah dikenal pasti adalah melalui peranan jabatan yang terlibat iaitu Jabatan Kerja Raya menerusi Kementerian Kerja Raya yang wajar mengenal pasti keadaan jalan raya yang sering menjadi punca kemalangan. Mereka hendaklah melakukan kajian di lapangan untuk melihat semula struktur jalan raya yang mungkin menyumbang berlakunya kemalangan di jalan tersebut. Jika sesebuah kawasan kemalangan tersebut memerlukan kemudahan jalan raya seperti jejantas, lampu isyarat, pelebaran jalan raya dan pemasangan lampu, maka pihak jabatan perlulah menyediakan kemudahan tersebut demi menyelamatkan nyawa dan mengurangkan statistik kemalangan.

Sejajar dengan pembangunan negara dan kemajuan teknologi permotoran dunia, maka kurikulum sekolah-sekolah memandu perlu dipertingkat dan dipantau ketat oleh kerajaan, terutamanya Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ). Hal ini bertujuan agar pengguna jalan tidak ketinggalan zaman dan sentiasa mengetahui peraturan dan undang-undang jalan raya. Malah, kecekapan memandu wajar diuji dengan sebaik-baiknya agar pengguna kenderaan dapat mengawal kenderaan dengan baik apabila mereka telah lulus ujian memandu nanti. Dengan cara ini, pengguna jalan raya sentiasa mendapat ilmu pengetahuan dan secara tidak langsung menimbulkan kesedaran dalam diri.

Selain itu, penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat perlu dilakukan oleh pihak polis dan JPJ. Mereka hendaklah melakukan rondaan dan sekatan jalan raya serta pemantauan yang kerap agar pengguna jalan raya dapat mendisiplinkan diri. Operasi pencegahan seperti Ops Sikap perlu dilakukan secara berkala dan bukan hanya bermusim atau sekali sekala. Hal ini menunjukkan betapa kerajaan serius dalam usaha menangani kes kemalangan jalan raya. Penggunaan kamera perangkap kelajuan patut diperluas agar dapat mengesan pemandu yang melebihi had laju. Usaha ini dilihat berjaya mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

Perkara utama yang perlu dilakukan oleh pengguna jalan raya itu sendiri ialah anjakan pemikiran. Mereka seharusnya memiliki pemikiran kelas pertama yang lebih mengutamakan keselamatan pengguna di jalan raya. Kita mendapati sesetengah negara maju, pejalan kaki boleh melintas jalan tanpa rasa takut di jalan raya kerana kesedaran pemandu kenderaan yang memberi laluan kepada pejalan kaki. Mereka juga mematuhi peraturan di jalan raya demi keselamatan ketika berada di jalan raya. Sikap hormat -menghormati antara pengguna jalan raya yang memandu kenderaan kecil dan besar merupakan satu anjakan pemikiran yang baik dan memberi kesan positif kepada pengguna jalan raya yang lain.

Secara intihanya, kes kemalangan jalan raya dapat dikurangkan jika semua pihak saling membahu, bergembleng tenaga, dan bersatu hati untuk mengubah sikap dan pemikiran pengguna jalan raya agar mereka memiliki rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap pengguna jalan raya lain. Jika masalah ini tidak ketemu titik penyelesaian, maka kes kemalangan raya akan menjadi pembunuh utama di negara kita dan secara tidak langsung memberi kesan kepada ekonomi dan sosial. Sesungguhnya, usaha berterusan daripada semua pihak amat ditagih agar terus bekerjasama menyelesaikan masalah yang masih bersarang dalam masyarakat.

14. PERANAN KERAJAAN DALAM MENANGANI KES KEMALANGAN JALAN RAYA

Jalan raya seperti mulut naga merupakan ungkapan pepatah Cina yang menggambarkan jalan raya boleh meragut nyawa seseorang. Malah peribahasa Melayu turut menyebut malang tidak berbau, kesemua ungkapan lama ini memberi nasihat kepada generasi hari ini agar sentiasa berhati-hati ketika berada di jalan raya. Malangnya, ungkapan – ungkapan seperti ini yang terpapar pada papan iklan di lebuh raya hanya dipandang sipi oleh pengguna jalan raya. Malah dek kelajuan memandu, mereka tidak sempat untuk membaca ungkapan tersebut. Oleh itu, satu tindakan proaktif perlu diambil oleh pihak kerajaan demi memastikan kemalangan tidak lagi menjadi pembunuh nombor satu negara.

Langkah bestari yang kerap dilakukan oleh kerajaan adalah dengan mengadakan kempen keselamatan jalan raya. Namun, kerajaan seharusnya menjadikan aktiviti kempen kesedaran ini sebagai usaha berterusan dan bukan hanya bermusim sahaja. Kerajaan sepatutnya menjadikan aktiviti tersebut sebagai aktiviti bulanan. Sebagai satu contoh, pihak kerajaan boleh mengedarkan risalah atau pelekat kenderaan terutamanya kepada penunggang motosikal yang masih setahun jagung serta yang masih leka tentang pentingnya keselamatan diri ketika berada di jalan raya. Dengan memberi tumpuan pada golongan sasaran, objektif untuk mengurangkan kes kemalangan dalam kalangan penunggang motosikal akan dapat dijayakan dengan sempurna.

Selain itu, pemasangan kamera perangkap kelajuan merupakan satu tindakan bijak dilakukan oleh kerajaan. Pemasangan alat tersebut di tempat- tempat yang kerap berlaku kemalangan telah berjaya mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana pemasangan kamera perangkap kelajuan dan papan tanda amaran telah menyebabkan pemandu kenderaan memperlahankan kelajuan kenderaan mereka mengikut had kelajuan yang dibenarkan. Secara tidak langsung, objektif kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya telah berjaya mencapai sasarannya. Tegasnya, tindakan kerajaan bukan hanya semata-mata untuk mengenakan saman tetapi mengurangkan kadar kemalangan.

Dalam pada itu, keadaan jalan raya di Malaysia terutamanya di pedalaman hendaklah dinaik taraf bagi mengelakkan berlakunya kemalangan yang boleh meragut nyawa.. Lebih parah lagi, ada bahagian jalan yang sudah berlopak dan sering dipenuhi dengan lumpur. Keadaan jalan yang tidak rata ini amat berisiko bagi kenderaan kecil yang lalu lalang di jalan tersebut. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi kerajaan yang dipertanggungjawab seperti JKR hendaklah turun padang dan melihat sendiri keadaan jalan raya yang telah dibuat aduan oleh penduduk. Mereka tidak harus berpeluk tubuh, membutakan mata atau memekakkan telinga daripada aduan masyarakat setempat. Secara tidak langsung, tindakan ini menunjukkan keperihatinan kerajaan terhadap masalah rakyat.

Di samping itu, kerajaan perlu mengkaji dan menilai semula aspek perundangan dan hukuman ke atas pesalah lalu lintas. Kerajaan seharusnya mengenakan demerit kepada pesalah lalu lintas yang melakukan kesalahan kecil dan mewajibkan pemandu kenderaan berat melakukan pemeriksaan kesihatan setiap lima tahun sekali agar tahap kesihatan mereka terjamin ketika memandu kenderaan berat. Bagi pesalah lalu lintas yang melakukan kesalahan berat, mereka hendaklah dikenakan hukuman penjara, dan denda yang setimpal. Tindakan keras ini walaupun dilihat berat dan menyusahkan tetapi hakikat sebenarnya, tindakan ini akan dapat mengurangkan kes kemalangan berlaku terutama yang melibatkan kenderaan berat.

Secara keseluruhannya, kerajaan telah mengambil pelbagai pendekatan untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Peningkatan kes ini telah memberi impak negatif kepada kerajaan seolah-olah dilihat lemah dan lambat dalam menyelesaikan masalah rakyat.

Namun hakikatnya, kita mudah untuk menuding jari kepada orang lain lalu menyalahkannya tanpa melihat pada diri sendiri yang menjadi punca peningkatan kes kemalangan jalan raya.

15. FAKTOR YANG MENARIK PELABURAN ASING

Dalam menuju arus kemodenan negara, pelaburan asing menjadi sebahagian daripada insentif ekonomi yang mampu melonjakkan pendapatan syarikat mahupun negara. Keadaan ini sama seperti negara-negara di dunia yang lain, Malaysia turut terlibat dalam industri yang sedang berkembang dengan membuka dasar pelaburan luar di samping turut menggalakkan pelabur-pelabur tempatan untuk mengembangkan sayap perniagaan di arena antarabangsa. Namun, kerajaan perlu mengambil langkah proaktif dan pragmatif untuk menggigit pelabur asing seterusnya membawa masuk pelaburan ke dalam negara. Persoalannya, apakah faktor yang menarik pelaburan asing ke negara kita?

Keamanan dalam sesebuah negara menjadi penanda aras bagi pelaburan asing. Kestabilan politik dan ekonomi menjadi daya pengukur pelabur asing untuk melabur ke negara Malaysia. Ekonomi negara yang kukuh telah menjadi faktor utama kedatangan pelabur asing untuk membawa masuk pelaburan ke dalam negara. Malah, kestabilan politik turut menjadi elemen utama yang dilihat oleh pelabur asing demi pelaburan mereka di Malaysia. Sebagai contoh, walaupun negara mengalami kejatuhan harga minyak mentah, namun disebabkan kestabilan pentadbiran negara, maka banyak pelabur masuk untuk membuat pelaburan. Perkara inilah yang selalu dititikberatkan oleh kerajaan demi memastikan pelaburan asing tidak keluar dari negara Malaysia.

Kerajaan juga mengamalkan dasar pelaburan asing yang telus dan mesra pelabur. Kerajaan telah banyak membuka peluang dan ruang kepada pelabur asing untuk melabur dengan syarat-syarat yang minimum tetapi masih menguntungkan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana kerajaan mendapati kehadiran pelabur asing ini akan membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat. Strategi ini juga membantu pemindahan teknologi. Sebagai contoh, Kehadiran syarikat ternama automobil dari negara Jepun dan Korea seperti Toyota, Honda, Kia dan Hyundai pada hari ini telah mula memindahkan teknologi mereka ke Malaysia atas dasar ketelusan negara dalam polisi pelaburan asing mereka dalam situasi menang-menang.

Jumlah kepadatan penduduk juga menjadi faktor yang mampu menarik minat pelabur. Pelabur melihat pasaran tempatan sebagai tempat mereka untuk menjual produk. Objektif utama mereka ialah memasarkan produk yang boleh diterima oleh rakyat Malaysia. Pelabur akan melihat kecenderungan pasaran tempatan yang kebanyakannya merupakan penganut agama Islam. Produk yang mendapat pengiktirafan halal akan diberi keutamaan. Matlamat utama pelaburan adalah untuk memperluas pasaran produk. Dengan cara ini, pelabur memasarkan barangan dengan kos pekerja tempatan untuk pasaran tempatan atau domestik. Secara tidak langsung, pelaburan asing ini telah membantu kemasukan teknologi dalam negara.

Selain itu, sosio budaya masyarakat Malaysia yang mudah menerima kedatangan orang asing menjadi faktor menarik minat pelabur asing untuk melabur ke Malaysia. Pelabur asing berasa selamat dan tenang apabila berada dalam kolompok penduduk tempatan. Mereka selesa berurusan dengan masyarakat tempatan untuk melakukan hubungan dan kerjasama perniagaan. Malah hubungan baik ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas untuk memasarkan produk terutamanya produk muslim yang mendapat pensijilan Halal dari JAKIM. Secara tidak langsung, budaya mesra ini turut memberi impak kepada pekerja asing yang mencari rezeki bak kata peribahasa ada gula ada semut.

Tuntasnya, dalam usaha menarik pelaburan dari luar negara, kerajaan tidak harus lupa akan pelabur tempatan yang turut menyumbang dalam KDNK negara. Kerajaan perlulah menjadi jambatan penghubung antara syarikat tempatan dengan syarikat luar negara agar jalinan kerjasama perniagaan dapat diadakan demi kebaikan bersama. Oleh itu, kerajaan janganlah menganaktirikan pelabur tempatan dengan menafikan persaingan sihat dalam perniagaan. Dasar pelaburan negara ini haruslah dikaji impak secara mikro dan makro dalam

memastikan kerajaan tidak bersikap seperti menyusukan kera di hutan anak di rumah mati kelaparan.

16. KEPENTINGAN PELABURAN ASING

Pada alaf perindustrian negara, Malaysia menjadi salah sebuah pasaran baharu bagi pelaburan asing. Kerajaan mengorak langkah dengan menyediakan pelbagai kemudahan yang diperlukan terutamanya dari aspek pembangunan asas demi menggamit para pelabur cenderung untuk menanam modal di negara kita. Bukan itu sahaja, kerajaan juga membuka peluang pelaburan bersama dengan syarikat tempatan agar wujud daya saing yang sihat. Usaha ini bertujuan agar negara dan rakyat Malaysia dapat menikmati kemakmuran daripada pelaburan asing. Persoalannya, mengapakah kerajaan begitu optimis dengan usaha untuk menarik pelabur asing memilih Malaysia?

Antara usaha kerajaan dalam menarik minat pelabur asing ini adalah dengan menyediakan tenaga kerja yang diperlukan oleh pelabur-pelabur asing. Sistem Pendidikan Vokasional atau kolej Vokasional telah menyediakan pelajar-pelajar yang mampu diserapkan dalam bidang pekerjaan setelah mereka tamat persekolahan. Mereka akan diterima masuk ke kolej-kolej yang menawarkan kursus kemahiran peringkat diploma. Kursus Giat Mara dan Kolej Komuniti dibawah MARA telah membantu negara dalam melahirkan tenaga kerja separa mahir justeru, penyediaan tenaga kerja ini adalah untuk menjamin pasaran kerja yang diperlukan oleh pelabur asing.

Dari sudut pembangunan negara pula, pelaburan asing menjadi faktor yang menggalakkan kerajaan untuk menyediakan kemudahan asas seperti kemudahan elektrik, air dan sistem perhubungan yang baik untuk menarik pelabur asing melabur ke negara kita. Apabila pelabur asing telah membuat pelaburan, mereka pula akan menyediakan keperluan asas untuk kemudahan dan kebajikan kepada pekerja mereka. Penyediaan keperluan asas yang disediakan oleh kerajaan dan swasta ini telah meningkatkan taraf sosial masyarakat. Sebagai contoh, pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang iaitu Jambatan Sultan Abdul Halim dibina untuk kemudahan pengangkutan ke pusat Industri Bayan Lepas, Pulau Pinang. Secara tidak langsung, masyarakat juga dapat menikmati kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Selain itu, pelaburan asing juga membawa masuk teknologi moden serta kepakaran ke negara kita yang sedang membangun dengan pesatnya. Tidak dapat dinafikan bahawa penyelidikan dan pembangunan memerlukan sumber atau dana yang besar untuk menampung kos penyelidikan. Oleh sebab itu, tindakan kerajaan membawa masuk pelaburan asing adalah untuk membiayai penyelidikan dan pembangunan teknologi moden. Secara tidak langsung, kerajaan dapat menyerap teknologi moden untuk diguna pakai dalam sektor perindustrian, sektor pertanian, sektor perubatan, sektor pendidikan dan sektor perkhidmatan. Pada masa sama, kerajaan dapat membekalkan kursus dan latihan kepada anak tempatan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pasaran pekerjaan.

Dari sudut pertukaran mata wang pula, kerajaan dapat meningkatkan pendapatan negara melalui pelaburan asing. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila pelabur asing membawa masuk modal ke negara Malaysia, kos pembuatan menjadi murah kerana menggunakan bahan mentah yang mudah diperoleh di pasaran tempatan. Keadaan ini menyebabkan pengaliran wang ke luar negara akan berkurangan. Malah, pembelian bahan mentah dan barangan dari pasaran tempatan akan membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Keadaan ini membuka peluang yang besar kepada IKS untuk bersaing secara sihat dalam industri tempatan. Secara tidak langsung, ekonomi tempatan menjadi kukuh kerana tidak bergantung pada pasaran luar negara.

Secara tuntasnya, kepentingan dan sumbangan pelabur asing kepada negara kita tidak ternilai. Oleh itu, negara perlulah mengambil langkah-langkah yang proaktif, konstruktif dan pragmatik agar menjadi pilihan utama di rantau ini. Dengan suntikan modal dari luar negara ini bukan saja meningkatkan teknologi malah negara mampu berdiri sama tinggi dan duduk

sama rendah dengan negara-negara Asia. Seterusnya, negara akan makmur dan rakyat dapat menikmati kemakmuran negara.

17. KESAN NEGATIF PELABURAN ASING

Kemajuan negara dapat dirasakan oleh rakyat melalui penawaran pekerjaan dan seterusnya menyumbang peningkatan sosioekonomi negara. Namun, kejayaan ini telah mengaburi rakyat tentang hasrat sebenar pelabur asing yang datang melabur ke dalam negara. Kegiatan mereka semakin terserlah dan berani melakukan tindakan di luar batas perundangan negara. Tidak dinafikan penguasaan pelabur asing dalam sektor ekonomi akan memberi impak negatif pada sektor ekonomi dan sosial. Persoalannya, apakah impak negatif yang dibawa dan ditinggalkan oleh pelabur asing di negara kita?

Salah satu impak negatif yang dibawa oleh pelabur asing ialah sikap mereka yang hanya bermatlamatkan keuntungan semata-mata. Mereka mempunyai tujuan lain selain matlamat mereka untuk memperoleh keuntungan yang besar bak kata peribahasa, ada udang di sebalik batu. Mereka hanya menjadikan negara ini sebagai suatu 'persinggahan'. Mereka hanya berminat dengan tawaran daripada kerajaan lalu mengambil peluang dan kesempatan atas tawaran tersebut. Malangnya, apabila pelabur asing menarik diri daripada melabur di negara kita dan berpindah ke negara lain, masalah pengangguran dalam kalangan pekerja tempatan berlaku. Insiden ini terjadi pada 20 tahun lalu apabila pelabur-pelabur asing mula beralih ke negara Vietnam untuk melabur di sana.

Seterusnya pemindahan teknologi yang dibawa oleh pelabur-pelabur asing kebanyakannya tidak memenuhi piawaian alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan teknologi yang dibawa masuk ke negara-negara sedang membangun tidak menepati piawaian alam sekitar dan boleh memberi kesan sampingan kepada kesihatan pekerja. Lihatlah contoh yang berlaku di Papan, Menglembu pada tahun 1986. Asian Rare Earth telah melupuskan sisa toksik tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan dan beratus-ratus penduduk di Papan mengalami kanser. Kes yang sama juga berlaku di negeri Pahang apabila warna air laut berubah menjadi warna merah akibat kesan perlombongan bauksit. Malah penduduk sekitar di Kuantan turut terkesan dengan debu bauksit. Akibatnya, penduduk yang menderita menghidap pelbagai penyakit kronik.

Seterusnya, kesan buruk pelaburan asing juga dapat dilihat dari sudut sosial. Pelabur-pelabur asing membawa masuk pekerja-pekerja dari negara mereka. Keadaan ini akan menyebabkan pekerja-pekerja asing membawa budaya mereka yang tidak sesuai dengan budaya tempatan. Mereka melepak dan minum arak di rumah pekerja. Malah mereka sering bergaduh semasa sendiri kerana berebut wanita. Tidak dinafikan, kes rompakan yang berlaku di kawasan perumahan sering dikaitkan dengan pekerja asing. Masalah ini berlaku disebabkan kebajikan mereka tidak dijaga oleh majikan mereka. Secara tidak langsung masalah sosial ini semakin meningkat.

Di samping itu, kesan pelaburan asing juga dapat dirasakan apabila negara-negara membangun mengalami kemelesetan ekonomi. Pelabur asing yang membuat pelaburan akan mengambil kesempatan menutup kilang mereka dengan alasan mengalami kerugian atau muflis. Akibatnya, masalah pengangguran akan berleluasa dan hal ini akan membawa kesan sampingan kepada negara-negara membangun. Malaysia juga tidak terkecuali mengalami impak negatif ini apabila pelabur-pelabur asing mula bertindak mengurangkan kos operasi dengan memberhentikan pekerja kontrak. Kesan pandemik COVID-19 yang berlaku pada 2020, membuktikan sikap pelabur asing yang mula menarik diri dari sektor ekonomi negara. Akibatnya, negara menghadapi masalah pengangguran yang tinggi.

Secara keseluruhannya, dalam usaha mengejar kemajuan negara, kerajaan harus bijak mengatur langkah untuk menarik pelabur asing ke negara kita. Kerajaan perlulah mengambil satu pendekatan yang lebih tegas tetapi berhemah kerana pisang tidak berbuah dua kali demi mengelakkan impak negatif yang dialami ini tidak berlaku lagi. Kerajaan juga tidak seharusnya

melihat keuntungan pelaburan semata-mata tanpa menilai aspek-aspek lain yang patut diambil kira dalam perbincangan ekonomi negara.

18. KESEDARAN TENTANG IMPLIKASI TEKNOLOGI MAKLUMAT

CERAMAH

Yang saya hormati Tuan Pengerusi Majlis, para pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Assalamualaikum dan salam sejahtera saya ucapkan.

Pada alaf 'dalam talian' ini, Malaysia turut terkesan oleh kepesatan multimedia. Keghairahan teknologi hanya dapat dilihat dari beberapa aspek sahaja seperti sosial dan ekonomi. Namun, apabila berlakunya pandemik COVID-19 pada 2020, Malaysia telah mengalami perubahan norma baharu dan kesan-kesan multimedia itu jelas dapat dilihat dari aspek pendidikan, ekonomi, industri, sosial dan politik. Akibatnya, Malaysia telah mengalami perubahan dalam banyak aspek yang melibatkan kehidupan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Pada tahun 2020, pembangunan teknologi multi media yang telah sedia ada, membantu guru-guru untuk menyampaikan pengajaran dalam medium yang berbeza. Penggunaan 'Google Classroom' telah diguna pakai sebagai medium kepada guru untuk memberi tugas kepada pelajar. Mereka berinteraksi menggunakan aplikasi Google Meet atau Zoom. Walaupun pada permulaannya, ibu bapa menghadapi kesukaran untuk menyediakan alat peranti demi anak-anak mereka namun lama-kelamaan mereka sudah mampu menerima keadaan tersebut. Orang kata alah bisa tegal biasa. Secara tidak langsung, penggunaan multimedia mula dilihat dari sudut yang positif .

Hadirin yang budiman,

Selain itu, pada tahun 2020 nama-nama Shopee, Lazada, Go Shop, Wow Shop, Grabfood, Foodpanda dan bermacam-macam lagi telah menjadi syarikat paling popular dan menjadi pilihan utama rakyat Malaysia. Syarikat-syarikat ini telah menyediakan platform kepada usahawan-usahawan kecil untuk memasarkan produk mereka. Bagi peniaga makanan pula, pelbagai aplikasi telah dibangunkan oleh anak tempatan untuk digunakan oleh peniaga makanan bagi memasarkan produk mereka. Walaupun rakyat menghadapi masalah ekonomi, namun pelbagai alternatif daripada pembangunan multi media telah membantu rakyat Malaysia untuk menghadapi kekangan hidup yang mencabar ini.

Hadirin yang dimuliakan,

Walau bagaimanapun, Setiap yang baik pasti ada yang buruk, maka pembangunan multimedia juga tidak terkecuali daripada aspek-aspek yang negatif. Perubahan pentadbiran negara pada tahun 2018 juga dikatakan hasil daripada pejuang-pejuang papan kekunci yang berjaya mempengaruhi rakyat untuk menerima dakwah dan fitnah yang dilemparkan kepada pemimpin-pemimpin negara pada ketika itu. Keadaan ini menyebabkan Akta Multimedia telah dipinda di bawah seksyen 223 yang mensabitkan kesalahan menyebarkan berita palsu. Secara tidak langsung, Akta Multimedia ini menjadi pelindung kepada rakyat daripada difitnah dengan berita palsu dalam media sosial. Pada hari ini, jika seseorang menyebarkan berita palsu, mereka akan didenda RM500,000 dan dipenjara selama 10 tahun. Oleh itu, pesanan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ialah Tidak Pasti Jangan Kongsi

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Kecanggihan teknologi multi media juga menjadikan laman pornografi mudah diakses oleh generasi muda. Jika dahulu, remaja amat sukar untuk memperoleh bahan- bahan berunsur

seks dan pornografi, namun pada hari ini mereka mudah menerima bahan-bahan berunsur negatif ini melalui pelbagai media yang terdapat dalam kehidupan kita. Pada hari ini remaja boleh melanggan bahan pornografi dengan menggunakan telefon pintar melalui aplikasi-aplikasi tertentu. Malah, kecanggihan aplikasi telefon pintar juga sering mengiklankan laman-laman sosial yang mengaturkan janji temu dengan perempuan atau lelaki yang ingin dikenali sekali gus mendedah gadis muda dengan bahaya jika mereka diperkosa oleh lelaki yang tidak dikenali.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Jelaslah bahawa teknologi maklumat yang menjadi medium utama pada hari ini, telah memberi pelbagai impak positif dan negatif kepada manusia. Maka, kita perlu bijak menjadi neraca pertimbangan dalam menentukan baik atau buruk setiap teknologi maklumat yang diperkenalkan. Jika tidak, masyarakat akan mengalami kehancuran dari segi sosial seperti yang berlaku di negara barat. Oleh itu, semua pihak khususnya ibu bapa perlulah memantau aktiviti anak-anak apabila mereka menggunakan medium elektronik.

Sekian, terima kasih.

19. KESAN BURUK TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada awal milinium tahun 2000 lalu, negara dirancarkan dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Syarikat gergasi telekomunikasi mula menguasai pasaran ekonomi. Malangnya, setelah 20 tahun berlalu, masyarakat menghadapi satu impak negatif dalam sistem perhubungan, ekonomi dan sosial. Oleh itu kita perlu meneliti kesan buruk yang telah berlaku sepanjang 20 tahun perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di negara kita.

Antara kesan negatif perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi ialah masyarakat lebih banyak membuang masa dengan melayari internet. Keseronokan melayari laman-laman sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan bermain permainan maya secara dalam talian menyebabkan seseorang menghabiskan banyak waktu. Mereka terlalu leka sehingga tidak menyedari masa telah lama berlalu. Akibatnya, produktiviti seseorang pekerja juga akan merosot disebabkan banyak waktu kerja digunakan untuk melayari Internet dan bermain permainan maya.

Selain itu, teknologi maklumat dan komunikasi juga membuka peluang berlakunya jenayah siber. Pembangunan teknologi maklumat (TMK) yang semakin di luar batas kawalan akan meningkatkan jenayah siber. Jenayah siber yang dimaksudkan ialah aktiviti penipuan dalam talian dengan modus operandis yang menggunakan transaksi palsu, melakukan aktiviti membuli dengan mengaibkan seseorang di media sosial dan sebagainya. Mereka mampu mempengaruhi orang untuk melakukan transaksi melalui pelbagai teknik terutamanya teknik emosi yang menyentuh perasaan. Mereka hanya menyedari menjadi mangsa jenayah siber apabila diberitahu oleh rakan mereka.

Seterusnya, kewujudan laman sesawang yang tidak bermoral atau pornografi merupakan impak negatif daripada kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Akibat kekuatan iman yang lemah, generasi muda khususnya lebih terdedah untuk melayari laman sesawang yang tidak bermoral dan pornografi. Generasi muda akan mudah terpengaruh dan mengikut perlakuan yang tidak baik melalui laman sesawang tidak bermoral ini. Kebebasan laman sesawang yang tidak bermoral ini telah menyukarkan usaha memupuk akhlak mulia dalam kalangan remaja. Akibatnya, remaja semakin bebas untuk melayari laman-laman tersebut tanpa perasaan takut dan malu.

Di samping itu, teknologi maklumat dan komunikasi juga telah membuka peluang pejuang papan kekunci melakukan serangan siber ke atas pemimpin-pemimpin negara. Artis - artis juga tidak terkecuali menerima serangan siber daripada pejuang papan kekunci. Malah, hari ini pejuang papan kekunci semakin berani menyerang individu tertentu. Akibatnya, mereka menjadi mangsa fitnah dan kecaman. Malah, maruah diri dan keluarga diaibkan oleh pejuang papan kekunci. Mereka lebih mementingkan populariti yang diperoleh jika komen mereka mendapat perhatian dan menjadi 'Top Fan'. Akibatnya, laman -laman media sosial tercemar dengan pelbagai aktiviti negatif yang dilakukan oleh mereka.

Secara tuntasnya, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi bukanlah satu tiket untuk bebas melakukan apa-apa saja dalam laman media sosial. Kerajaan haruslah mengambil tanggungjawab untuk mengurangkan impak negatif yang dialami oleh remaja. Pada masa yang sama, semua pihak perlu bersama-sama kerajaan bergembleng tenaga dan bahu membahu untuk menyelesaikan masalah yang masih membelenggu negara. Sikap menuding jari dan menyalahkan orang lain hendaklah dihentikan demi mencari titik penyelesaian mengatasi kelemahan dan keburukan yang dibawa oleh teknologi maklumat. Sesungguhnya, kemajuan teknologi maklumat ini haruslah dikawal dan dipantau agar kita dapat menikmati kebaikan daripada kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi.

20. KEPENTINGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KEPADA MASYARAKAT.

Pada alaf 21 ini, masyarakat telah menguna pakai pelbagai peranti untuk mendapatkan maklumat. Kecanggihan teknologi maklumat dan telekomunikasi ini telah menjadikan semua orang yang jauh menjadi dekat. Berita di sebarang lautan mampu diperoleh dalam sekelip mata. Malah, teknologi maklumat dan komunikasi ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia, ibarat kata Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, seniman agung negara, irama dan lagu tidak dapat dipisahkan, kalau dipisahkan pincanglah lagu. Begitulah, hubungan akrab antara manusia dengan teknologi maklumat dan telekomunikasi. Persoalannya, apakah peranan yang penting dalam teknologi maklumat kepada masyarakat hari ini sehingga menjadi sebahagian daripada kehidupan?

Salah satu peranan teknologi maklumat yang sangat signifikan dalam landskap kehidupan hari ini ialah teknologi tersebut menjadi medium masyarakat berkongsi idea dan pendapat. Kemahiran berkomunikasi ini sejak dahulu telah pun wujud, namun perubahan kemajuan dunia menjadikan komunikasi itu lebih mudah untuk disampaikan kepada sesiapa sahaja. Malah urusan kerja juga boleh menggunakan medium tersebut untuk mengadakan mesyuarat bersama dengan kakitangan. Baru-baru ini, persidangan APEC 2020 telah berlangsung di Malaysia, namun peserta persidangan hanya bersidang secara maya sahaja di hadapan komputer masing-masing. Mereka telah berkongsi pandangan dan pendapat secara maya yang dihoskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohamad Yassin.

Selain itu, masyarakat mudah memperoleh pelbagai maklumat dengan menggunakan teknologi maklumat dan telekomunikasi. Masyarakat dapat memperoleh maklumat untuk kegunaan diri sendiri seperti mencari maklumat untuk keperluan minat dan kecenderungan. Selain itu, umat manusia tidak lagi dianggap seperti katak di bawah tempurung apabila semua maklumat mudah diperoleh. Dengan cari ini, mereka sentiasa peka dengan situasi yang berlaku sama ada di dalam negara atau di luar negara. Secara tidak langsung, kita dapat melahirkan generasi yang bermaklumat dan berpengetahuan namun pemantauan amat perlu dilakukan oleh semua pihak yang terlibat dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi agar kecanggihan ini tidak menjadi seperti senjata makan tuan, yang akhirnya merosakkan rakyat dan negara.

Bukan itu sahaja, akibat pandemik COVID-19 yang berlaku pada 2020, perniagaan atas talian mendapat sambutan di luar jangka bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Perniagaan dari rumah mula beroperasi dengan banyak dan mendapat sambutan daripada penduduk setempat yang tidak dapat bergerak akibat perintah kawalan pergerakan yang dilakukan oleh kerajaan bermula dari PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) sehingga PKPB(Perintah Kawalan Pergerakan). Masyarakat mula mempelajari teknologi maklumat untuk memasarkan produk mereka. Secara tidak langsung kelas-kelas dalam talian yang memberi tutorial tentang perniagaan dalam talian seperti berdagang dalam Shopee, Lazada, dan pelbagai lagi platform menjadi sasaran orang yang ingin mencuba nasib berdagang secara maya.

Seterusnya, teknologi maklumat dan komunikasi telah mengasaskan bakat kreativiti manusia dalam mereka cipta perisian atau aplikasi untuk kegunaan manusia sama ada sebagai medium menjana pendapatan, medium hiburan, atau medium mereka bentuk produk. Kemahiran-kemahiran alternatif ini dapat diperoleh melalui tutorial yang dipelajari dalam internet. Laman 'Youtube' bukan sahaja menghidangkan hiburan tetapi juga tutorial pembelajaran sendiri yang boleh dilakukan di rumah. Secara tidak langsung, teknologi maklumat dan komunikasi ini dapat meningkatkan pengetahuan, memberikan kemahiran dan menjadikan manusia terus dapat menjalani kehidupan walaupun dalam situasi pergerakan yang terhad.

Akhirul kalam, teknologi maklumat dan komunikasi menjadi medium utama kepada ibu bapa, pelajar, masyarakat, peniaga, pekerja, majikan, dan pemimpin untuk terus bergerak dan

berhubung secara maya. Secara tidak langsung, pandemik ini telah membuka peluang dan ruang kepada semua untuk mengetahui, mempelajari dan mempratikkannya dalam kehidupan agar dapat terus bertahan menghadapi wabak pandemik COVID-19.



TAYLOR'S
COLLEGE

Wisdom · Integrity · Excellence

MORE THAN

50 YEARS

OF EDUCATION EXCELLENCE

PRE-UNIVERSITY STUDIES:

- Cambridge A Level (CAL)
- SACE International (SACEi)
- Foundation Programmes
Art | Science | Business | Computing | Communication |
Design | Engineering | Natural and Built Environment
- Diploma Programmes
Accounting | Business | Communication |
Information Technology | Interior Design

PROFESSIONAL STUDIES:

- ACCA Foundation in Accountancy (ACCA FIA)
- Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- MICPA-CAANZ Programme
- Taylor's MicroCreds

Scan to know more:



1. CARA-CARA MENGGALAKKAN AKTIVITI GOTONG ROYONG DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

Dalam mendepani isu sosial yang masih bersarang dalam kalangan masyarakat, aktiviti gotong-royong merupakan aktiviti yang semakin dilupai masyarakat khususnya generasi muda. Aktiviti gotong-royong dalam kalangan masyarakat semakin sukar untuk dilakukan lantaran masyarakat lebih banyak menghabiskan masa membasahi tubuh dengan keringat untuk mencari sesuap nasi. Keadaan ini telah memberi kesan buruk secara tidak langsung kepada generasi muda. Pada hari ini, remaja bersikap antisosial dan bergaul dalam kelompok mereka sahaja. Malah, mereka juga tidak mahir berkomunikasi sehingga bahasa yang ditutur boleh menggores hati orang terutamanya warga emas. Oleh itu, kita perlu menelusuri setiap langkah dan cara untuk menggalakkan aktiviti gotong-royong dalam kalangan generasi muda.

Dalam satu perspektif, ibu bapa memainkan peranan yang signifikan dalam menggalakkan aktiviti gotong-royong dalam kalangan remaja. Peribahasa ada mengatakan bagaimana acuan begitulah kuihnya, maka ibu bapa merupakan suri teladan yang menjadi ikutan kepada anak-anak. Mereka hendaklah membawa anak-anak bergotong-royong. Sebagai satu tamsilan, ibu bapa membawa anak menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan perumahan yang dianjurkan oleh persatuan penduduk. Dengan cara ini, mereka dapat bertemu dengan anak-anak jiran yang sebaya dan pada masa yang sama mengenali jiran tetangga. Secara tidak langsung ibu bapa dapat mendidik dan memberi pendedahan kepada anak-anak tentang budaya bergotong-royong dalam masyarakat.

Dari perspektif yang lebih formal iaitu di institusi pendidikan negara, pihak sekolah berperanan memupuk amalan bergotong-royong dalam aktiviti penceriaan kelas. Pelajar dikehendaki melakukan pembersihan kelas secara berkala dengan jadual pembersihan yang telah ditetapkan oleh ketua kebersihan kelas yang dilantik. Mereka akan bekerja dalam satu kumpulan kerana sesungguhnya sebatang lidi mudah dipatahkan berbanding seikat penyapu yang sukar dipatahkan, begitulah semangat mereka dalam melakukan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan dan menghiaskan bilik darjah. Semangat berlumba-lumba membersihkan kelas secara gotong-royong ini telah memberi galakan kepada remaja agar mengamalkan gotong-royong dalam kehidupan mereka.

Perspektif yang berbeza juga dapat dilihat dari sudut masyarakat terutamanya masyarakat setempat yang menganjurkan pelbagai aktiviti gotong-royong. Melalui persatuan penduduk, aktiviti gotong-royong boleh diadakan dengan penglibatan remaja. Sebagai contoh, aktiviti gotong-royong mengacau bubur lambuk, mengacau dodol dan membakar lemang merupakan antara aktiviti yang menarik minat remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja akan berasa teruja untuk mengetahui dan mencuba sesuatu yang baharu. Secara tidak langsung, sumbangan mereka ini akan dihargai masyarakat setempat malah pandangan serong masyarakat terhadap remaja dapat dikikis dengan amalan bergotong royong ini.

Media massa juga merupakan pihak yang tidak boleh ditinggalkan dalam usaha menggalakkan amalan gotong-royong dalam kalangan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa terutamanya media sosial tidak dapat dipisahkan dengan remaja kerana hubungannya dengan remaja sangat rapat bagai isi dengan kuku. Maka, media massa seperti televisyen dan radio berperanan penting untuk menyalurkan maklumat tentang aktiviti gotong-royong yang melibatkan remaja. Dengan cara ini remaja akan seronok melakukan aktiviti gotong-royong apabila digabung dengan hiburan masa ini yang menjadi kegunaan mereka.

Secara keseluruhannya, amalan gotong-royong hendaklah digalakkan dalam kalangan remaja masa ini agar mereka dapat mempelajari cara bersosial dan berinteraksi dengan masyarakat sekitar agar mereka tidak kekok apabila melalui zaman yang akan mendewasakan mereka. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjaga remaja Malaysia agar terhindar daripada pemikiran yang boleh merosakkan masa depan negara.

2. KEBAIKAN AMALAN GOTONG-ROYONG DALAM MASYARAKAT

Dalam era tanda pagar atau “hashtag” ini, semangat gotong-royong semakin pudar dalam kalangan masyarakat. Suatu ketika dahulu, amalan gotong-royong telah menjadi budaya masyarakat kita yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Namun lama-kelamaan, amalan ini terhakis dalam masyarakat terutamanya masyarakat bandar yang terlalu sibuk membanting tulang empat kerat untuk mencari sesuap nasi bagi menunaikan tanggungjawab terhadap keluarga. Fenomena ini akan melunturkan semangat gotong-royong dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, satu prakarsa perlu diambil secara efektif lagi drastik agar dapat menyuburkan semula amalan gotong-royong dalam kalangan masyarakat moden.

Aktiviti membersihkan kawasan kediaman boleh diadakan secara gotong-royong dengan jiran tetangga sesuai dengan peribahasa jiran sepakat membawa berkat. Dengan cara ini kawasan kediaman menjadi bersih dan cantik serta menceriaikan suasana persekitaran seterusnya memberi keselesaan pada kita dan jiran tetangga terutama pada tetamu yang hadir ke rumah. Oleh itu, amalan gotong-royong dapat memastikan kawasan kediaman menjadi bersih, cantik dan ceria serta melambangkan asas keimanan seperti yang dinukil daripada hadis nabi, sesungguhnya kebersihan itu separuh daripada iman.

Selain kawasan perumahan menjadi bersih dan cantik, masalah penyakit bawaan unggas dan haiwan juga dapat kita hindari dengan melakukan aktiviti gotong-royong di kawasan perumahan yang terbabit. Penyakit berjangkit seperti H1N1 atau selesema burung adalah disebabkan kebersihan reban ayam yang tidak dijaga dengan baik. Keadaan ini menyebabkan penyakit tersebar lalu menjangkiti manusia. Masalah ini hanya akan dapat diselesaikan dengan aktiviti pembersihan secara gotong royong dengan skala yang lebih besar. Dalam isu ini, tindakan tegas perlu diambil sebelum keadaan menjadi teruk sesuai dengan peribahasa cegah sebelum parah.

Amalan gotong-royong juga dapat memupuk nilai murni dalam kalangan masyarakat. Mereka yang terlibat dalam aktiviti gotong-royong sebenarnya tanpa disedari telah memupuk nilai keikhlasan dalam melakukan pekerjaan ibarat kata tangan kanan memberi tangan kiri tidak mengetahui. Mereka melakukan aktiviti ini tanpa mengharapkan pujian atau wang upahan. Malah mereka turut dipupuk dengan nilai bekerjasama dalam masyarakat ketika melakukan aktiviti gotong-royong. Hal ini bertepatan dengan pepatah Melayu yang menyebut, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Jiran tetangga bekerjasama melakukan aktiviti gotong-royong demi kepentingan bersama dan bukan kepentingan diri sahaja.

Sudah terang lagi bersuluh, semangat kejiranan dapat dipupuk melalui aktiviti bergotong-royong. Sebagai contoh, program membakar lemak yang diadakan secara gotong-royong ini akan dibahagi kepada beberapa kumpulan untuk melaksanakan tugas. Ketika aktiviti ini berlangsung, mereka akan saling berkenalan, berbual-bual dan bergurau senda. Walaupun kepenatan, namun jiran-jiran berasa seronok apatah lagi aktiviti ini berakhir dengan sambutan perayaan sesuai dengan peribahasa yang menyebut berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Hasil daripada amalan gotong-royong ini, lahirkan jiran yang sepakat kerana sesungguhnya jiran sepakat membawa berkat.

Intihanya, amalan bergotong-royong merupakan amalan yang telah tersemai dalam budaya bangsa. Tanpa amalan ini, banyak agenda kemasyarakatan tidak dapat dicapai kerana tiada kesepakatan dalam membuat keputusan. Oleh itu, semua pihak perlulah menjadikan amalan mulia ini sebagai satu gaya hidup dalam masyarakat agar kita dapat meneruskan kesinambungan demi membina Malaysia yang gemilang. Jika amalan ini terpinggir daripada arus pemikiran masyarakat moden nescaya manusia akan hidup dengan penuh sifat keegoan dan kesombongan yang menjadikan mereka terus lalai di bumi Tuhan.

3. FAEDAH MENYERTAI KEGIATAN KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR

Muktahir, kegiatan kokurikulum di sekolah sudah tidak mendapat perhatian pelajar. Mereka tidak berminat dengan aktiviti kokurikulum dijalankan oleh Kelab, Persatuan dan Unit Beruniform lantaran daripada sikap malas mereka dan pengaruh permainan dalam talian. Ada sesetengah pelajar mendaftar nama dalam kegiatan kokurikulum hanya sekadar memenuhi tuntutan dan kewajipan sebagai seorang pelajar sahaja. Jelas sekali, sikap dan perbuatan mereka ini menunjukkan bahawa mereka masih tidak mengetahui faedah menyertai kegiatan kokurikulum kerana tak kenal maka tak cinta. Persoalannya, apakah manfaat menyertai kegiatan kokurikulum?

Antara manfaat yang telah dikenal pasti sejak dahulu lagi ialah kegiatan kokurikulum dapat menyihatkan pelajar. Aktiviti sukan yang diadakan pada waktu persekolahan akan menyebabkan pelajar dapat mengeluarkan peluh. Hal ini dikatakan demikian kerana toksik di dalam tubuh pelajar akan dapat disingkirkan melalui perpeluhan yang berlaku. Hasilnya, pelajar akan lebih segar selepas bersukan malah mereka akan berasa lapang fikiran selepas menghadapi tekanan belajar. Tidak dinafikan apabila seseorang pelajar itu cergas badannya, maka otaknya turut menjadi cerdas sesuai dengan peribahasa badan cergas otak cerdas. Pendek kata, kegiatan kokurikulum ini akan dapat melahirkan pelajar yang sihat tubuh badan dan cerdas fikiran.

Selain menyihatkan badan, kegiatan kokurikulum juga dapat mencungkil bakat atau potensi seseorang pelajar. Bagi pelajar yang menyertai aktiviti sukan, mereka dapat mencungkit kebolehan mereka dalam acara sukan yang diminati. Malah melalui kegiatan kokurikulum, mereka dapat menggilap bakat dan menimba ilmu serta kemahiran dalam acara sukan yang disertai oleh pelajar. Begitu juga dalam aktiviti kelab dan persatuan, pelajar dapat menggilap potensi diri mereka sebagai ketua atau pemimpin dalam persatuan. Kebolehan memimpin ini akan dapat membentuk diri pelajar menjadi seorang pemimpin pada suatu hari nanti. Maka kegiatan kokurikulum menjadi wahana untuk melahirkan pelajar yang berpotensi tinggi dalam pelbagai bidang.

Dari sudut yang berbeza pula, kegiatan kokurikulum dikatakan mampu membentuk disiplin diri yang tinggi dalam kalangan pelajar. Pelajar yang terlibat dalam aktiviti Unit Beruniform kebiasaannya akan melakukan aktiviti kawad kaki. Bagi ahli yang lewat menghadiri sesi tersebut, komander yang dilantik akan mengenakan hukuman yang berat bagi memberi pengajaran kepada pelajar yang lewat dan dalam masa sama memberi peringatan kepada ahli pasukan lain agar tidak lewat hadir sesi kawad kaki. Tegasnya, kegiatan kokurikulum menjadi medan pembentukan akhlak mulia dan disiplin yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Kegiatan kokurikulum juga dapat memupuk amalan bekerjasama dalam kalangan ahli mereka. Lazimnya, aktiviti kokurikulum dilakukan secara berkumpulan dan mereka dikehendaki melakukan kerja bersama-sama dengan cara pembahagian tugas bagi setiap ahli kumpulan. Aktiviti ini akan dapat memupuk semangat bekerjasama dan berkumpulan dalam kalangan pelajar sekali gus semangat bekerjasama dapat dipupuk dalam kalangan pelajar agar mereka sentiasa melakukan pekerjaan dalam berkumpulan dengan semangat bergotong-royong dan bekerjasama menjadi inti pati dalam aktiviti kokurikulum bak kata peribahasa, 'Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing' dan 'Ke bukit sama di redahi ke lurah sama dituruni'.

Secara keseluruhannya, kegiatan kokurikulum ini merupakan satu kegiatan yang menjadi garis panduan dan petunjuk arah kepada pelajar dalam mendewasakan diri mereka menjadi generasi yang berkemahiran, berpotensi dan berkepemimpinan. Sesungguhnya, jika mereka tidak dilengkapi dengan aktiviti kokurikulum, necaya mereka akan hilang neraca kehidupan yang menjadi pertimbangan baik atau buruk sesuatu perkara yang akan ditemui oleh mereka dalam menempuh alam kedewasaan. Oleh itu, ibu bapa berperanan penting untuk memastikan anak-

anak terlibat dalam kegiatan kokurikulum di sekolah agar mereka menjadi generasi berkepimpinan dan berkemahiran tinggi untuk menerajui negara Malaysia yang tercinta.

4. KEGIATAN KOKURIKULUM MENCUNGKIL BAKAT DAN POTENSI DIRI SESEORANG PELAJAR.

Mutakhir, kegiatan kokurikulum dilihat sebagai satu kegiatan yang mampu mencungkil bakat dan potensi diri seseorang pelajar. melalui pelbagai aktiviti sama ada dalam Kelab dan Persatuan, Unit beruniform atau Sukan dan Permainan, pelajar mula berani menonjolkan sikap yang positif dalam semua bidang baharu yang diceburi mereka. Tidak dinafikan, usaha mencungkil bakat bukanlah satu langkah yang mudah namun kejayaan guru-guru terbukti apabila ramai pelajar berjaya dilahirkan sebagai seorang atlet, pemimpin dan usahawan berjaya. Persoalannya, apakah cara untuk mencungkil bakat pelajar melalui kegiatan kokurikulum?

Salah satu langkah yang berkesan adalah melalui penyertaan pelajar dalam Program Maju Diri yang dapat mengesan karakter atau tingkah laku seseorang pelajar. Ujian ini akan dapat membantu pelajar untuk mengenali diri mereka dari sudut saintifik. Dengan cara ini, pelajar ingin mengetahui sifat atau karakter di sebalik warna yang dipilih oleh mereka. sebagai contoh, pelajar yang memilih warna hijau memiliki sifat kedekut dan suka akan alam sekitar. Kesemua perkara baharu ini akan menerujakan pelajar untuk melakukan ujian demi ujian bagi mengetahui diri mereka dari sudut yang berbeza. Penyelesaian daripada ujian tersebut akan dibantu oleh guru untuk mengubah tingkah laku negatif kepada tingkah laku yang positif.

Selain ujian tingkah laku, pihak guru akan memberi satu tugas kepada setiap pelajar untuk melihat bakat yang terpendam di dalam diri pelajar. Ada ketikanya, bakat yang diperolehi bukan daripada pembelajaran di sekolah tetapi kemahiran sendiri yang ada sejak kecil. Misalannya, seorang pelajar mampu menyanyi dengan suara yang merdu lantaran disebabkan ibu bapanya merupakan artis nyanyian, begitu juga dengan pelajar yang lahir daripada darah daging pasangan pelakon, pasti anak mereka memiliki bakat berlakon. Maka tidak hairan jika anak-anak mereka turut mengikut jejak langkah ibu bapa sesuai dengan peribahasa mengatakan ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Di samping tugas untuk mengenal pasti bakat yang terpendam, guru juga boleh membentuk bakat mengikut acuan yang difikirkan sesuai dengan kemampuan pelajar tersebut. Ada sesetengah pelajar memiliki bakat dan potensi diri hasil daripada pembelajaran dan latihan yang berterusan sehingga pelajar menjadi mahir dalam sesuatu kemahiran. Pelajar yang tidak memiliki kemahiran akan dilatih sehingga memiliki kemahiran tertentu. Kebiasaannya, kita dapat melihat dalam bidang sukan seperti sukan bola sepak, jurulatih akan melatih beberapa orang pemain untuk melakukan tendangan lencongan untuk sepakan sudut. Kesemua kemahiran ini akan dilatih sehingga mereka menguasai kemahiran tersebut. Secara tidak langsung, guru berperanan besar dalam membentuk acuan atau kerangka kemahiran untuk seseorang pelajar.

Dari sudut yang berbeza pula, bakat atau potensi seseorang pelajar juga boleh dibentuk melalui kegiatan kokurikulum. Pelajar yang diberi tanggungjawab memegang jawatan dalam persatuan akan dapat membentuk diri mereka berkemahiran untuk mengurus dan memimpin. Dengan cara ini, kemahiran berkomunikasi dapat dibentuk dengan mudah dan pelajar yang berketrampilan ini akan menunjukkan karisma dalam pelbagai aspek kepimpinan. Sebagai contoh, pelajar ini akan dipilih sebagai ketua pelajar dan pengerusi Persatuan Pengawas. Dalam hal ini, pelajar tersebut berpotensi menjadi seorang pemimpin di universiti, pemimpin dalam masyarakat seterusnya menjadi pemimpin negara.

Secara tuntasnya, kegiatan kokurikulum merupakan satu medium yang tersusun dengan pelbagai modul untuk membentuk sahsiah diri dan kemahiran bagi persiapan menghadapi cabaran masa depan yang tidak menentu. Oleh itu, semua pihak haruslah mengambil inisiatif bagi menggalakkan penyertaan anak-anak dalam kegiatan kokurikulum agar mereka

dapat mempelajari sesuatu demi membentuk masa depan cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. PERANAN IBU BAPA DALAM MENGGALAKKAN ANAK-ANAK MENYERTAI KEGIATAN KOKURIKULUM

Muktahir, kegiatan kokurikulum di sekolah sudah tidak mendapat perhatian pelajar. Mereka tidak berminat dengan aktiviti kokurikulum dijalankan oleh Kelab, Persatuan dan Unit Beruniform lantaran daripada sikap malas mereka dan pengaruh permainan atas talian. Ada sesetengah pelajar mendaftar nama dalam kegiatan kokurikulum hanya sekadar memenuhi tuntutan dan kewajipan sebagai seorang pelajar sahaja. Jelas sekali, ibu bapa perlu memainkan peranan mereka agar dapat menggalakkan anak-anak menyertai kegiatan kokurikulum. Persoalannya, apakah peranan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak terlibat dalam kegiatan yang berfaedah ini?

Antara peranan ibu bapa yang wajar diambil perhatian dalam menggalakkan anak-anak menyertai kegiatan kokurikulum ialah ibu bapa mestilah melakukan aktiviti riadah atau sukan bersama-sama anak. Tujuannya adalah apabila anak-anak terikut-ikut dengan aktiviti sukan ibu bapa seperti sukan badminton, mereka akan aktif dalam kegiatan kokurikulum di sekolah. Tindakan ibu bapa ini sesuai dengan peribahasa bagaimana acuan begitulah kuihnya. Mereka akan aktif dalam kegiatan kokurikulum yang melibatkan aktiviti sukan badminton. Secara tidak langsung, tindakan ibu bapa ini akan mempengaruhi anak-anak untuk menyertai aktiviti kokurikulum. Tegasnya, ibu bapa berperanan untuk menggalakkan anak menyertai kegiatan ini.

Dari perspektif yang berbeza, ibu bapa bertanggungjawab memastikan anak-anak menyertai kegiatan kokurikulum dengan membeli peralatan atau pakaian yang diperlukan dalam aktiviti kokurikulum. Sebagai contoh, ibu bapa membeli pakaian seragam pasukan Pengakap untuk anak mereka yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Hal ini menyebabkan anak-anak teruja untuk memakai pakaian tersebut lalu bersiap sedia menanti hari kokurikulum yang kebiasaannya pelajar diwajibkan memakai pakaian berdasarkan Unit Uniform yang disertai mereka. Secara tidak langsung, anak-anak akan meminati kegiatan kokurikulum yang diadakan di sekolah. Tegasnya, tindakan ibu bapa ini akan menggalakkan penglibatan anak-anak dalam aktiviti kokurikulum.

Di samping perspektif tersebut, ibu bapa perlu juga ‘turun padang’ melihat dengan mata dan telinga sendiri penglibatan anak-anak dalam kegiatan kokurikulum. Mereka hendaklah memberi sokongan kepada anak-anak terutamanya apabila terlibat dalam acara-acara penting seperti Hari Sukan, Pertandingan Kawad Kaki, dan Perlawanan Bola Sepak. Hal ini bertujuan untuk menunjukkan sokongan padu ibu bapa terhadap anak mereka apatah lagi pertandingan tersebut merupakan detik indah yang terbaik dalam hidup mereka. Ke kerapannya ibu bapa terlibat secara proaktif dalam aktiviti kokurikulum anak-anak akan memberi semangat kepada mereka untuk memberi pencapaian terbaik dalam kegiatan kokurikulum. Tegasnya, sikap ibu bapa yang ‘lebih sudu daripada kuah’ ini akan memberi impak positif kepada anak-anak.

Jika dilihat dari perspektif yang lain pula, ibu bapa hendaklah menawarkan hadiah sebagai galakan kepada anak-anak. Ibu bapa haruslah bijak mengatur tawaran yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak. Maka ibu bapa boleh menawarkan hadiah jika mereka terlibat dalam kegiatan kokurikulum. Sebagai contoh, ibu bapa memberikan hadiah sebuah basikal. Sesungguhnya ‘jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya’, maka usaha ibu bapa ini akan dihargai oleh anak-anak demi memastikan mereka aktif dan cemerlang bukan sahaja dalam kurikulum malah kokurikulum.

Secara keseluruhannya, melalui lagu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dalam filem ‘Anakku Sazali’ iaitu ‘berkorban apa sahaja, harta ataupun nyawa’. Ibu bapa sanggup berkorban demi memastikan anak mereka cemerlang dalam pelbagai aspek sama ada dalam pelajaran, sahsiah atau kokurikulum. Oleh itu, ibu bapa hendaklah menggalakkan anak-anak menyertai kegiatan kokurikulum demi menjamin masa depan mereka.

6. IMPLIKASI BURUK KETAGIHAN GAJET

Marcapada, masalah kebejatan akhlak remaja masa kini semakin menjadi-jadi sehingga tular dalam media sosial tentang sikap mereka yang melanggar budi bahasa dan budaya masyarakat timur. Keadaan ini dikatakan berpunca daripada ketagihan gajet yang berlaku dalam kalangan remaja. Mereka terlalu leka dengan gajet lalu lupa akan tanggungjawab terhadap diri dan pelajaran. Akibatnya, mereka akan mengalami pelbagai keburukan akibat daripada ketagihan gajet. Sebelum perkara ini menjadi parah, masalah ini hendaklah dicegah lebih awal lagi kerana mencegah itu lebih baik daripada merawat. Maka, anak-anak perlu mengetahui kesan buruk jika mereka ketagihan gajet. Persoalannya, apakah implikasi buruk daripada ketagihan gajet terhadap anak-anak?

Salah satu implikasi buruk yang telah dikenal pasti oleh pakar perubatan ialah gangguan perkembangan otak anak-anak. Menurut pakar kanak-kanak, mereka yang terdedah dengan gajet yang terlalu lama akan menyebabkan mereka menghadapi masalah kurang perhatian dan mereka juga menghadapi masalah kognitif iaitu masalah kesukaran untuk mempelajari, memproses dan memahami sesuatu maklumat yang diberi atau diterima oleh kanak-kanak. Selain masalah tersebut, Masalah peningkatan impulsif akan memberi kesan dalam kehidupan anak-anak sehingga mereka gagal mengawal diri. Akibatnya, ibu bapa terpaksa mencari penyelesaian yang bijak agar tidak memberi kesan lain kepada anak-anak seperti peribahasa Melayu bagi menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak.

Selain perspektif yang dinyatakan tadi, anak-anak yang kerap bermain dengan gajet akan menghadapi masalah gangguan penglihatan. Akibat terlalu lama melihat skrin gajet, mata akan menjadi letih dan anak mata akan mula berair. Keadaan ini telah menyebabkan anak-anak mengalami masalah rabun mata dan lama-kelamaan ibu bapa terpaksa membuat cermin mata untuk anak pada usia yang muda. Tambahan pula, mereka terlalu memberi tumpuan pada skrin gajet dalam tempoh yang lama telah menyebabkan mata mereka menjadi juling. Mereka tidak dapat melihat dengan jelas lalu menjejaskan prestasi pembelajaran. Tegasnya, masalah ketagihan gajet mengganggu daya penglihatan dan masa depan mereka.

Di samping masalah penglihatan, masalah yang lebih besar dan sensitif untuk dibincangkan ialah masalah obesiti dalam kalangan anak-anak. Mereka meluangkan masa terlalu lama bermain permainan dalam talian dengan menggunakan gajet masing-masing dalam tempoh yang terlalu lama. Keadaan ini menyebabkan pembakaran kalori tidak berlaku. Apatah lagi jika mereka bermain sambil menikmati kudapan yang tidak menepati amalan gaya hidup sihat, pasti masalah ini akan menjadi lebih parah. Jelas sekali, ketagihan gajet turut memberi kesan pada kesihatan dan emosi anak-anak.

Tidak dinafikan masalah ketagihan gajet ini akan menyebabkan mereka kurang bersosial. Mereka seolah-olah memiliki dunia sendiri dengan gajet serta rakan sepermainan mereka di alam maya. Kecanggihan permainan dalam talian seperti Mobile Legend dan PUBG telah menyebabkan mereka saling berinteraksi dengan rakan sepermainan. Akibatnya, mereka tidak suka bersosial di luar dan kerap berada di dalam bilik bersama dengan gajet. Kesemua situasi ini sedang berlaku dalam masyarakat kita. Secara tidak langsung alat gajet atau peranti ini akan menjadikan seseorang itu bersikap antisosial lalu menjadi punca seseorang itu hilang kemahiran berkomunikasi dan bersosial. Tegasnya, ketagihan gajet ini akan memberi impak negatif dalam aspek sosial dan masyarakat.

Secara kolektifnya, masalah ketagihan gajet merupakan masalah sejagat yang perlu diberi perhatian oleh semua penyedia sistem permainan, pencipta permainan dan ejen penyebar permainan dalam talian agar mereka insaf akan kerosakan yang telah dilakukan oleh mereka di dunia ini sehingga memberi kesan negatif pada masa depan seseorang. Oleh itu, ibu bapa berperanan besar dalam menangani masalah yang masih belum ketemu jalan penyelesaiannya.

7. KEBAIKAN DAN KEBURUKAN PENGGUNAAN GAJET DALAM KALANGAN PELAJAR.

Pada alaf berteknologi tinggi ini, keghairahan syarikat-syarikat pengeluar peranti terkenal di dunia iaitu Samsung, Apple, Oppo, dan Xiaomi telah bersaing sesama mereka untuk menjadi pengeluar nombor 1 peranti paling canggih. Hari ini, peranti elektronik menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat dunia seolah-olah mereka dilahirkan bersama dengan sebuah peranti dan tanpa peranti tersebut hidup tidak sempurna. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu yang sering menjadi perbincangan dan perdebatan antara golongan cendekiawan dunia tentang manfaat dan implikasi buruk penggunaan gajet dalam kalangan pelajar. persoalan yang perlu ditelusuri ialah apakah implikasi daripada penggunaan gajet dalam kalangan pelajar?

Faedah utama yang perlu diberi perhatian ialah maklumat yang diperlukan oleh pelajar untuk tugas kerja sekolah atau universiti menjadi mudah disebabkan peranti elektronik ini dilengkapi kemudahan Internet. Keadaan ini menjadikan pelajar mudah untuk mengakses maklumat di mana-mana sahaja mereka berada tanpa sekatan atau gangguan. Malah dengan penggunaan peranti yang lebih canggih seperti telefon pintar, pelajar boleh menyimpan maklumat sebanyak yang mungkin dengan kemudahan storan yang besar. Kelebihan gajet ini dapat dirasai dengan meluas lantaran masalah pandemik yang berlaku di negara kita telah meningkatkan penggunaan gajet. Secara tidak langsung, gajet bukan hanya dilihat sebagai peranti permainan sahaja tetapi mencakupi skop yang lebih besar dan luas.

Selain itu, peranti elektronik atau gajet ini menjadi satu sistem perhubungan yang berkesan. Bagi yang jauh di luar negara atau di desa, penggunaan gajet dapat menjadi pengganti diri untuk menyampaikan ucapan selamat menyambut perayaan atau hari istimewa seseorang. Bagi seseorang pelajar yang berada di perantauan pula, mereka dapat berhubung dengan ahli keluarga di Malaysia untuk bertanya khabar atau berbual mesra pada hari-hari istimewa seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Deepavali. Keadaan ini akan dapat memberi semangat kepada mereka yang berada di perantauan agar mereka sentiasa ingat akan kampung halaman. Hujan emas di negeri orang hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.

Namun setiap perkara yang baik akan ada perkara yang buruk. Alat peranti elektronik atau gajet juga tidak terlepas daripada hukum alam ini kerana tiada yang sempurna dan kesempurnaan itu hanya ada pada Pencipta yang hakiki sahaja. Akibat terlalu menggunakan gajet atau alat peranti elektronik ini, pelajar akan hilang kemahiran berkomunikasi. Mereka akan menggunakan bahasa yang diguna pakai dalam aplikasi perbualan dalam telefon pintar. Keadaan ini akan mewujudkan kesilapan penggunaan bahasa Melayu yang betul. Perkataan singkat atau bahasa slanga diguna pakai dalam perbualan seharian. Keadaan ini menjurus pada kerosakan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Jika tidak dicegah penggunaan bahasa yang salah ini akan memudaratkan kedaulatan bahasa Melayu.

Dari sudut yang berlainan pula, masalah kesihatan akan mula menyerang pelajar yang menggunakan gajet dalam penggunaan seharian. Mereka akan mula menghadapi masalah kekurangan waktu rehat. Kebanyakan masa digunakan untuk melayari Internet bagi mendapatkan maklumat. Ada kalanya mereka tidur lewat malam untuk menyelesaikan kerja-kerja memuat turun maklumat daripada Internet. Keadaan ini menyebabkan mereka keletihan lalu hilang fokus dalam tumpuan pembelajaran di sekolah. Masalah ini akan memberi kesan pada penglihatan lalu menyebabkan mereka menghadapi masalah rabun jauh. Jika berlarutan masalah rabun ini akan terjadi lalu pelajar dikehendaki memakai cermin mata.

Secara keseluruhannya, peranti elektronik merupakan salah satu gaya hidup baharu yang perlu diterima oleh ibu bapa. Mereka hendaklah memastikan anak-anak tidak menyalagunakan kebebasan yang diberikan oleh ibu bapa. Mereka hendaklah bijak

menyelesaikan masalah ini bagai menarik rambut di dalam tepung, tepung tidak berselerak rambut tidak putus.

8. PUNCA MASALAH OBESITI DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Dalam alaf milenium ini, kemajuan dalam industri makanan dan minuman di dunia telah menyebabkan perubahan pola pemakanan masyarakat Malaysia. Tidak dinafikan bahawa perubahan ini telah menyebabkan berlakunya banyak masalah kesihatan yang berpunca daripada makanan. Akibatnya, pada 2019 rakyat Malaysia telah mencatat rekod sebagai rakyat tergemuk di Asia dan kesannya masyarakat menghidap pelbagai penyakit kronik dan mengalami masalah kegemukan atau obesiti. Oleh itu, demi menyelesaikan masalah obesiti yang berlaku, kita perlu mengetahui faktor yang mengalakkan masalah ini menjadi parah. Persoalannya, apakah faktor yang menjadi punca masalah obesiti?

Antara faktor yang signifikan dalam isu serantau ini ialah Malaysia memiliki budaya yang unik dan pelbagai citarasa makanan yang berbeza mengikut kaum dan suku kaum di seluruh negara. Malaysia terkenal dengan nasi lemak, roti canai, mi goreng, dan beribu-ribu juadah makanan yang menjadi kegilaan penduduk di Malaysia apatah lagi pelancong asing dari luar negara. Hal ini disebabkan makanan Asia sering menggunakan minyak yang banyak dalam penyediaan masakan mereka justeru, kepelbagaian juadah dan citarasa makanan yang unik di Malaysia menjadi faktor masalah obesiti berlaku.

Selain keunikan makanan di Malaysia, pertumbuhan ekonomi telah menggalakkan pembukaan premis makanan segera yang wujud bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Keadaan ini telah menyebabkan masalah obesiti bertambah parah di Malaysia. Keghairahan syarikat-syarikat francais makanan yang terkenal di dunia seperti Mc Donald, Burger King, Texas Chicken dan pelbagai lagi telah mengisi ruang premis di setiap pasar raya atau gedung besar. Faktor kesibukan ibu bapa bekerja sehingga tidak sempat menyediakan juadah untuk anak-anak lantas mendesak ibu bapa mengambil jalan mudah dengan makan di restoran makanan segera. Keadaan sebeginilah yang telah mengakibatkan masalah obesiti semakin rumit dan sukar dibendung.

Dari sudut yang berbeza pula, fahaman budaya sesebuah masyarakat juga menjadi faktor masalah obesiti. Sesetengah masyarakat suka melihat anak-anak kecil dalam keadaan tubuh yang bulat dan montel. Ibu bapa pasti berasa bangga apabila melihat anak mereka dipuji oleh saudara mara, sahabat handai dan jiran tetangga tentang wajah anak yang montel dan comel. Jika keadaan ini berlarutan sehingga mereka membesar dan memasuki alam persekolahan, maka anak-anak akan menghadapi pelbagai masalah dari segi kesihatan, penampilan diri, perasaan rendah diri, menjadi mangsa buli dan ejekan serta pelbagai lagi keadaan yang memberi kesan negatif kepada anak-anak tersebut.

Tidak dinafikan, masalah genetik dan hormon juga menjadi faktor seseorang itu menjadi gemuk atau obesiti. Mereka yang dilahirkan dengan gen yang menyebabkan berat badan berlebihan seperti Sindrom Prader-Willi menyebabkan rasa kelaparan yang melampau dan mereka yang ada sindrom ini akan sentiasa mahu makan dan tiada perasaan kenyang. Keadaan ini disebabkan gangguan genetik yang berlaku pada DNA. Selain itu sindrom Metabolik juga boleh menyebabkan kegemukan. Kebiasaannya mereka yang ada sindrom ini disebabkan keturunan yang mempunyai berat badan yang berlebihan. Sebagai contoh jika salah seorang ibu bapa mempunyai berat badan berlebihan, maka anak-anak juga akan mempunyai berat badan yang berlebihan.

Secara keseluruhannya, setiap penyakit ada penawarnya, begitu juga masalah obesiti yang pasti ada jalan penyelesaiannya. Namun tindakan yang proaktif perlu dilakukan oleh semua pihak agar masalah obesiti tidak menjadi penyakit nombor satu di Malaysia. Oleh itu semua pihak mestilah berganding bahu membantu golongan yang menghadapi masalah ini agar mereka dapat menjalani kehidupan normal seperti orang lain yang mempunyai tubuh badan yang tegap dan sihat.

9. LANGKAH MENCEGAH MASALAH OBESITI DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Dalam menempuh kemajuan teknologi dalam pemakanan, kemajuan teknologi pemakanan ini telah menyebabkan pelbagai masalah timbul dan antaranya masalah obesiti berlaku. Obesiti secara umumnya ialah masalah berat badan yang berlebihan atau kegemukan yang melampau. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya, pengambilan makanan yang melebihi keperluan badan, gaya hidup yang tidak sihat dan masalah genetik. Masalah obesiti ini telah memberi kesan buruk kepada kesihatan diri seseorang. Lantaran itu, langkah pencegahan perlu diambil segera demi memastikan kesihatan terjamin. Persoalannya, apakah langkah bestari yang boleh diambil untuk mencegah masalah obesiti?

Antara pendekatan lazim yang diambil oleh kebanyakan pihak adalah dengan mengamalkan pemakanan seimbang. Kita hendaklah mengambil makanan mengikut jadual piramid makanan yang telah disusun keperluan pengambilan karbohidrat, protein, lemak dan zat-zat pemakanan dalam pilihan menu makanan seharian seseorang. Selain itu, kita juga disarankan untuk makan mengikut waktu secara teratur iaitu sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan kempen Pinggan Sihat Malaysia dengan slogan 'suku suku separuh' bagi memastikan rakyat mengambil pemakanan seharian dalam jumlah yang sederhana dan mengutamakan keperluan yang lebih penting untuk kesihatan badan. Oleh itu, pengambilan makan seimbang amat perlu untuk menjamin kesihatan dan mengelakkan masalah obesiti.

Selain pendekatan pengambilan makanan seimbang, mereka boleh melakukan senaman secara teratur pada setiap hari dengan penuh disiplin dan melakukan senaman tersebut sekurang-kurangnya tiga puluh minit dalam tiga kali seminggu. Aktiviti ini lebih seronok dilakukan bersama dengan ahli keluarga dan pada masa yang sama untuk mengelakkan kita kebosanan atau patah semangat jika melakukan senaman sendirian. Dengan cara itu, kita tiada alasan untuk tidak bersenam kerana peribahasa ada menyebut, bertanggung itu pencuri masa. Oleh sebab itu, kita jangan menangguhkan pekerjaan yang baik iaitu bersenam demi mengekalkan berat badan dan kesihatan sekali gus mencegah daripada masalah kegemukan.

Di samping itu, kita tidak harus mengambil produk pelangsingan badan yang berlambak bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Produk-produk tersebut sering diiklankan dan dijual dalam pasaran secara dalam talian tanpa mendapat kelulusan daripada Menteri Kesihatan Malaysia (KKM). Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan ubat kurus atau ubat pelangsingan badan mengandungi bahan yang berbahaya seperti Steroid, Sibutramine, Phenolphthalein dan Sildenafil. Secara tidak langsung masalah obesiti akan berlaku kembali apabila mereka berhenti mengambil produk pelangsingan tersebut.

Pendekatan terakhir yang dapat diambil dalam usaha mencegah masalah obesiti dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah dengan melaksanakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan undang-undang yang lebih ketat. Kerajaan hendaklah mengharamkan semua produk makanan ringan dalam pasaran seperti yang dilakukan oleh beberapa negara Eropah. Selain itu, kerajaan juga mestilah melarang semua produk pelangsingan badan yang mengandungi bahan terlarang. Mereka yang melakukan kesalahan hendaklah dikenakan hukuman atau denda yang berat agar mereka rasa bersalah dan tindakan ini akan memberi pengajaran kepada orang lain. Oleh itu, penguatkuasaan dapat memberi kesan yang efektif dan drastik dalam usaha mencegah masalah obesiti.

Secara kolektifnya, setiap pendekatan ini bertitik tolak pada diri sendiri untuk mengurus dan mengawal berat badan. Maka kita hendaklah bijak mengawal nafsu makan agar tidak beraja di mata bersultan dihati. Oleh itu, kita hendaklah memiliki disiplin yang tinggi dalam mengurus berat badan agar tidak menghadapi masalah obesiti. Sesungguhnya jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

10. PERANAN IBU BAPA DALAM USAHA MENANGANI MASALAH SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA.

Dalam alaf penuh cabaran dengan pelbagai kemajuan dan pembangunan fizikal, masalah sosial turut meningkat dan menerima perubahan yang lebih drastik dalam masyarakat. Malah perubahan tersebut menyebabkan mereka terjerumus dalam masalah sosial norma baharu tanpa disedari. Bagi ibu bapa yang berusia, masalah ini kurang mendapat perhatian berbanding ibu bapa muda. Mereka lebih memahami masalah sosial pasca-2020 yang lebih mencabar. Oleh itu ibu bapa muda perlu dilengkapi dengan maklumat terperinci agar mereka bersiap sedia menghadapi masalah sosial dalam kalangan remaja. Persoalannya, apakah peranan ibu bapa dalam usaha menangani masalah sosial dalam kalangan remaja alaf ini?

Antara perspektif yang perlu dilihat ialah pemantauan ibu bapa terhadap rakan-rakan yang berkawan dengan anak. Ibu bapa hendaklah mengenali rakan-rakan anak dan mengetahui hubungan mereka. Tindakan ini bertujuan agar rakan-rakan anak tidak mempengaruhi anak-anak untuk melakukan perkara yang tidak baik. Selain itu, ibu bapa juga hendaklah mengenali keluarga rakan-rakan anak. Dengan cara ini ibu bapa lebih mudah membuat pemantauan disebabkan adanya kerjasama daripada kedua-dua pihak memantau anak masing-masing. Oleh itu, langkah bestari ini merupakan jalan mudah untuk ibu bapa mengawal anak-anak daripada terjebak dalam masalah sosial.

Dari perspektif yang berbeza pula, ibu bapa hendaklah menjadi rakan anak-anak. Ibu bapa hendaklah bersikap terbuka untuk mendengar setiap pandangan atau pendapat yang dikemukakan oleh anak-anak. Pada masa yang sama, ibu bapa hendaklah cuba memahami jiwa dan perasaan anak-anak yang sedang meningkat dewasa ini kerana zaman sekarang anak-anak menerima pengaruh secara tidak langsung melalui pelbagai medium sama ada secara media cetak atau media elektronik. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa perlu mempelajari ilmu keibubapaan untuk memahami anak-anak generasi alaf baharu ini.

Selain perspektif tersebut, ibu bapa boleh juga menggunakan pendekatan agama. Ibu bapa hendaklah menerapkan asuhan dan didikan agama secara tidak formal di rumah. Ibu bapa hendaklah menerapkan nilai-nilai keagamaan agar anak-anak terhindar daripada masalah sosial. Benteng agama yang utuh ini dapat melindungi anak-anak daripada pengaruh negatif yang boleh memesonkan pendirian, keimanan, dan akhlak mulia. Sesungguhnya, anak-anak ibarat sehelai kain putih, ibu bapa yang mencorakkannya. Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab untuk mencorak kehidupan anak mereka agar tidak terpesong dengan masalah sosial.

Di samping penerapan nilai agama dalam diri anak-anak, ibu bapa juga boleh mengambil pendekatan yang lebih efektif iaitu melalui pendekatan kasih sayang. Ibu bapa hendaklah menzahirkan kasih sayang mereka kepada anak-anak dengan meluangkan masa bersama dengan anak-anak pada waktu lapang atau hujung minggu. Sebagai contoh, ibu bapa membawa anak-anak beriadah pada waktu pagi di taman rekreasi. Mereka juga boleh mengadakan pelbagai aktiviti kekeluargaan sepanjang hari atau mengatur program percutian ke destinasi pelancongan yang berhampiran. Dengan cara ini, ibu bapa dapat mengenali dan memahami tingkah laku anak-anak dan mereka dapat merapatkan hubungan antara keluarga.

Secara keseluruhannya, setiap masalah akan ada penyelesaiannya, begitu juga dengan masalah sosial yang masih membelenggu masyarakat khususnya remaja di negara kita. Masalah ini akan dapat diselesaikan jika semua pihak dapat bersatu hati, bersepakat dalam mencari titik penyelesaian dan tidak saling menuding jari serta menyalahkan orang lain kerana sesungguhnya telunjuk lurus kelingking berkait. Oleh itu, ibu bapa hendaklah kritis dan kreatif dalam usaha memupuk amalan mulia dalam diri anak-anak agar mereka dapat menjadi insan berguna pada keluarga, masyarakat dan negara yang bebas daripada segala gejala sosial.

11. LANGKAH PELBAGAI PIHAK MENGATASI MASALAH SOSIAL

“Seorang lelaki telah membunuh bapanya”, merupakan sebahagian daripada tragedi yang kerap kita baca dan menjadi tajuk utama dalam setiap media perdana sama ada media cetak atau media elektronik. Tragedi berdarah ini bukan pertama kali didengari tetapi masalah ini semakin kerap berlaku lantaran masalah sosial yang masih belum dapat kita selesaikan secara menyeluruh. Masalah sosial secara umumnya ialah masalah yang merosakkan masyarakat dari segi budaya dan norma kehidupan yang rasional. Oleh itu, kita seharusnya membantu pihak berkuasa menangani masalah sosial ini. Persoalannya, apakah tindakan yang patut diambil oleh pelbagai pihak bagi mengatasi masalah sosial ini?

Antara pendekatan holistik yang mesti diambil ialah ibu bapa memulakan aktiviti pencegahan dari rumah. Ibu bapa hendaklah menggunakan nilai kekeluargaan untuk melindungi ahli keluarga daripada terjerumus dalam kancuh kebinasaan. Nilai kasih sayang merupakan nilai yang paling utama yang mesti dipupuk dalam keluarga. Mereka hendaklah saling menyayangi antara ibu bapa dengan anak-anak sehingga nilai ini mampu menjadi benteng kepada anak-anak untuk menolak pujukan rakan-rakan yang cuba mempengaruhi mereka. Sebagai contoh, ibu bapa menzahirkan kasih sayang dengan mengisi masa lapang anak-anak melalui pelbagai aktiviti berfaedah yang dilakukan bersama-sama. Oleh itu, ibu bapa menjadi benteng kuat dalam usaha pencegahan ini.

Dari sudut pendekatan kawalan diri pula, remaja perlu bijak untuk mencari kenalan. Mereka hendaklah menjadikan agama sebagai kayu pengukur dalam memilih rakan. Pada masa yang sama remaja hendaklah menjadikan ibu bapa sebagai rujukan sebelum hendak mengenali seseorang kenalan. Walaupun kelihatan cara ini agak kolot tetapi mampu mengekang gejala ini daripada meracuni remaja. Oleh itu, remaja hendaklah menguatkan pegangan agama agar menjadi panduan dalam hidup termasuklah dalam hal memilih rakan.

Pendekatan lain yang wajar diberi perhatian ialah kerjasama daripada jiran tetangga dan masyarakat. Semangat kejiranan hendaklah dipupuk agar dapat membantu menyelesaikan masalah sosial ini. Sikap ‘suka menjaga tepi kain orang’ hendaklah dilihat dari sudut yang positif. Jiran tetangga hendaklah memantau aktiviti anak-anak jiran yang sering melepak dengan rakan yang tidak dikenali. Mereka hendaklah menegur atau menasihati anak-anak jiran agar tidak melakukan perbuatan yang boleh menconteng arang ke muka ibu bapa mereka. Tindakan ini akan menjadikan hubungan kejiranan berubah menjadi hubungan kekeluargaan tetapi dalam skop yang lebih besar. Oleh itu, peranan masyarakat dan komuniti setempat amat penting dalam mencegah masalah sosial.

Pendekatan terakhir yang turut menjadi usaha penting untuk mencegah masalah sosial ini adalah melalui peranan kerajaan. Kerajaan hendaklah mengambil beberapa langkah yang wajar mengikut sektor. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan adalah melalui sektor pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah cakna dengan usaha mencegah masalah sosial. Institusi pendidikan negara merupakan tempat yang dapat mencegah gejala sosial ini melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Kerajaan juga mampu menggalas tanggungjawab ini dengan mengambil pendekatan yang lebih mesra rakyat dan bukan sekadar penguatkuasaan semata-mata.

Secara keseluruhannya, setiap penyakit ada penawarnya, setiap masalah ada penyelesaiannya, maka masalah yang meruncing ini turut ada jalan penyelesaian dan titik nuktahnya. Oleh itu, semua pihak mestilah berganding bahu dan bergembleng tenaga untuk menyelesaikan masalah sosial yang membelenggu masyarakat kita ini. Sesungguhnya, sebatang lidi dapat dipatahkan tetapi seikat lidi tidak mampu dipatahkan. Maka, kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan demi memastikan negara terus bebas daripada gejala sosial yang akan merosakkan pembangunan insan masyarakat Malaysia.

12. PUNCA MASALAH PENGANGGURAN DI MALAYSIA

Sedasawarsa ini dalam era pascaindustri, masalah tenaga kerja dan peningkatan kadar pengangguran menjadi topik hangat dibincangkan oleh seluruh warga dunia. Pengangguran secara umumnya ialah seseorang yang tidak bekerja dengan mana-mana syarikat dan tidak menerima sebarang upah kerja. Mereka yang tidak bekerja ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhi mereka untuk tidak bekerja. Oleh itu, kita perlu menelusuri setiap permasalahan ini untuk mencari punca masalah ini berlaku. Persoalannya, apakah faktor yang menyebabkan graduan yang berusia dua puluh satu tahun masih tidak bekerja?

Antara faktor yang signifikan dalam isu ini ialah sikap mahasiswa dan mahasiswi di universiti terlalu memilih pekerjaan setelah tamat hari graduasi. Mereka hanya ingin bekerja dalam bidang yang telah dipelajari di universiti. Tambahan lagi, terdapat gradua yang mengharapkan gaji yang tinggi dan tidak mahu menerima gaji permulaan yang mungkin rendah pada pandangan mereka. Ada juga dalam kalangan mereka ini tidak sanggup bekerja pada hujung minggu sehingga mereka tergolong dalam penganggur siswazah. Jika seseorang graduan itu masih bersikap memilih, mereka akan terus menyumbang dalam peningkatan peratus pengangguran di Malaysia.

Selain sikap graduan yang memilih pekerjaan, graduan universiti juga menghadapi persaingan daripada golongan yang berkelulusan rendah daripada mereka. Hal ini terjadi apabila kebanyakan syarikat menawarkan pekerjaan di bawah paras kelayakan graduan. Sebagai contoh, graduan memohon jawatan sebagai pegawai eksekutif di sebuah syarikat dengan syarat minimum pekerjaan tersebut ialah diploma. Keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi persaingan tidak sihat apabila terpaksa bersaing dengan graduan lain yang memohon jawatan tersebut. Dari segi industri tenaga kerja di Malaysia, situasi ini akan memberikan gambaran buruk kepada masyarakat luar tentang tindakan manipulasi pasaran pekerjaan.

Kepesatan dunia pendidikan dan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan telah menyebabkan percambahan pusat pengajian tinggi swasta dan kerajaan bagi cendawan tumbuh selepas hujan. Keadaan ini menyebabkan jumlah tenaga kerja telah bertambah dalam pasaran kerja dan akan memberi impak negatif dalam pasaran kerja. Lebih daripada permintaan ini akan menyebabkan indeks pengangguran negara meningkat. Kadar peningkatan pengangguran ini akan memberi impak negatif dalam pasaran kerja. Secara tidak langsung, limpahan tenaga kerja akan bertambah tahun demi tahun sehingga memberi kesan negatif

Dalam isu yang sama juga, pihak majikan akan mengambil peluang untuk mengurangkan kos operasi syarikat. Mereka akan memanipulasi keadaan yang berlaku disebabkan permintaan melebihi penawaran yang disediakan oleh sektor pekerjaan. Akibatnya, majikan akan memberi alasan untuk mengurangkan jumlah pekerja disebabkan oleh pengecilan kos operasi. Mereka akan menawarkan pelbagai jenis pampasan seperti Pampasan Pemberhentian Kerja Secara Sukarela (PKSS) atau Pemberhentian Kerja Secara Wajib (PKSW) akibat perubahan besar yang berlaku dalam syarikat. Dengan cara ini, pihak majikan bukan sahaja dapat mengecilkan operasi malah dapat juga menjimatkan kos operasi syarikat.

Secara keseluruhannya, masalah pengangguran di Malaysia telah mencapai kadar peratusan yang semakin meruncing dan keadaan ini memberi kesan negatif pada ekonomi negara. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil pendekatan yang 'mesra rakyat' bagi membantu rakyat yang menghadapi masalah pengangguran. Tindakan ini bukan sahaja menyelamatkan rakyat malah meningkatkan kembali ekonomi negara. Sesungguhnya rakyat Malaysia hendaklah bersatu hati kerana peribahasa ada mengatakan bersatu teguh bercerai roboh dan dalam menghadapi cabaran besar ini kita tidak harus bersikap seperti telunjuk lurus kelingking berkait.

13. USAHA MENGATASI MASALAH PENGANGGURAN

Pada alaf pasca-2020 ini, negara menghadapi pelbagai cabaran yang memberi kesan negatif dalam pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan ini menyebabkan banyak industri terkesan sehingga mereka mengambil keputusan memberhentikan pekerja. Namun begitu, kerajaan terus berusaha dengan menawarkan pelbagai inisiatif menarik kepada pelabur-pelabur luar negara. Persoalannya, apakah inisiatif yang ditawarkan oleh kerajaan untuk merangsangkan ekonomi agar dapat meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara?

Antara inisiatif yang diambil oleh kerajaan adalah dengan menghantar delegasi perdagangan ke luar negara dengan tujuan untuk menarik lebih banyak modal asing ke Malaysia. Rombongan delegasi ini telah menawarkan kerjasama bagi pelbagai pakej rangsangan ekonomi di Malaysia yang melibatkan pelaburan jangka panjang. Antara projek mega yang sedang dirancang oleh negara ialah Projek Pembangunan Johor Selatan dan Projek Pembangunan Bandar Iskandar Malaysia. Kesemua projek mega ini akan memberi impak positif kepada ekonomi negara dengan jutaan tawaran kontrak kepada syarikat tempatan dan luar negara. Malah, projek mega ini akan membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada masyarakat setempat yang terlibat dalam kawasan projek mega tersebut.

Dalam isu yang berkaitan juga, kerajaan telah mewujudkan pelbagai program untuk memahirkan golongan belia dalam pelbagai bidang melalui institusi kemahiran bagi melatih belia negara dalam kemahiran kejuruteraan, kemahiran bangunan, kemahiran permotoran. Sebagai contoh, Institut kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara (IKBTN), Giat Mara, kolej Vokasional, dan Institut Kemahiran Mara. Kesemua institusi ini akan dapat melahirkan lebih ramai belia yang berkemahiran tinggi dalam kerja-kerja teknikal. Usaha ini akan dapat mengisi kekosongan jawatan dalam pelbagai projek di bawah pakej rangsangan ekonomi negara. Secara tidak langsung, kerajaan berjaya melahirkan golongan professional dan berkemahiran tinggi daripada anak tempatan.

Selain itu, Kerajaan turut memberi kemudahan pembiayaan mikro bagi pengusaha perniagaan kecil. Tujuan pembiayaan mikro ini adalah untuk membantu peniaga kecil yang menghadapi masalah modal untuk berniaga semula. Kerajaan juga menawarkan modal bagi pembelian mesin untuk meningkatkan produktiviti syarikat. Manakala bagi Industri Kecil dan Sederhana, pakej rangsangan perniagaan diperkenalkan bagi menggalakkan penyertaan IKS sejajar dengan program Satu Kampung Satu Produk dan Satu Daerah Satu Industri yang merupakan salah satu program yang bertujuan membantu masyarakat desa agar dapat menikmati kemakmuran daripada industri perusahaan yang berkembang pesat di negara kita.

Di samping kemudahan pembiayaan mikro ini, kerajaan sepatutnya melancarkan kempen Beli Barang Buatan Malaysia. Usaha ini akan dapat menggalakkan orang ramai menyokong pembelian barangan buatan Malaysia. Keadaan ini akan dapat meningkatkan ekonomi tempatan dalam konteks mikro. Penjualan kereta Proton X-50 mencatatkan jualan tertinggi walaupun dilancarkan pada pertengahan tahun 2020 selepas negara dilanda pandemik Coronavirus-19 (COVID-19). Kejayaan ini dilihat sebagai satu sokongan kepada syarikat pengeluar kereta nasional. Secara tidak langsung, kejayaan ini sebagai petanda bahawa rakyat masih mempercayai dan meminati kenderaan buatan nasional.

Secara keseluruhannya, kerajaan bertanggungjawab untuk berusaha mencari jalan bagi memulihkan keadaan ekonomi negara yang berada dalam keadaan kritikal ibarat telur dihujung tanduk, ibarat berumah di tepi pantai. Pada masa sama, rakyat hendaklah memberi sokongan padu kepada kerajaan serta bertabah dengan segala kesulitan yang dialami sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jika tiada kerjasama daripada semua pihak, maka kerajaan tidak akan dapat bangkit semula untuk menyelamatkan ekonomi negara, malah ekonomi negara akan bertambah runcing dengan situasi yang semakin mencabar ini. Oleh itu,

semua pihak hendaklah berfikiran positif dan sentiasa kehadapan serta tidak menjadikan politik sebagai neraca pertimbangan dalam menangani isu ini.

14. LANGKAH UNTUK MENGGALAKKAN ORANG RAMAI MENGGUNAKAN PENGANGKUTAN AWAM

Dasawarsa ini, kemakmuran negara telah dikecapi oleh rakyat Malaysia di bawah pelan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD). Namun usaha kerajaan dalam meningkatkan kemudahan awam masih tidak mampu menggalakkan orang ramai menggunakan kemudahan awam. Malah peribahasa turut ada mengatakan, ada perahu hendak berenang. Begitulah sikap masyarakat yang tidak menggunakan kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan. Oleh itu, satu prakarsa perlu dilakukan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Persoalan yang masih berlegar-legar dalam kotak pemikiran kita ialah, apakah usaha bagi menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam?

Salah satu langkah bestari yang boleh diambil adalah melalui kempen promosi yang dilakukan oleh kerajaan ialah kerajaan menawarkan promosi menaiki pengangkutan awam secara percuma selama sebulan. Hal ini bertujuan untuk membiasakan masyarakat menaiki pengangkutan awam. Kerajaan juga menawarkan diskaun harga istimewa pada hari-hari kebesaran seperti ulang tahun hari kemerdekaan negara dan hari-hari perayaan utama. Keadaan ini akan menggalakkan orang ramai menaiki kenderaan awam untuk merebut peluang tawaran harga diskaun tersebut. Secara tidak langsung, orang ramai akan lebih selesa dan biasa menggunakan kenderaan awam kerana mereka tidak perlu menempuh kesesakan di jalan raya.

Selain kempen promosi, kerajaan juga hendaklah menawarkan pakej istimewa kepada golongan tertentu. Sebagai contoh, pelajar sekolah dan warga emas yang menggunakan kenderaan awam akan mendapat harga tetap yang murah. Dengan cara ini, pelajar dan warga emas akan rasa dihargai dengan penyediaan kerusi khas untuk golongan yang memerlukan ini akan menggalakkan mereka untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Pakej menarik juga perlu ditawarkan kepada golongan pekerja yang membeli kad prabayar bulanan. Hal ini bertujuan menggalakkan golongan pekerja menggunakan kenderaan awam yang dapat menjimatkan kos perjalanan mereka ke tempat kerja. Secara tidak langsung, golongan pekerja dapat menjimatkan wang untuk perbelanjaan lain.

Di samping pakej istimewa, suasana yang selamat dan kondusif juga menjadi faktor yang menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Bagi menjamin keselamatan golongan wanita daripada gangguan lelaki yang tidak bermoral, syarikat penyedia perkhidmatan pengangkutan awam telah menyediakan gerabak khas untuk golongan wanita. Gerabak tersebut diwarnai dengan warna merah jambu. Hal ini bertujuan agar golongan lelaki tidak tersalah gerabak apabila menggunakan khidmat pengangkutan awam. Oleh itu, golongan wanita akan berasa selamat apabila menaiki pengangkutan awam.

Tidak dinafikan, bas pengantara yang disediakan secara percuma juga menjadi penggalak kepada masyarakat untuk menggunakan pengangkutan awam yang lain. Seseengah stesen agak jauh dari kawasan perumahan. Hal ini menyebabkan orang ramai sukar untuk menggunakan pengangkutan awam seperti LRT, KOMUTER dan Kereta api. Mereka terpaksa berjalan kaki untuk ke stesen. Dengan adanya khidmat bas pengantara yang disediakan oleh kerajaan masalah ini dapat diselesaikan dengan mudah. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa khidmat bas pengantara turut menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan ini.

Secara keseluruhannya,. Kemakmuran yang dinikmati oleh kerajaan turut dirasai oleh masyarakat melalui kemajuan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam. Oleh itu, sebagai warga negara yang bertanggungjawab kita hendaklah menggunakan pengangkutan awam dengan penuh berhemah agar dapat kita warisi kemajuan pembangunan pengangkutan awam kepada generasi akan datang dengan kelengkapan yang baik dan sempurna.

15. KEPENTINGAN PENGANGKUTAN AWAM

Dalam Program Transformasi Ekonomi (PTE) yang telah diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 iaitu Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, beliau telah menzahirkan transformasi dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) dan menyasarkan 2030 sebagai tahun keramat selepas kejayaan Wawasan 2020. Projek ini telah berjaya menghubungkan penduduk dari Bandar Kajang sehingga ke Bandar Sungai Buloh dengan melalui hentian-hentian di setiap pusat beli-belah yang terkemuka. Namun, kewujudan hentian yang gah dengan reka bentuk unik ini hanya akan menjadi salah satu projek 'gajah putih' jika orang ramai masih tidak menggunakan kemudahan awam ini. Persoalannya, apakah keistimewaan menggunakan kemudahan awam ini?

Antara kepentingan utama kemudahan pengangkutan awam ialah pengurangan masalah kesesakan lalu lintas. Lazimnya kesesakan lalu lintas berlaku pada waktu puncak iaitu waktu pagi dan waktu petang. Hal ini dikatakan demikian kerana waktu tersebut orang ramai mula bergegas pergi dan pulang dari tempat kerja. Dengan adanya kemudahan pengangkutan awam seperti bas perantara, teksi dan Rail Transit Rendah atau dikenali LRT, masalah kesesakan lalu lintas dapat dikurangkan malah secara tidak langsung pekerja dapat hadir ke tempat kerja dalam keadaan ceria dan tidak stres. Oleh itu penggunaan pengangkutan awam dapat mengurangkan masalah kesesakan di jalan raya.

Dalam isu yang sama, penggunaan pengangkutan awam mampu mengurangkan kemalangan di jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan pengguna kenderaan telah menggunakan pengangkutan awam untuk menuju ke destinasi masing-masing. Mereka tidak lagi perlu menghadapi kesesakan lalu lintas setiap hari dan menghadapi tekanan dengan sikap sesetengah pemandu yang bertindak agresif ketika memandu kenderaan mereka di jalan raya. Dengan penggunaan pengangkutan awam, kemalangan dapat dielakkan kerana sesungguhnya malang tidak berbau. Oleh itu, pengguna dapat pergi ke destinasi dengan selamat tanpa rasa tekanan.

Dari sudut yang berbeza pula, penggunaan kemudahan awam dapat memupuk nilai murni sepanjang perjalanan dalam kenderaan awam. Antara nilai murni yang dapat dipupuk ialah nilai perpaduan, nilai bekerjasama, nilai bertolak ansur dan nilai hormat-menghormati. Sebagai satu tamsilan yang mudah, apabila kita menaiki LRT atau Monorel, kita dapat bertemu dengan rakan-rakan baharu yang berlainan bangsa dan kaum di dalam gerabak kecil tersebut. Pada masa yang sama jika ada orang tua, ibu mengandung dan orang kelainan upaya, kita akan memberi ruang untuk mereka duduk. Secara tidak langsung kerajaan dapat mendidik masyarakat untuk menjadi masyarakat kelas pertama.

Di samping itu, penggunaan pengangkutan awam turut dapat mengurangkan masalah pencemaran alam. Hal ini sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas daripada pencemaran terutamanya pencemaran daripada asap kenderaan yang mengeluarkan gas karbon monoksida. Dalam isu ini, pembebasan asap kenderaan boleh menyebabkan penipisan lapisan ozon dan masalah jerebu. Keadaan ini turut menyebabkan pelbagai masalah kebersihan dan kesihatan masyarakat terjejas. Dengan adanya pengangkutan awam, kenderaan persendirian dapat dikurangkan pada waktu puncak. Secara tidak langsung, masalah pencemaran alam dapat diatasi dengan lebih mudah lantaran pengangkutan awam merupakan nadi kehidupan masyarakat

Secara tuntasnya, perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia telah menyumbang banyak manfaat dan kelebihan kepada kita semua. Kelebihan yang dapat kita kecapai ini hendaklah dijaga dan dipelihara agar pengangkutan awam ini dapat diguna pakai oleh pelbagai lapisan masyarakat dari zaman ke zaman.

16. LANGKAH PELBAGAI PIHAK DALAM MENANGANI MASALAH PENYAKIT BERJANGKIT

Dasarawarsa ini isu penularan penyakit berjangkit yang kerap terjadi di negara kita. Setiap tahun isu ini akan menjadi tajuk hangat dalam akhbar harian utama dan isu yang menjadi polemik dalam masyarakat sehingga ada yang trauma dengan penyakit berjangkit ini. Negara pernah mengalami serangan penularan penyakit berjangkit seperti Penyakit Selesema Burung yang juga dikenali sebagai H5N1 juga pada 2007 dan Selesema Babi atau dikenali sebagai H1N1 yang telah mencatatkan kes kematian seramai 88 orang pada tahun 2009. Oleh itu langkah bijak perlu diambil bagi membendung masalah yang tiada kesudahan ini. Persoalannya, apakah langkah yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak bagi menangani masalah penyakit berjangkit ini?

Antara langkah yang signifikan dalam usaha mengawal penularan penyakit berjangkit adalah dengan memastikan penjagaan kesihatan yang bersistematik dalam kalangan masyarakat. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyarankan kita agar mencuci tangan, memakai pelitup muka, dan melakukan penjarakan sosial. Kaedah ini telah berjaya memberi kesedaran kepada masyarakat supaya mematuhi Prosedur Tetap Operasi (PTO) yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Sebagai contoh, peniaga mematuhi syarat jumlah pelanggan yang boleh berada di dalam premis dengan mengikut Prosedur Tetap Operasi. Dengan cara ini, kerajaan dapat mengawal penyakit berjangkit tersebut daripada merebak

Dalam isu yang sama, masyarakat juga hendaklah meningkatkan imunisasi diri mereka. Masyarakat hendaklah mengambil kesempatan untuk melakukan senaman, riadah atau aktiviti yang mengeluarkan peluh pada waktu Perintah Kawalan Pergerakan. Hal ini bertujuan untuk memastikan tubuh badan kita berada dalam keadaan sihat dan terhindar daripada penyakit. Dengan cara ini masyarakat dapat memiliki kekuatan dalaman terutama kekuatan imunisasi badan, kekuatan fikiran dan perasaan serta kekuatan fizikal bagi menghadapi penularan penyakit berjangkit yang masih belum ketemu titik pengakhiran. Secara tidak langsung penjagaan kesihatan sendiri menjadi benteng utama pertahanan diri.

Dari sudut lain pula, pihak berkuasa hendaklah mengambil tindakan tegas dengan mengetatkan syarat kemasukan pendatang asing dari luar negara. Sama ada mereka datang ke Malaysia sebagai pelancong atau sebagai pekerja, Jabatan Imigresen hendaklah melakukan saringan kesihatan terhadap mereka. Banyak kes jangkitan penyakit berjangkit dibawa oleh pendatang asing. Sebagai contoh, kes COVID-19 yang berlaku di Napoh adalah disebabkan oleh pendatang asing yang tidak melakukan kuarantin diri sehingga wujudnya kluster Sivangangga. Kes ini menjadi bukti bahawa pendatang asing menjadi ejen pembawa penyakit berjangkit ke negara Malaysia. Oleh itu, kerajaan perlu bertindak segera dengan menutup semua pintu masuk negara bagi membendung masalah ini daripada berlaku.

Dalam konteks yang sama berkaitan isu penguatkuasaan undang-undang, kerajaan hendaklah mengambil tindakan tegas dengan mengenakan hukuman berat terhadap individu atau syarikat yang masih berdegil tidak mematuhi Prosedur Tetap Operasi. Mereka hendaklah dikenakan denda yang besar dan hukuman yang berat agar memberi keinsafan kepada pesalah dan orang lain. Sebagai contoh, denda sebanyak seribu ringgit dikenakan terhadap pesalah yang melanggar Prosedur Tetap Operasi dan mereka yang masih berdegil melanggar PKP, akan dikenakan hukuman penjara di bawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1998 dan Akta 342.

Secara keseluruhannya, pelbagai langkah drastik dan efektif telah diambil oleh semua pihak bagi memutuskan rantaian penyakit berjangkit ini. Dalam hal ini, semua lapisan masyarakat tanpa mengira warna kulit, agama dan kaum hendaklah bersatu hati dan mengetepikan segala persengketaan yang disebabkan isu-isu politik dan sosial demi mencari satu titik persamaan bagi membendung wabak ini.

17. PUNCA DAN KESAN PENYAKIT BERJANGKIT

Dalam arus pembangunan dan kemajuan negara, isu kesihatan tidak harus diketepikan oleh masyarakat. Penjagaan kesihatan sepatutnya menjadi tonggak utama dalam kehidupan dan wajib diberi perhatian oleh semua pihak. Malangnya, keghairahan manusia mengejar kemajuan dan kekayaan menyebabkan masalah kesihatan menjadi senarai pertama mencatatkan angka kematian terutamanya yang melibatkan penyakit berjangkit. Penyakit berjangkit ini secara umumnya terbahagi kepada lima jenis antaranya ialah penyakit air dan makanan, penyakit bawaan vektor dan penyakit jangkitan seksual. Oleh itu kita perlu menelusuri setiap punca atau faktor yang menyebabkan penyakit ini merebak dan kesan daripada penyakit tersebut.

Salah satu faktor yang signifikan dalam isu penyakit berjangkit ini ialah sikap manusia yang tidak menjaga kebersihan diri, pakaian dan persekitaran. Lazimnya, kita saling bersentuhan dengan orang, binatang dan benda yang tidak diketahui tahap kebersihannya. Keadaan ini menyebabkan virus berpindah kepada kita lalu penyakit berjangkit tersebut menyerang imunitas yang bertindak sebagai perisai badan dan akhirnya badan menjadi lemah lalu kita mudah dijangkiti sesuatu penyakit berjangkit melalui sentuhan. Secara tidak langsung sikap manusia itu harus diperbaiki agar tiada masalah kesihatan yang berlaku.

Selain sikap manusia, punca penularan penyakit berjangkit ini adalah disebabkan oleh ketiadaan vaksin atau ubat yang dapat menyembuh dan menghalang penularan penyakit berjangkit. Kes ini pernah terjadi ketika berlaku wabak penyakit JE yang tiada penawar dan pesakit hanya mendapatkan rawatan biasa di hospital. Kes yang sama juga berlaku pada 2019 yang hingga kini tiada vaksin yang telah ditemui untuk mengubati kes penularan penyakit berjangkit Novel Coronavirus-2019 (COVID-19). Masalah ketiadaan virus telah berlaku di seluruh dunia dan penemuan vaksin baru-baru ini masih mendapat bantahan daripada sesetengah pihak yang meragui uji kaji keputusan makmal. Oleh itu, kita hendaklah menjaga kesihatan diri kerana vaksin masih belum dapat melindungi manusia sejagat.

Akibat daripada penularan penyakit berjangkit, pelbagai implikasi akan dihadapi oleh semua pihak khususnya rakyat marhaen yang terkesan secara langsung atau tidak langsung. Apabila kes pandemik berlaku, kerajaan telah mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan bawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1998. Akibatnya, masyarakat secara keseluruhannya tidak boleh merentas daerah atau negeri. Malah hanya syarikat yang mengeluarkan produk keperluan asas sahaja dibenarkan beroperasi dengan jumlah pekerja yang terhad. Keadaan ini menyebabkan sesetengah syarikat tidak mampu untuk bertahan lalu mereka memberhentikan pekerja. Sudah jatuh ditimpa tangga, begitulah nasib yang menimpa masyarakat Malaysia.

Selain itu, masalah penularan penyakit berjangkit ini turut mengakibatkan sesi persekolahan ditangguh dan pembelajaran diadakan secara maya atau dalam talian bagi kelas-kelas peperiksaan. Keadaan ini telah menyebabkan tekanan kepada pelajar terutama pelajar yang akan menduduki peperiksaan utama seperti SPM. Malah, mereka juga tidak bertemu dengan guru-guru di sekolah akibatnya semangat pelajar untuk belajar semakin menurun. Dengan pengaruh negatif yang berada di dalam rumah, pelajar akan membuang masa dengan menonton rancangan televisyen tanpa mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah. Oleh itu, penyakit berjangkit ini hendaklah diatasi segera agar pembelajaran anak muda dapat diteruskan seperti biasa.

Secara keseluruhannya, setiap yang bermula ada akhirnya, setiap masalah ada penyelesaiannya dan setiap penyakit ada ubatnya, maka penyakit berjangkit ini merupakan satu pandemik yang akan dapat kita atasi bersama dalam masyarakat. Oleh itu semua pihak haruslah mengambil tanggungjawab untuk memastikan masalah penyakit berjangkit ini dapat diatasi bersama bagai aur dengan tebing agar orang ramai dapat menjalani kehidupan normal.

18. KEPENTINGAN PERMAINAN TRADISIONAL

‘Mobile Legend’, ‘War Craft’, ‘Counter Strike’ dan ‘Candy Crush’ antara nama permainan dalam talian yang popular dalam kalangan masyarakat di dunia. Permainan moden ini telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup malah ada antara permainan dalam talian yang memberi pendapatan sampingan sehingga artis tempatan juga terjebak dalam permainan maya ini. Keghairahan permainan moden ini telah mengambil tempat permainan tradisional dalam masyarakat. Oleh itu, ibu bapa perlu mencari kaedah untuk menyedarkan anak-anak tentang kelebihan dan keistimewaan permainan tradisional. Persoalan yang masih berlegar-legar dalam kotak pemikiran kita ialah apakah kepentingan permainan tradisional dalam pembentukan diri, bangsa dan negara?

Hakikat yang tidak dapat kita nafikan ialah permainan tradisional ini merupakan aset budaya bangsa yang wajar dibanggakan oleh rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana permainan tradisional memiliki reka bentuk yang melambangkan ciri-ciri kebudayaan sesuatu bangsa. Sebagai contoh, wau terdiri daripada wau Bulan, wau Kucing, dan wau Jala Budi dihiasi dengan corak-corak unik dan berbeza setiap jenisnya. Malah, wau ini melambangkan identiti kampung dan mereka akan bertanding pada musim menuai padi sebagai tanda keseronokan memperoleh hasil tani. Oleh itu, keunikan yang terdapat pada permainan tradisional mestilah dipertahankan agar menjadi panduan generasi masa hadapan.

Malah dari sudut industri pelancongan, permainan tradisional sangat signifikan untuk menjadi produk pelancongan yang mempunyai daya tarikan tersendiri. Lantaran itu, permainan tradisional berjaya memikat hati pelancong asing untuk melancong ke Malaysia dan merasai sendiri pengalaman mereka bermain permainan tradisional. Akibatnya, ramai pelancong asing mula ingin merasai pengalaman yang sama. Mereka juga dapat membeli cenderamata sebagai kenang-kenangan untuk diberi kepada rakan mereka. Secara tidak langsung, mereka telah mempromosi industri pelancongan negara. Sesungguhnya, benarlah peribahasa Melayu ada mengatakan, tak kenal maka tak cinta. Oleh sebab pelancong asing telah mengalami pengalaman manis tersebut, mereka berulang kali datang ke Malaysia malah ada yang terus menetap di bumi tercinta ini.

Dari sudut yang berbeza pula, permainan tradisional juga dapat memupuk nilai-nilai murni kepada pemain. Anak-anak yang bermain permainan tradisional akan memiliki kesabaran yang tinggi dan ketenangan jiwa ketika bermain permainan tradisional seperti congkak dan gasing. Hal ini amat berbeza dengan permainan moden yang menyebabkan anak-anak bersikap tidak sabar dan mereka akan memberontak jika mereka kalah atau gagal dalam permainan tersebut. Oleh itu, permainan tradisional amat penting dalam memupuk nilai-nilai murni.

Tidak dinafikan permainan tradisional juga dapat dijadikan aktiviti sampingan dalam pembelajaran. Guru-guru boleh menjadikan permainan tradisional sebagai alat bantu mengajar di dalam kelas. Aktiviti pembelajaran akan menjadi seronok dan menghiburkan pelajar terutama bagi murid-murid sekolah rendah. Sebagai contoh, guru-guru menjadikan biji guli sebagai alat bantu mengajar dalam mata pelajaran matematik. Dengan cara ini murid akan menggunakan biji guli untuk belajar mengira dan menghitung jumlah biji guli. Oleh itu, guru-guru perlulah kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Pada penghujung perbincangan ini, permainan tradisional merupakan khazanah negara dan warisan bangsa yang tidak ternilai harganya. Oleh itu generasi muda perlu menggalas tanggungjawab untuk meneruskan kesinambungan generasi terdahulu yang memelihara warisan bangsa ini untuk dipusakai oleh generasi seterusnya sehingga akhir zaman sesuai dengan peribahasa melayu “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”. Sesungguhnya generasi muda menjadi harapan negara untuk meneruskan kepimpinan negara kerana pemuda harapan bangsa pemudi tiang negara.

19. PERANAN IBU BAPA DALAM USAHA MENGGALAKKAN PERMAINAN TRADISIONAL.

'Mobile Legend', 'War Craft', 'Counter Strike' dan 'Candy Crush' antara nama permainan atas talian yang popular dalam kalangan masyarakat di dunia. Permainan moden ini telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup malah ada antara permainan dalam talian yang memberi pendapatan sampingan sehingga artis tempatan juga terjebak dalam permainan atas talian. Keghairahan permainan moden ini telah mengambil tempat permainan tradisional dalam masyarakat. Oleh itu ibu bapa wajar mencari pendekatan yang boleh menggalakkan anak-anak bermain permainan tradisional.

Pendekatan pertama menggalakkan permainan tradisional ialah ibu bapa hendaklah menguasai kemahiran bermain permainan tradisional supaya menjadi contoh teladan dan idola anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana kita tidak mahu ibu bapa bersikap seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul. Sebagai contoh, permainan congkak mempunyai pelbagai peraturan yang boleh mengelirukan dan boleh menyebabkan berlaku pertelingkahan antara adik-beradik. Jika ibu bapa mengetahui peraturan-peraturan congkak sudah tentu masalah atau kekeliruan dapat diselesaikan dengan mudah. Oleh itu, secara jelasnya pendekatan ini sangat penting dalam menggalakkan anak-anak bermain permainan tradisional.

Pendekatan yang seterusnya ialah ibu bapa hendaklah memupuk semangat cinta akan warisan dan khazanah budaya bangsa dengan memberikan set permainan tradisional kepada anak-anak. Dalam isu ini, ibu bapa perlu mengambil inisiatif untuk menceritakan sejarah permainan tradisional kepada anak-anak agar mereka mengetahui asal usul permainan tradisional tersebut. Lebih menarik lagi jika ibu bapa menceritakan pengalaman mereka bermain permainan tradisional kepada anak-anak sewaktu mereka kecil. Dengan cara ini, anak-anak akan lebih menghargai permainan tradisional kerana permainan tersebut pernah dimainkan oleh ibu bapa mereka. Secara tidak langsung, peralatan mainan tersebut mempunyai nilai estetika yang perlu disimpan sebagai khazanah dan warisan keluarga.

Dari pendekatan yang berbeza pula, ibu bapa hendaklah menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan permainan tradisional yang dianjurkan oleh mana-mana pihak. Kebiasaannya pertandingan permainan tradisional ini diadakan di peringkat taman perumahan oleh persatuan penduduk. Pertandingan permainan ini diadakan untuk menggalakkan penyertaan anak-anak muda. Melalui pertandingan ini, anak-anak akan giat berlatih untuk memastikan kemenangan diperolehi mereka. Secara tidak langsung, semangat yang bersungguh-sungguh ini akan memupuk perasaan cinta akan permainan tradisional dalam diri anak-anak.

Pendekatan terakhir yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Mereka hendaklah menyampaikan hasrat ibu bapa yang menginginkan anak-anak terlibat dalam aktiviti permainan tradisional. Ibu bapa hendaklah bersikap proaktif dalam menyuarakan pendapat demi kebaikan dan masa depan anak-anak. Mereka hendaklah memberi cadangan agar pihak PIBG bersetuju untuk mencari dana bagi membiayai program yang berkaitan permainan tradisional. Sebagai contoh, pihak PIBG menganjurkan pertandingan permainan tradisional dengan menawarkan hadiah lumayan kepada peserta. Oleh itu, usaha ibu bapa ini harus dipuji kerana mereka bekerjasama dengan pihak sekolah demi memertabatkan permainan tradisional.

Secara keseluruhannya, ibu bapa menjadi faktor utama yang dapat memupuk minat anak-anak dalam permainan tradisional. Walaupun ibu bapa menghadapi masalah untuk mengubah persepsi anak-anak terhadap permainan tradisional, namun kesungguhan ibu bapa dalam usaha ini ibarat peribahasa lalu ada menyebut genggam bara api biar sampai jadi arang. Tindakan ibu bapa yang konsisten dalam usaha bersepadu ini haruslah dihargai demi

mempertahankan permainan tradisional sebagai sebahagian daripada budaya bangsa yang perlu diwarisi oleh generasi akan datang.

20. USAHA BAGI MENGEKALKAN PERMAINAN TRADISIONAL

Congkak, wau, gasing dan batu seremban merupakan sebahagian daripada permainan tradisional yang pupus ditelan zaman. Permainan ini mula dilupai oleh generasi sekarang apabila permainan moden menguasai pasaran. Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan permainan moden ini boleh dimainkan di mana-mana sahaja dengan sesiapa sahaja tanpa perlu kita kenali pihak lawan. Namun permainan tradisional ini masih lagi ada peminatnya tersendiri. Mungkin ramai masih tidak mengetahui bahawa permainan tradisional memberi banyak kebaikan kepada generasi muda. Oleh itu usaha tertentu perlu dilakukan untuk mengekalkan permainan tradisional. Persoalannya, apakah tindakan yang wajar untuk mengekalkan permainan tradisional?

Peranan utama dalam usaha mengekalkan permainan tradisional ialah peranan sekolah dari aspek aktiviti kokurikulum. Permainan tradisional hendaklah dijadikan sebahagian daripada komponen utama dalam senarai kokurikulum. Unit Kokurikulum hendaklah mewujudkan Kelab Permainan Tradisional dan kelab ini hendaklah wajib disertai pelajar. Tindakan ini bertujuan agar semua pelajar di sekolah akan menyertai kelab tersebut seterusnya mengenali permainan tradisional. Secara tidak langsung bakat dan kemahiran bermain permainan tradisional dapat dicungkil dalam kalangan pelajar.

Selain peranan pihak sekolah, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan juga hendaklah mencari idea untuk mengekalkan permainan tradisional. Pihak kementerian hendaklah mewujudkan pusat akademik dengan tujuan mengumpul pereka-pereka peralatan permainan tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana pereka peralatan ini kebanyakan daripada mereka yang telah tua dan uzur. Dengan adanya pusat akademik ini, pereka dapat melatih bakat-bakat baharu untuk meneruskan warisan sebagai pereka peralatan permainan tradisional. Dengan cara ini, permainan tradisional dapat dikekalkan sehingga akhir zaman.

Dari sudut yang berbeza pula, ibu bapa turut menjadi faktor untuk menggalakkan permainan tradisional dalam kalangan anak-anak. Mereka hendaklah menyediakan permainan tersebut di rumah dan menjadikan permainan tradisional seperti congkak sebagai permainan pada waktu lapang atau selepas makan tengah hari. Ibu bapa hendaklah menjadi contoh kepada anak-anak kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya, mereka hendaklah menggalakkan anak-anak bermain bersama mereka. Aktiviti ini akan menjadi seronok dan ceria dengan gelak tawa dan usik-mengusik antara ahli keluarga. Secara tidak langsung kasih sayang antara ahli keluarga dapat dipupuk dengan mudah oleh ibu bapa.

Pada pendekatan yang terakhir pula, syarikat swasta yang mengeluarkan produk permainan tradisional hendaklah bijak mengatur strategi penjualan mereka. Mereka hendaklah mengeluarkan produk permainan tradisional yang mesra pengguna dengan memasukan ciri-ciri inovasi dalam permainan tradisional kerana kebanyakan permainan tradisional menggunakan bahan asas yang berat dan sukar ditemui. Sebagai contoh, congkak diperbuat daripada kayu yang berat dan sukar untuk dibawa ke mana-mana sahaja. Jika dibuat dalam bentuk yang ringan seperti plastik dan boleh dicatum dan dicabut dengan mudah, pasti permainan ini akan menjadi permainan kegemaran anak-anak.

Secara keseluruhannya, usaha mengekalkan permainan tradisional bukanlah semata-mata terletak pada kerajaan sahaja, malah semua pihak harus memainkan peranan masing-masing kerana sebatang lidi mudah dipatahkan, seikat lidi sukar dipatahkan. Maka semua pihak hendaklah menzahirkan kerjasama ini dengan saling memberi sokongan terhadap usaha untuk mengekalkan permainan tradisional sehingga akhir zaman agar tak lekang dek panas tak lapuk dek hujan.

TAYLOR'SPHERE™

Our well-balanced learning ecosystem and community, supported by experienced lecturers, industry partners, alumni, and University Placement Services (UPS) advisors who assist you to apply successfully to universities worldwide. Within this atmosphere, we intentionally prepare you to graduate in demand by inspiring you with three intelligences: **intellect**, **craft**, and **practical wisdom**.

HONE IN ON THREE INTELLIGENCES



INTELLECT

Sharpen your 21st century thinking skills for future education and career pathways with well-designed programmes, Taylor's award-winning e-learning platform, and industry engagements.



CRAFT

Hone a wide range of essential skill sets with hands-on experiences in classrooms, laboratories and studios.



PRACTICAL WISDOM

Nurture emotional intelligence through the First-Year Learning and Mentoring (FLAME) programme, CSR initiatives, club and society activities, and student council participation.



Kimanda Wang Lin Ling
Foundation in Arts

Currently pursuing Bachelor of Laws at Taylor's University

"Studying Foundation online was enriching & challenging. My lecturers always find new & exciting ways to make learning fun & engaging for us, despite having to teach online!"



Hana Nadhirah binti Mohammad Kamal
SACE International

Currently pursuing accountancy in Bachelor of Commerce at University of New South Wales, Australia

"I love how SACEi emphasises not just academics but preparing for uni. It taught me life skills, being in projects where I could play a part in the world with lecturers & friends."

TAYLOR'Ssphere™

To learn more, scan here



1. LANGKAH MENGATASI MASALAH GELANDANGAN

Seiring dengan pembangunan pesat di kota raya besar seperti Kuala Lumpur, Johor Baharu, Ipoh dan Pulau Pinang, isu gelandangan bukanlah isu luar biasa malah sudah menjadi lumrah orang kata ada semut ada gula, begitulah situasi yang sama berlaku di kota-kota besar di seluruh dunia. Namun fenomena ini semakin lama semakin membebani pelbagai pihak dalam usaha menangani isu yang berkaitan kebejatan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Persoalan yang masih berlegar-legar dalam kotak pemikiran ini ialah, apakah tindakan yang wajar diambil bagi mengatasi masalah golongan gelandangan ini?

Pendekatan pertama yang boleh diambil dalam mengatasi masalah orang gelandangan ini ialah mereka hendaklah ditempatkan di satu pusat atau petempatan sementara. Pusat perlindungan yang disediakan oleh kerajaan akan dapat melindungi mereka daripada pengaruh negatif atau tindakan jenayah yang boleh merosakkan masa depan mereka. Malah, kebajikan mereka seperti makan minum, pakaian dan kesihatan akan dijaga oleh pihak pengurusan pusat tersebut. Tidak dinafikan usaha ini dapat mengurangkan masalah gelandangan yang sering berpeleseran. Pemantauan berpusat ini akan memudahkan bantuan kemanusiaan dan kebajikan disalurkan ke satu tempat yang diyakini dan dipercayai.

Pendekatan yang seterusnya ialah, golongan gelandangan ini hendaklah diberi latihan kemahiran dan teknikal yang membolehkan mereka diterima dalam pasaran kerja. Selain itu, bagi orang gelandangan yang berminat untuk berniaga, kerajaan boleh menyalurkan bantuan keusahawanan dalam bentuk latihan, bantuan modal dan sokongan pemasaran. Hal ini akan dapat membantu kerajaan menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja kasar dan kebergantungan tenaga buruh asing. Secara tidak langsung bantuan kemahiran ini akan membebaskan mereka daripada pandangan serong masyarakat terhadap golongan gelandangan atau orang terbuang.

Pendekatan lain yang wajar diambil perhatian ialah Syarikat korporat hendaklah mengadakan program Tanggungjawab Sosial Korporat dengan menyediakan bantuan sokongan kepada mereka. Bantuan tersebut boleh disalurkan melalui rumah kebajikan atau rumah perlindungan. Sebagai contoh, syarikat korporat menyumbang katil dan tilam untuk kegunaan penghuni rumah kebajikan yang sering bertukar ganti penghuninya. Keadaan ini akan dapat membantu pentadbir rumah kebajikan meneruskan kelangsungan hidup penghuni di rumah kebajikan tersebut. Oleh itu, program Tanggungjawab Sosial Korporat harus diperluas agar dapat memberi manfaat kepada insan yang memerlukan khususnya golongan gelandangan.

Pendekatan penguatkuasaan juga mampu mengatasi masalah gelandangan ini. Kebanyakan orang gelandangan ini terlibat dalam masalah sosial seperti penagihan dadah, lari dari rumah, ketagihan arak dan mengandung di luar nikah. Mereka melarikan diri daripada ahli keluarga lalu tinggal dan menetap bersama dengan rakan di merata-rata tempat. Dengan tindakan penguatkuasaan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis Diraja Malaysia, mereka akan ditangkap lalu dihantar ke rumah kebajikan atau pusat pemulihan. Mereka akan diberi tempat tinggal sementara dan latihan kemahiran seterusnya dibenarkan kembali berada dalam masyarakat setelah pulih daripada masalah.

Secara keseluruhannya, masalah gelandangan merupakan bukti kepincangan dalam sesebuah masyarakat dari segi ekonomi dan sosial. Namun tindakan menyalahkan pihak lain terutama kerajaan dalam isu ini bukanlah tindakan yang bijak malah seharusnya semua pihak perlu duduk semeja mencari penyelesaian yang mampu mengubah landskap kehidupan masyarakat dalam membina masyarakat bertaraf kelas pertama. Oleh itu, semua pihak harus menggalas tanggungjawab ini agar dapat membebaskan masyarakat kita dari isu gelandangan seterusnya membina sebuah masyarakat bertaraf kelas pertama di Asia.

2. PUNCA MASALAH GELANDANGAN

Seiring dengan pembangunan pesat di kota raya besar seperti Kuala Lumpur, Johor Baharu, Ipoh dan Pulau Pinang, isu gelandangan bukanlah isu luar biasa malah sudah menjadi lumrah orang kata ada semut ada gula, begitulah situasi yang sama berlaku di kota-kota besar di seluruh dunia. Namun fenomena ini semakin lama semakin membebani pelbagai pihak dalam usaha menangani isu yang berkaitan kebejatan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Persoalan yang masih berlegar-legar dalam kotak pemikiran ini ialah, apakah punca yang menyebabkan golongan ini memilih untuk menjalani kehidupan sebagai gelandangan ?

Dalam perbincangan isu gelandangan, faktor peningkatan kos sara hidup di kota raya menjadi faktor yang signifikan untuk kita kaji. Kehidupan di kota raya hanyalah indah khabar daripada rupa kerana kehidupan di kota raya tidak seindah yang dikhabarkan. Mereka memperoleh pekerjaan dengan gaji minimum dan hanya mampu untuk menampung kehidupan sendiri sahaja dan lebih malang lagi mereka tidak mampu untuk menyewa rumah dengan kadar sewa yang mahal. Keadaan ini memaksa mereka untuk mengambil keputusan yang tidak menyusahkan pihak lain iaitu mereka hidup merempat di bawah jambatan, di belakang bangunan dan kawasan awam.

Selain faktor peningkatan kos sara hidup, masalah kebejatan akhlak dan sosial telah menyebabkan mereka tersisih daripada arus pembangunan negara. Kebanyakan mereka yang menjalani kehidupan sebagai gelandangan ini adalah terdiri daripada mereka yang menagih dadah, lari dari rumah atau dipulau oleh keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka yang menghadapi masalah atau gejala sosial ini akan menyisihkan diri mereka daripada masyarakat umum. Mereka menjadikan lokasi di bawah jambatan, belakang bangunan kedai, atau di dalam bangunan kosong sebagai 'port' untuk melepaskan "gian" atau bersembunyi daripada pihak berkuasa. Jelas menunjukkan bahawa masalah sosial menjadi punca masalah gelandangan.

Tidak dinafikan dalam isu gelandangan ini, ada antara mereka yang menghidap pelbagai penyakit kronik yang memerlukan rawatan. Mereka dihalau oleh keluarga lantaran kesukaran menjaga mereka akibat kesempitan hidup lalu golongan ini merempat di kaki lima dengan kesan luka akibat penyakit yang dialami. Ada antara golongan ini terdiri daripada mereka yang menghadapi masalah mental akibat tekanan hidup di kota raya. Masalah penyakit kronik dan penyakit mental ini telah menyebabkan mereka disisih oleh ahli keluarga lalu menjadi orang gelandangan. Kehidupan mereka bagai rumput di tepi jalan dan tiada sesiapa yang pun ambil peduli.

Faktor yang menjadi punca peningkatan orang gelandangan ini adalah disebabkan oleh kemiskinan hidup. Mereka tidak mempunyai sijil kemahiran atau sijil pelajaran yang membolehkan mereka bekerja secara tetap dan hanya melakukan pekerjaan yang memberi upah harian. Kadangkala mereka mengharapkan bantuan atau sumbangan makanan daripada NGO atau pihak masjid. Golongan gelandangan ini akan merayau-rayau di sekitar ibu kota mencari tin-tin kosong untuk dijual. Jelas sekali bahawa masalah kemiskinan bukan sahaja di kampung malah di bandar lebih memberi cabaran kepada mereka. Sesungguhnya ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras.

Secara kesimpulannya, isu orang gelandangan bukanlah isu retorik semata-mata malah isu ini akan menjadi seperti pisau makan tuan yang akan merosakkan nama negara jika tidak ditangani dengan bijak. Oleh itu, kerajaan perlulah bijak mencari penyelesaian yang konstruktif dalam satu anjakan paradigma masyarakat agar dapat membetulkan kepincangan yang berlaku demi menjaga nama baik negara di persada dunia sebagai sebuah negara yang disebut-sebut oleh mantan Perdana Menteri yang ke-7 Tun Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Harimau Asia

3. PERANAN PELBAGAI PIHAK DALAM MENARIK MINAT PARA SISWAZAH MENCEBURI BIDANG PERTANIAN

Dalam satu ucaptama persidangan Hala Tuju Sektor Pertanian dan Asas Tani pada 2004, mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi telah merasmikan persidangan lalu menggariskan panduan untuk menjadikan pertanian satu perniagaan seterusnya mengubah persepsi masyarakat tentang sektor pertanian di Malaysia. Persidangan yang diadakan ini bertujuan untuk mencari penyelesaian bagi mengembalikan sektor pertanian negara agar berada di landasan ekonomi dan seterusnya menarik minat para siswazah menceburi bidang pertanian. Persoalannya, apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak bagi menarik minat para pelajar di universiti menceburi bidang ini?

Langkah awal yang perlu dilakukan ialah ibu bapa memberi pendedahan awal kepada anak-anak tentang sektor pertanian. Peranan ini hendaklah dilakukan oleh ibu bapa dengan menjadi uswah hasanah kepada anak-anak seperti peribahasa yang mengatakan bagaimana acuan begitulah kuihnya. Mereka hendaklah memulakan aktiviti pertanian di halaman rumah bersama dengan anak-anak. Dengan cara ini, anak-anak akan terdidik sejak kecil lagi tentang pertanian kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Tegasnya, ibu bapa menjadi faktor kepada seseorang siswazah untuk meneruskan kesinambungan bidang pertanian di negara kita..

Langkah seterusnya pula, pihak institusi kewangan perlulah memberi pinjaman mudah kepada para siswazah yang mempunyai minat dalam bidang pertanian. Kebanyakan siswazah ini ibarat setahun jagung darah setampuk pinang, mereka masih muda dan tiada simpanan wang yang banyak. Dalam isu ini, institusi perbankan negara seperti Agrobank hendaklah memainkan peranan mereka dengan mewujudkan skim pinjaman berkadar faedah rendah kepada siswazah yang ingin melakukan projek pertanian berskala sederhana atau besar dan bersifat komersial. Sesungguhnya, siswazah lepasan universiti perlulah mengambil peluang yang ada ini untuk menceburi bidang pertanian kerana dayung sudah di tangan perahu sudah di air.

Langkah yang perlu diambil oleh pihak institusi pendidikan tinggi adalah dengan menawarkan kursus yang berkaitan pertanian. Sebagai contoh, tawaran kursus agropelancongan, kursus teknologi pertanian, kursus akuakultur dan kursus usahawan pertanian. Kursus ini akan menggalakkan pelajar untuk mengikuti jurusan pertanian yang mempunyai potensi dalam kerjaya dan masa depan mereka. Tidak dinafikan bahawa kursus pertanian moden yang diadakan ini akan memajukan industri pertanian negara. Jelas sekali bahawa, transformasi pendidikan dalam bidang pertanian mampu mengubah pemikiran masyarakat khususnya anak muda.

Langkah akhir yang tidak boleh diketepikan ialah kempen kepentingan sektor pertanian. Kerajaan hendaklah menjadikan media sosial sebagai landasan untuk hebahan dan galakan kepada siswazah untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian. Penggunaan media sosial seperti Facebook, Instagram, Tiktok sebagai wahana pemasaran amat sesuai untuk mendekati golongan muda khususnya siswazah kerana kemenyan sebesar lutut jika tidak dibakar manakan berbau. Secara tidak disedari semua informasi, gambar dan tutorial tentang pertanian dapat dikongsi dengan semua orang. Tegasnya, media sosial menjadi wahana dalam menggalakkan siswazah meminati seterusnya melibatkan diri dalam bidang pertanian.

Secara keseluruhannya, bidang pertanian merupakan sektor yang begitu dekat di hati rakyat namun haruslah diubah dan dilakukan anjakan paradigma agar siswazah yang melibatkan diri dalam sektor pertanian dapat berbangga kerana usaha mereka ini merupakan bukti mereka memiliki semangat cinta akan negara. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing agar dapat memastikan mereka yang bakal menjadi pemimpin masyarakat dan negara memiliki matlamat yang sama ke arah mencapai kemakmuran bersama pada tahun 2030.

4. KEPENTINGAN PERTANIAN

Dasar kemakmuran bersama 2030 merupakan satu kesinambungan Wawasan 2020 yang perlu diterjemah dalam skop yang lebih luas dan holistik mencakupi semua sektor khususnya sektor pertanian yang semakin tenggelam lantaran Dasar Pandang ke Timur terus menjadi kiblat negara yang lebih selesa bekerjasama dengan negara ‘matahari terbit’ tersebut. Walaupun sektor pertanian telah mendapat perhatian mantan perdana Menteri Tun Abdulah Ahmad Badawi pada dua dekad yang lalu, namun sektor pertanian semakin kurang diminati. Oleh itu, demi memastikan sektor pertanian terus menjadi nadi kehidupan masyarakat, kita perlu mengetahui kebaikan dan kelebihan memajukan sektor pertanian. Persoalannya ialah, apakah kelebihan dan keistimewaan kepada pengusaha dan pengguna?

Kepentingan sektor pertanian yang tidak dapat dinafikan ialah sumbangan sektor ini sebagai sumber pendapatan kepada penduduk desa. Lazimnya, sektor pertanian ini dilakukan oleh orang kampung dalam skala kecil dan sederhana. Mereka bercucuk tanam atau mengerjakan sawah bendang dengan memperoleh pendapatan lumayan. Hasil kutipan pula akan ke kilang pemprosesan padi untuk dibungkus mengikut gred kualiti beras tersebut. Kitaran pekerjaan ini menunjukkan bahawa sektor pertanian sangat signifikan untuk terus kekal dalam ekonomi kerana memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak muda kampung

Sektor pertanian juga menjadi sumber bekalan bahan mentah dalam industri pemprosesan makanan. Keadaan ini telah membuka peluang besar dalam sektor pertanian negara untuk berkembang dengan lebih pesat lagi sejajar dengan permintaan dari dalam dan luar negara dalam sektor makanan. Sebagai satu tamsilan, serbuk kopi, serbuk koko, minyak sawit, dan rempah ratus merupakan hasil pertanian di negara kita yang telah mendapat permintaan tinggi di peringkat dunia lantaran revolusi industri makanan tersebut. Secara tidak langsung, banyak bekalan mentah dieksport ke luar negara terutama ke negara jiran seperti Singapura.

Dalam isu yang sama juga sektor pertanian negara telah berjaya memasuki pasaran komoditi di peringkat dunia. Pasaran susu getah dan minyak kelapa sawit telah berjaya menempatkan nama Malaysia sebagai pengeluar kedua terbesar di dunia. Hal ini menyebabkan hasil pertanian negara menjadi produk utama eksport negara. Secara tidak langsung, hasil pertanian ini telah berjaya memberi kesan pada ekonomi seterusnya meletakkan Malaysia setaraf dengan negara barat sesuai dengan peribahasa yang menyebut berdiri sama tinggi duduk sama rendah. Jelaslah bahawa sektor pertanian berjaya menjadi produk eksport utama negara di peringkat dunia.

Aspek pemeliharaan alam sekitar dapat direalisasikan dalam sektor pertanian. Kebanyakan hasil tani yang dieksport memiliki syarat ketat dalam aspek penggunaan bahan kimia dalam sayur-sayuran. Hal ini menyebabkan pengusaha pertanian menggunakan racun dan baja yang berasaskan alam semula jadi atau produk yang mesra alam. Sektor pertanian akan menggunakan kawasan hutan yang tidak diusahakan lalu menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan yang bermanfaat kepada manusia kerana peribahasa ada menyebut berbudi pada tanah pasti akan dapat hasilnya. Dengan cara ini, tanaman pertanian mampu mengimbangi masalah yang berkaitan alam sekitar yang disebabkan oleh industri perkilangan. Tegasnya, sektor pertanian bukan sahaja menghasilkan pengeluaran komoditi negara malah turut mampu mengekalkan keseimbangan alam sekitar.

Sesungguhnya sektor pertanian merupakan sektor yang menjadi nadi denyut para petani di kampung untuk terus menjalani kelangsungan hidup. Tanpa sektor ini, pasti rakyat marhaen tidak mampu untuk meneruskan kehidupan mereka. Jika tidak mendapat bantuan kerajaan, petani bagai hidup segan mati tak mahu kerana mereka tiada kemampuan dari segi modal untuk meneruskan kegiatan pertanian. Oleh itu, kerajaan hendaklah cakna dalam usaha membantu petani agar mereka terus relevan dalam sektor pertanian.

5. LANGKAH MENGATASI GEJALA VANDALISME

Gejala vandalisme atau laku musnah merupakan gejala sosial yang masih belum ketemu jalan penyelesaiannya malah semakin hari semakin parah bagai luka yang bernanah menjadi pekong di dada masyarakat sehingga tidak mampu untuk ditutup ibarat bangkai gajah tidak dapat ditutup dengan nyiru. Namun, gejala ini perlu dihentikan segera agar tidak menjadi norma baharu dalam kehidupan remaja kita. Oleh itu, satu prakarsa perlu diambil dengan segera bagi membendung gejala ini daripada terus beraja di mata bersultan di hati. Persoalan yang selalu menerjah kotak pemikiran kita ialah, apakah langkah atau tindakan proaktif yang wajar diambil bagi membendung gejala vandalisme ini daripada terus berlaku?

Dalam isu yang sering dikaitkan remaja, maka pokok perbincangan ini haruslah melihat remaja itu sendiri. Mereka merupakan golongan muda yang banyak menerima pengaruh sama ada baik atau tidak. Perkara ini pernah dinukilkan dalam satu hadis Nabi S.A.W yang menyebut “Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti seorang penjual minyak wangi dan seorang tukang besi”. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dalam isu gejala vandalisme, remaja haruslah bijak memilih rakan mereka agar mereka tidak terjerumus dalam gejala yang merosakkan nama ibu bapa bagai menconteng arang ke muka sendiri. Tegasnya, remaja hendaklah menentukan jalan dan kehidupan mereka sama ada ke syurga atau ke neraka.

Selain itu, Ibu bapa hendaklah memberi asuhan dan didikan agama kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi agar pembentukan akhlak dapat diterima dan diserap oleh anak-anak dengan mudah bak kata peribahasa melentur buluh, biarlah dari rebungunya. Hal ini dikatakan demikian kerana ajaran agama mampu menjadi perisai keimanan daripada terlibat dalam gejala vandalisme. Malah, Ibu bapa hendaklah menunjukkan sifat sayang akan harta benda milik sendiri serta menghormati harta benda orang lain. Dengan cara ini anak-anak akan terasuh dan terdidik untuk menghormati barangan yang bukan milik mereka. Oleh itu, tindakan ibu bapa ini akan dapat menyelamatkan anak-anak daripada terjerumus dalam masalah vandalisme

Pihak sekolah juga berperanan dalam mencegah masalah laku musnah berlaku di sekolah. Pihak petadbir sekolah hendaklah bersikap tegas dengan tindakan sesetengah pelajar yang merosakkan harta benda di sekolah. Mereka melakukan tindakan memecahkan pintu tandas, merosakkan pagar sekolah, dan menconteng dinding bangunan sekolah akibat tidak berpuas hati lalu mereka melepaskan amarah dengan merosakkan harta benda sekolah. Keadaan ini menyebabkan pihak sekolah terpaksa menanggung kerugian akibat kerosakan yang dilakukan oleh mereka. Oleh itu pihak sekolah perlulah mengambil tindakan yang wajar sebagai pengajaran kepada pelajar lain.

Masyarakat pula tidak harus membutakan mata dan memekakkan telinga serta membiarkan tindakan merosakan harta benda awam berlaku tanpa mengambil apa-apa tindakan. Sikap mereka yang mementingkan diri sendiri seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing telah menyebabkan kes vandalisme berlaku dan semakin berleluasa di negara kita. Masyarakat hendaklah menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan melaporkan kejadian vandalisme. Masyarakat juga hendaklah bekerjasama dengan menyertai program Rakan Cop yang dianjurkan oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Usaha ini akan dapat merapatkan hubungan pasukan polis dengan masyarakat sesuai dengan tema polis dan masyarakat berpisah tiada.

Secara keseluruhannya dalam mencari titik noktah penyelesaian masalah vandalisme, semua pihak perlu bekerjasama bagai aur dengan tebing mencari kata sepakat, sebulat suara, dan melangkah sederap untuk menghapuskan gejala vandalisme yang berlaku dalam kalangan masyarakat demi pembangunan diri serta pembentukan insan kamil bagi melahirkan generasi kepimpinan negara yang bertanggungjawab untuk membangunkan negara dalam acuan dan budaya bangsa Malaysia.

6. KEPENTINGAN KEMUDAHAN AWAM

Muktahir ini, kepesatan pembangunan kemudahan awam begitu ketara berlaku di Malaysia terutamanya di bandar utama dan pinggir bandar. Kemudahan awam secara mudahnya ditariffkan sebagai keperluan asas yang disediakan oleh kerajaan untuk kegunaan rakyat sama ada secara percuma atau berbayar dengan kadar yang minimum. Namun, banyak kemudahan awam menjadi mangsa vandalisme disebabkan tiadanya pemantauan ke atas kemudahan awam tersebut dan akhirnya, kemudahan awam tersebut menjadi salah satu projek gajah putih yang tidak memberi manfaat kepada pengguna. Persoalan yang masih berelegar-legar dalam ruang pemikiran ini ialah, apakah faedah kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan?

Kemaslahatan yang diperolehi daripada kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan adalah semata-mata untuk rakyatnya terutama golongan marhaen agar mereka juga dapat menikmati kemudahan yang sama dirasai oleh semua rakyat di negara lain. Sebagai contoh, kerajaan telah membina laluan tren dari kawasan pinggir bandar ke kawasan bandar bagi memudahkan penduduk di luar atau pinggir bandar pergi ke bandar untuk bekerja. Keadaan ini akan meringankan beban rakyat marhaen yang bekerja menggunakan pengangkutan awam untuk berurusan atau berulang alik dari rumah ke tempat kerja. Tegasnya, kita dapat melihat betapa pentingnya pekemudahan awam kepada rakyat marhaen atau golongan bawahan.

Selain faedah yang telah dibicarakan, kerajaan turut menyediakan kemudahan awam ini untuk digunakan pada waktu kecemasan seperti ungkapan peribahasa yang menyebut sediakan payung sebelum hujan. Penyediaan tandas awam amat penting di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di taman rekreasi, taman permainan, hentian bas dan kawasan beli-belah. Penyediaan tandas awam yang mengenakan kadar bayaran yang rendah adalah bertujuan menjamin keselesaan pengguna yang menggunakan tandas awam. Maka, penyediaan kemudahan awam sangat penting ketika waktu yang tidak terduga atau kecemasan.

Kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan juga sebenarnya adalah untuk menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada rakyat. Kerajaan yang prihatin ialah kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat. Perkara ini telah diterjemahkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak dengan memperkenalkan konsep 1Malaysia yang berpaksikan prinsip Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Hasil daripada semangat 1Malaysia, kerajaan telah mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, dan RTC 1Malaysia yang telah memberi banyak faedah kepada orang ramai. Tampak bahawa, keprihatinan kerajaan memberi kemakmuran kepada rakyat.

Dalam isu ini juga, kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan sebenarnya untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial di sesebuah kawasan. Sebagai contoh, pekan Rawang hanyalah sebuah pekan lama yang terletak di pinggir negeri Selangor. Namun sejak dua puluh tahun yang lalu, pekan Rawang menerima pelbagai kemudahan awam. Kemudahan komuter telah memudahkan perjalanan ke kota raya untuk bekerja. Malah pekan Rawang juga menjadi laluan kereta api laju ke utara bagi mereka yang ingin pulang ke desa. Hal ini menyebabkan pekan Rawang menjadi tumpuan orang ramai untuk menetap dan mencari rezeki bak kata ada semut ada gula, begitulah bandar Rawang yang menerima kepesatan pembangunan hasil daripada penyediaan kemudahan awam.

Pada penghujung bicara ini, kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan ini haruslah dihargai dengan menjaga kemudahan tersebut dengan baik serta tidak merosakkan kemudahan tersebut. Pasti nama negara akan tercalar ibarat menconteng arang ke muka sendiri jika vandalisme berlaku. Oleh itu, semua pihak perlu mengambil inisiatif untuk membendung masalah vandalisme agar kemudahan awam ini akan dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.

7. LANGKAH MENGATASI JENAYAH SIBER

Ledakan Y2K pada tahun 2000 menjadi aras permulaan ledakan teknologi maklumat dan informasi di Malaysia. Kemudahan aplikasi telefon pintar telah menyebabkan kita mendedahkan maklumat peribadi tanpa disedari dalam alam maya. Akibatnya, maklumat peribadi kita telah dicuri oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan cuba mengambil kesempatan atas kecanggihan teknologi yang ada pada hari ini. Keadaan ini menyebabkan kita terperangkap lalu menjadi mangsa jenayah siber. Oleh itu kita perlu mengenal pasti modus operandis yang dilakukan oleh kumpulan penjenayah siber ini agar dapat kita hindari dan jauhi daripada terjebak dalam perangkap mereka.

Antara bentuk jenayah siber yang dilakukan oleh mereka ialah penjenayah melakukan penipuan melalui alam maya. Kebiasaannya, mereka meniplak laman sesawang bank atau institusi kewangan lain yang popular dan dipercayai ramai. Apabila mangsa menekan butang atau mengisi maklumat yang diminta, secara automatik mangsa akan dipindahkan ke laman lain yang direka oleh mereka. Mangsa hanya menyedari mereka tertipu apabila mereka menyemak baki wang yang berkurangan dalam simpanan bank. Pada ketika itu, nasi sudah menjadi bubur, agak sukar untuk pihak berkuasa menangkap mereka yang begitu licik menggunakan teknologi. Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati apabila berurusan dalam Internet.

Selain penipuan dalam Internet, penjenayah siber turut mencuri maklumat atau data peribadi mangsa. Keadaan ini disebabkan kelalaian mangsa yang gemar mendedahkan identiti mereka dalam laman sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan pelbagai lagi aplikasi sosial yang sering meminta pengguna memasukkan data peribadi apabila hendak membuka akaun atau mendaftar masuk dalam laman tersebut. Secara tidak langsung data peribadi pengguna diperoleh dengan mudah dan dapat dicari melalui enjin pencari terkenal seperti Google. Oleh itu, masyarakat harus berhati-hati dengan penjenayah siber ini yang diibaratkan sebagai musang berbulu ayam.

Bukan itu sahaja, perbuatan menyalin data tanpa kebenaran pemilik juga dianggap sebagai jenayah siber. Perbuatan plagiat atau menyalin tanpa kebenaran merupakan satu perbuatan salah di sisi undang-undang. Apabila tindakan plagiat atau menyalin maklumat dilakukan secara tidak sah, maka secara automatiknya perbuatan ini diklasifikasikan sebagai jenayah kerana perbuatan menyalin data tanpa kebenaran bertulis atau lisan daripada pemilik. Lazimnya perbuatan plagiat ini berlaku dalam kalangan pelajar universiti yang mengambil jalan mudah untuk menyiapkan tugas. Untuk membebaskan diri daripada segala tuduhan atau kesalahan, ada baiknya jika kita persetujuan dan kebenaran empunya maklumat tersebut sebelum disebarkan.

Aktiviti pornografi juga dikategorikan sebagai jenayah siber. Malah, sebarang perbuatan yang bertujuan mempromosi, menggalakan aktiviti tidak bermoral tersebut juga diklasifikasikan sebagai perbuatan jenayah siber. Walaupun penyebaran foto yang berbaur lucah atau separa lucah mendapat persetujuan dan kerelaan pemilik gambar tersebut, namun tindakan tersebut masih boleh dikenakan tindakan undang-undang kerana bahan tersebut mengganggu ketenteraman dan sensitiviti awam. Jika tidak dibendung nescaya perbuatan ini akan menjadi budaya tidak sihat dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, tindakan menghentikan aktiviti pornografi akan dapat mengurangkan kes jenayah siber.

Secara intinya, jenayah siber merupakan salah satu kepincangan masyarakat moden hari ini dan tindakan mereka yang di luar batasan ini boleh memberi kesan negatif kepada mangsa. Oleh itu, semua pihak perlu mengambil serius dan cakna dalam isu ini agar kita dapat

membendung jenayah siber daripada meracuni minda dan jiwa remaja Malaysia demi memastikan mereka menjadi warga yang bertanggungjawab pada nusa dan bangsa.

8. IMPLIKASI JENAYAH SIBER

Pasca-2020 menjadi pembuka tirai ledakan kepesatan perniagaan dalam talian lantaran fenomena pandemik Novel Coronavirus 2019 (COVID-19) yang telah melanda negara. Ledakan ini bukanlah baharu namun sejak sedekad yang lalu negara telah menerima kemasukan teknologi maklumat yang telah membuka mata rakyat untuk terlibat dalam dunia perniagaan dalam talian. Tidak dinafikan ledakan teknologi maklumat ini telah membuka peluang dan ruang kepada penjenayah siber untuk mengambil kesempatan atas kelemahan pengguna yang melayari Internet. Oleh itu, kita perlu mengenal pasti implikasi kes jenayah siber agar dapat menjadi pedoman agar tidak terjebak dalam perangkap mereka.

Implikasi yang signifikan dalam isu ini ialah data maklumat peribadi pengguna terdedah kepada semua orang terutamanya penjenayah siber. Mangsa tanpa disedari telah berkongsi maklumat dalam laman sesawang yang tidak rasmi atau laman sesawang tiruan yang direka oleh penjenayah siber. Malah mereka bagai sudah jatuh timpa tangga apabila mereka sering menjadi mangsa penipuan penjenayah siber. Hal yang demikian ini adalah kerana penjenayah dapat mengakses maklumat pengguna atau mangsa jenayah siber lalu melakukan transaksi wang dari akaun pengguna ke akaun penjenayah siber. Oleh itu, pengguna perlulah berhati-hati melakukan transaksi dalam Internet agar data maklumat peribadi tidak dicuri atau digodam oleh penjenayah siber.

Selain implikasi tersebut, mangsa jenayah siber juga akan menghadapi tuduhan yang tidak berasas daripada pihak tertentu. Mereka akan diaibkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan tujuan untuk menjatuhkan reputasi dan nama baik mereka. Lazimnya, perkara ini terjadi pada pemimpin negara, artis dan individu yang menjadi ikon masyarakat. Mereka dituduh dengan pelbagai fitnah yang tidak berasas dan beranggapan kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang. Tegasnya, ancaman fitnah merupakan implikasi buruk terhadap seseorang.

Malah, mereka yang menjadi mangsa jenayah siber ini akan menghadapi tekanan yang tinggi seperti peribahasa yang menyebut berat mata memandang berat lagi bahu memikul sehingga mangsa menutup akaun dalam laman media sosial. Mereka akan mengurungkan diri di rumah lalu bertindak menyalahkan diri mereka sendiri. Keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah kemurungan apatah lagi jika tekanan tersebut membabitkan ahli keluarga. Akibatnya keluarga mangsa turut dikecam oleh pelbagai pihak. Tegasnya, implikasi daripada tindakan penjenayah siber ini menyebabkan mangsa bertindak di luar batas norma kehidupan manusia.

Implikasi buruk yang kerap diterima oleh mangsa jenayah siber ialah mereka kehilangan sumber pendapatan, diberhentikan kerja, atau ditamatkan kontrak. Mereka menjadikan laman sosial sebagai diari kehidupan mereka. Malangnya, diari kehidupan mereka telah diceroboh lalu penjenayah siber mengambil kesempatan untuk melakukan fitnah, penipuan yang mengakibatkan mangsa dibuang kerja, hilang kontrak perniagaan atau ditamatkan perkhidmatannya. Keadaan ini menyebabkan perniagaan mereka terpaksa gulung tikar disebabkan fitnah yang dilakukan oleh penjenayah siber. Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati kerana sesungguhnya pelanduk selalu lupa jerat tetapi jerat tidak pernah lupa akan pelanduk.

Secara tuntasnya, pelbagai implikasi buruk dan negatif telah dapat kita kenal pasti dalam usaha mencari penyelesaian yang mungkin memberi impak yang lebih besar dengan menggempur pusat operasi mereka kerana sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga. Sesungguhnya, jenayah siber tidak akan berlaku jika bertepuk sebelah tangan sahaja, maka kesedaran orang ramai juga perlu agar tidak menjadi mangsa seterusnya. Oleh

itu, semua pihak harus berganding bahu untuk membanteras masalah jenayah siber ini agar tidak membelenggu generasi kepimpinan negara pada masa akan datang.

9. LANGKAH MENGATASI MASALAH KESESAKAN JALAN RAYA

Peningkatan kes kemalangan jalan raya merupakan salah satu daripada implikasi buruk yang berlaku disebabkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak ketika orang ramai sibuk pergi atau pulang menguruskan kerja dan persekolah anak. Fenomena ini telah memberi gambaran buruk kepada masyarakat dunia tentang Malaysia sehingga memberi impak dalam ekonomi dan sosial. Oleh itu, langkah drastik perlu diambil agar isu ini dapat diselesaikan dengan seimbang seperti menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak. Persoalannya, apakah langkah yang dapat mengatasi masalah kesesakan jalan raya?

Salah satu langkah yang efisien dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas ialah masyarakat berkongsi kereta sekiranya menuju ke destinasi yang sama. Sebagai contoh, mereka yang menetap di satu kawasan taman perumahan boleh berkongsi kereta dengan jiran yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur. Kerajaan haruslah mengambil usaha ini sebagai satu kempen berterusan agar langkah ini menjadi budaya dalam masyarakat seterusnya memupuk semangat bantu-membantu dalam kejitiran. Oleh itu, kerajaan perlu menyuburkan kembali kempen ini demi memberi manfaat kepada kita semua.

Dari aspek penguatkuasaan pula, kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang lebih tegas dengan mengenakan hukuman berat dan denda yang tinggi terhadap pesalah yang melanggar undang-undang jalan raya. Kerajaan hendaklah melakukan operasi khas bagi mendidik orang ramai agar tidak meletakkan kenderaan mereka sesuka hati sehingga mengundang kesesakan jalan raya. Sikap pengguna jalan raya yang memberhentikan kenderaan di tepi jalan untuk membeli-belah di pasar raya dikenal pasti menjadi punca berlaku kesesakan di jalan raya. Oleh hal yang demikian, pihak berkuasa hendaklah mengambil tindakan undang-undang dengan menyaman kenderaan tersebut. Tegasnya, penguatkuasaan undang-undang dapat mendidik masyarakat agar mematuhi peraturan jalan raya .

Kerajaan juga berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan awam bagi memudahkan orang ramai menuju ke tempat kerja tanpa sebarang kesesakan lalu lintas. Penggunaan perkhidmatan awam seperti bas, komuter dan LRT dapat mengelakkan pengguna terperangkap dalam kesesakan. Lazimnya, pengangkutan awam seperti teksi dan bas mempunyai laluan khas untuk kenderaan tersebut melalui jalan di sepanjang kawasan bandar. Dengan cara ini pengguna akan lebih mempercayai perkhidmatan awam yang mampu membawa mereka menuju ke destinasi pada jangka masa yang ditetapkan. Secara tidak langsung, mutu perkhidmatan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa oleh pihak penyedia perkhidmatan sejajar dengan sokongan masyarakat terhadap perkhidmatan awam.

Langkah terakhir yang wajar diambil kira dalam usaha mengatasi kesesakan lalu lintas ialah menaik taraf sistem jalan raya di Malaysia. Kerajaan melalui Kementerian Jalan Raya hendaklah memastikan jalan raya tidak rosak dengan melakukan pemantauan berkala. Mereka hendaklah membaiki jalan raya yang berlubang dengan menurap kembali jalan tersebut agar tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas. Malah jalan-jalan yang sempit hendaklah dinaik taraf agar dapat dilalui oleh banyak kenderaan dengan selesa dan selamat. Ketidakeimbangan tatapan masa pada lampu isyarat boleh menjadi punca kesesakan jalan raya. Oleh itu sistem jalan raya hendaklah sentiasa berada dalam keadaan yangn efisien.

Secara keseluruhannya, kesesakan jalan raya boleh memberi pelbagai kesan yang boleh menyebabkan implikasi buruk kepada diri dan orang lain. Maka, semua pihak perlu mengambil inisiatif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan raya dan bukan hanya berpeluk tubuh melihat usaha kerajaan tanpa memberi sebarang kerjasama kerana sesungguhnya kita hendaklah bagai aur dengan tebing bukan seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

10. PUNCA KESESAKAN LALU LINTAS

Kesesakan jalan raya bukanlah satu fenomena luar biasa di bandar utama di negara-negara Asia terutamanya Malaysia. Masalah ini telah memberi impak negatif kepada negara dari sudut ekonomi dalam sektor perkhidmatan teksi, bas dan Grab. Malah sektor penghantaran barang bekalan asas, barang pengeluaran kilang dan pelbagai lagi barangan terkesan akibat daripada kesesakan lalu lintas. Oleh itu, kita perlu menelusuri faktor yang menjadi punca kesesakan lalu lintas di Malaysia. Persoalan yang masih menerjah kotak pemikiran ini ialah apakah faktor yang menyebabkan kesesakan di jalan raya berlaku?

Faktor yang signifikan dalam kes kesesakan jalan raya adalah berpunca daripada keadaan jalan raya tersebut. Kebanyakan jalan raya telah dibina lebih daripada tiga puluh tahun dan masih dilalui oleh kenderaan sehingga hari ini. Lazimnya, jalan raya tersebut agak sempit dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan ringan sahaja. Keadaan jalan tersebut ibarat retak menanti belah yang menunggu sesuatu malapetaka berlaku untuk memberi impak besar seperti kemalangan maut. Akibatnya, kesesakan jalan raya berlaku di kawasan tersebut terutama pada waktu puncak. Secara tidak langsung, pengguna kenderaan perlu menanggung belanja dan kos penyelenggaraan kenderaan yang tinggi pada setiap bulan.

Selain itu, kesesakan jalan raya juga boleh terjadi apabila aktiviti penyelenggaraan di jalan raya tersebut dijalankan oleh kontraktor yang dipertanggungjawabkan oleh Jabatan Kerja Raya. Mereka seperti tikus membaiki labu yang mengakibatkan keadaan jalan tersebut semakin teruk kerosakannya sehingga menyebabkan kesesakan berlaku di jalan raya tersebut. Walaupun aktiviti penyelenggaraan dan menaik taraf jalan raya memakan masa berbulan-bulan, pihak kejuruteraan tidak menyediakan laluan alternatif bagi mengelakkan kesesakan tersebut malah mengakibatkan berlakunya kemalangan jiwa di kawasan penyelenggaraan jalan.

Di samping isu keadaan jalan raya, kepesatan pembangunan industri permotoran telah menggalakkan kemasukan kereta-kereta dari luar negara. Malah persaingan sihat antara syarikat pengeluar kenderaan telah menggalakkan orang ramai untuk membeli kenderaan. Tidak dinafikan bahawa galakan membeli kenderaan terutamanya kenderaan tempatan telah menarik minat masyarakat untuk membeli kenderaan dengan harga yang berpatutan dan berkualiti tinggi. Dengan cara ini negara mampu berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan negara pengeluar kenderaan lain di dunia. Secara tidak langsung, peningkatan bilangan kenderaan di atas jalan raya menjadi punca kesesakan di jalan raya.

Faktor terakhir yang menjadi punca kesesakan lalu lintas ialah kelemahan sistem perkhidmatan pengangkutan awam. Kebanyakan pengusaha bas dan teksi tidak menyediakan perkhidmatan yang memuaskan hati pengguna. Sebagai contoh, perjalanan mereka tidak mengikut jadual perjalanan. Tidak kurang pula penumpang dipaksa untuk berhimpit-himpit di dalam bas yang berbau. Kesemua situasi dan keadaan ini telah menyebabkan pengguna berpatah arang berkerat rotan dengan sistem pengangkutan awam. Namun, keadaan dan sikap ini lama-kelamaan telah menyebabkan kesesakan lalu lintas berlaku sementara pula galakan membeli kenderaan dengan skim pinjaman yang berpatutan daripada institusi perbankan telah menggalakkan lagi orang ramai membeli kenderaan sendiri. Kesemua faktor ini telah menyumbang kepada kesesakan lalu lintas.

Secara keseluruhannya, dari sudut positif kesesakan jalan raya di bandar-bandar utama telah menunjukkan perubahan gaya hidup masyarakat malah melambangkan kemakmuran negara dari segi ekonomi. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama sebagai aur dengan tebing untuk mencari keputusan yang seimbang agar dapat mengatasi masalah kesesakan yang berlaku.

11. KEBAIKAN AMALAN KITAR SEMULA

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah menjadi penanda aras untuk mencapai kemakmuran dalam semua aspek khususnya ekonomi, sosial dan politik secara adil, saksama. Namun, masalah pembuangan sampah yang boleh dikitar semula masih lemah walaupun tahun 2020 telah berlalu pergi. Masyarakat masih di takuk lama kerana ksehingga hari ini masalah pencemaran alam dan pembuangan sampah masih berleluasa di negara kita. Oleh itu, kerajaan perlu menguar-uarkan kepentingan daripada amalan kitar semula ini agar masyarakat sedar akan keperluan mengamalkan pengurusan sampah yang baik. Persoalannya, apakah kebaikan daripada amalan kitar semula ini?

Salah satu kelebihan yang signifikan dalam amalan kitar semula ialah pencemaran alam sekitar semakin berkurangan. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat mula sedar akan keperluan mengasingkan sampah domestik dengan sampah yang boleh dikitar semula. Mereka melakukan pengasingan sampah sebelum memasukkannya ke dalam tong sampah. Oleh itu, dengan pengurusan sampah yang bermula dari rumah, kita akan dapat menyelamatkan bumi dan alam sekitar daripada pencemaran. Tegasnya, fikir dulu sebelum buang merupakan slogan yang tepat dan sesuai untuk masyarakat.

Dari sudut yang lain pula, amalan kitar semula akan dapat mengurangkan kos operasi pelupusan sampah kerana ada sesetengah sampah perlu mengambil masa yang lama dalam proses pelupusan. Sebagai contoh, plastik dan kaca perlu mengambil masa yang lama dalam proses penguraian. Keadaan ini menyebabkan timbunan sampah menjadi banyak lalu akan menjadi timbunan bukit sampah. Berdasarkan kajian, plastik dan kaca mengambil masa 500 tahun untuk dilupuskan. Malah proses pereputan yang terlalu lama ini akan membebaskan bau gas yang busuk lalu memberi kesan buruk kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, amalan kitar semula merupakan kaedah terbaik yang dapat menyelesaikan masalah timbunan bukit sampah yang semakin banyak.

Tidak dinafikan bahawa dalam isu kitar semula, kemusnahan sumber alam dapat dielakkan merupakan kebaikan kitar semula yang patut menjadi keutamaan. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan sumber alam untuk menghasilkan kertas, tin dan plastik semakin sukar didapati dan harga bahan mentah tersebut juga semakin mahal. Malah, banyak pokok perlu ditebang untuk menghasilkan setan kertas. Keadaan ini menyebabkan kita menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat agar dapat mengurangkan penggunaan sumber alam demi memelihara dan memulihara khazanah hutan negara. Dengan cara ini, permintaan sumber alam berkurangan dan secara tidak langsung kegiatan tidak bermoral ini akan terhenti dengan sendirinya.

Dari sudut sosioekonomi pula, amalan kitar semula dapat menjadi sumber pendapatan utama. Bagi pemborong barang terpakai, aktiviti mengumpul barang kitar semula yang dikutip setiap hari oleh golongan miskin akan dapat menyumbang pendapatan harian kepada mereka. Malah, aktiviti mengutip tin dan botol yang bersepeh di merata-rata tempat telah menyebabkan kawasan persekitaran menjadi bersih. Dengan aktiviti mengutip tin dan botol pasti akan dapat menyelesaikan masalah sampah sarap di kawasan pelancongan. Secara tidak langsung, tidaklah pelancong menganggap destinasi pelancongan di Malaysia hanya indah khabar daripada rupa.

Dalam mencari kesepakatan bicara, ketulusan jiwa, dan keikhlasan hati, semua pihak haruslah berlapang dada apabila menerima keputusan secara kolektif demi menyelamatkan alam sekitar daripada kemusnahan akibat keghairahan manusia meneroka alam sekitar agar dapat terus diwarisi oleh generasi kepimpinan negara pada masa akan datang. Oleh itu, usaha ini perlu digerakkan oleh semua pihak agar kita dapat mengecapi kesejahteraan hidup kerana rakyat yang sihat bergantung kepada persekitaran yang bersih dan indah

12. LANGKAH-LANGKAH MENGGALAKKAN KEMPEN KITAR SEMULA

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah menjadi penanda aras untuk mencapai kemakmuran dalam semua aspek khususnya ekonomi, sosial dan politik secara adil, saksama. Namun masalah pembuangan sampah yang boleh dikitar semula masih lemah walaupun tahun 2020 telah berlalu pergi. Masyarakat masih di takuk lama kerana sehingga hari ini masalah pencemaran alam dan pembuangan sampah masih berleluasa di negara kita. Oleh itu, satu prakarsa perlu diambil secara drastik lagi efektif bagi menggalakkan kempen kitar semula agar dapat memberi kesedaran kepada masyarakat. Persoalan yang mula menghantui pemikiran kita ialah, apakah langkah bestari yang dapat menggalakkan kempen kita semula?

Antara usaha bagi menggalakkan program kitar semula adalah dengan bermula dari rumah. Ibu bapa hendaklah menjadi uswah hasanah kepada anak-anak dengan melakukan aktiviti kitar semula di rumah seperti peribahasa yang menyebut bagaimana acuan begitu la kuhnya. Ibu bapa hendaklah melibatkan aktiviti kitar semula di rumah dengan mengasingkan barang buangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, botol, tin dan plastik yang terdapat di dalam rumah. Dengan cara ini, anak-anak akan terdidik dari rumah sejak mereka kecil lagi tentang amalan kitar semula dan didikan dari usia muda seperti melentur buluh biarlah dari rebungunya ini akan dapat menjadi amalan dalam kehidupan apabila dewasa kelak.

Usaha seterusnya dilihat dari sudut peranan sekolah yang bertanggungjawab untuk memupuk amalan kitar semula melalui kegiatan kurikulum dan kokurikulum. Sebagai satu contoh yang lazim kita ketahui, pihak sekolah sering menganjurkan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran sekolah dengan mengadakan pertandingan mengumpul barangan kitar semula terbanyak turut menarik minat pelajar untuk menyertai pertandingan kitar semula ini. Malah aktiviti ini mampu memberi kesedaran kepada pelajar dan guru sekolah agar melakukan aktiviti kitar semula. Oleh itu, usaha ini haruslah digiatkan melalui aktiviti di dalam bilik darjah melalui aktiviti pembelajaran.

Dari sudut yang berlainan pula, kerajaan hendaklah berani untuk menggubal mana-mana polisi yang berkaitan pembuangan sampah sarap dan kitar semula. Kerajaan mestilah menetapkan peraturan tentang tatacara pembuangan sampah mengikut kategori seperti sampah domestik, sampah pukal dan sampah barangan kitar semula. Jadual kutipan sampah hendaklah diselaraskan agar memudahkan pengguna mengeluarkan sampah yang tidak digunakan pada waktu yang telah ditetapkan dalam jadual kutipan sampah. Usaha ini hendaklah dilakukan secara berterusan agar rakyat melihat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serius dalam menggalakkan orang ramai mengamalkan amalan kitar semula.

Tidak dinafikan juga, syarikat-syarikat korporat sewajarnya menunjukkan komitmen dalam menggalakkan aktiviti kitar semula di syarikat mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan syarikat banyak menghasilkan sampah yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik dan tin. Sebagai contoh, firma guaman dan akauntan banyak menggunakan kertas untuk cetakan dokumen. Malah kebanyakan syarikat mengamalkan sistem 5S iaitu Sisih, Sapu, Susun, Seragam dan Sentiasa amalkan. Dengan sistem ini pekerja akan menyisihkan bahan atau dokumen yang tidak diguna pakai lalu dibuang mengikut kategori tong kitar semula. Oleh itu, amalan sistem kerja dalam syarikat swasta turut menjayakan aktiviti kitar semula.

Secara keseluruhannya, amalan kitar semula bukanlah suatu yang baharu dalam negara dan program kitar semula ini secara berterusan diamalkan di peringkat kerajaan tempatan di bawah Jabatan Sisa Pepejal. Isu kitar semula merupakan isu global yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak agar dapat memastikan dunia dan alam sekitar terus menjadi sumber untuk dinikmati masyarakat akan datang menjelang 2030 Wawasan Kemakmuran Bersama.

13. KAEDAH BELAJAR YANG BERKESAN UNTUK MENINGKATKAN KECEMERLANGAN PELAJAR

Kalau tidak dipecahkan ruyong, manakan dapat sagunya, peribahasa Melayu lama ini menyatakan bahawa untuk seseorang harus berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkannya. Kata-kata pujangga ini amat tepat untuk kita fahami agar tidak ketinggalan daripada arus kemajuan negara yang sedang memecut laju untuk mencapai status negara maju. Oleh itu, bagi memastikan remaja hari ini tidak tercalar daripada rangkaian tersebut, mereka hendaklah belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu yang diinginkan serta berada dalam lingkungan pasaran pekerjaan dan pasaran ekonomi. Persoalan yang bermain di dalam horizon pemikiran kita ialah, apakah kaedah belajar yang berkesan untuk membantu remaja agar mereka menjadi golongan yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan?

Antara kaedah yang jarang dilakukan oleh pelajar ialah poster impian. Kebiasaannya poster impian ini dibuat pada awal tahun sebagai pelan perancangan untuk mencapai impian tersebut. Bagi seseorang pelajar, mereka boleh menjelaskan impian atau keinginan diri dan perasaan dalam poster impian tersebut. Sebagai contoh, pelajar boleh menampilkan gambar universiti yang menjadi idamannya, atau keputusan SPM yang hendak dicapai. Apatah lagi penyediaan poster impian ini menggambarkan matlamat yang jelas untuk dicapai oleh seseorang pelajar. Secara tidak langsung, poster impian ini mendidik pelajar untuk teguh pendirian dengan satu impian yang ingin dicapai. Sesungguhnya, manusia yang tidak merancang sebenarnya merancang untuk gagal.

Kaedah yang masih berkait dengan langkah yang pertama iaitu misi mencapai visi yang telah dilakar dalam poster impian. Pelajar yang ada perancangan masa hadapan akan menyusun strategi pembelajaran di rumah dan di sekolah. Mereka akan menyediakan satu jadual belajar agar dapat memastikan mereka tidak ketinggalan dalam aktiviti sekolah dan aktiviti di rumah. Malah jadual belajar dapat mengelakkan pelajar daripada melakukan kerja sekolah pada saat akhir lalu akan menghasilkan kerja yang tidak sempurna. Dengan cara ini, pelajar akan berdisiplin dan menghargai masa kerana masa itu emas. Maka jelas sekali bahawa penyusunan jadual belajar sangat diperlukan oleh pelajar untuk membantu pelajar dapat belajar dengan berkesan.

Dari sudut yang berlainan pula, belajar secara berkumpulan juga merupakan cara belajar yang berkesan. Sebagai contoh, sekumpulan pelajar yang terdiri daripada 6 orang akan belajar bersama-sama dan masing-masing akan mengupas tajuk atau topik setiap mata pelajaran. Hal ini akan dapat meningkatkan kemahiran setiap pelajar dalam kumpulan tersebut menguasai mata pelajaran. Malah semangat tolong-menolong bagi aur dengan tebing akan dapat diwujudkan dalam kalangan ahli kumpulan. Oleh itu, belajar berkumpulan bukan sahaja sebagai cara belajar berkesan malah menjadi penanda aras untuk memilih rakan sehati.

Pada masa yang sama, seseorang pelajar harus memberi tumpuan dan perhatian ketika guru sedang mengajar di dalam kelas. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan guru yang mengajar telah dilatih dan mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Dengan kepakaran yang ada di sekolah, pelajar-pelajar seharusnya memberi fokus dan tumpuan kepada guru yang memberi pengajaran di dalam kelas. Perahu sudah di air dayung sudah di tangan, maka pelajar sepatutnya mengambil peluang yang ada di sekolah untuk menimba ilmu pengetahuan kerana mereka bersama dengan guru yang mampu mengubah masa depan mereka. Tegasnya, hanya jauhari yang mengenal manikam.

Secara keseluruhannya, cara belajar yang berkesan menjadi inti pati seseorang untuk terus kekal bersemangat menuntut ilmu pengetahuan biar dilanda pelbagai masalah yang menimpa mereka. Oleh itu, ibu bapa hendaklah sentiasa memberi sokongan kepada anak-anak

agar mereka dapat menikmati kejayaan dalam pelajaran seterusnya membina kerjaya untuk masa depan mereka dan negara.

14. KEBAIKAN MENGUASAI PELBAGAI BAHASA

Sejak zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka, bahasa telah menjadi alat komunikasi yang sangat berkesan dan telah menjadi medium perhubungan dan komunikasi dalam kalangan pedagang yang singgah di Pelabuhan Melaka. Lantaran itu, bahasa Melayu khususnya telah menjadi bahasa Lingua Franca pada zaman tersebut. Hari ini, dunia dikuasai oleh penjajahan baharu melalui bahasa. Maka bagi mereka yang mampu menguasai pelbagai bahasa akan memperoleh pelbagai kelebihan dalam dunia pekerjaan dan perniagaan. Oleh itu, yang kurik itu kendi yang merah itu saga yang baik itu budi yang indah itu bahasa. Persoalannya, apakah kebaikan menguasai pelbagai bahasa?

Antara kebaikan menguasai pelbagai bahasa ialah seseorang pelajar atau remaja akan lebih mudah untuk berkomunikasi dengan orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang itu akan lebih yakin dan berani untuk bertentang mata dengan sesiapa sahaja. Dengan kemahiran berbahasa, pelancong asing berasa bangga dan dihargai apabila melihat kemampuan penduduk tempatan berbahasa Inggeris. Malah melalui kemahiran berbahasa, seseorang akan dapat membantu pelancong asing belajar bahasa Melayu dan budaya bangsa. Secara tidak langsung, pelancong asing akan berminat untuk melancong semula ke negara kita. Jelaslah bahawa bahasa budaya bangsa.

Selain faedah berkomunikasi, bahasa juga dikuasai oleh seseorang yang bertujuan untuk memperoleh ilmu pengetahuan kerana pelbagai ilmu pengetahuan yang terdapat di dunia ini ditulis dalam pelbagai bahasa khususnya bahasa Arab, bahasa Francis, dan bahasa Inggeris. Malah apabila mereka belajar di luar negara, mereka mampu membaca pelbagai bahan ilmiah yang terdapat di negara Barat kerana orang kata alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan. Secara tidak langsung, sikap seperti katak di bawah tempurung tidak akan terjadi lantaran pelajar berkemahiran dalam bertutur pelbagai bahasa.

Tidak dinafikan juga apabila seseorang pelajar melanjutkan pelajaran di luar negara, kemahiran berbahasa sangat penting. Malah kemahiran berbahasa asing ini akan memudahkan pelajar berkomunikasi dengan penduduk tempatan yang rata-ratanya tidak mempunyai kemahiran berbahasa asing. Dengan cara menguasai pelbagai bahasa asing tersebut, pelajar akan dapat diterima dalam masyarakat. Mereka yang mampu menguasai bahasa akan sentiasa menjadi tempat rujukan rakan-rakan sekuliah.

Kepentingan terakhir yang paling signifikan dalam isu ini ialah kelebihan memperoleh peluang pekerjaan. Bagi seseorang mahasiswa yang baru memperoleh segulung ijazah, peluang bekerja di syarikat korporat yang bertaraf multinasional menjadi idaman mereka. Malangnya, kemahiran berbahasa agak terhad sekiranya seseorang itu tidak berupaya berkomunikasi dengan baik. Sebagai contoh, rakyat Malaysia yang ingin bekerja di Korea sebagai pengutip sayur kobis dikehendaki menjalani kursus berbahasa Korea selama 2 bulan. Dengan cara ini, rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara memiliki kemahiran berbahasa.

Secara tuntasnya, usaha kerajaan memperkenalkan mata pelajaran tambahan di peringkat sekolah akan menjadi nilai tambah yang sangat berguna kepada pelajar agar mereka mendapat pendedahan awal tentang kepentingan menguasai pelbagai bahasa asing. Oleh itu, semua pihak hendaklah mencari titik persamaan agar dapat memastikan bahasa asing dapat dikuasai dan pada masa yang sama dapat memartabatkan bahasa Melayu agar kita tidak.

15. KEPENTINGAN MEMPELAJARI SUBJEK SEJARAH

Pada alaf pasca-2020 yang telah kita lalui dengan penuh cabaran, pelajar sekolah tidak dapat menghabiskan sesi persekolahan mereka pada tahun 2020. Akibatnya, pelajar perlu menghadiri kelas dalam talian yang dikendalikan oleh guru. Keadaan ini menimbulkan kesukaran kepada semua guru terutamanya guru yang mengajarkan mata pelajaran Sejarah kerana mata pelajaran ini kurang diminati oleh pelajar. Oleh itu, guru-guru perlu menelusuri setiap kekangan dan halangan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran agar dapat mencambahkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Persoalan yang berlegar-legar dalam horizon pemikiran kita ialah, apakah kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah?

Antara kepentingan mempelajari subjek Sejarah ialah Sejarah dapat menjadi pengajaran kepada generasi sekarang supaya tidak mengambil tindakan yang sama seperti yang dilakukan oleh generasi terdahulu. Walaupun peristiwa tersebut berlaku hampir seratus tahun yang lalu, namun peristiwa yang sama boleh berulang jika generasi sekarang tidak mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka yang tidak menjadikan sejarah sebagai panduan dan rujukan pasti akan mengulangi kesalahan yang sama kerana jerat tidak pernah melupakan pelanduk, tetapi pelanduk melupakan jerat. Tegasnya, mata pelajaran Sejarah menjadi bukti bahawa sejarah lalu menjadi panduan generasi sekarang.

Selain menjadi iktibar kepada kita, mata pelajaran Sejarah juga dapat menimbulkan rasa bangga, kaum dan cinta akan negara dalam kalangan pelajar. Dengan mempelajari mata pelajaran Sejarah, pelajar akan mengetahui sejarah perjuangan pemimpin terdahulu yang berjuang demi mempertahankan tanahair dan menjadikan bumi Tanah Melayu sebagai sebuah bumi merdeka yang berdaulat. Jasa pemimpin terdahulu akan sentiasa dikenang dari generasi ke generasi kerana harimau mati meninggalkan belang manusia mati meninggalkan nama. Jelas menunjukkan bahawa, sejarah penting untuk dipelajari oleh pelajar.

Tidak dinafikan juga bahawa perpaduan dan integrasi kaum dapat dipupuk melalui penghayatan mata pelajaran Sejarah di sekolah. Mereka akan dapat mengenali tokoh pemimpin negara yang berlainan bangsa dan agama. Sebagai contoh, Tun Tan Cheng Lock dan Tun VT Sambathan merupakan pemimpin yang bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan negara. Dengan mengenali mereka, pelajar akan menghormati dan menghargai kaum dan bangsa lain lantaran jasa besar tokoh tersebut pada negara. Dengan cara ini pembinaan negara bangsa akan dapat dibangunkan dengan lebih mudah apabila mendapat kerjasama daripada semua kaum dan bangsa di Malaysia.

Keputusan terakhir yang wajar diberi perhatian adalah dari aspek pembentukan diri pelajar melalui pembacaan buku Sejarah. Pelajar yang mempelajari mata pelajaran Sejarah akan bersifat lebih matang dan berfikiran waras serta berfikir sebelum bertindak kerana mereka mengetahui bahawa setiap tindakan atau keputusan yang dilakukannya akan membawa kesan pada masa akan datang. Semua perkara tersebut menjadikan seseorang pelajar sentiasa berhati-hati sebelum membuat suatu keputusan bak kata peribahasa ikut rasa binasa, ikut hati mati. Secara tidak langsung, subjek Sejarah akan diminati pelajar kerana memantapkan fikiran dan tindakan mereka.

Secara keseluruhannya, sejarah mungkin berulang lagi dan pasti akan berulang cuma yang berbeza hanyalah watak dan zamannya sahaja. Maka, sejarah lalu harus dijadikan panduan agar pisang tidak berbuah dua kali. Generasi hari ini harus bijak mengkaji sejarah silam agar dapat membezakan antara kaca dengan permata. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah yang proaktif agar mata pelajaran Sejarah diminati dan dihayati oleh generasi dari usia kecil hingga dewasa agar mereka mengenali sejarah negara.

16. LANGKAH MENGATASI MASALAH DISIPLIN DI SEKOLAH

Sedasaawarsa ini, masalah disiplin semakin menjadi-jadi dalam kalangan pelajar sekolah sehingga tular di media sosial tentang pelajar SPM yang menconteng pakaian mereka dengan perkataan menghina guru. Masalah disiplin secara umumnya dikaitkan dengan kegagalan pelajar mematuhi peraturan sekolah yang telah ditetapkan. Salah laku yang sering dilakukan oleh pelajar termasuklah membuli rakan sekolah, ponteng kelas, melawan guru, dan merosakkan harta benda sekolah. Keadaan ini menjadikan masalah disiplin semakin sukar diatasi oleh pihak sekolah. Oleh itu, satu usaha perlu dilakukan untuk mengatasi masalah disiplin. Persoalan yang menerjah ke dalam horizon pemikiran kita ialah, apakah langkah bagi mengatasi masalah disiplin ini?

Antara langkah yang signifikan dalam isu ini ialah ibu bapa perlu bijak dalam membahagikan masa dengan anak-anak dan kerjaya bagai menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak. Mereka hendaklah meluangkan masa pada setiap hujung minggu bersama-sama anak dengan melakukan pelbagai aktiviti riadah seperti bermain boling sambil berjalan-jalan di pusat beli-belah. Dengan cara ini anak-anak akan berasa seronok dan gembira apabila mendapat perhatian yang sempurna daripada ibu bapa bagai menatang minyak yang penuh. Keadaan ini menyebabkan anak-anak tidak menimbulkan masalah seterusnya melanggar peraturan sekolah. Secara tidak langsung, ibu bapa berperanan besar dalam mengatasi masalah disiplin.

Langkah yang seterusnya ialah remaja sekolah hendaklah bijak memilih rakan. Hal ini dikatakan demikian kerana rakan merupakan insan yang paling kerap bersama remaja terutama pada waktu persekolahan bersesuaian dengan satu hadis Nabi S.A.W yang menyebut perumpamaan kawan yang baik itu seperti berkawan dengan si penjual minyak wangi. Dengan cara ini remaja akan dapat menilai mana kaca mana permata untuk dijadikan rakan mereka. Oleh itu, remaja sekolah hendaklah memilih rakan yang memiliki kecenderungan atau minat yang sama dengan menjadikan akhlak mulia sebagai neraca pertimbangan dalam memilih rakan sebaya. Secara tidak langsung, remaja akan terhindar daripada perbuatan negatif yang boleh menyebabkan remaja terjerumus dalam masalah disiplin.

Di samping itu, media massa turut berperanan dalam mengatasi masalah disiplin. Ledakan teknologi maklumat pada hari menyebabkan pelbagai aplikasi televisyen boleh diakses oleh remaja sekolah tanpa sebarang sekatan daripada pihak kerajaan. Kerajaan melalui SKMM hendaklah menguatkuasakan undang-undang dengan menghalang kemasukan peranti-peranti elektronik seperti Kotak Android. Tindakan ini dapat mengurangkan pengaruh negatif dalam kalangan remaja sekolah. Dengan cara ini, remaja akan terhindar daripada perbuatan yang boleh menyebabkan berlakunya masalah disiplin di sekolah. Oleh itu, media massa berperanan mengatasi masalah disiplin di sekolah.

Tidak dinafikan bahawa, pihak sekolah boleh memperketat pelaksanaan peraturan sekolah untuk mengelakkan masalah disiplin berlaku. Guru-guru khususnya guru disiplin boleh mengenakan hukuman berat kepada pelajar agar menjadi teladan kepada pelajar lain. Selain hukuman berat, hukuman yang berbentuk pengajaran juga perlu dikenakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan melanggar peraturan sekolah. Mereka hendaklah dikenakan denda seperti denda mencuci tandas, denda menyalin sepuluh buah karangan atau denda membaca sepuluh buah buku. Denda seperti ini akan dapat memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan tanpa disedarinya. Secara tidak langsung masalah disiplin dapat diatasi.

Secara keseluruhannya, penyelesaian masalah disiplin bukanlah hanya terletak di bahu guru malah semua pihak harus menggalas tanggungjawab menyelesaikan masalah yang masih belum dapat diatasi. Sesungguhnya, masalah disiplin ini hendaklah diatasi segera sebelum nasi menjadi bubur agar pihak sekolah dapat meneruskan agenda membangunkan masyarakat tanpa

sebarang gangguan yang boleh merencatkan perjalanan membina generasi kepimpinan negara menjelang Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

17. PUNCA MASALAH DISIPLIN DI SEKOLAH

Baru-baru ini tular di media sosial tentang sekumpulan pelajar SPM yang pulang dari sekolah dengan pakaian yang berconteng perkataan menghina guru. Perbuatan tidak bermoral ini menjadi bukti masalah disiplin masih wujud dan berlaku di sekolah malah masalah disiplin semakin berleluasa sementelah pula tindakan mereka tersebut mendapat perhatian media sosial lalu mereka berasa bangga dengan tindakan yang tidak bermoral. Oleh itu, kita hendaklah mencari punca masalah ini terjadi agar dapat kita memperbetul sebelum nasi menjadi bubur. Persoalan yang menerjah dalam kotak pemikiran kita ialah, apakah punca atau faktor yang mempengaruhi remaja melakukan tindakan melanggar disiplin di sekolah?

Sikap pelajar yang agresif dan bertindak di luar batas merupakan punca utama masalah disiplin di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar tersebut telah terdidik dengan cara yang agresif sejak kecil lagi sehingga sukar untuk ditegur oleh ibu bapa mereka. Sebagai satu tamsilan, pelajar akan bertindak mengganggu rakan sekelas, membuat bising ketika guru sedang mengajar dan bergaduh dengan rakan-rakan lain. Tindakan pelajar tersebut telah menyebabkan masalah disiplin berlaku di sekolah. Akibatnya, guru menghadapi masalah untuk menyelesaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas jika ada gangguan yang boleh merencatkan tugas mereka.

Selain sikap pelajar yang agresif, pengaruh rakan sebaya turut menjadi faktor masalah disiplin ini terjadi. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka mudah mempercayai rakan sebaya lantaran mereka sering bersama sepanjang hari persekolahan. Hubungan mereka begitu akrab bagai isi dengan kuku. Keadaan ini akan menyukarkan ibu bapa untuk mendidik anak mereka lantaran pengaruh rakan sebaya begitu tenal dalam jiwa remaja sehingga mereka sanggup mempertahankan rakan jika ibu bapa bertindak menghalang hubungan mereka. Akibatnya, pelajar akan sering ponteng sekolah mengikut rakan mereka pergi melepak di pasar raya atau di mana-mana sahaja.

Dari sudut yang berbeza pula, Sikap ibu bapa turut menjadi faktor pelajar melakukan masalah disiplin di sekolah. Kebanyakan ibu bapa yang bekerja, mereka akan keluar ke tempat kerja pada awal pagi dan pulang pada lewat malam. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa tiada masa bersama-sama anak mereka lalu anak-anak terabai dan kurang perhatian daripada mereka. Akibatnya, anak-anak akan melakukan tindakan yang melanggar peraturan sekolah dengan tujuan untuk mendapatkan perhatian daripada ibu bapa. Secara tidak langsung, tindakan anak-anak yang melanggar peraturan sekolah akan menimbulkan masalah disiplin lalu mengganggu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Tidak dinafikan pengaruh media massa khususnya media sosial yang begitu rapat dengan remaja telah menyebabkan masalah disiplin berlaku di sekolah. Mereka membawa telefon bimbit ke sekolah untuk melayari Internet dan media sosial seperti Facebook, Tiktok, Instagram dan Twitter. Mereka begitu sibuk untuk memuat naik dan mengemas kini status dalam media sosial. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat memberi tumpuan semasa pengajaran guru. Akibatnya, pelajar tidak menghargai masa walaupun peribahasa dahulu menyebut masa itu emas.

Secara keseluruhannya, masalah disiplin yang berlaku di sekolah bukanlah semata-mata terletak atas bahu pihak sekolah sahaja untuk menyelesaikan masalah yang sudah bersarang lama dalam institusi pendidikan negara. Oleh itu, semua pihak hendaklah memberi kerjasama kepada pihak sekolah untuk mengatasi masalah disiplin agar dapat memastikan pelajar mengikuti pengajaran di dalam bilik darjah dalam suasana yang kondusif demi menjamin kejayaan pelajar dan masa depan mereka.

18. PERANAN IBU BAPA DALAM MENGATASI MASALAH DISIPLIN DI SEKOLAH

Pada alaf pasca-2020 masalah disiplin masih lagi menjadi duri dalam daging kepada guru-guru di institusi pendidikan negara. Apabila disiasat dan diselidik, kebanyakan masalah disiplin berlaku di sekolah adalah berpunca dari rumah. Kesibukan ibu bapa bekerja sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka menyebabkan masalah disiplin berlaku di sekolah. Oleh itu, ibu bapa perlulah bekerjasama dengan pihak sekolah menangani masalah disiplin yang semakin melampau bagai cacing naik ke mata. Persoalan yang perlu kita fikirkan ialah, apakah peranan ibu bapa dalam mengatasi masalah disiplin di sekolah?

Salah satu peranan ibu bapa yang signifikan dalam masalah disiplin ialah ibu bapa hendaklah meluangkan masa bersama dengan anak-anak. Mereka hendaklah bijak membahagikan masa kerja dengan masa bersama dengan keluarga. Mereka hendaklah makan bersama-sama anak pada waktu malam sambil menanyakan hal yang berkaitan sekolah. Keadaan ini akan menyebabkan anak-anak berasa disayangi dan dihargai oleh ibu bapa. Dengan cara ini, anak-anak yang mendapat perhatian dan kasih sayang yang sempurna, tidak akan melakukan perbuatan yang boleh menconteng arang ke muka ibu bapa mereka dengan melakukan tindakan melanggar peraturan sekolah.

Selain itu, ibu bapa hendaklah memberi didikan agama kepada anak-anak. Ibu bapa seharusnya menghantar anak belajar agama di sekolah-sekolah agama. Perkara yang paling penting ialah ibu bapa hendaklah menunjukkan qudwah hasanah kepada anak-anak agar mereka mencontohi segala tingkah laku kita seperti peribahasa yang menyebut bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sebagai contoh ibu bapa hendaklah membawa anak-anak ke surau untuk bersolat jemaah dan mendengar ceramah agama. Keadaan ini akan membentuk peribadi mulia anak-anak jika dilatih sejak kecil kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Secara tidak langsung, masalah disiplin di sekolah dapat diatasi dengan mudah apabila para ibu bapa mengambil tindakan yang sama demi memastikan masalah disiplin tidak berlaku di sekolah.

Di samping memberi didikan agama, ibu bapa perlu memantau pergerakan anak-anak dengan mengenali rakan mereka. Dengan cara ini ibu bapa dapat mengenali mereka dan merapatkan hubungan dengan rakan anak-anak seterusnya dapat memantau pergerakan anak mereka. Langkah bestari ini akan memudahkan ibu bapa mengetahui aktiviti anak-anak di sekolah melalui rakan anak-anak. Perkara seperti ini dapat membantu pihak sekolah mengatasi masalah disiplin. Kerjasama daripada ibu bapa amat perlu bagai aur dengan tebing untuk mengatasi masalah disiplin.

Dalam isu yang sama, ibu bapa hendaklah bersikap proaktif dalam kegiatan di sekolah. Mereka hendaklah aktif dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi menyuarakan pandangan atau buah fikiran untuk kebaikan semua pelajar. Ibu bapa yang aktif di sekolah akan dapat memantau sendiri pergerakan anak mereka di sekolah tanpa perlu melibatkan orang lain. Malah hubungan ibu bapa dengan guru akan bertambah baik apabila mereka saling bekerjasama dalam pelbagai aktiviti yang melibatkan pelajar. Jika anak-anak melakukan kesalahan di sekolah, ibu bapa dapat mengetahui masalah tersebut dengan segera. Oleh itu, tindakan proaktif ibu bapa dapat menjamin masalah disiplin dapat diatasi dengan baik ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak.

Secara keseluruhannya, masalah disiplin sekolah bukanlah semata-mata masalah sekolah dan ibu bapa sahaja malah merupakan masalah setiap kelompok masyarakat. Maka semua pihak perlu bermuhasabah untuk mencari penyelesaian terbaik demi melahirkan generasi berakhlak mulia yang bakal memimpin negara.

19. LANGKAH MENGATASI MASALAH DENGGI

Dalam kesibukan semua pihak menghadapi masalah pandemik Novel Coronavirus 2019 (COVID-19), rakyat seolah-olah terlepas pandang satu isu masyarakat yang masih membelenggu dan memberi ancaman pada kita. Masalah tersebut ialah masalah denggi yang menjadi penyakit berjangkit bawaan vektor yang berbahaya kepada individu dan masyarakat sekitar kawasan kejiranan mereka. Faktor cuaca menjadi punca kes demam denggi meningkat setiap tahun. Keadaan ini menyebabkan semua pihak perlu mencari jalan penyelesaian yang boleh mengurangkan peningkatan kes demam denggi. Persoalannya, apakah kaedah atau cara yang efektif lagi drastik bagi menangani masalah ini?

Langkah awal yang perlu diambil adalah dengan bermula daripada ahli keluarga itu sendiri. Setiap ahli keluarga hendaklah memainkan peranan masing-masing dalam menjaga kebersihan persekitaran rumah. Ibu bapa hendaklah menjadi suri teladan kepada anak-anak sesuai dengan peribahasa yang menyebut bagaimana acuan begitulah kuihnya. Mereka hendaklah meluangkan masa selama 10 minit untuk membuang takungan air sekali gus menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes untuk mencegah pembiakan nyamuk aedes di persekitaran rumah. Tindakan ini dapat memastikan setiap anggota keluarga terhindar daripada ancaman nyamuk aedes yang boleh menyebabkan demam denggi. Jelas bahawa tindakan bestari ini perlu bermula dari rumah.

Langkah yang seterusnya juga perlu diambil oleh setiap anggota keluarga dengan sentiasa cakna dalam isu demam denggi ini. Sebagai satu tamsilan yang sesuai ialah anggota keluarga haruslah mengenakan pakaian yang menutup anggota tangan dan kaki serta memakai pakaian berwarna cerah. Anak-anak pula dilarang bermain di luar rumah pada waktu lewat petang. Ibu bapa pula hendaklah menyembur semburan penghalau nyamuk yang berasaskan bahan semula jadi seperti minyak serai pada tubuh badan anak-anak dan seluruh ruang di dalam rumah untuk mengelakkan anak-anak daripada serangan nyamuk aedes pada waktu malam. Tegasnya, Kerjasama antara anggota keluarga ini bagai aur dengan tebing.

Langkah lain yang signifikan dalam isu ini ialah aktiviti pembersihan kawasan komuniti yang dilakukan secara gotong-royong dalam kejiranan. Persatuan penduduk atau KRT hendaklah memainkan peranan mereka dengan menggerakkan aktiviti pembersihan kawasan perumahan secara gotong-royong dengan melibatkan semua penduduk. Pada masa yang sama, program gotong-royong ini boleh diperkasa dengan aktiviti sampingan seperti pemeriksaan jejantik dari rumah ke rumah oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bahagian pencegahan denggi. Dengan aktiviti bersepadu daripada semua pihak dan agensi yang berkaitan, maka usaha ini dapat direalisasikan demi memastikan nyamuk aedes dapat dihapuskan dalam kawasan komuniti.

Langkah bestari yang perlu diambil kira dalam isu ini ialah kempen yang berterusan daripada kerajaan terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan program bersama komuniti dengan melakukan hebahan melalui edaran brosur dan pameran. Ada kemenyan sebesar lutut, tidak dibakar tidak akan berbau begitulah juga dalam isu ini, jika maklumat atau info yang berguna tidak dihebah pasti tidak akan dapat diketahui oleh orang. Maka kempen ini perlulah lebih kreatif dengan menggunakan pelbagai medium alternatif yang menjadi ikutan ramai pada hari ini.

Sebagai satu kesimpulan dalam isu masyarakat, langkah yang telah diambil ini hendaklah dilakukan secara proaktif, pragmatif dan istiqamah serta iltizam yang tinggi daripada semua pihak dalam menangani kes demam denggi. Maka semua pihak perlu saling bekerjasama, bersatu hati, berpadu tenaga dan sebulat suara untuk menyelesaikan masalah denggi yang masih menjadi isu utama dalam masyarakat agar dapat memastikan kesihatan keluarga dan masyarakat terjamin dan terhindar daripada masalah denggi.

20. PUNCA MASALAH PENULARAN PENYAKIT DEMAM DENGGI

Penularan penyakit berjangkit di Malaysia pada 2019 sehingga hari ini telah menenggelamkan kes penyakit demam denggi yang lebih besar dan luas penularannya sehingga meragut banyak nyawa dan melibatkan jumlah pesakit lebih 500 ribu orang. Pembunuh senyap ini telah membelenggu masyarakat sehingga mereka trauma dengan penyakit yang berbahaya ini lantaran daripada faktor cuaca panas dan hujan yang tidak menentu menjadikan nyamuk aedes lebih aktif dan cepat membiak. Oleh itu, langkah perlu diambil dengan segera agar kita dapat menyelesaikan masalah yang masih bersarang dalam masyarakat. Persoalannya, apakah faktor yang menjadi punca penularan penyakit demam denggi?

Faktor yang menjadi penyebab masalah ini masih merebak adalah disebabkan oleh sikap individu itu sendiri. Kebanyakan individu tidak mengamalkan penjagaan kebersihan diri dan tempat tinggal. Mereka membuang bekas makanan di merata-rata tempat lalu bekas makanan tersebut menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Mereka juga mengenakan pakaian yang berwarna gelap dan berlengan pendek apabila melalui kawasan yang berisiko tinggi. Keadaan ini akan menyebabkan individu tersebut berisiko dijangkiti penyakit demam denggi. Jika tidak berhati-hati, kemungkinan kita akan menjadi mangsa nyamuk aedes.

Sikap ibu bapa yang tidak menjadikan kebersihan persekitaran rumah sebagai keutamaan telah meningkatkan kes demam denggi. Kebanyakan ibu bapa yang sibuk bekerja tidak mempunyai masa untuk menguruskan landskap kediaman mereka. Malah, hobi menanam pokok air seperti pokok teratai amat berbahaya dan boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Keadaan bertambah teruk jika anak-anak tidak memberi kerjasama kepada ibu bapa. Sikap anak-anak yang tidak membantu ibu bapa amat dikesali lantaran kesibukan ibu bapa mencari rezeki untuk seisi keluarga. Oleh itu, faktor yang menjadi punca penyakit demam denggi ini meningkat adalah disebabkan oleh sikap ibu bapa dan anggota keluarga yang tidak bekerjasama antara satu sama lain.

Selain sikap ibu bapa, sikap masyarakat kita bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing yang hanya mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan kemaslahatan masyarakat sekitar. Masalah ini terbukti daripada penularan penyakit demam denggi dalam masyarakat sehingga kes meningkat dalam sesebuah kawasan kejiranan kerana tiada komunikasi yang baik antara jiran tetangga. Malah, mereka tidak cakna untuk melakukan pembersihan di kawasan sekitar rumah atau kawasan perumahan mereka walaupun sudah mengetahui kes demam denggi yang berlaku di kawasan mereka. Oleh itu, satu anjakan paradigma perlu diambil bagi mengubah sikap masyarakat.

Bukan sahaja sikap masyarakat malah kelemahan penguatkuasaan juga menjadi faktor penularan penyakit demam denggi ini. Mereka berhadapan dengan isu ugutan dan rasuah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab bagi melindungi kawasan projek pembinaan. Keadaan ini menyebabkan mereka sukar untuk melakukan penguatkuasaan apatah lagi mereka turut diancam dan diugut oleh samseng yang diupah oleh pihak tertentu. Situasi ini menyebabkan mereka tidak berani untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang bersalah kerana didapati membiarkan kawasan pembinaan menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes. Akibat keadaan ini, kes demam denggi meningkat setiap tahun.

Secara keseluruhannya mencegah itu lebih baik daripada merawat, maka kita hendaklah mengambil pendekatan yang lebih efektif lagi drastik dalam menangani masalah demam denggi yang masih belum ketemu titik penyelesaiannya. Oleh itu, semua pihak hendaklah bekerjasama dalam segenap bicara dan tindakan tanpa adanya sebarang curiga atau prasangka dan tidak bersikap seperti telunjuk lurus kelingking berkait dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam masyarakat demi menjamin kebersihan dan kesihatan masyarakat pada masa akan datang kerana sesungguhnya tiada aedes tiada denggi.

DIPLOMA IN ACCOUNTING

Our industry-relevant diploma prepares you to graduate workforce-ready, while offering you greater flexibility to pursue a professional qualification or degree at global institutions including Taylor's University, the No. 1 Private University in Malaysia and Southeast Asia.

April 2022 Intake Open Now

SCHOLARSHIPS AVAILABLE!*

*TERMS APPLY



**BETTER
FLEXIBILITY,
BROADER
POSSIBILITIES**



1. KESAN-KESAN KEDATANGAN PENDATANG ASING TANPA IZIN KE MALAYSIA

Ada semut ada gula, inilah peribahasa yang menjelaskan keadaan ekonomi Malaysia yang menjadi tumpuan pekerja-pekerja asing sama ada sah atau haram. Keadaan ini turut menggambarkan suasana yang berlaku apabila pekerja asing begitu ramai datang ke Malaysia mencari rezeki lalu menghantar pulang hasil titik peluh mereka ke negara asal. Akibatnya, pelbagai kesan dialami oleh penduduk Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan keselamatan. Persoalannya, apakah implikasi daripada kedatangan pendatang asing tanpa izin?

Antara implikasi buruk daripada kemasukan pendatang asing ke Malaysia ialah mereka telah menimbulkan gangguan sosial kepada masyarakat tempatan. Kejadian rompakan bersenjata merupakan sebahagian daripada tragedi yang sering dikaitkan dengan pendatang asing. Keadaan ini menyebabkan penduduk berada dalam ketakutan sehingga mereka mengalami trauma setiap kali waktu malam. Bahkan keadaan ini menyebabkan masyarakat memandang serong terhadap warga asing yang lalu-lalang di hadapan rumah. Situasi sebegini menjadikan kehidupan masyarakat dalam keadaan yang tidak normal.

Selain implikasi tersebut, kedatangan pendatang asing akan menyebabkan pendapatan negara berkurangan. Hal dikatakan demikian kerana pengaliran wang keluar berlaku setiap hari dan waktu terutamanya pada hujung atau awal bulan gaji. Kadar pertukaran mata wang asing ini telah mengakibatkan kerajaan mengalami kerugian daripada pertukaran tersebut. Senario yang berlaku ini akan menyebabkan kerajaan mengalami kerugian kerana wang mengalir keluar dengan jumlah yang banyak. Jika tidak, negara perlu berpatah arang, berkerat rotan dengan melakukan operasi pemutihan terhadap pekerja asing lalu dihantar ke negara asal mereka.

Kebanjiran pendatang asing turut dikaitkan dengan kewujudan penyakit-penyakit baharu yang berbahaya. Kebanyakan pendatang asing yang masuk secara haram, mereka tidak mendapat suntikan. Kebiasaannya, mereka membawa penyakit AIDS, TIBI, penyakit kelamin dan Hepatitis. Keadaan ini menyebabkan masyarakat awam terdedah dengan penyakit berisiko tinggi jika mereka menjadi pembawa virus. Akibatnya, rakyat menjadi mangsa apabila penyakit ini merebak dalam kalangan penduduk tempatan. Oleh itu, kerajaan tidak perlu bersikap tunggu dan lihat sahaja malah perlu bertindak tegas kerana mencegah itu lebih baik daripada merawat.

Implikasi terakhir yang perlu diambil kira ialah rakyat kehilangan hak sebagai penduduk tempatan. Dari sudut peluang pekerjaan, majikan lebih suka memilih pekerja asing berbanding pekerja tempatan disebabkan kos upah yang murah. Jika pekerja tempatan, majikan perlu membayar gaji, simpanan KWSP, insuran, kenaikan gaji setiap tahun, bonus tahunan dan pelbagai lagi. Pendatang asing ini bukan sahaja bekerja tetapi melakukan perniagaan kecil-kecilan. Hari ini menyebabkan banyak kedai runcit yang diuruskan oleh warga asing. Keadaan ini pasti meimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan penduduk tempatan apabila hak mereka sebagai rakyat Malaysia telah diambil oleh pendatang asing.

Secara keseluruhannya, kedatangan pendatang asing yang bekerja di Malaysia sama ada secara sah atau tidak sah, mereka telah memberi kesan buruk kepada negara.. Oleh itu kerajaan perlulah mengambil tindakan tegas agar tiada rakyat berputih mata melihat kerakusan mereka menguasai ekonomi negara kita demi memastikan negara bebas dan merdeka dengan erti kata yang sebenarnya.

2. LANGKAH MENANGANI MASALAH KEMASUKAN PENDATANG ASING

Dalam era dunia tanpa sempadan ini, kemasukan pendatang asing sudah menjadi lumrah sama ada dengan cara yang sah atau haram. Kedatangan pendatang asing ini ibarat ada gula ada semut. Mereka datang dengan tujuan mencari rezeki lalu dibawa pulang ke kampung halaman mereka. Oleh itu, kita perlu mengenal pasti langkah bagi mengawal kemasukan pendatang asing ke Malaysia agar dapat membendung aktiviti ini seperti peribahasa yang menyebut cegah sebelum parah. Persoalannya, apakah langkah yang boleh kita ambil bagi menangani masalah kemasukan pendatang asing?

Langkah yang paling efektif dalam menangani kemasukan pendatang asing adalah melalui penguatkuasaan undang-undang. Kerajaan hendaklah mengenakan hukuman penjara mandatori kepada majikan atau ejen yang mengambil pendatang asing bekerja. Tindakan ini akan menyebabkan orang ramai berasa takut untuk mengambil pendatang asing bekerja di premis mereka sekali gus akan menyebabkan permintaan tenaga kerja asing menjadi kurang. Oleh itu, pihak berkuasa hendaklah tegas dalam menjalankan penguatkuasaan agar mereka gerun dan tidak memandang rendah kepada penguatkuasa.

Selain penguatkuasaan, kerajaan hendaklah menggalakkan majikan mengambil pekerja tempatan berbanding pekerja asing untuk mengurangkan permintaan pekerja asing dalam pasaran kerja. Apabila kurang permintaan, maka pekerja asing akan beralih ke negara lain untuk mencari pekerjaan. Malah, jadual waktu anjal atau konsep kerja dari rumah juga dapat membantu wanita bekerja untuk menguruskan anak-anak dengan lebih mudah tanpa memerlukan bantuan daripada pengasuh atau pembantu rumah warga asing. Keadaan ini dapat mengelakkan wanita bekerja mengambil pendatang asing sebagai pembantu rumah. Secara tidak langsung, kita dapat membantu kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Bukan itu sahaja, kerajaan juga hendaklah menggalakkan majikan mengambil pekerja daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Hal ini dikatakan demikian kerana golongan OKU juga memiliki kemahiran bekerja setanding pekerja normal. Malah daya usaha mereka lebih daripada pekerja normal kerana faktor kekurangan fizikal menjadikan mereka lebih bersemangat dan tabah. Tidak dinafikan bahawa pengambilan pekerja daripada golongan OKU dapat mengurangkan kebergantungan syarikat kepada pekerja asing. Oleh itu, golongan OKU turut berperanan membantu kerajaan mengurangkan permintaan kepada pekerja asing.

Langkah terakhir yang wajar diambil bagi menangani masalah kemasukan pekerja asing adalah dengan kerjasama serantau antara negara-negara jiran. Hal ini bertujuan untuk membendung kemasukan pendatang asing tanpa izin yang sesuka hati keluar masuk melalui lorong-lorong tikus di sempadan negara seperti di sempadan Malaysia dan Thailand. Sebagai contoh, seorang anggota polis telah ditembak oleh penyeludup di sempadan negara semasa melakukan operasi pengintipan. Peristiwa ini membuktikan bahawa penjenayah antarabangsa bertindak berani menjadikan laluan tikus sebagai laluan penyeludupan barang, dadah, manusia dan senjata. Dengan cara ini kemasukan pekerja asing dapat dikawal agar tiada agenda jahat yang boleh mengganggu-gugat keselamatan negara.

Secara kesimpulannya, kerajaan haruslah mengambil pendekatan undang-undang agar mereka patuh akan peraturan di Malaysia kerana di mana bumi dipijak, disitu langit di junjung. Mereka tidak seharusnya bersikap seperti kaduk naik ke junjung atau seperti cacing naik ke mata sehingga bersikap sombong dengan penduduk tempatan. Sesungguhnya, kerajaan perlulah mengkaji semula kontrak pekerja asing demi menyelamatkan rakyat tempatan yang kehilangan pekerjaan akibat pandemik Coronavirus-2019 (COVID-19) yang menyerang negara agar mereka terus dapat menikmati kemakmuran bersama menjelang 2030.

3. FAKTOR-FAKTOR KEDATANGAN PENDATANG ASING TANPA IZIN KE MALAYSIA

Dalam era dunia tanpa sempadan ini, kemasukan pendatang asing sudah menjadi lumrah sama ada dengan cara yang sah atau haram. Kedatangan pendatang asing ini ibarat ada gula ada semut. Malangnya, kebanjiran pendatang asing telah memberi pelbagai implikasi dan menimbulkan kekusaran kepada masyarakat. Oleh itu, kita perlu mengenal pasti punca kedatangan pendatang asing ke Malaysia agar dapat membendung aktiviti ini seperti peribahasa yang menyebut cegah sebelum parah. Persoalannya apakah punca yang menggalakkan kedatangan pendatang asing ke negara kita?

Salah satu faktor yang menjadi punca kebanjiran pendatang asing ialah kedudukan negara yang di kelilingi kawasan pesisiran pantai. Sebagai contoh, pendatang asing dari negara Indonesia hanya belayar menggunakan bot kecil untuk menyeberangi sempadan perairan negara dalam tempoh dua jam sahaja. Keadaan ini menyebabkan mereka mudah memasuki perairan negara tanpa disedari oleh penguatkuasa. Apatah lagi. Keadaan di pesisiran yang dipenuhi kayu bakau memudahkan mereka menyelusup masuk ke kawasan sempadan negara. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan keefisienan pasukan keselamatan negara menghadapi musuh di sempadan negara. Tegasnya, pencerobohan perairan negara merupakan satu kesalahan besar yang boleh mengeruhkan hubungan dua hala.

Selain faktor tersebut, permintaan buruh asing dalam pasaran pekerjaan amat tinggi. Berdasarkan kajian daripada Kementerian Sumber Manusia, permintaan tinggi datang dari dua sektor iaitu sektor perladangan dan sektor pembinaan. Keadaan ini disebabkan kurang permintaan daripada pekerja tempatan memandangkan kadar upah yang rendah diberikan oleh pihak majikan. Dalam isu ini, pihak majikan mengambil kesempatan ini sambil kerana mereka berpeluang mengambil pekerja asing dengan kadar upah yang rendah. Secara tidak langsung mereka dapat menjimatkan kos operasi mereka. Akibatnya kerajaan dalam dilema bagi diluahkan hati emak ditelan hati bapa.

Tidak dinafikan bahawa faktor kestabilan politik dan ekonomi negara telah menggalakkan kemasukan pendatang asing ke Malaysia. Kestabilan ekonomi telah merancakkan aktiviti perusahaan dan pembinaan lalu permintaan buruh asing begitu tinggi dalam pasaran buruh. Keadaan ini menyebabkan kemasukan buruh secara besar-besaran dilakukan secara sah antara kerajaan dengan kerajaan. Walaupun mendapat kecaman daripada rakyat tempatan, namun aktiviti ekonomi perlu dilakukan segera agar ekonomi dapat dijana seterusnya menggalakkan kemasukan pelabur asing. Malah jumlah tenaga buruh dapat ditampung dengan adanya pekerja asing tanpa izin yang memberi sokongan dalam sektor pekerjaan.

Faktor lain yang menggalakkan kemasukan buruh asing adalah disebabkan kadar pertukaran matawang asing yang menguntungkan mereka. sebagai contoh, pekerja Indonesia yang bekerja di Malaysia memperoleh pendapatan harian tiga ratus ringgit dan dalam nilai mata wang Indonesia, pekerja tersebut memperoleh pendapatan harian hampir satu juta rupiah. Sebahagian daripada pendapatan mereka akan dihantar ke kampung halaman dengan menggunakan khidmat bank dalam talian. Secara tidak langsung, apabila mereka berjaya memperoleh pendapatan lumayan, mereka mula mempengaruhi saudara mara mereka untuk mencari pekerjaan di Malaysia.

Secara kesimpulannya, kerajaan haruslah mengambil pendekatan undang-undang agar mereka patuh akan peraturan di Malaysia kerana di mana bumi dipijak, disitu langit di junjung. Mereka tidak seharusnya bersikap seperti kaduk naik ke junjung atau seperti cacing naik ke mata sehingga bersikap sombong dengan penduduk tempatan. Sesungguhnya, kerajaan perlulah mengkaji semula kontrak pekerja asing demi menyelamatkan rakyat tempatan yang kehilangan pekerjaan akibat pandemik Coronavirus-2019 (COVID-19) yang menyerang negara agar mereka terus dapat menikmati kemakmuran bersama menjelang 2030.

4. KEPENTINGAN PERPADUAN KAUM

Menjelang Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Malaysia mengorak langkah dengan sasaran yang lebih holistik merangkumi ketiga-tiga kaum utama dari segi ekonomi dan sosial. Walaupun Malaysia telah lama mengamalkan integrasi kaum sejak dahulu lagi, namun kewujudan Kementerian Perpaduan Negara pada 2020 telah menzahirkan kesungguhan kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia. Untuk itu, kita perlu menelusuri kepentingan perpaduan kaum agar kita sendiri dapat mengenali dan memahami erti perpaduan yang sebenarnya selaras dengan Rangka Tindakan Pelan Perpaduan Negara 2021-2030 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin

Salah satu perspektif dalam isu perpaduan kaum ialah perpaduan atau integrasi menjamin keamanan negara. Hal ini bertujuan menjaga kepentingan setiap kaum serta menjamin keselamatan negara dan rakyatnya daripada ancaman musuh. Kesemua peristiwa hitam yang pernah berlaku di dalam negara telah menjadi pengajaran kepada rakyat Malaysia untuk terus menikmati kehidupan dengan mengamalkan semangat perpaduan, bertoleransi dan bekerjasama dalam segenap aspek. Maka yang buruk jadi sempadan, yang baik jadi teladan. Dengan cara itu, rakyat akan dapat menikmati kemakmuran bersama seperti yang direncanakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia. Oleh itu, rakyat Malaysia perlu menjaga hubungan antara kaum agar terbina perpaduan demi keamanan negara.

Dari perspektif yang berbeza pula, perpaduan kaum dapat menjamin kemajuan ekonomi. Hal ini dikatakan demikian kerana semangat kerjasama bagai aur dengan tebing antara kaum di Malaysia telah menyebabkan negara mampu mencapai kemajuan dalam ekonomi. Sebagai contoh, kedai runcit di kampung lazimnya dikuasai oleh kaum Cina. Mereka mendapatkan hasil kampung dari orang Melayu untuk dijual. Pada masa yang sama kedai tersebut dikunjungi oleh bangsa Melayu, Cina dan India. Kitaran perniagaan ini berlaku dalam tiga bangsa utama yang menyebabkan hubungan ketiga-tiga bangsa ini amat akrab. Keunikan ini menjadi punca pelabur asing berminat untuk melabur dalam negara.

Bukan itu sahaja, perpaduan boleh dijadikan produk pelancongan. Melalui kepelbagaian agama dan budaya, setiap bangsa dan suku kaum di Malaysia mempunyai keunikan budaya yang boleh ditonjolkan dalam pakej pelancongan ke Malaysia. Sebagai contoh, keunikan budaya Baba dan Nyonya di Melaka menjadi tarikan pelancong luar negara untuk melihat dan merasai budaya tersebut. Keunikan pelbagai budaya merupakan inti pati perpaduan yang dikecapi oleh rakyat Malaysia lalu menjadi produk pelancongan negara. Secara tidak langsung ekonomi negara akan meningkat.

Perpaduan juga sangat penting untuk menjaga imej negara. Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi ahli Badan Bangsa Bersatu sering mendapat perhatian atas kebijaksanaan pemimpin negara yang berjaya mengawal situasi yang melibatkan keselamatan negara. Malah, perpaduan juga menjadi faktor pemimpin negara dihormati oleh pemimpin dunia sehingga mereka memilih pemimpin Malaysia sebagai pengantara dalam pelbagai konflik seperti konflik di selatan Filipina antara kerajaan Filipina dengan pejuang pembebasan Mindanao (MILF). Kesemua bukti ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai pengalaman luas dalam menjaga dan mengurus perpaduan negara. Oleh itu, rakyat Malaysia haruslah menghargai nilai perpaduan ini kerana negara yang baik lahir daripada rakyat baik.

Secara keseluruhannya, perpaduan kaum bukanlah hasil daripada satu malam sahaja tetapi perpaduan ini terhasil daripada keringat pemimpin dan darah pejuang terdahulu yang tidak dapat dibayar atau dibalas dengan wang. Oleh itu, semua pihak hendaklah bertanggungjawab menjaga dan meneruskan amanah perjuangan ini agar perpaduan kaum dapat dihayati oleh generasi akan datang. Sesungguhnya, negara ini mempunyai corak dan

acuan tersendiri yang perlu kita ikuti demi menjamin Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dapat dikecapi dan dinikmati semua

5. LANGKAH-LANGKAH MEMUPUK PERPADUAN

Isu perpaduan bukanlah isu yang dikesampingan malah menjadi nadi utama dalam tempoh kepayahan yang melanda negara kini. Malah perpaduan juga diberi nafas baharu apabila pada 2020 telah diwujudkan Kementerian Perpaduan Negara yang diterajui oleh Menteri Perpaduan Negara Yang Berhormat Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique seterusnya merangka Dasar Perpaduan Negara dengan menyediakan Rangka Tindakan Pelan Perpaduan Negara 2021-2030 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin. Persoalan yang masih berlegar-legar dalam horizon pemikiran kita ialah, apakah langkah bestari yang perlu dilakukan oleh anggota masyarakat dalam memupuk semangat perpaduan?

Dalam membina generasi hadapan yang harmoni antara kaum, ibu bapa hendaklah menjadi uswah hasanah kepada anak-anak sesuai dengan peribahasa Melayu yang menyebut bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sebagai contoh, ibu bapa haruslah bertegur sapa dan melayani jiran tetangga tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. Dengan cara ini, anak-anak akan terikut-ikut dengan perbuatan ibu bapa terutamanya pada usia anak-anak masih muda kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Secara tidak langsung pembentukan nilai perpaduan ini akan berterusan sehingga mereka dewasa.

Selain ibu bapa yang mendidik di rumah, guru-guru di sekolah juga berperanan mendidik dan menerapkan nilai perpaduan dalam sanubari pelajar. Melalui pengajaran subjek Sejarah, pelajar akan dapat mengetahui peristiwa-peristiwa yang menyebabkan kesengsaraan seperti ancaman komunis dan insiden 13 Mei 1969. Malah, kesungguhan guru-guru mengajar tanpa pilih kasih atau kaum akan turut menjadi ikutan pelajar. Oleh itu, guru-guru hendaklah menunjukkan perbuatan yang baik, adil dan saksama antara pelajar jika tidak, guru akan dianggap berat sebelah dan perbuatan ini akan merosakkan kerjaya guru itu sendiri ibarat senjata makan tuan.

Perpaduan juga dapat dipupuk melalui aktiviti kemasyarakatan. Melalui penganjuran aktiviti gotong-royong yang diadakan di kawasan taman perumahan, jiran-jiran pelbagai bangsa, kaum dan agama akan turut serta menyertai aktiviti tersebut. Mereka akan bertemu jiran tetangga sambil bertegur sapa lalu berbual-bual tentang isu-isu kemasyarakatan. Malah semangat bekerjasama bagai aur dengan tebing telah berjaya dipupuk dalam kalangan masyarakat. Secara tidak langsung, agenda perpaduan dapat diadakan dengan lebih mudah kerana mereka yang berlainan bangsa dan agama telah berasa seronok dan bersepakat untuk meneruskan aktiviti kemasyarakatan di taman perumahan. Oleh itu, perpaduan akan sentiasa dipupuk dalam masyarakat.

Pada realitinya, perpaduan boleh dicapai dengan penggunaan media dan teknologi maklumat sebagai medium penyampaian maklumat dalam era "dotcom" ini. Melalui rancangan hiburan televisyen, iklan komersial, dan rancangan dokumentari, informasi perpaduan dapat disalurkan kepada rakyat Malaysia dengan mudah. Rancangan Gerak-gerak Khas, merupakan drama hiburan sekeluarga yang menonjolkan ciri-ciri perpaduan kaum dalam kalangan pelakon mereka. Bukan itu sahaja, siaran media juga boleh disebar luas melalui teknologi maklumat dengan siaran secara langsung melalui Facebook dan TikTok. Dengan cara ini, anak muda akan turut dapat merasai kemerdekaan melalui peranti mudah alih yang dimiliki mereka.

Secara keseluruhannya, perpaduan yang dibina daripada keringat pemimpin dan darah pejuang lalu menjadi tanggungjawab kepada kita semua untuk meneruskan agenda perpaduan negara. Oleh itu, semua pihak perlulah bekerjasama mencari kata sepakat, sehati dan sejiwa dalam usaha meneruskan agenda perpaduan kerana kita tidak mengetahui musuh yang sebenarnya kerana kebanyakan mereka ialah musuh dalam selimut, api dalam serkam dan

gunting dalam lipatan. Sesungguhnya Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menjadi kemuncak dalam menikmati juadah perpaduan.

6. LANGKAH MENGATASI MASALAH PONTENG SEKOLAH

Sudah terang lagi bersuluh, gejala ponteng sekolah merupakan masalah yang masih membelenggu institusi pendidikan negara walaupun telah melalui zaman pasca-2020. Gejala ponteng sekolah ini dikatakan berpunca daripada sikap pelajar itu sendiri. Mereka juga sering terpengaruh oleh rakan sebaya. Sikap ibu bapa juga menjadi faktor yang menggalakkan gejala ini berlaku. Oleh itu, langkah bestari perlu diambil bagi menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak agar dapat menyelesaikannya dengan bijak. Persoalan yang masih menjadi tanda tanya ialah, apakah langkah yang dapat mengatasi masalah ponteng sekolah ?

Antara langkah bestari yang signifikan untuk mengatasi gejala ponteng sekolah ialah pihak sekolah khususnya guru-guru yang mengajar dan mendidik mereka. Para guru hendaklah bertanggungjawab memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar melalui pengajaran subjek moral dan sivik supaya mereka dapat membuat penilaian antara baik dengan buruk seawal di bangku sekolah rendah lagi. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar tidak akan melakukan tindakan untuk ponteng sekolah. Jelaslah bahawa tugas pendidik bukanlah hanya mengajar sahaja malah membentuk diri pelajar menjadi insan kamil

Selain pihak sekolah, ibu bapa dan ahli keluarga turut berperanan besar dalam menangani gejala ponteng sekolah. Ibu bapa hendaklah bersikap proaktif dengan memantau pergerakan anak-anak dengan rakan mereka. Seseekali ibu bapa hendaklah hadir ke sekolah untuk menghadiri program anjuran sekolah seperti Hari Sukan Tahunan, Hari Kantin dan Hari Kecemerlangan Pelajar. Selain menghadiri program, ibu bapa dapat berkenalan dengan guru sambil memantau aktiviti anak dan rakan-rakan mereka bak kata sambil menyelam minum air. Dengan cara ini, ibu bapa dapat membantu guru mengurangkan gejala ponteng sekolah. Tegasnya, ibu bapa mampu berperanan dalam menyelesaikan gejala ponteng sekolah.

Di samping itu, masyarakat juga berperanan membantu pihak sekolah mengatasi masalah ponteng sekolah. Persatuan penduduk di sesebuah taman perumahan hendaklah menganjurkan aktiviti yang melibatkan pelajar sekolah. Sebagai contoh, Program Pencegahan Denggi anjuran persatuan penduduk yang melibatkan Skuad Anti Denggi yang ditubuhkan di sekolah. Dengan cara ini pelajar akan berasa malu untuk melakukan perbuatan yang tidak baik seperti ponteng sekolah kerana wajah mereka dikenali oleh semua penduduk apatah lagi jika pelajar menetap di kawasan perumahan tersebut, maka penduduk pasti akan mengenali ibu bapa pelajar tersebut. Jelaslah bahawa dengan penglibatan masyarakat, gejala ponteng sekolah dapat diatasi dengan mudah.

Pada era “dotcom” ini, media sosial menjadi sebahagian daripada kehidupan remaja khususnya pelajar sekolah. Media sosial hendaklah digunakan sebagai medium untuk berhubung dengan pelajar seperti Whatsapp Berkumpulan untuk kelas masing-masing. Tujuannya adalah untuk membantu guru memantau pergerakan pelajar melalui rakan mereka. Oleh sebab itu, mereka tidak berani untuk melakukan tindakan memonteng kelas atau sekolah. Dengan cara ini, guru-guru lebih mudah untuk menghabiskan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas. Tegasnya, media sosial turut membantu guru-guru menyelesaikan masalah ponteng sekolah.

Kesimpulannya, gejala ponteng sekolah bukanlah isu baharu tetapi isu lama yang masih belum ketemu jalan penyelesaiannya disebabkan oleh sikap tunggu dan lihat yang akhirnya membawa padah. Jika tiada usaha untuk menyelesaikan masalah ini, pelbagai masalah akan timbul pada kemudian harinya yang akan merencatkan pembangunan insan yang direncanakan oleh pemimpin masa ini demi melahirkan pemimpin masa hadapan yang berdisiplin, berakhlak mulia, dan bersopan santun sebagai satu persediaan menjelang Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

7. IMPLIKASI DARIPADA AKTIVITI PONTENG SEKOLAH.

Sedasawarsa ini, masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar semakin menjadi-jadi. Malah kelibat pelajar beruniform melepak sambil menghisap rokok bersama-sama rakan bagai tiada kesalahan atau dosa yang dilakukan oleh mereka. Jika masalah ponteng sekolah dibiarkan tanpa sebarang usaha daripada semua pihak untuk menanganinya, kita kawatiri masalah ini akan menjadi duri dalam daging kepada masyarakat sehingga sukar untuk ditangani bagai retak menanti belah. Oleh itu kita perlu meneliti implikasi daripada aktiviti ponteng sekolah sebelum perkara yang lebih buruk berlaku. Persoalan yang masih berlegar-legar dalam horizon pemikiran kita ialah, apakah implikasi daripada aktiviti ponteng sekolah?

Implikasi buruk yang telah kita kenal pasti ialah pelajar akan mengalami kerugian masa dan tenaga. Mereka melepak di rumah kenalan sambil bermain permainan dalam talian sehingga habis waktu persekolahan. Akibatnya, mereka telah membuang tenaga dan masa belajar di sekolah dengan bermain permainan dalam talian. Hal ini menyebabkan mereka mengalami kerugian berganda kerana masa dan tenaga yang dibazirkan untuk melepak tidak akan dapat kembali semula. Oleh itu, pelajar perlulah menghargai masa kerana masa itu emas dan sesungguhnya peribahasa Arab ada menyebut 'masa itu ibarat sebilah pedang, jika kau tidak memotongnya, dia akan memotongmu'.

Selain itu, sikap masyarakat yang memandang serong terhadap pelajar yang ponteng sekolah juga merupakan implikasi buruk daripada masalah ponteng sekolah. Apabila masyarakat melihat aktiviti ponteng sekolah, mereka akan menjadikan isu ini sebagai satu polemik dalam masyarakat malah turut menjadikan bahan tular dalam media sosial. Keadaan ini menyebabkan berlaku tanggapan buruk kepada pelajar tersebut lalu mengeruhkan lagi keadaan apabila masyarakat turut mengecam ibu bapa pelajar tersebut yang dianggap tidak pandai menjaga anak seperti ibu ketam mengajar anaknya berjalan lurus. Tegasnya kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak pasti ibu bapa menerima akibatnya.

Dari sudut lain pula, pihak pentadbir sekolah turut menerima implikasi daripada tindakan pelajar yang ponteng sekolah. Pihak sekolah akan menghadapi masalah dengan ibu bapa yang tidak berpuas hati dengan tindakan pihak sekolah yang mengenakan tindakan tatatertib terhadap anak mereka. Namun pihak pentadbir sekolah bertindak bijak seperti menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak. Mereka berjaya menyelesaikan masalah tersebut dengan baik malah ibu bapa dan pelajar turut memohon maaf atas keterlanjuran mereka kerana terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya. Maka, pihak sekolah hendaklah tegas dalam menangani kes ponteng sekolah.

Gejala ponteng sekolah juga memberi impak negatif kepada guru mata pelajaran. Mereka berasa sedih setiap kali melangkah masuk ke dalam bilik darjah lalu melihat banyak kerusi kosong yang tidak diduduki pelajar. Keadaan ini menyebabkan guru berasa sedih seolah-olah pelajar tidak meminati subjek dan cara pengajarannya. Malah ketidakhadiran pelajar turut menjejaskan rekod kedatangan dan mata pelajaran. Keadaan ini akan memberi penilaian buruk kepada guru mata pelajaran. Oleh itu, guru-guru perlu tabah menghadapi dugaan dalam menyampaikan ilmu kerana sesungguhnya guru itu ibarat pelita yang menjadi penyuluh hidup. Tegasnya, sikap pelajar yang ponteng sekolah tidak harus menjadi bebanan kepada guru.

Kesimpulannya, aktiviti ponteng sekolah bukanlah hanya satu masalah disiplin sahaja tetapi menjadi faktor yang akan menggalakkan pelbagai aktiviti tidak sihat berlaku. Jika masalah ponteng sekolah tidak dapat diatasi dengan segera, maka masalah ini akan menjadi beban kepada sekolah dan warganya serta merencatkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Oleh itu, kita hendaklah membantu sekolah menyelesaikan masalah yang masih belum ketemu titik penyelesaian demi menjadikan institusi pendidikan negara sebagai wadah pembinaan insan kamil.

8. PUNCA-PUNCA BERLAKUNYA PONTENG SEKOLAH

Sedasawarsa ini, masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar semakin menjadi-jadi. Malah kelibat pelajar beruniform melepak sambil menghisap rokok bersama-sama rakan bagai tiada kesalahan atau dosa yang dilakukan oleh mereka. Jika masalah ponteng sekolah dibiarkan tanpa sebarang usaha daripada semua pihak untuk menanganinya, kita khuatiri masalah ini akan menjadi duri dalam daging kepada masyarakat sehingga sukar untuk ditangani bagai retak menanti belah. Oleh itu kita perlu meneliti punca berlakunya ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah.

Faktor yang signifikan dalam isu ini ialah pelajar tidak meminati pembelajaran di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana sukatan pelajaran yang memerlukan pelajar mengingati maklumat seperti mata pelajaran sejarah, sains, geografi dan sebagainya. Tambahan pula, mata pelajaran tersebut sukar untuk difahami pelajar lalu menimbulkan kebosanan untuk belajar sehingga mereka sanggup ponteng sekolah. Mereka tidak mahu berusaha untuk memahami pelajaran walaupun belakang parang kalau diasah lagikan tajam, inikan pula akal manusia. Oleh itu, sikap pelajar yang mudah putus asa dan tidak mahu berusaha untuk berjaya menjadi punca mereka ponteng sekolah.

Dari sudut yang lain pula, pelajar ponteng sekolah adalah kerana kurang perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa. Hal ini disebabkan oleh kesibukan ibu bapa bekerja untuk mencari rezeki. Tanggungjawab menjaga anak diserahkan kepada pengasuh atau orang gaji di rumah. Akibatnya, anak-anak kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa. Keadaan ini menyebabkan anak-anak memberontak lalu melakukan tindakan melampau sehingga mereka sanggup ponteng sekolah dan melepak bersama rakan-rakan sebaya yang tidak bersekolah. Oleh itu, ibu bapa perlu memberi kasih sayang yang sempurna kepada anak-anak bagai menatang minyak yang penuh agar mereka ketahui kasih sayang ibu bapa mereka.

Punca seterusnya memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi pelajar untuk ponteng sekolah ialah pengaruh rakan sebaya. Hubungan persahabatan mereka terlalu rapat bagai isi dengan kuku, malah mereka saling berkongsi masalah dan membantu sesama mereka. Keadaan ini menyebabkan pelajar lebih mempercayai rakan mereka daripada kata-kata ibu bapa atau guru. Mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja atas dasar kawan sejati. Akibatnya, mereka sanggup ponteng sekolah kerana terpengaruh oleh ajakan rakan 'sejati' mereka. Tegasnya, sikap pelajar yang mudah terpengaruh oleh rakan sebaya menjadi faktor masalah ini berlaku.

Masalah ekonomi dan kemiskinan hidup yang dihadapi oleh sesebuah keluarga menyebabkan anak-anak berasa malu untuk hadir ke sekolah. Mereka berasa malu dengan keadaan pakaian dan kasut sekolah yang tidak sesempurna rakan-rakan lain. Keadaan ini menyebabkan mereka mengasingkan diri mereka daripada rakan-rakan. Akibat daripada tekanan ekonomi ini, mereka ponteng sekolah lalu terlibat dalam aktiviti tidak sihat. Malah ada antara mereka yang ponteng sekolah kerana melakukan kerja sambilan bagi membantu ibu bapa dan adik-adik yang masih kecil lagi. Tidak dinafikan bahawa masalah kemiskinan menjadi faktor penghalang seseorang pelajar untuk pergi ke sekolah.

Kesimpulannya, gejala ponteng sekolah bukanlah isu baharu tetapi isu lama yang masih belum ketemu jalan penyelesaiannya disebabkan oleh sikap tunggu dan lihat yang akhirnya membawa padah. Jika tiada usaha untuk menyelesaikan masalah ini, pelbagai masalah akan timbul pada kemudian hari yang akan merencatkan pembangunan insan yang direncanakan oleh pemimpin masa ini demi melahirkan pemimpin masa hadapan yang berdisiplin, berakhlak mulia, dan bersopan santun sebagai satu persediaan menjelang Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

9. PUNCA TEKANAN PERASAAN

Dalam era pasca-2020 yang penuh cabaran lantaran pandemik COVID-19 yang melanda negara, banyak orang yang terkesan dengan cabaran yang tidak terduga ini. Terdapat golongan yang kehilangan punca pendapatan, kehilangan orang tersayang akibat jangkitan penyakit COVID-19 dan tidak kurang pula yang menghadapi masalah tekanan akibat tidak boleh bergerak ke mana-mana tanpa tujuan lantaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh itu, kita hendaklah mengkaji setiap faktor yang menyebabkan masalah tekanan ini berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya remaja yang masih bersekolah. Persoalannya ialah, apakah punca tekanan berlaku pada seseorang remaja ?

Punca seseorang remaja mengalami tekanan adalah disebabkan oleh kekuatan dalaman dan benteng keimanan yang lemah. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka terlalu mengikut perasaan seperti peribahasa ada menyebut ikut rasa binasa, ikut nafsu lesu, ikut hati mati. Sebagai contoh, seseorang remaja berasa sedih atas kegagalannya dalam peperiksaan. Keadaan ini menyebabkan dia kemurungan lalu menyendiri di dalam bilik tanpa mahu berbual-bual dengan ibu bapa atau ahli keluarga. Oleh itu, tekanan berpunca daripada kelemahan iman seseorang kerana sesungguhnya kesabaran itu sebahagian daripada iman.

Tekanan juga berpunca daripada pertengkaran antara ibu dan bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menghadapi masalah kewangan yang meruncing. Apatah lagi jika pergaduhan ibu bapa turut dikaitkan dengan hubungan terlarang ibu atau bapa dengan orang ketiga. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya perceraian. Akibatnya, anak-anak tidak dapat menghadapi masalah keretakan rumah tangga ibu bapa mereka bagai retak menanti belah. Oleh itu, anak-anak akan memendam perasaan lalu mengalami tekanan jiwa sehingga sampai satu tahap tekanan ini memberi impak negatif pada remaja.

Selain masalah rumah tangga menjadi punca tekanan pada remaja, kegiatan buli di sekolah turut menjadi faktor remaja mengalami tekanan. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak yang menjadi mangsa buli di sekolah akan memendamkan perasaan lalu jiwa remaja tertekan disebabkan terlalu marah atas perbuatan buli terhadap dirinya, namun dia tidak mampu untuk membalas atau mempertahankan dirinya. Oleh itu, remaja perlu berani menghadapi kegiatan buli daripada pembuli di sekolah dengan membuat aduan kepada guru atau pentadbir sekolah.

Punca terakhir yang menyebabkan tekanan pada diri remaja adalah disebabkan aktiviti persekolahan dan pembelajaran. Lazimnya bagi kelas yang akan menduduki peperiksaan penting seperti PT3 dan SPM, guru-guru akan memberikan tugas yang banyak. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mendapat rehat yang cukup. Ibu bapa pula akan memaksa anak-anak untuk menghadiri kelas tuisyen. Akibatnya, anak-anak tiada masa rehat yang cukup lalu mereka menghadapi tekanan akibat desakan ibu bapa yang keterlaluan. Oleh itu ibu bapa hendaklah memastikan anak-anak mendapat tidur yang cukup, makanan yang seimbang dan kesihatan yang baik untuk memastikan mereka bersedia menghadapi peperiksaan.

Kesimpulannya, tekanan hendaklah diurus dengan cara yang betul agar tekanan tersebut menjadi pembakar semangat untuk memajukan diri pelajar. Oleh itu, pihak sekolah terutamanya Unit Bimbingan dan Kaunseling hendaklah memastikan pelajar dapat mengurus tekanan yang dihadapi oleh mereka dengan bijak bagai menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak agar mereka terus dapat mencapai kejayaan demi kejayaan untuk kecemerlangan masa hadapan.

10. LANGKAH-LANGKAH MENGATASI STRES

Bumi mana tidak ditimpa hujan merupakan peribahasa yang menjelaskan bahawa setiap orang menghadapi masalah dan mengalami tekanan dalam hidup mereka. Secara umumnya, tekanan ialah suatu perasaan resah dan gelisah akibat sesuatu masalah yang dihadapi. Tekanan yang dihadapi boleh menjadi pembakar semangat untuk berjaya dalam kehidupan dan boleh juga menjadi pemusnah diri lalu membawa kesengsaraan dalam kehidupan. Peribahasa Melayu turut menyatakan berakit-rakit ke hulu berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian. Oleh itu, kita harus bijak mengurus tekanan yang dihadapi. Persoalannya, apakah langkah bestari dalam mengatasi masalah tekanan dalam hidup?

Langkah awal yang boleh dilakukan adalah dengan melakukan aktiviti riadah. Aktiviti riadah seperti berbasikal, bersenam, bermain badminton dan bermain bola sepak merupakan aktiviti yang boleh mengeluarkan peluh. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti riadah ini mampu menghilangkan tekanan perasaan atau bebanan fikiran disebabkan oleh beberapa masalah yang dihadapi oleh seseorang. Dengan cara ini, kita dapat melegakan perasaan dan menenangkan fikiran setelah penat beriadah dan kita akan dapat berfikir dengan lebih baik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh itu, kita hendaklah melakukan aktiviti riadah agar dapat menghilangkan tekanan akibat daripada kepenatan bekerja dan belajar. Tegasnya, aktiviti riadah mampu menghilangkan tekanan yang dialami seseorang.

Selain itu, penjagaan kesihatan mental juga boleh menghilangkan tekanan. Salah satu cara menjaga kesihatan mental adalah dengan berfikiran positif. Kita hendaklah sentiasa menerima kritikan dan pandangan negatif secara positif seperti peribahasa yang menyebut tidak hidup dengan pujian tidak mati dengan kejian. Hal ini menyebabkan kita sentiasa sabar dan tabah menghadapi cabaran dalam kehidupan. Oleh itu, kita hendaklah berfikiran positif agar dapat menjamin kesihatan kerana sesungguhnya mencegah itu lebih baik daripada merawat.

Di samping itu, masalah tekanan juga dapat diatasi dengan melakukan ibadah sebagai terapi untuk mengurangkan tekanan. Hal ini dikatakan demikian kerana ibadah dapat merapatkan diri kita kepada Yang Maha Pencipta. Dengan menunaikan solat sekurang-kurangnya lima kali sehari, kita dapat mencegah diri kita daripada melakukan perkara yang melanggar hukum agama kerana sesungguhnya solat itu mencegah kemungkaran. Secara tidak langsung, kita dapat meningkatkan keyakinan dan menguatkan keimanan kepada Tuhan. Tegasnya, agama dapat memberi ketenangan kepada seseorang yang menghadapi tekanan dalam hidup.

Langkah terakhir yang boleh diambil bagi menghilangkan tekanan adalah dengan melancong ke destinasi pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila melancong kita dapat melihat suasana indah dan cantik di destinasi pelancongan. Sebagai satu tamsilan, apabila kita melancong ke tepi pantai seperti Pantai Teluk Cempedak, kita dapat melihat pemandangan indah pada waktu matahari terbenam di tepi pantai. Hal ini akan memberi ketenangan kepada seseorang yang sedang menghadapi masalah. Oleh itu, melancong menjadi langkah terbaik dalam menyelesaikan masalah atau tekanan yang dihadapi. Jelaslah bahawa aktiviti pelancongan akan dapat menenangkan fikiran.

Sebagai satu kesimpulan, tekanan yang dihadapi oleh seseorang boleh menjadi sumber motivasi kepada dirinya malah menjadi pembakar semangat kepada orang lain. Jika masalah tekanan ini tidak diambil perhatian, maka seseorang itu akan terjerumus dalam gejala sosial malah kemungkinan akan mengambil tindakan di luar batas norma kehidupan. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu, bekerjasama dan bertoleransi dalam semua aspek kehidupan bagai aur dengan tebing agar kita dapat melahirkan generasi yang mampu mengurus tekanan yang dihadapi pada masa akan datang .

11. IMPLIKASI TEKANAN TERHADAP SESEORANG TERUTAMANYA REMAJA.

Dalam era pasca-2020 yang penuh cabaran lantaran pandemik COVID-19 yang melanda negara, banyak orang yang terkesan dengan cabaran yang tidak terduga ini. Ada antaranya yang kehilangan punca pendapatan, kehilangan orang tersayang akibat jangkitan penyakit COVID-19 dan tidak kurang pula yang menghadapi masalah tekanan akibat tidak boleh bergerak ke mana-mana tanpa tujuan lantaran Perintah Kawalan Pergerakan(PKP). Keadaan ini telah memberi pelbagai implikasi sama ada baik atau pun buruk kepada seseorang. Oleh itu, kita hendaklah mengkaji implikasi yang dihadapi oleh seseorang. Persoalannya ialah apakah implikasi yang dihadapi oleh seorang yang mengalami tekanan?

Antara implikasi yang signifikan dalam isu ini ialah tekanan dapat menjadi pendorong atau pembakar semangat kepada seseorang untuk mencapai matlamat atau impian. Keadaan tertekan ini akan menyebabkan dirinya sentiasa berfikir dan merancang sesuatu demi mencapai matlamatnya. Sebagai contoh, seorang pemain bola sepak akan melakukan sepakan sudut lebih daripada 100 kali dan pemain tersebut tidak akan berhenti sehingga dia memperoleh tendangan yang tepat. Secara tidak langsung pemain tersebut akan mendapat bentuk tendangan yang tepat sekaligus us meningkatkan keyakinan dan keberaniannya. Jelaslah bahawa tekanan mampu menjadi pendorong kejayaan.

Dari sudut yang sama, tekanan akan dapat mendewasakan diri seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana tekanan akan menyebabkan seseorang remaja itu menjadi matang dan mampu berfikir di luar kotak. Malah remaja belasan tahun yang diibarat umur setahun jagung darah setampok pinang menghadapi tekanan hidup akibat ekonomi akan lebih kreatif berfikir untuk mencari wang bagi menampung keperluan hidupnya. Secara tidak langsung, remaja yang menghadapi tekanan akan lebih matang berfikir, bertindak dan mempunyai jaringan sosial yang luas berbanding remaja lain yang masih khayal dan leka dalam permainan dalam talian. Tegasnya, tekanan dapat mengubah pemikiran menjadi matang.

Tidak dinafikan juga bahawa tekanan turut memberi kesan negatif dalam diri seseorang. Mereka yang menghadapi tekanan akan menghadapi gangguan emosi yang berat sehingga mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja demi melepaskan amarah yang terbuku dalam hati seperti lembu naik minyak. Mereka akan marah sesuka hati, menjerit dengan kuat, menangis di khalayak ramai dan ketawa sendirian. Secara tidak langsung, mereka yang menghadapi tekanan perlu mendapatkan perhatian doktor psikologi dan diberi ubat penenang. Oleh itu, ahli keluarga perlulah memantau keadaan mereka yang menghadapi tekanan

Apabila menghadapi tekanan yang keterlaluan, seseorang itu akan mengalami perasaan gementar yang menyebabkan kadar denyutan jantung menjadi cepat dan menyebabkan tekanan darah turut meningkat. Keadaan ini akan menyebabkan kadar perpeluhan turut meningkat disebabkan ketegangan otot. Keadaan ini kemungkinan boleh menyebabkan orang yang sedang menghadapi tekanan diserang penyakit jantung, tekanan darah tinggi dan lumpuh. Oleh sebab itu, mereka yang sedang menghadapi tekanan disarankan agar tidak melakukan kerja-kerja berat yang boleh menyebabkan tekanan pada fikiran dan fizikal kerana sesungguhnya, mencegah itu lebih baik daripada merawat. Jelaslah bahawa tekanan mampu menyebabkan kesihatan terganggu.

Kesimpulannya, setiap penyakit ada ubatnya, setiap masalah akan ada jalan penyelesaiannya. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama bagai aur dengan tebing dalam isu kemasyarakatan ini agar kita tidak dipersalahkan oleh generasi akan datang kerana mewariskan penyakit masyarakat kepada mereka sebagai satu legasi yang akan menjadikan masyarakat pada masa hadapan masyarakat yang hidup dalam tekanan.

12. PERANAN WARGA EMAS DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

“Tua-tua kelapa, makin tua makin berminyak”, peribahasa ini menggambarkan golongan tua atau dikenali sebagai warga emas lebih banyak pengetahuan. Malangnya, apabila usia mencecah enam puluh tahun, anak-anak akan menyuruh ibu bapa mereka berehat dan berhenti melakukan sebarang aktiviti yang menjadi rutin kehidupan mereka. Keadaan ini menyebabkan warga emas berasa tidak selesa apabila tidak melakukan sebarang pekerjaan sedangkan mereka telah menghabiskan separuh daripada kehidupan dengan bekerja. Oleh itu warga emas masih berperanan dalam pembangunan negara kerana tiada yang tua tiada yang muda. Persoalan yang menjadi topik perbincangan hangat ialah, apakah peranan warga emas dalam pembangunan negara?

Dari perspektif pertama, warga emas lebih awal makan garam dulu daripada orang muda yang hanya diibarat umur setahun jagung darah setampuk pinang. Warga emas memiliki pengalaman luas dalam pelbagai aspek sama ada dari segi hubungan sosial, ekonomi, politik, dan pengurusan kerja serta alam rumah tangga. Keadaan ini menyebabkan golongan muda akan menjadikan warga emas sebagai rujukan mereka dalam pelbagai urusan. Misalannya, apabila anak-anak ingin memohon belajar di universiti, mereka akan bertanya kepada ibu bapa yang pernah belajar di universiti. Secara tidak langsung, anak-anak lebih menghargai perkongsian ilmu, nasihat dan pengalaman ibu bapa mereka kerana ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Dari sudut yang lain pula, kepakaran warga emas amat ditagih dalam menguruskan sesebuah organisasi atau pentadbiran. Sebagai contoh yang jelas lagi nyata ialah mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah mencapai usia 95 tahun namun masih memimpin tampuk pemerintahan negara. Malah beliau disegani oleh pemimpin di seluruh dunia kerana pendirian beliau yang tegas dalam membuat keputusan. Hal ini menyebabkan anak muda hari ini mengagumi dan menghormati tokoh pemimpin negara yang masih mampu menyumbang bakti kepada negara kerana belayar bernakhoda, berjalan dengan yang tua. Jelaslah bahawa warga emas masih lagi relevan dalam pembangunan negara.

Di samping kepakaran warga emas dalam kepimpinan, warga emas juga berperanan dalam pembangunan negara melalui sumbangan tenaga mengikut kepakaran dan kemahiran mereka. Sebagai contoh, seorang guru yang sudah bersara boleh mengajar kelas tambahan atau tuisyen kepada pelajar di kawasan kejiranan. Malah bekas guru agama turut boleh mengajar bacaan al-Quran kepada semua jiran tetangga. Keadaan ini menunjukkan bahawa makin tua kelapa makin berminyak yang membawa maksud orang yang semakin tua semakin luas pengetahuannya. Secara tidak langsung warga emas akan sentiasa rasa dihargai dan diperlukan oleh masyarakat. Jelaslah bahawa warga emas mampu menyumbang pembangunan insan dan fizikal.

Dalam isu yang lain pula warga emas memberi sumbangan dalam pembangunan negara tanpa ada sebarang kepentingan peribadi. Mereka memberi sumbangan atas faktor cinta akan tanah air dan cinta akan kejayaan yang pernah dilakukan oleh mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka berpendapat sumbangan bakti ini memberi kepuasan kepada mereka tanpa memikirkan wang atau pendapatan yang diperoleh. Secara tuntasnya, sikap warga emas ini harus diikuti oleh orang muda agar mereka bekerja demi mencapai kejayaan diri bukan semata-mata wang dan kemewahan. Sesungguhnya lain padang lain belalang lain orang lain ragamnya.

Secara keseluruhannya, menjadi warga emas merupakan satu perjalanan yang pasti akan sampai ke destinasiya. Namun, kita harus bersiap sedia memilih sama ada untuk menjadi warga emas yang bahagia pada hujung hayat atau sebaliknya. Jika usaha ini tidak mendapat perhatian daripada daripada seluruh rakyat Malaysia, maka semua pihak mestilah bekerjasama

dengan kerajaan agar dapat merealisasikan hasrat setiap warga emas yang mampu membangunkan negara.

13. PUNCA UTAMA MASALAH PENGABAIAN WARGA EMAS.

Melupakan nenek moyang seperti sungai tiada sumber, pokok tiada akar merupakan sebahagian peribahasa Cina yang menggambarkan seseorang yang melupakan orang terdahulu seperti nenek moyang dan ibu bapa. Dalam konteks warga emas, mereka merupakan individu yang mencapai usia 60 tahun. Malangnya, kebanyakan daripada warga emas seperti rumput di tepi jalan, mereka seolah-olah tidak dihargai oleh anak dan cucu atas pengorbanan selama ini. Oleh itu, kita harus mendidik generasi muda cara menghargai warga emas. Persoalan yang berlegar-legar dalam horizon pemikiran kita ialah, apakah faktor yang menjadi punca utama masalah pengabaian warga emas?

Sebagai sebuah negara yang memertabatkan budaya ketimuran, masalah pengabaian warga emas tidak seharusnya berlaku kerana Malaysia mengamalkan budaya sopan santun, hormat-menghormati dan berkasih sayang antara muda dengan tua bak kata yang muda disayangi yang tua dihormati. Sebagai contoh, anak-anak berhijrah ke bandar untuk bekerja lalu meninggalkan ibu bapa atau nenek moyang di kampung tanpa sebarang berita tentang mereka di bandar. Keadaan ini disebabkan golongan muda terlalu sibuk mencari rezeki sehingga mereka lupa akan ibu bapa di kampung. Akibatnya, warga emas diabaikan oleh anak-anak sehingga mereka berasa kecewa bagai kaca jatuh ke batu kerana anak-anak telah mengores hati dan perasaan mereka.

Selain sikap anak muda yang mengabaikan warga emas, sikap ibu bapa yang mengabaikan ibu bapa mereka menjadi ikutan anak-anak ibarat bapa borek anak rintik. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila ibu bapa jarang membawa anak-anak pulang menziarahi datuk nenek di kampung menyebabkan anak-anak tidak berasa selesa patah lagi keadaan kampung yang serba kekurangan dan kepanasan menyebabkan mereka tidak mahu tinggal lama di sana. Keadaan ini menjadi faktor pengabaian warga emas sehingga tiada anak-anak yang menziarahi mereka lalu mereka tinggal atas belas ihsan jiran-jiran dan penduduk kampung yang prihatin terhadap nasib mereka. Jelas di sini ibu bapa seharusnya menjadi uswah hasanah kepada anak-anak mereka

Sikap masyarakat yang mengabaikan warga emas juga menjadi faktor pengabaian mereka. Lazimnya, dalam sesebuah kampung atau taman perumahan, banyak didiami oleh warga emas. Mereka kebanyakannya tinggal bersendirian bersama pasangan atau anak-anak. Malangnya, masyarakat sekitar tidak mengambil berat tentang warga emas sehingga mereka terabai dari segi kebajikan. Akibatnya, mereka tidak mendapat apa-apa bantuan daripada kerajaan seperti Bantuan Sara Hidup, bantuan Skim Mesra Usia Emas dan bantuan daripada pihak Zakat. Keadaan ini menyebabkan mereka berasa kecewa kerana disisihkan oleh masyarakat sehingga mereka ini ibarat melukut ditepi gantang, masuk tak lebih keluar tak kurang. Jelaslah bahawa sikap masyarakat turut menjadi punca warga emas terabai.

Faktor terakhir yang menjadi punca pengabaian warga emas ialah sikap warga emas itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana warga emas dibenci oleh anak dan cucu mereka. Malah tidak kurang juga masyarakat turut membenci warga emas akibat sikap mereka. Sebagai contoh, warga emas selalu tidak berpuas hati dengan layanan daripada anak dan cucu. Akibatnya, mereka diabaikan oleh anak-anak lantaran daripada sikap mereka itu. Oleh itu, anak-anak haruslah bijak menyelesaikan masalah seperti menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak.

Secara keseluruhannya, lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang begitulah nasib yang dialami oleh warga emas yang semakin hari semakin diabaikan oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, kerajaan hendaklah membantu warga emas dengan menyediakan pelbagai kemudahan kepada mereka agar mereka terus dapat menikmati kemakmuran negara bersama dengan masyarakat kerana sesungguhnya tiada yang tua tiada yang muda. Maka hormatilah warga emas kerana mereka merupakan sebahagian daripada sejarah hidup kita.

14. CARA MENGHARGAI WARGA EMAS

Saban tahun pada 6 Oktober, kita meraikan sambutan Hari Warga Emas. Secara umumnya, warga emas ini ditakrifkan sebagai golongan yang telah mencapai usia 60 tahun. Kebanyakan daripada mereka masih sihat dan bertenaga walaupun ada sesetengahnya mempunyai penyakit kronik dan memerlukan bantuan daripada anak-anak atau cucu untuk menguruskan kehidupan. Malangnya, kebanyakan daripada warga emas seperti rumput di tepi jalan, mereka tidak dihargai oleh anak dan cucu atas pengorbanan selama ini. Oleh itu kita harus mendidik generasi muda cara menghargai warga emas.

Kelazimannya, anak-anak mestilah memikul tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa. Malangnya, ada anak-anak yang masih menyimpan dendam kesumat dalam hati mereka dengan ibu bapa dan adik-beradik sehingga tidak mahu menjaga ibu bapa yang sudah tua. Sebab itulah orang dahulu pernah berkata ibu seorang dapat menjaga sepuluh anak, anak yang sepuluh belum tentu dapat menjaga ibu seorang. Hal ini menyebabkan ibu bapa tidak betah duduk di rumah anak malah lebih suka duduk berdua atau sendirian di rumah mereka. Oleh itu, anak-anak hendaklah bijak mengambil hati ibu bapa ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak.

Selain peranan anak-anak, sekolah juga berperanan mendidik pelajar dengan menerapkan nilai menghargai warga emas atau orang tua melalui subjek-subjek tertentu seperti subjek Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Agama. Hal ini akan menyebabkan pelajar dapat mempelajari cara menghormati dan menghargai warga emas. Malah guru-guru boleh mengaturkan lawatan ke Rumah Orang Tua melalui aktiviti kokurikulum dengan mengadakan aktiviti pembersihan kawasan rumah orang-orang tua, dan aktiviti menyantuni warga emas. Dengan cara ini, pelajar akan menghargai warga emas. Secara tidak langsung, warga emas berpeluang melepaskan rindu kepada anak dan cucu apabila pelajar menyantuni mereka. Maka jelaslah bahawa guru memainkan peranan yang penting agar yang muda disayangi, yang tua dihormati.

Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul, begitulah berat tanggungjawab seorang anak menjaga ibu bapa. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab hendaklah menyediakan rumah orang tua bagi menempatkan golongan tua yang merempat di kaki lima atau menjadi gelandangan. Malah ada juga anak-anak yang menghantar ibu bapa mereka disebabkan masalah kesihatan yang tidak mampu diuruskan oleh anak-anak. Dengan cara ini ibu bapa yang berusia akan dapat bergaul dengan rakan-rakan sebaya dan seusia dengan mereka. Tegasnya, penyediaan rumah penyayang haruslah menjadi agenda kerajaan dalam belanjawan akan datang agar dapat membela nasib mereka.

Malah, cara terakhir yang difikirkan wajar adalah dengan menghargai hari istimewa mereka. Sebagai satu contoh, anak-anak boleh mengadakan sambutan hari ulang tahun kelahiran ibu bapa dan sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa yang sudah uzur akan lupa hari-hari tersebut disebabkan faktor usia, akan berasa bahawa diri mereka masih dihargai oleh anak dan cucu mereka. Apatah lagi sambutan hari istimewa ini akan menyebabkan ibu bapa terkenang akan kisah silam mereka. Secara tidak langsung dapat memberi kekuatan dalaman dan semangat untuk hidup demi orang tersayang.

Secara keseluruhannya, peribahasa Cina ada menyebut melupakan nenek moyang seperti sungai tanpa sumber, pokok tanpa akar. Maka kita haruslah menghargai orang tua kerana usia emas yang dicapai oleh mereka merupakan penanda aras kepada kita sama ada kita mampu capai usia tersebut atau tidak. Oleh itu, remaja di Malaysia haruslah dididik agar menghargai warga emas, jika tidak kita pula yang akan menghadapinya nanti ibarat meludah ke langit jatuh ke muka sendiri. Justeru sebelum nasi menjadi bubur, maka kita hendaklah bersiap sedia dari segi agama, kewangan dan kebajikan demi masa depan sama ada di dunia atau di akhirat.

15. LANGKAH-LANGKAH YANG DAPAT DIAMBIL UNTUK MENGEKALKAN BANGUNAN BERSEJARAH.

Pada era “dotcom” pasca-2020, pembangunan fizikal menjadi penanda aras kemajuan sesebuah negara. Kegilaan membina bangunan tertinggi menjadi matlamat sesebuah negara agar nama negara gah di persada dunia. Namun, semua kegilaan tersebut telah menyebabkan bangunan bersejarah tersembunyi di sebalik bangunan yang gah. Oleh itu, kerajaan telah mengorak langkah untuk mengekalkan bangunan bersejarah ini demi memastikan bangunan tersebut dapat dilihat oleh generasi akan datang. Persoalan yang bermain di benak fikiran dan di dalam hati ini ialah apakah langkah yang dapat diambil untuk mengekalkan bangunan bersejarah tersebut?

Langkah awal yang telah diambil oleh kerajaan adalah dengan mewartakan bangunan bersejarah sebagai satu warisan negara yang perlu dipelihara. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan bangunan bersejarah tidak diurus dengan baik lalu menyebabkan bangunan bersejarah mengalami kerosakan teruk dan sukar dibaiki. Hanya beberapa bangunan sahaja yang mendapat perhatian kerajaan seperti bangunan Sultan Abdul Samad. Keadaan ini menyebabkan bangunan bersejarah yang berada di kawasan pedalaman telah mengalami kerosakan yang semakin sukar untuk dipulihara. Oleh itu, kerajaan hendaklah membuat pemantauan dan pemeriksaan berkala pada setiap bangunan bersejarah agar bangunan tersebut utuh dan teguh untuk tatapan generasi akan datang.

Langkah seterusnya yang wajar diberi perhatian oleh kerajaan adalah dengan memberi peruntukan khas bagi memelihara dan memulihara bangunan bersejarah. Sebagai contoh, kerajaan telah mengeluarkan peruntukan untuk membaik pulih bangunan bersejarah yang terdapat di seluruh negara. Malah kerajaan juga boleh menawarkan kerja-kerja baik pulih kepada syarikat korporat atau syarikat konglomerat yang sudi melakukan Tanggungjawab Sosial Korporat. Dengan cara ini kerajaan dapat menjimatkan wang seterusnya memberi tanggungjawab kepada pihak swasta membantu kerajaan mengekalkan bangunan bersejarah. Jelas menunjukkan bahawa bukan sahaja kerajaan malah pihak swasta turut bertanggungjawab dalam usaha murni ini.

Pada masa yang sama, kerja-kerja pengindahan kawasan persekitaran bangunan bersejarah akan menjadikan bangunan bersejarah lebih segar, ceria dan hidup. Malah penyediaan kemudahan asas di bangunan bersejarah akan memudahkan lagi pengunjung yang datang ke bangunan tersebut. Tindakan ini akan menyebabkan bangunan bersejarah sentiasa dikunjungi pelancong. Dengan cara itu, bangunan bersejarah tidaklah hanya menjadi bangunan yang sepi tanpa kunjungan pelancong. Secara tidak langsung, bangunan bersejarah akan mendapat perhatian daripada peminat sejarah negara. Tegasnya, pembaharuan dalam bangunan bersejarah akan dapat mengekalkan bangunan bersejarah.

Tidak dinafikan bahawa bangunan bersejarah dapat dikekalkan dengan penglibatan daripada semua agensi kerajaan terutama yang berkaitan dengan kerja penyelidikan dan pembangunan. Usaha ini dilihat dengan kerjasama daripada Jabatan Arkitek Malaysia dan Jabatan Kerja Raya yang sentiasa memantau usaha-usaha mengekalkan bangunan bersejarah. Hal ini bertujuan agar bangunan bersejarah sentiasa dipelihara dan dipulihara demi mengekalkan bangunan bersejarah. Bukan itu sahaja, kerjasama erat antara universiti yang menjalankan penyelidikan dan kajian akan dapat mendokumentasikan semua maklumat bangunan bersejarah sebagai sebuah dokumen rasmi yang akan menjadi rujukan kepada ahli sejarah. Secara tidak langsung usaha ini akan dapat menjadi bukti tentang sejarah negara.

Secara intinya, kewujudan bangunan bersejarah menjadi satu monumen yang dapat menjadi bukti kepada generasi masa ini tentang sejarah masa lalu. Oleh itu, kerajaan hendaklah terus memastikan bangunan bersejarah terus kekal menjadi bukti yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia sebagai sebuah monumen agung yang melambangkan identiti negara.

16. KEBAIKAN AMALAN RUMAH TERBUKA

Majlis rumah terbuka begitu sinonim dengan budaya di Malaysia tanpa mengira budaya dan bangsa. Masyarakat Malaysia menyambut perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Tahun Baharu Cina dan Hari Natal dengan hati terbuka seperti peribahasa yang menyebut kecil tapak tangan nyiru ditadahkan. Oleh itu, kita perlu menelusuri setiap budaya bangsa dalam masyarakat di Malaysia agar dapat kita mencari kebaikan amalan rumah terbuka. Persoalan yang bermain-main dalam gawang minda kita ialah, apakah kebaikan amalan rumah terbuka?

Mengeratkan perpaduan kaum merupakan salah satu inti pati utama faedah amalan rumah terbuka dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Amalan ini telah lama dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat majmuk Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa. Malah amalan ini sentiasa dinanti-nantikan oleh semua kaum setiap kali perayaan muncul. Maka amalan ini menjadi agen perpaduan kerana apabila suatu perayaan disambut, setiap bangsa dan kaum akan saling mengunjungi rumah terbuka rakan-rakan yang berlainan bangsa dan agama. Perkara ini jelas menjadi cerminan masyarakat agar mereka menjadikannya sebagai contoh ikutan kerana yang baik dijadikan teladan yang buruk dijadikan sempadan. Tegasnya amalan rumah terbuka menjadi agen penyatuan kaum di Malaysia.

Dari sudut yang berbeza pula, amalan rumah terbuka dapat menjadi panduan atau rujukan kepada masyarakat untuk memahami budaya sesuatu kaum itu kerana tak kenal maka tak cinta. Mereka yang berkunjung ke rumah terbuka dapat melihat sendiri keunikan budaya bangsa yang diterjemah dalam bentuk pakaian, juadah makanan dan muzik yang melatari majlis tersebut. Sebagai contoh, apabila mengunjungi majlis rumah terbuka Aidilfitri, kita akan dapat melihat pakaian tradisional kaum Melayu seperti Baju Kurung dan Baju Melayu cekak Musang dipakai oleh kaum lelaki dan perempuan Melayu. Malah kita juga dapat menikmati juadah tradisional kaum Melayu seperti lemang, ketupat nasi, ketupat pulut, rendang dan serondeng. Jelas lagi nyata bahawa majlis rumah terbuka menjadi rujukan kepada bangsa lain tentang keunikan sesuatu bangsa.

Dari kaca mata yang berbeza, penganjuran rumah terbuka di peringkat kebangsaan dapat menjadi daya tarikan pelancong ke Malaysia. Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah menjadikan Majlis Rumah Terbuka sebagai satu produk dalam kalendar pelancongan yang perlu dikunjungi oleh pelancong agar mereka dapat merasai sendiri keunikan majlis rumah terbuka di Malaysia. Antara majlis rumah terbuka yang paling dinanti-nantikan oleh pelancong asing ialah Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Pesta Keamatan, Hari Gawai dan Hari Natal. Pengalaman yang dirasai oleh pelancong asing ini akan meniti dari bibir ke bibir mereka apabila pulang ke negara asal. Secara tidak langsung, nama Malaysia akan terkenal di persada dunia.

Dari neraca kekeluargaan dan masyarakat pula, amalan rumah terbuka akan merapatkan hubungan yang jauh seperti peribahasa menyebut yang jauh didekatkan yang dekat dirapatkan. Sebagai satu tamsilan, ahli keluarga yang jauh akan datang mengunjungi rumah terbuka dan menjadikannya sebagai titik pertemuan semua ahli keluarga dan keturunan. Kunjungan ke rumah terbuka akan menyebabkan anak-anak dapat mengenali saudara mara yang jauh seterusnya merapatkan hubungan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kesibukan belajar atau bekerja menyebabkan hubungan kekeluargaan menjadi renggang apatah lagi jika ada perselisihan faham, maka rumah terbuka menjadi medan pertemuan untuk bermaaf-maafan.

Setelah kita meneliti setiap manfaat yang terungkap dalam setiap perenggan, maka perkara yang kabur semakin jelas, perkara yang sangsi semakin pasti bahawa sesungguhnya amalan rumah terbuka telah banyak memberi faedah kepada masyarakat dan negara. Oleh itu konsep rumah terbuka ini perlu dijadikan satu kelaziman agar matlamat sebenar akan tercapai.

Jika amalan ini terus menjadi agenda perpaduan negara, sudah pasti rakyat bersedia menerima Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

17. KEPENTINGAN SUNGAI KEPADA MANUSIA

'Enam kali sungai Selangor tercemar' merupakan antara tajuk akhbar yang mengejutkan seluruh penduduk negeri Selangor pada tahun 2020. Pencemaran sungai ini dikatakan berpunca daripada pengusaha-pengusaha kilang yang membuang sisa industri ke dalam sungai berdekatan kilang. Keadaan ini menyebabkan bekalan air ke kawasan perumahan dan industri terpaksa dihentikan untuk kerja-kerja pembersihan loji. Oleh itu, kerajaan perlu bertindak tegas dalam membanteras jenayah alam sekitar ini demi menjamin kepentingan air kepada pengguna khususnya penduduk negeri Selangor. Persoalan yang masih menjadi tanda tanya dalam fikiran ialah, apakah kepentingan sungai kepada kita?

Sejak zaman dahulu lagi, sungai merupakan perkara utama dalam kehidupan kita. Air sungai merupakan sumber bekalan air utama kepada manusia dan haiwan. Manusia menjadikan air sungai sebagai sumber bekalan minuman dan keperluan harian. Sebagai contoh, manusia menggunakan air untuk mencuci pakaian, membersihkan diri, membersihkan kawasan rumah dan pelbagai lagi penggunaan air dalam kehidupan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana air sungai sangat penting kepada manusia. Secara tidak langsung, air sungai dapat memastikan manusia berada dalam keadaan bersih dan terhindar daripada sebarang kotoran yang boleh menyebabkan serangan penyakit. Jelaslah bahawa air sangat penting dalam keperluan asasi manusia.

Selain kepentingan tersebut, air sungai juga menjadi sumber makanan dan punca pendapatan kepada manusia. Mereka yang tinggal berdekatan sungai akan mencari sumber makanan dengan menangkap ikan menggunakan pelbagai cara seperti menjala dan memancing ikan. Malah manusia juga menjadikan sungai sebagai sumber pendapatan. Mereka akan menjual hasil tangkapan kerana harga ikan sungai amat mahal berbanding ikan laut. Antara ikan sungai yang menjadi buruan ialah ikan kelah, ikan sebarau, ikan krai, ikan patin, ikan baung, ikan ketutu dan ikan temoleh. Harga ikan tersebut mencecah ratusan hingga ribuan ringgit. Jelas menunjukkan bahawa sungai mampu menjana pendapatan kepada manusia.

Dari sudut yang berlainan pula, sungai turut mampu menjadi pusat rekreasi dan aktiviti pelancongan. Kewujudan pusat pelancongan di kawasan sungai seperti sungai Congkak di Hulu Langat Selangor telah menggamit ribuan pengunjung ke kawasan tersebut pada hari minggu. Mereka yang datang ke pusat rekreasi tersebut dapat menikmati keindahan alam sekitar sambil beriadah bersama dengan keluarga. Hal ini sekali gus dapat merapatkan hubungan kekeluargaan pengunjung di samping dapat merehatkan diri dan minda daripada memikirkan bebanan kerja. Secara tidak langsung aliran sungai akan memberi ketenangan kepada pengunjung. Jelaslah bahawa sungai memberi pelbagai manfaat kepada manusia.

Keputusan sungai yang terakhir ialah sungai sebagai medium pengangkutan. Sejak dahulu lagi, sungai telah menjadi sumber pengangkutan air. Bukan sahaja pengangkutan untuk membawa manusia dari satu tempat ke satu tempat yang lain tetapi sungai juga menjadi laluan penting dalam menjana ekonomi negara. Bot-bot kecil nelayan mencari rezeki di kawasan sungai dan kebanyakan daripada mereka merupakan nelayan kampung yang kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Secara tidak langsung sungai dapat berbakti kepada manusia dalam semua aspek demi kelangsungan manusia untuk hidup. Tegasnya sungai merupakan laluan dan lubuk mencari rezeki.

Sesungguhnya sungai merupakan anugerah yang amat besar kepada manusia dan haiwan serta alam sekitar. Jika sungai tidak dijaga dengan baik, maka kerosakan teruk akan dirasai sendiri oleh manusia kerana keadaan sungai di Malaysia bagai retak menanti belah dan pada bila-bila masa akan mengalami bencana yang besar. Oleh itu, semua pihak haruslah bergembleng tenaga, bersatu hati, melangkah bersama mencari kesepakatan dan titik penyelesaian bagi memastikan sungai terus dipulihara dan dipelihara untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

18. LANGKAH MEMBANTU GOLONGAN KURANG UPAYA

Bulan Mei 2020 yang lalu menjadi tarikh keramat dalam Dewan Negara apabila Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi dilantik sebagai senator bagi mewakili golongan tersebut. Malah, penyanyi berbakat besar seperti Azmi Saat vokalis Caliph Buskers yang merupakan golongan kurang upaya juga menjadi ikon kepada golongan ini. Nasib mereka masih tiada yang membela malah semakin lama semakin terabai dalam masyarakat. Oleh itu, kita perlu meneliti setiap masalah yang dihadapi agar dapat mencari jalan keluar daripada kemelut yang sering melanda mereka. Persoalan yang sering menerjah kotak pemikiran kita ialah, apakah langkah bestari yang dapat membantu golongan kurang upaya?

Antara langkah awal yang perlu dilakukan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) ialah pihak berwajib menganjurkan Program Bina Semangat yang bertujuan untuk mengenal pasti potensi diri yang ada pada diri mereka walaupun dalam keadaan yang kurang sempurna sesuai dengan peribahasa yang menyebut hanya jauhari yang mengenal manikam. Tindakan ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai lagi golongan OKU yang cerdik pandai dalam bidang akademik dan golongan OKU yang berbakat dalam bidang sukan kerana mereka juga seperti sebutir permata yang belum digilap. Secara tidak langsung keprihatinan kerajaan dalam memberi mereka ruang dan peluang akan memberi keyakinan kepada untuk berdikari seperti orang normal.

Dari sudut yang lain pula, kerajaan hendaklah menyediakan kemudahan khusus kepada golongan kurang upaya. Hal ini bertujuan agar dapat mereka berdikari tanpa perlu mendapatkan bantuan daripada orang lain apabila melakukan sebarang aktiviti atau pekerjaan. Sebagai contoh, pihak berkuasa tempatan hendaklah menyediakan persekitaran bebas halangan bagi golongan OKU agar mereka dapat bergerak dengan mudah. Malah kerajaan juga perlu memberi syarat khas kepada syarikat pembinaan agar setiap bangunan pejabat dan rumah kediaman yang hendak didirikan mestilah dilengkapi dengan kemudahan yang mesra golongan OKU. Oleh itu, kerajaan haruslah memastikan agar kemudahan tersebut sentiasa tersedia dan terjaga dengan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada.

Bukan itu sahaja, kerajaan dan sektor swasta perlu bersikap terbuka agar dapat menerima pekerja daripada golongan OKU. Tindakan mereka ini akan menggalakkan pengambilan pekerja daripada golongan OKU dalam semua sektor pekerjaan. Pada masa yang sama mereka hendaklah menjalani kursus latihan dengan diberi elaun belajar serta kemudahan asrama agar mereka dapat merasai dunia pekerjaan sebenar yang perlu ditempuhi oleh mereka kerana berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian. Dengan cara ini, golongan OKU dapat menjalani kehidupan bekerja dengan penuh yakin serta memiliki jati diri yang kuat.

Langkah terakhir yang perlu diberi perhatian ialah mengubah persepsi masyarakat terhadap golongan OKU. Walaupun kita berada pada alaf milinium, tanggapan masyarakat masih tidak berubah. Mereka masih menganggap golongan OKU sebagai golongan yang memerlukan bantuan dan sokongan daripada orang ramai. Keadaan ini menyebabkan masyarakat memandang sinis terhadap golongan ini yang sering dikaitkan dengan aktiviti mengutip derma dan menjual tisu. Masyarakat perlu menerima mereka dalam kelompok sosial dan bukan meminggirkan mereka serta ahli keluarga.

“Bukanku pinta lahir ke dunia, bukan kupinta cacat begini” merupakan sebaris lirik lagu yang mengungkapkan perasaan golongan OKU dan secara keseluruhannya, golongan OKU merupakan sebahagian daripada kelompok masyarakat yang perlu diberi layanan yang adil dan saksama agar mereka mampu duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan masyarakat lain agar dirasai kehadiran mereka dalam masyarakat supaya mereka tidak rasa terpinggir seperti melukut di tepi gantang, masuk tak lebih, keluar tak kurang. Dengan cara ini masyarakat OKU akan lebih dihargai oleh generasi masa kini sehingga ke akhir zaman.

19. MASALAH YANG DIHADAPI GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA

Pada alaf pasca-2020, golongan orang kurang upaya masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pelbagai pihak. Nasib mereka seperti rumput di tepi jalan yang tidak dipedulikan oleh sesiapa. Kemudahan awam yang tersedia untuk golongan orang kurang upaya hanya sekadar melepaskan batok di tangga. Nasib mereka masih tiada yang membela malah semakin lama semakin kurang mendapat perhatian dalam masyarakat. Oleh itu, kita perlu menelusuri setiap kekangan yang berlaku agar dapat kita cari penyelesaian yang jitu demi membela nasib mereka. Persoalan yang masih berlegar-legar dalam horizon pemikiran kita ialah, apakah cabaran yang dihadapi oleh golongan kurang upaya ini?

Kekangan utama yang dihadapi oleh golongan ini ialah sikap majikan di Malaysia yang masih memandang rendah terhadap golongan kurang upaya. Mereka beranggapan bahawa golongan ini tidak boleh berdikari dan memerlukan bantuan atau sokongan untuk menerima arahan dan melakukan pekerjaan. Sebagai contoh, bagi golongan yang kurang upaya penglihatan, pergerakan mereka agak terbatas lantaran keadaan mata mereka yang mengalami kecacatan. Keadaan ini menyebabkan sesetengah majikan tidak mengambil mereka bekerja disebabkan masalah penglihatan ini melambatkan proses dokumentasi. Secara tidak langsung mereka dianggap sebagai pekerja kelas ketiga dalam pasaran pekerjaan

Kekangan seterusnya ialah tanggapan masyarakat terhadap golongan ini. Masyarakat tempatan masih menganggap golongan kurang upaya sebagai golongan yang lemah dan menyusahkan masyarakat. Mereka juga dianggap sebagai golongan yang pincang dalam masyarakat sehingga mereka sukar diterima dalam masyarakat. Sebagai contoh, golongan cacat penglihatan yang meminta derma di kedai makan sentiasa dipandang hina dan dianggap mengganggu masyarakat. Akibatnya mereka berasa rendah diri apabila berada dalam kalangan masyarakat normal. Keadaan ini menyebabkan mereka meminggirkan diri mereka daripada khalayak ramai. Tegasnya, tanggapan negatif masyarakat telah membunuh semangat golongan OKU

Bukan itu sahaja, ahli keluarga golongan OKU bertindak terlalu mengawal mereka seolah-olah mereka tidak yakin bahawa golongan OKU mampu untuk berdikari atau bekerja apatah lagi berniaga. Ahli keluarga begitu khuatir jika majikan atau masyarakat umum tidak menerima golongan OKU seperti orang normal dan tidak diberi layanan istimewa kepada mereka. Sikap begini akan menyebabkan golongan OKU terasa dihina oleh ahli keluarga mereka sendiri bagai membuka pekung di dada. Bagi golongan OKU, mereka bukan mahu layanan istimewa tetapi layanan yang sama seperti orang normal dalam kehidupan mereka. Oleh itu, ahli keluarga golongan OKU perlu yakin dan percaya untuk memberi mereka peluang bekerja dan bergaul dalam masyarakat.

Tidak dinafikan kebanyakan maklumat tentang bantuan prihatin kerajaan kepada golongan OKU tidak diketahui oleh mereka atau ahli keluarga. Keadaan ini menyebabkan mereka tercicir daripada senarai penerima bantuan wajib daripada Jabatan Kebajikan Malaysia, Bantuan Zakat atau bantuan daripada mana-mana Badan Bukan Kerajaan. Malah ada sesetengah ibu bapa bertindak menyorokkan anak mereka yang kurang upaya daripada diketahui umum. Keadaan ini akan menyukarkan proses bantuan tersebut apabila nama mereka tercicir daripada bantuan kebajikan. Jelas sekali bahawa golongan OKU mestilah cakna dengan maklumat dan info yang berguna untuk mereka.

Kesimpulannya, masalah OKU mesti ditangani secara bersama-sama, bersepadu dan profesional daripada semua pihak. Masalah ini bukan hanya terletak pada bahu ibu bapa sahaja tetapi juga menjadi tanggungjawab bersama dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu kita hendaklah bekerjasama mencari titik persamaan antara golongan normal dengan golongan orang kurang upaya agar dapat menonjolkan satu identiti kesaksamaan demi membina negara untuk kemakmuran bersama.

20. FAKTOR PEMILIHAN KERJAYA BAGI SESEORANG REMAJA

Pada alaf pasca-2020 sektor pekerjaan semakin mencabar sementelah pula situasi sekarang ini banyak orang yang dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatannya, seseorang remaja haruslah lebih bijak dalam mengatur perjalanan kerjaya mereka. secara umumnya, kerjaya bermaksud pekerjaan untuk mencari nafkah hidup. Pada hari ini, pelajar seharusnya sudah menetapkan matlamat kerjaya mereka agar tidak tercari-cari atau terikut-ikut dengan matlamat orang lain. Oleh itu, remaja perlu mencari panduan dalam memilih kerjaya. Persoalannya ialah apakah faktor-faktor pemilihan kerjaya bagi seseorang remaja?

Antara faktor yang signifikan dalam perbincangan ini ialah minat dan kecenderungan remaja dalam sesuatu bidang. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua aspek ini mempengaruhi kerjaya seseorang remaja. Sebagai contoh, jika remaja meminati komputer dan teknologi, maka remaja mempunyai kecenderungan dalam bidang kursus sains komputer. Begitu juga bagi remaja yang suka membaiki mesin seperti enjin motosikal. Maka kecenderungannya ialah kursus teknikal. Dengan cara ini, remaja akan lebih fokus pada minat dan kecenderungannya dalam sesuatu bidang. Secara tidak langsung mereka akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita dan kerjaya mereka.

Selain itu, pelajar juga perlulah memilih jurusan yang berkaitan dengan kerjaya mereka. Lazimnya, apabila berada di alam persekolahan, pelajar akan dipecahkan mengikut jurusan sains atau sastera. Sebagai contoh, pelajar yang bercita-cita dalam bidang akaun memasuki jurusan sastera dan mengambil kelas akaun. Hal ini akan memudahkan pelajar apabila ingin memohon belajar di universiti dan seterusnya bekerja dalam bidang yang diminatinya. Secara tidak langsung, pelajar akan lebih fokus dalam mengejar cita-cita dan kerjaya mereka. Jelasnya, pemilihan jurusan dan mata pelajaran menjadi penentu dalam kerjaya seseroang.

Tidak dinafikan, pemilihan kerjaya juga berdasarkan pengaruh daripada idola atau tokoh dalam sesuatu bidang. Lazimnya, pelajar akan menjadikan ahli keluarga sebagai idola mereka. Mereka bercita-cita menjadi doktor kerana terpengaruh oleh kerjaya abang atau kakak yang menjadi doktor. Selain itu, pelajar juga terpengaruh oleh tokoh sukan negara seperti Datuk Lee Chong Wei. Hal ini menyebabkan pelajar akan bersungguh dalam kerjaya sukannya demi mencapai kejayaan yang pernah dikecapi oleh tokoh sukan negara. Secara tidak langsung, mereka memiliki keazaman yang tinggi untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya mereka. Tegasnya, dayung sudah ditangan, perahu sudah di air, remaja perlu mempunyai seorang idola untuk menghala ke arah pemilihan kerjaya.

Faktor pemilihan kerjaya terakhir ialah kerjaya idaman remaja mestilah mendapat sokongan daripada ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa lebih mengetahui sesuatu kerjaya itu sesuai atau tidak dengan perwatakan anak mereka. Walaupun kemungkinan berbeza pandangan, remaja seharusnya akur dengan nasihat dan teguran ibu bapa. Dengan cara ini kerjaya remaja akan diberkati dan mendapat sokongan serta doa daripada ibu bapa. Oleh itu remaja tidak seharusnya melupakan jasa ibu bapa yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada mereka. Tegasnya, ibu bapa menjadi panduan kerjaya anak-anak.

Secara keseluruhannya, remaja yang sedang mencari arah tuju kehidupan ini haruslah bijak menilai mana kaca mana permata agar tidak menjadi seperti batu yang bergolek tidak akan melekat lumut. Oleh itu, remaja perlulah bijak melakukan timbang tara agar dapat memastikan kerjaya yang dipohon memenuhi tuntutan dunia dan akhirat. Jika tidak remaja akan terjerumus dalam kerjaya yang membawa kebinasaan.



Official ACCA FIA partner launch program



TAYLOR'S
COLLEGE

Wisdom · Integrity · Excellence

YOUR **FASTEST** **PATHWAY** TO ACCA

1-year ACCA Foundation in Accountancy (ACCA FIA) (formerly known as CAT)

Want to kickstart a rewarding career
in finance and accountancy?

You can count on us to nurture you to not just graduate faster – but versatile and in demand.

- Harness over 50 years of academic experience & excellence
- Study with an ACCA Gold Approved Learning Partner
- Get equipped to build your intellect, practical wisdom & craft

Scholarships Available

with up to 100% Tuition Fee Waiver

**Terms apply*



Taylor's College Lakeside Campus

Block E, East Wing, No.1, Jalan Taylor's, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Website: college.taylors.edu.my

Taylor's Malaysia Sdn. Bhd. (682946-T)